

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2003	(Halaman 16)
USUL-USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 2003	(Halaman 16)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 66)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	kosong (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)

Yang Berhormat	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)

Yang Berhormat	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Bagi Parlimen**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****MESIN CETAK**Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor**JURUBAHASA SERENTAK**Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed**BENTARA MESYUARAT**Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 8 September 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang boleh dan akan diambil kepada parti-parti politik pembangkang yang menggelarkan diri mereka "Barisan Alternatif - BA" atau Parti KeADILan Rakyat (PKR) sedangkan mereka ini diketahui masih belum berdaftar secara sah dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading, kerajaan sentiasa berpegang teguh kepada Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan di mana rakyat mempunyai hak untuk berpersatuan. Sungguhpun begitu, mana-mana pihak yang berhasrat untuk menubuhkan persatuan, mestilah mematuhi peraturan atau undang-undang yang ada dan kerajaan tidak pernah berniat menekan pertubuhan-pertubuhan yang sentiasa mematuhi Perlembagaan dan undang-undang negara.

Berkenaan dengan Parti KeADILan Rakyat, permohonan untuk mewujudkan parti itu telah diterima oleh ROS iaitu Pendaftar Pertubuhan dan sedang diberi pertimbangan sewajarnya. Daripada siasatan awal yang dibuat, menunjukkan bahawa parti ini masih belum bergerak sebagai Parti KeADILan Rakyat. Dalam pada itu, kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya jika terdapat bukti yang kukuh bahawa parti itu telah bergerak sebagai sebuah parti politik.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya ialah yang pertama, dalam proses demokrasi di Malaysia setakat inilah pengalaman kementerian, pendaftaran parti-parti baru ini berapa lama masa yang paling cepat dan masa yang paling lama? Saya ingin tahu masa yang tercepat dan masa yang terlama?

Yang kedua ialah apakah justifikasi ataupun alasan-alasan yang boleh diberikan oleh kerajaan terhadap permohonan Parti KeADILan Rakyat yang telah memohon pendaftarannya pada tahun lepas yang sampai sekarang masih lagi belum diluluskan? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Persoalan mengenai cepat ataupun lambat berasaskan kepada semua keperluan yang dikehendaki dan pertimbangan serta penganalisan di atas peraturan dan undang-undang serta tujuan-tujuan menubuhkan parti yang berkenaan dan apakah kaitannya dengan keadaan serta Perlembagaan yang diutarakan oleh parti yang berkenaan itu sendiri. Kalau semua perkara-perkara ini sesuai, maka sudah tentu jawapannya adalah positif dan kalau ianya lewat, ialah kerana pertimbangan serta persoalan yang dikehendaki mengikut peraturan dan undang-undang belum selesai, maka berlakulah kelewatannya.

Soalan yang kedua, minta ulang, saya tidak sempat tadi....

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lamanya, berapa lama dah masa akan diambil.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Lama atau lambat, ia tidak bergantung kepada mana-mana parti yang hendak ditubuhkan. Tetapi seperti saya telah maklumkan di peringkat awal, walaupun ianya telah dikemukakan pada tahun lepas, proses bagi mengadakan permohonan berkaitan dengan Parti KeADILan Rakyat bukan Parti KeADILan Nasional. Oleh sebab penubuhan Parti KeADILan Rakyat berkaitan dengan Parti KeADILan Nasional dan Parti KeADILan Nasional telah mengemukakan pindaan Perlembagaan, perkara ini juga sedang dalam pertimbangan kerana ia ada berkait di antara satu dengan lain.

Apabila pindaan Perlembagaan Parti KeADILan Nasional yang dipanggil Parti KeADILan itu diterima dan dengan sendirinya ia termansuh ataupun diketepikan bagi melahirkan Parti KeADILan Rakyat. Proses ini sedang dalam pertimbangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Dalam pilihan raya, kita menggunakan nama parti atau simbol parti yang kita daftarkan dengan ROS ataupun yang telah berdaftar dengan ROS dan parti ini telah pun diterima oleh SPR. Dalam pilihan raya, bagaimana SPR bertindak kepada parti-parti politik yang tidak mendapat kelulusan daripada ROS? Bagaimana kedudukannya? Apakah SPR akan membenarkan pembohongan parti-parti politik yang sebenarnya tidak bergabung dalam erti kata yang sebenarnya tetapi menggunakan nama gabungan ini. Apa tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh SPR?

Kadangkala parti-parti pembangkang ini hingga nama partinya pun ditipunya. Menipu, menipu! Mengelirukan rakyat. Tidak macam Barisan Nasional - terang. Kita memang ada pendaftaran. Barisan Nasional lulus. Kita gunakan simbol kita dengan begitu terang dan nyata tetapi parti-parti pembangkang ini ia hendak bergabung macam Barisan Nasional tidak boleh, fasal ideologi dan pegangan yang bertentangan macam PAS dengan DAP. Kononnya kadang-kadang ia nampak macam tidak bergabung tetapi bergabung kerana kepentingan-kepentingan. PAS ada kepentingannya, DAP ada kepentingannya. Tetapi dalam pilihan raya....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dengarlah saya punya soalan, apa you hendak? Ini cerita yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah. Mmm.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dengarlah saya punya soalan, apa you hendak...ini cerita yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah, Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak dapat sedikit penjelasan supaya rakyat jangan tertipu dengan parti pembangkang ini. Ini cerita tipu, ini cerita tipu ini pembangkang ini memang kerja dia ini. Tetapi kita mintalah supaya rakyat kena faham kedudukan macam mana SPR punya peranan kemudian R.O.S punya peranan dalam pilihan raya kepada parti-parti politik dia menipu.

Seorang Ahli: Tindakan pandai menipu!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi tindakan menipu ini, macam mana? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Tuan Yang di-Pertua. Tentang penipuan dalam pilihan raya yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan parti pembangkang ini dan menyebut kumpulan-kumpulan itu tidak zahir sebagaimana yang dikehendaki mengikut peraturan dan undang-undang dalam Perlembagaan iaitu berkaitan dengan pendaftaran. Seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading sedar, itu adalah satu angan-angan dan itu juga adalah satu penipuan. Mereka berharap bahawa penipuan dan penjualan atas *level* yang tidak didaftar ini adalah satu perkara yang tidak baik. Dan seperti Yang Berhormat ketahui bagi tujuan mereka untuk memenangi dan menubuhkan kerajaan, rakyat telah membuat keputusan dalam pilihan raya yang lepas rakyat tidak memilih cadangan mereka bagi menubuhkan kerajaan di Malaysia.

Berkaitan dengan sebutan perkara itu, sebelum pilihan raya dijalankan kuatkuasanya, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya telah memaklumkan kepada semua parti pembangkang hanya parti-parti yang berdaftar sahaja dan simbol-simbol partinya yang boleh dipamerkan di dalam waktu pilihan raya. Mana-mana parti yang tidak berdaftar kepada R.O.S ataupun memaklumkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, parti-parti atau simbol parti yang berkenaan tidak boleh dipamerkan dan bahkan simbol itu tidak boleh digunakan untuk dijadikan simbol dalam pertandingan pilihan raya. Oleh sebab simbol itu tidak ada, maka parti yang mereka telah utarakan dalam bentuknya umpamanya alternatif dan sebagainya tidak lahir dalam pilihan raya. Tetapi sekiranya ianya lahir, KDN tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan, hanya SPR sahaja yang ada kuasa untuk mengambil tindakan. Sepanjang pilihan raya yang diketahui SPR mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan dan membatalkan mana-mana simbol yang tidak dikehendaki bahkan mengambil tindakan mahkamah mengikut peraturan dan undang-undang yang ada. Kita ingin memaklumkan kepada parti-parti pembangkang supaya jangan mengelirukan rakyat dan jangan mempersendakan undang-undang dan perlembagaan di dalam negara kita berkaitan dengan simbol dan parti di dalam pilihan raya yang akan datang.

3. **Datuk Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah kejayaan mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris menepati objektif meningkatkan penguasaan pelajar-pelajar dalam Bahasa Inggeris setelah hampir setahun berlalu.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat tujuh pertanyaan yang menyentuh isu pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris khususnya berkaitan dengan kemajuan pelaksanaan dan masalah serta langkah-langkah untuk mengatasinya.

Ahli-ahli yang terhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut ialah Yang Berhormat bagi Tampin pada hari ini, Yang Berhormat bagi Padang Serai pada 11 September, Yang Berhormat bagi Padang Terap pada 15 September, Yang Berhormat bagi Kota Melaka pada 18 September, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu pada 9 Oktober, Yang Berhormat bagi Beluran 27 Oktober dan Yang Berhormat bagi Gopeng juga pada 27 Oktober. Izinkan saya menjawab semua pertanyaan tersebut secara serentak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, Kementerian Pendidikan berpuas hati dengan pencapaian pelaksanaan Program Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ataupun lebih dikenali dengan akronimnya PPSMI walaupun program ini baru dilaksanakan selama 9 bulan. Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah dilaksanakan di semua sekolah untuk Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 Bawah seperti yang dirancang mulai tahun ini.

Bahan pembelajaran, peralatan ICT dan peruntukan kewangan telah diagihkan kesemua sekolah dan guru yang terlibat dalam PPSMI ini telah diberi latihan supaya mereka lebih bersedia untuk mengajar dalam bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu kementerian juga menjalankan pemantauan yang berterusan di peringkat kementerian,

Jabatan Pendidikan Negeri sehinggalah di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah untuk mengetahui perkembangan dan permasalahan yang dihadapi dari masa ke semasa. Untuk meninjau dan memastikan keberkesanan PPSMI ini, Kementerian Pendidikan telah mengadakan satu kajian khas pada Mei 2003 iaitu kajian tahap kefahaman pelajar dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris di 273 sekolah rendah termasuk 45 Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan 26 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 72 sekolah menengah di seluruh negara.

Sample kajian bagi sekolah rendah meliputi 112 sekolah bandar dan 161 sekolah luar bandar. Manakala *sample* sekolah menengah pula terdiri daripada 47 sekolah bandar dan 25 sekolah luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian dalam ketiga-tiga mata pelajaran tersebut pada keseluruhannya adalah baik.

Bagi Tahun 1, purata *score* bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris ialah 77.7%, manakala purata *score* bagi mata pelajaran Sains ialah 69.4% dan Matematik ialah 77.4% pada peringkat Tahun 1. Purata *score* bagi Tingkatan 1 pula ialah 61% bagi Bahasa Inggeris, 59.2% bagi mata pelajaran Sains dan 58.2% bagi Matematik.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Beluran, bagi negeri Sabah pula pada keseluruhannya pencapaian PPSMI di sekolah rendah setara dengan pencapaian nasional. Pada Tahun 1 di Sekolah Rendah, pencapaian pelajar di Sabah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris ialah 84.4% manakala pada peringkat nasional 77.7% dan Sains ialah 69.5% manakala pada peringkat nasional ialah 69.4%. Walau bagaimanapun, pencapaian bagi mata pelajaran Matematik ialah 69.1% iaitu lebih rendah dibandingkan dengan pencapaian nasional iaitu 77.4%.

Pada peringkat sekolah menengah, pencapaian pelajar di Sabah bagi ketiga-tiga mata pelajaran tersebut adalah lebih baik daripada pencapaian nasional iaitu 69.5% bagi pelajaran Matematik, 69.4% bagi mata pelajaran Sains dan 63% bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Kajian-kajian lain oleh Kementerian Pendidikan melalui jabatan-jabatan pendidikan negeri juga menunjukkan bahawa pelaksanaan PPSMI telah berjaya meningkatkan prestasi murid dalam Bahasa Inggeris. Sebagai contoh kajian perbandingan pencapaian murid 2002 dan 2003 yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor melibatkan 19 sekolah menengah dan 36 sekolah rendah menunjukkan peratus murid Tingkatan 1 dan Tahun 1 yang lulus bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam ujian itu telah meningkat sebanyak 6% bagi Tingkatan 1 dan 4.5% bagi Tahun 1 jika dibandingkan dengan pencapaian mata pelajaran tersebut pada tahun 2002 iaitu sebelum PPSMI dilaksanakan.

Prestasi murid luar bandar juga didapati meningkat apabila PPSMI dilaksanakan. Dapatan kajian yang dijalankan oleh JPN Negeri Sembilan menunjukkan adanya peningkatan prestasi murid sekolah luar bandar selepas pelaksanaan PPSMI di mana peratus murid Tingkatan 1 yang lulus bagi mata pelajaran Matematik meningkat dari 67.4% pada tahun 2002 kepada 75% pada tahun ini. Data untuk subjek-subjek lain sedang dianalisis.

Tuan Yang di-Pertua, kajian Kementerian Pendidikan juga mendapati 81% guru-guru menunjukkan kesediaan dan keyakinan mengajar mata pelajaran-mata pelajaran tersebut telah mengikuti Kursus Bahasa Inggeris, Kursus Orientasi Kurikulum dan Kursus ICT. Kementerian Pendidikan juga menyediakan kemudahan dan bahan pengajaran dan pembelajaran seperti perisian untuk memastikan P&P di bilik darjah berjalan dengan lancar. Kejayaan pelaksanaan PPSMI boleh juga diukur dari segi perubahan tingkah laku guru dan murid dalam bilik darjah. Antara perubahan yang berlaku setakat ini ialah kemampuan dan kesungguhan guru untuk berkomunikasi dengan murid dalam bahasa Inggeris dan kepelbagaian kaedah pengajaran terutamanya dari segi penggunaan ICT.

Berdasarkan pemantauan, murid-murid terbukti telah menunjukkan minat yang tinggi. Penggunaan peralatan ICT juga telah menambahkan minat mereka terhadap ketiga-tiga mata pelajaran. Bagi membantu guru-guru pula untuk melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan dan menambahkan keyakinan mereka, maka dilaksanakan juga program seperti sistem taulan atau *buddy system* di setiap sekolah. Program ini

menggunakan pendekatan membimbing rakan sekerja untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris.

Kajian Kementerian Pendidikan oleh Jemaah Nazir ke atas 123 Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan 53 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dari 4 Ogos hingga 13 Ogos tahun ini mendapati pelaksanaan TPSMI di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berjalan dengan baik. Guru-guru di sekolah-sekolah ini yakin dan dapat menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, pemahaman murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah juga baik. Seperti yang kita maklum, penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik tahun satu hingga ketiga, di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah berbeza dengan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Formula yang dikenali sebagai 2, 3, 4 digunakan di Tahun 1 hingga Tahun 3 di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) setelah cadangan pemimpin Barisan Nasional mewakili kaum Cina diterima oleh kerajaan. Dengan persetujuan ini, PPSMI di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) bagi Tahun 1 hingga 3 atau lebih dikenali sebagai tahap satu di sekolah *primary* menggunakan dua waktu untuk bahasa Inggeris, tiga waktu untuk Sains dalam bahasa Inggeris dan tiga waktu lagi dalam bahasa Mandarin dan empat waktu untuk Matematik dalam bahasa Inggeris dan enam waktu lagi dalam bahasa Mandarin. Bagi tahap dua pula, iaitu bagi Tahun 4 dan 6 di sekolah *primary*, belum ada sebarang persetujuan tentang formula yang akan digunakan bermula tahun 2006.

Dengan formula 2, 3, 4 di tahap satu, sejumlah maksimum 1,500 minit telah pun digunakan seminggu. Ini bermaksud subjek-subjek tambahan iaitu Kemahiran Hidup dan Kajian Tempatan yang biasanya diajar tahap dua tidak akan dapat diajar sekiranya formula 2, 3, 4 dikekalkan. Formula yang baru perlu diperkenalkan. Sebab itu, Pekeliling Ikhtisas 12/2002 KPM, bertarikh 27 November 2002, jelas mengatakan bahawa masa pengajaran bagi tiap-tiap mata pelajaran di tahap dua di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) pada tahun 2006 hingga 2008 akan dimaklumkan setelah ditentukan kemudian. Mengenai bahasa yang digunakan di peperiksaan UPSR pada tahun 2008, Pekeliling Ikhtisas yang sama di para 6.2 jelas menyatakan bahawa ia juga akan dimaklumkan kelak setelah formula tahap dua, ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sebenarnya telah menjangkakan akan wujudnya pelbagai cabaran yang akan dihadapi dalam melaksanakan perubahan sebesar pelaksanaan PPSMI ini. Walau bagaimanapun, sebahagian besar cabaran-cabaran itu telah dapat diatasi dengan sokongan dan kerjasama semua pihak termasuklah guru-guru dan ibu bapa yang sentiasa menyokong usaha ini. Salah satu daripada cabaran yang besar ialah melatih guru-guru dalam kemahiran berbahasa Inggeris. Memang sudah menjadi amalan bagi guru-guru mengikuti kursus untuk meningkatkan profesionalisme serta kemahiran pada diri mereka dari semasa ke semasa. Ini berlaku walaupun tidak ada program-program baru diperkenalkan di sekolah.

Dengan adanya program baru seperti PPSMI, maka sudah pastilah latihan untuk membiasakan guru dengan perubahan ini amat diperlukan. Semua latihan ini telah dirancang terlebih dahulu dan tidak dijadualkan sewenang-wenangnya. Sebagai contoh, kursus-kursus *proficiency* bahasa Inggeris, ataupun 'ETeMS' dijalankan dalam tempoh dua hari selama lima kali dan diadakan pada hujung minggu. Kursus *full immersion* pula dijalankan selama lima hari semasa cuti sekolah. Dengan cara ini, guru-guru dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Oleh itu, dakwaan bahawa kursus ETeMS yang dijalankan oleh kementerian menyebabkan kekurangan guru untuk mengajar dan seterusnya menjejaskan pengajaran dan penyeliaan adalah tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai soalan berkaitan dengan PPSMI dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan kuat terhadap langkah-langkah Kementerian Pendidikan meningkatkan pendidikan negara melalui pelaksanaan PPSMI. Sekian, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang cukup panjang dan amat berpuas hati dengan jawapan Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana berjaya melaksanakan pembelajaran bahasa Inggeris dalam mata pelajaran-mata pelajaran Matematik dan Sains, walaupun dalam jangka masa yang begitu singkat. *[Tepuk]* Saya faham begitu banyak halangan diterima apatah lagi pihak pembangkang cuba untuk memutarbelitkan keadaan ini. *[Dewan gamat seketika]*.

Yang Berhormat Menteri, ketika Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kementerian melaksanakan pemantauan dalam pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan, menerangkan lebih sedikit lagi bagaimanakah kaedah yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri dari segi pemantauan ini terutamanya dari segi penerimaan pelajar-pelajar, pelajar luar bandar dan pelajar bandar kerana nanti, pembangkang kata itu semua angka-angka yang diwujudkan oleh pihak kementerian.

Keduanya, pemantauan guru-guru yang mengajar ini. Bagaimana kebolehan guru-guru ini mengajar dalam bahasa Inggeris dan akhirnya, bagaimanakah kementerian ini untuk memastikan semua guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris nanti dalam mata pelajaran Matematik dan Sains ini mempunyai standard yang sama? Sama ada di bandar dan luar bandar. Nanti, dia kata di bandar standardnya lain. Semua pakar-pakar ditempatkan di bandar. Di luar bandar, di Rompin dan sebagainya, kurang sedikit standardnya. Ini, saya minta Yang Berhormat Menteri beri penerangan sedikit. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada pelbagai cara kementerian memantau pelaksanaan PPMSI. Saya telah sebutkan pelbagai cara dalam jawapan saya tadi. Selain daripada itu, kementerian juga mengadakan satu Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan PPMSI di peringkat kementerian yang bermesyuarat tiap-tiap minggu iaitu pada hari Rabu untuk menerima laporan daripada pelbagai pihak, baik daripada pelajar, baik daripada ibu bapa, baik juga daripada jabatan-jabatan di bawah kementerian. Kementerian melalui laporan-laporan yang diterima setiap minggu itu menjalankan beberapa tindakan untuk mengatasi masalah-masalah yang ditampilkan kepada kementerian dari semasa ke semasa.

Kebolehan guru-guru mengajar di atasi ataupun dilengkapi dengan mengadakan berbagai-bagai kursus, dengan mengadakan bahan-bahan pengajaran yang dibeli oleh guru-guru dan dibiayai oleh kementerian dan berbagai-bagai cara lagi. Tetapi seperti juga dalam kes-kes lain, kita hanya dapat berusaha untuk menentukan tiap-tiap guru itu dilengkapi dengan segala strategi dan keupayaan untuk menentukan pengajaran dalam bahasa Inggeris bagi Matematik dan Sains itu berjalan dengan lancar.

Perbezaan akan tetap ada, bukan sahaja di antara bandar dengan luar bandar tetapi juga daripada sekolah ke sekolah yang lain, daripada individu kepada individu yang lain. Ini tidak boleh dielakkan selagi sesuatu perkara itu dijalankan oleh manusia biasa. Jadi, kita cuba untuk mengatasi perbezaan di antara manusia dengan manusia itu dengan mengadakan pemberian *courseware* yang seragam yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan dalam kesemua bidang bahasa Inggeris, Matematik dan juga Sains. Kita mengharapkan dengan adanya *courseware* ini, soal ketidakseragaman tidak akan timbul dengan begitu mendadak. Sekian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun tadi. *[Ketawa]* Tadi dia bangun, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, saya bangun tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri, laporan bahawa hasil daripada kajian kementerian bahawa pada keseluruhannya, prestasi di sekolah-sekolah yang diselidiki adalah baik dan dari segi laporan yang terperinci, Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang terlibat itu sekali lagi pada

keseluruhannya yang diketahui dapatannya adalah baik. Ini saya fikir kalau benar-benar betul adalah sesuatu yang menggembirakan kebanyakan kita di sini.

Tetapi yang kita tahu juga ialah hasil daripada penyelidikan, seminar dan perbincangan yang dilakukan oleh orang-orang yang bebas daripada kepentingan-kepentingan politik mana-mana parti, mereka mendapati banyak kelemahan dan banyak masalah yang dihadapi dalam melaksanakan dasar ini.

Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, bersedialah Kementerian membuka kumpulan penyelidik ini kepada orang-orang di luar daripada Kementerian Pendidikan supaya penyelidik-penyelidik atau pengkaji-pengkaji ini terdiri daripada orang-orang yang bebas dan tidak tertakluk kepada tugas kerja jawatan mereka di dalam kementerian? Keduanya, adakah kementerian bersedia untuk mengedarkan hasil penyelidikan yang sedia ada ini kepada kami Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat ini supaya kami dapat meneliti dan mengkaji dengan terperinci laporan yang kita dengar sebentar tadi?

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, sama ada kementerian akan membenarkan lain-lain pihak untuk menjalankan kajian, kementerian sentiasa terbuka selagi kajian-kajian yang dijalankan itu adalah dalam bentuk ilmiah dan profesional. Kita akan memberi segala kerjasama jikalau ada badan-badan yang mahu menjalankan kajian ini bagi menentukan secara *independent* dengan izin, apa yang telah tercapai dan untuk mendatangkan bukti-bukti yang kukuh bahawa pencapaian dalam PPSMI ini sememangnya begitu baik.

Kementerian juga bersedia untuk memberikan laporan-laporan yang terperinci jikalau diperlukan oleh Dewan ini tetapi laporan ini adalah laporan yang agak ilmiah, sukar dibaca dan kita boleh berikan secara ringkasan. *[Disampuk]* Seperti yang saya kata, kita tidak akan mengelak daripada perkara ini dibaca oleh kementerian, malahan saya pun ada laporannya di sini yang boleh diedarkan kepada kementerian. *[Menunjukkan sebuah buku laporan]* Ya, kita ada laporannya di sini. Kita boleh edarkan jikalau diperlukan. *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah. Sudah cukuplah dua soalan. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Hamid....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* *[Masih berdiri]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Duduklah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Duduklah!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

4. **Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan kesan penerbitan pinjaman Skim Kredit Mikro dalam usaha menjana ekonomi negara. Berapakah nilai keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan dan adakah terdapat kes penipuan yang berjaya dikesan.

Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 10% daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini telah mengemukakan soalan mengenai Skim Mikro Kredit. Ini menunjukkan kepekaan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga menunjukkan polisi kerajaan membawa makna dan impak yang besar dalam kehidupan seharian rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Sungai Benut yang dijadualkan dijawab pada hari ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang dijadualkan dijawab pada 15 September 2003, Yang Berhormat bagi Bachok pada 18 September, Yang Berhormat bagi Kuala Krai pada 24 September, Yang Berhormat bagi Beluran pada 25 September, Yang Berhormat bagi Batu dan Yang Berhormat bagi Bukit Mas pada 29 September, Yang Berhormat bagi

Kapar dan Yang Berhormat bagi Bandau pada 30 September, Yang Berhormat bagi Larut pada 13 Oktober, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pada 23 Oktober, Yang Berhormat bagi Gopeng, Yang Berhormat bagi Tanah Merah dan Yang Berhormat bagi Wangsa Maju pada 29 Oktober, Yang Berhormat bagi Baling dan soalan daripada Yang Berhormat bagi Serian yang dijadualkan dijawab pada 3 November 2003. Semuanya menyentuh perkara dan isu yang sama, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menjawab serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia melaksanakan Skim Mikro Kredit masing-masing dengan dana sebanyak RM300 juta dan RM500 juta, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diumumkan dalam Pakej Ekonomi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mei yang lalu.

Ini bermakna mulai 2 Jun 2003, skim kredit yang diumumkan ini menyuntik nafas dan harapan kepada beribu-ribu keluarga yang mengambil langkah mencebur diri di dalam perniagaan kecil. Amaun maksimum, Tuan Yang di-Pertua, dalam skim ini adalah RM20,000 dengan kadar faedah 4% setahun atas baki bulanan dan tempoh bayaran balik pinjaman adalah sehingga 5 tahun. Dana ini amat unik dan istimewa kerana ia tidak memerlukan cagaran dan pembayaran baliknya adalah mengikut penerimaan aliran tunai.

Tuan Yang di-Pertua, respons peniaga sungguh menggalakkan. Setakat 26 Ogos iaitu tempoh kira-kira 90 hari, sejumlah 75,242 permohonan untuk pinjaman berjumlah RM1.198 bilion diterima permohonannya. Ini bermakna purata 800 permohonan diterima setiap hari. Daripada jumlah ini Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 75,242 yang memohon, 34,712 permohonan untuk pinjaman, RM360 juta telah diluluskan. Hampir separuh daripada yang membuat permohonan itu telah diluluskan. Setakat ini, pinjaman berjumlah RM246.9 juta telah dikeluarkan kepada 19,245 pemohon.

Bagi Kelantan Tuan Yang di-Pertua, kerana ada soalan spesifik, 10.5% pinjaman yang diluluskan oleh BSN dinikmati oleh pemohon di negeri Kelantan. Manakala bagi Bank Pertanian pula, peratusan bagi negeri Kelantan adalah 6.24%. Kerajaan tidak membezakan negeri-negeri di Malaysia. Ini bermakna, kita tidak memilih, kita adil dan kita bela semua, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang sebenarnya dasar Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Skim Kredit Mikro ini ialah:

- (i) terdapat mereka yang mengambil kesempatan seperti menjual borang permohonan dan mengenakan caj bayaran kepada pemohon untuk mengisi borang serta menyediakan pelan pelanggan;
- (ii) ada juga pemohon yang menyalahgunakan pinjaman itu memohon pinjaman bukan untuk perniagaan; dan
- (iii) ada juga permohonan yang dikemukakan tidak lengkap dan menyukarkan proses penilaian oleh pihak-pihak bank.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengadakan siri taklimat dan kerjasama dengan persatuan-persatuan bagi mempercepatkan proses pelantikan mentor bagi pinjaman di bawah skim BSN. Jumlah pegawai dan peralatan juga ditambah mengambil kira tambahan permohonan yang amat banyak sekali. Ada permohonan yang terpaksa ditolak antara lain kerana peminjam berada dalam senarai hitam dan tiada sokongan dari mentor, ditolak permohonan berasaskan kerana perniagaan tidak berdaya maju dan kedudukan kewangan perniagaan tidak kukuh. Ada juga ditolak kerana ada unsur-unsur penipuan seperti perniagaan dan projek tidak wujud, Tuan Yang di-Pertua. Ada juga permohonan ditolak kerana peminjam pinjaman dibuat bukan untuk kegunaan perniagaan dan ada juga memalsukan dokumen. Ada juga, Tuan Yang di-Pertua, pemohon yang menggunakan projek-projek orang lain sebagai tapak projek atau sebagai bukti projek semasa permohonan mereka.

Skim Kredit Mikro BSN menggunakan mentor sebagai orang perantara di antara bank dan peminjam bagi tujuan menasihatkan dan membimbing pemohon, *mentee*, membuat penilaian awal ke atas perniagaan *mentee* dan mengawasi prestasi perniagaan dan membantu BSN dalam memantau bayaran balik pinjaman. Peminjam Bank Pertanian Malaysia pula perlu mendapat sokongan dari ketua-ketua masyarakat dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada petani dan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran tetap dihadapi dalam membangunkan usahawan tempatan namun kerajaan pasti akan melipatgandakan usaha kita. Kerajaan mahu usahawan-usahawan kecil berjaya. Skim Mikro Kredit diperkenalkan bagi menjana pertumbuhan perniagaan kecil yang biasanya sukar mendapat pinjaman berdasarkan syarat perbankan biasa.

Kerajaan sedar *entrepreneurship* atau keusahawanan di peringkat akar umbi ini membawa pelbagai kebaikan:

- (i) ia membuka peluang dan harapan kepada mereka yang mencebur diri dalam perniagaan kecil;
- (ii) usahawan-usahawan kecil mencetuskan pekerjaan yang banyak. Jika seseorang peniaga kecil menggaji hanya dua pekerja sahaja dan perkara ini berlaku seluruh negara, sudah tentu akan terdapat banyak pekerjaan baru diwujudkan; dan
- (iii) pelaksanaan Skim Mikro Kredit akan juga dapat menjana dan merencanakan pelaburan domestik negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, kerajaan tetap tegas dan teliti terhadap sebarang cubaan penipuan. Statistik penolakan permohonan membuktikan ketegasan ini. Kerajaan berbangga sebahagian besar dari pemohon adalah mereka yang benar-benar mahu meningkatkan taraf hidup mereka dan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, mereka adalah juara dan wira masa hadapan negara. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional, satu kerajaan yang adil, yang mana telah mencetuskan satu idea yang begitu baik dalam usaha untuk merangsang ekonomi negara yang mana ekonomi di dalam negeri perlu digerakkan. Ini berhubung dengan masalah pasaran global yang tidak menentu.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, adakah kementerian membuat satu kajian iaitu unjuran ataupun pencapaian yang akan berlaku kepada keseluruhan ekonomi negara iaitu berhubung dengan Program Mikro Kredit ini sekiranya program ini berjaya mengikut ataupun mencapai sasaran yang dikehendaki oleh kementerian? Dan adakah kajian yang sebaliknya kalau sekiranya kemajuan ini tidak berlaku dan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh pihak kementerian? Sekian terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Benut atas hujah-hujah dan saranan Yang Berhormat tadi. Tentang peranan Mikro Kredit ini, kita ketahui ia sangat penting sekali kerana kaedah yang dahulu yang dikendalikan oleh bank-bank yang biasa semestinya tidak dapat menepati atau mengambil kira semua permintaan kerana kalau tidak, tidak adalah wujudnya mereka yang mengeluarkan pinjaman-pinjaman yang haram ini seperti along dan skim-skim yang lain. Melihat bahawa ada permintaan tentang dana yang mana tidak boleh diambil kira oleh sistem bank yang biasa, sebab itu kerajaan berasa penting diadakan skim khas untuk memastikan kelompok-kelompok ekonomi kita iaitu ekonomi negara di bahagian bawah juga diambil kira dalam menjana ekonomi negara kita.

Insyallah kita akan buat kajian seperti yang dicadangkan tadi bahawa perlu dikaji bukan sahaja dari segi impak kesan Mikro Kredit tetapi perlu diambil kira kesan-kesan

skim yang lain seperti “*archives*” yang lain yang dikendalikan oleh bank biasa supaya apa jua kesan ini kepada ekonomi negara kita. Satu cadangan yang baik, terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Di sini saya hendak tanya strategi kerajaan dalam menjana pertumbuhan ekonomi menggunakan [*Disampuk*] Ya, ini soalan!menggunakan strategi menggalakkan perbelanjaan di kalangan rakyat bawahan melalui Skim Mikro Kredit dan juga pembubaran ataupun penggunaan simpanan iaitu pengurangan sumbangan kepada EPF dan sebagainya untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Jadi apa yang kita bimbangkan ialah apabila rakyat ini menggunakan Skim Mikro Kredit ini, mereka secara langsungnya terlibat dalam membuat pinjaman-pinjaman dan dalam masa jangka panjang, sekiranya ekonomi kita dalam keadaan sekarang yang tidak pulih hingga sekarang, kalau tidak ada tambahan atau pelaburan asing untuk mengimbangi tahap keadaan ekonomi sekarang, kita bimbang pinjaman-pinjaman ini akan jadi lapuk dan mereka yang meminjam ini akan terpaksa menanggung hutang-hutang dalam jangka panjang. Kita bimbang kebanyakannya pengguna ini terdiri daripada....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ya....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Nelayan-nelayan, peneroka....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta tanya pertanyaan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: peneroka dan masyarakat bawahan yang dari jangka masa kita takut akan jadi bankrap dalam jangka panjang. Itu yang kita bimbangkan dan inilah yang menakutkan kita pada jangka panjang. [*Dewan riuh seketika*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kemaman. Biasalah Yang Berhormat bagi Kemaman, sebagai wakil parti dalam Dewan ini tidak menerima apa jua kenyataan di hadapan matanya sendiri. Kita cuma tahu bahawa ekonomi kita sudah pulih. Dalam keputusan pertumbuhan ekonomi kita, pada peringkat awal dijadualkan hanya 4% tetapi kita *revive, upward* dengan izin, jadi 4.6%. *Second quarter* dengan izin, *quarter* yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dengan impak yang besar, peperangan Iraq dan ancaman Iraq, tetapi kita masih boleh bertahan 4.5%, maknanya kita mencapai tahap yang kita andaikan 4.5% untuk setengah tahun ini. Ini menunjukkan prestasi yang baik dari pasaran yang kita semua tahu. Tetapi tidak tahulah, Yang Berhormat bagi Kemaman tidak seperti Yang Berhormat bagi Tumpat mengerti dalam pasaran saham. Yang Berhormat bagi Tumpat saya rasa dia mengerti dalam pasaran saham dan tidak menghayati kedudukan pasaran saham yang meningkat. Itu pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sebab apa parti Yang Berhormat nama Parti KeADILan tetapi tidak mempraktikkan keadilan. Kerana apa? Skim yang dibuat dan dilaksanakan oleh Mikro Kredit ini kerana kebaikan semua mendapat kemudahan *access* kepada kredit. Ramai yang kita tahu dan dengar bahawa mereka yang mendapat dana ini, mereka yang besar, korporat besar sahaja. Perdana Menteri dan kerajaan amat sensitif supaya mereka yang di bawah juga mendapat *access* kepada kredit supaya dapat semua melibatkan diri menggerakkan ekonomi negara kita. Kalau tidak nanti parti sebelah sana hanya mengatakan Barisan Nasional hanya membela yang besar sahaja, hanya yang besar dibela, yang kecil ditolak, petani tidak dilayan, nelayan tidak dibantu. Sekarang kita bagi *access* kredit ini kepada petani dan nelayan yang tidak mungkin ada *collateral*, ada cagaran. Kita bagi kepada mereka itu menunjukkan sikap Barisan Nasional yang adil, pembela dan bantu semua tidak kira lapisan rakyat. Ini usaha kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Mohd Zain bin Haji Omar [Balik Pulau]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan cadangan kementerian tentang pembinaan Pusat Kajian Herba dan Ubatan Tradisional yang dicadangkan di Taman Negara Pantai Aceh, Pulau Pinang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia berpendapat rancangan untuk membina Pusat Kajian Herba dan Ubatan Tradisional yang dicadangkan di Taman Negara Pantai

Acheh ini dilihat sebagai satu potensi *collaborator* untuk sama-sama menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan yang sedang dan akan dijalankan oleh kementerian.

Negara kita mempunyai kekayaan biodiversiti hutan tropika dengan pelbagai sumber berpotensi perubatan dan sedia menunggu untuk diterokai. Begitu juga dengan kepelbagaian etnik penduduk negara menjadikan kita kaya dengan pelbagai kepercayaan dan amalan perubatan tradisional. Bagi merealisasikan fungsi kebangsaan perubatan tradisional dan komplementari yang akan diintegrasikan dalam perubatan nasional, keperluan pelbagai penyelidikan perubatan amat mendesak bagi menyediakan *evident* secara saintifik supaya produk dan juga amalan perubatan tradisional dapat diketengahkan bagi sama-sama menyumbang dalam penjagaan kesihatan rakyat.

Dua tahun yang lalu, Institut Penyelidikan Perubatan telah menubuhkan Pusat Penyelidikan Perubatan Herba dan penubuhannya adalah sebagai melengkapi pelbagai penyelidikan supaya ianya dijalankan dengan komprehensif terutamanya dari segi kajian keberkesanan dan keselamatan. Bagi mencapai objektif ini usaha sama dengan pelbagai agensi lain sama ada dari kerajaan mahupun swasta termasuklah dari pihak negeri amatlah perlu dan dialu-alukan selaras dengan objektif penubuhan Pusat Penyelidikan Perubatan Herba di mana ia perlu mengkoordinasikan penyelidikan berkenaan, rangkaian kerjasama di antara pelbagai pihak amatlah perlu.

Memandangkan kedudukan geografi Pusat Penyelidikan Herba di bawah IMR terletak di tengah-tengah Semenanjung, ia perlu mempunyai rangkaian kerjasama di utara dan di selatan dan juga di timur dan di Malaysia Timur. Ini bererti penubuhan Pusat Kajian Herba dan Perubatan Tradisional Pantai Acheh Pulau Pinang dilihat sebagai satu peluang bagi memulakan konsep ini yang mana adalah wajar dijadikan sebagai rangkaian kerjasama bagi utara Semenanjung sementara yang lain perlu dikenal pasti.

Dalam mesyuarat Majlis Biodiversiti Bioteknologi Negara yang ketiga pada bulan April lalu, Kerajaan Negeri Johor juga telah menyatakan keinginan untuk bekerjasama. Dengan ini negeri tersebut juga boleh dijadikan sebagai rangkaian Selatan.

Dato' Mohd Zain bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tahu kedudukan cadangan kementerian tentang pembinaan Pusat. Saya sudah faham bahawa kajian herba dan ubat tradisional sudah mendapat perhatian daripada Menteri Kesihatan dan memang mengambil serius dalam bidang ini. Tapi saya hendak tahu bila cadangan itu. Lama sangat sudah. Jadi kita hendak tahu bila hendak buat, hendak buat ataupun tidak di Pulau Pinang. Kalau hendak buat, kalau boleh dapat tahu secepat mungkin agak tempohnya bila, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cadangan ini bukan satu cadangan untuk menjadikan Pantai Acheh Pulau Pinang ini, bukan satu tawaran secara formal oleh kerajaan negeri. Jadi kita ambil maklum daripada berita-berita yang keluar dan daripada itu kita mendapati ini adalah satu cadangan yang boleh kita mengembangkan. Jadi kita juga perlu mengadakan rundingan dengan kerajaan negeri seperti yang dicadangkan oleh negeri Johor juga kalau Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengatakan ini adalah satu tawaran yang mereka boleh buat maka kita mendapati bahawa tempat ini adalah sesuai untuk kita mengeksploitasi di masa hadapan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lama tunggu tidak naik-naik. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, soalan tambahan. Kita kebelakangan ini sibuk cerita ubat tradisional sahaja, tradisional itu, cerita tongkat Ali, *super*, tapi ini hendak mulalah dia punya itu, *cappuccino*. Banyak nama sekarang dikeluarkan untuk satu-satu perubatan tradisional. Saya minta kementerian kaji betul-betul, segerakan kajian ubat tradisional betul-betul. Jangan sudah berlaku barulah timbul hendak menyiasat, hendak itu, sebab sekarang ini macam-macam cerita ubat tradisional dari dalam negeri mahupun dari luar negeri yang tidak ada sekatan. Keluar saja iklan tradisional menguatkan ini, keluar saja ini menguatkan itu. Makna banyak jenis perkara yang ditimbulkan berkaitan dengan ubat tradisional.

Jadi saya hendak minta kementerian supaya sebelum berlaku menjadikan kemudaratan kepada badan manusia, *check* betul-betul, sudah diluluskan barulah boleh dikeluarkan nama itu, nama ini. Ini *super* sana *power* sini. Jadi kita hendak janganlah nama saja sedap lepas itu jadi penyakit. Bila dia buat ada kesan-kesan negatif dengan sebab kita minum ubat itu. Jadi kementerian kenalah ambil tindakan segera untuk mengatasi masalah. Jangan kita lebih kurang sahaja, sebab ini membahayakan, ia menjadi zat makanan kepada seseorang itu. *Okay, can you answer my question?*

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua ubat-ubatan yang khususnya ubat-ubatan herba yang diiklankan di dalam televisyen ataupun radio itu adalah ubat-ubat yang telah pun didaftar. Didaftar bermakna ubat-ubat itu adalah selamat digunakan tetapi apa Yang Berhormat maksudkan ialah kuasa pengiklanan, daya tarikan pengiklanan itu memang berbeza dan pada zaman ini orang mempunyai pelbagai idea untuk mengiklankan produk-produk mereka. Jadi kita cuma memantau supaya ia tidak keterlaluan. Ini tidak bermakna produk-produk itu membahayakan kesihatan tapi kita juga memantau supaya pengiklan itu tidaklah melampau. Sekian.

6. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Pendidikan menyatakan negeri manakah yang mempunyai prestasi pencapaian purata tertinggi dan terendah dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM dan khusus untuk negeri Sabah apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mempertingkatkan pencapaian kecemerlangan dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Muhamad]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya negeri yang menunjukkan prestasi pencapaian purata tinggi dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM 2002 adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala purata terendah bagi peperiksaan yang sama adalah negeri Sabah. Walau bagaimanapun, perbezaan di antara kedua-dua negeri ini tidaklah begitu jauh. Namun begitu khusus bagi negeri Sabah, Jabatan Pendidikan telah memperkenalkan program Pasukan Petugas Mata Pelajaran sebagai usaha untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut.

Peranan Pasukan Petugas Mata Pelajaran antara lain ialah menguruskan perkembangan staf dari aspek pedagogi, menyediakan bahan-bahan kurikulum untuk pembelajaran dan pemulihan, bimbingan dan perkongsian bahan bantu mengajar, pengumpulan dan penganalisan maklumat pencapaian murid-murid, pelaksanaan aktiviti kokurikulum bersifat akademik dan penyediaan takwim dan pelan tindakan program aktiviti peningkatan pencapaian pelajar.

Di antara perkara-perkara lain yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Sabah ialah melaksanakan Program Pembangunan Kecemerlangan Pendidikan di mana di setiap daerah dua orang guru dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Bahasa Cina bagi peperiksaan UPSR diberikan latihan. Mereka akan menjadi Ketua Pasukan Mata Pelajaran Daerah dan bekerjasama dengan Pegawai Pendidikan Daerah untuk merancang Pelan Tindakan Pembangunan Kecemerlangan Akademik di tempat masing-masing. Sekian, terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Sebenarnya kedudukan negeri Sabah dalam pencapaian peperiksaan-peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM kita semua sudah tahu. Barangkali kalau di Malaysia mempunyai 16-17 buah negeri barangkali kita pun nombor 16 atau 17.

Persoalan di sini ialah Yang Berhormat Menteri tadi telah menjelaskan beberapa langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi pencapaian dalam peperiksaan-peperiksaan yang disebutkan tadi. Persoalan di sini ialah adakah pihak kementerian sebenarnya membuat kajian yang terperinci kelemahan-kelemahan yang sedia ada sebab dari segi perancangan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bukan baru. Sejak daripada bekas Pengarah dahulu sudah pun diadakan satu program dikatakan *Beyond Excellent* tapi sehinggalah hari ini pencapaiannya masih lagi begitu.

Persoalan di sini ialah adakah kalau kita lihat pencapaian tadi Wilayah Persekutuan dengan Sabah. Wilayah Persekutuan adalah pusat bandar raya dan ia adalah pencapaian yang terbaik dan Sabah itu kita boleh lihat sebagai satu tempat yang luar bandar. Dan dari segi kemudahan-kemudahan barang kali masih lagi jauh....

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila kemukakan soalan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Soalan saya tadi ialah adakah hanya dari segi pedagogi yang dinyatakan oleh Menteri tadi ataupun juga dari segi kemudahan-kemudahan asas. Apakah ini yang menyebabkan pencapaian peperiksaan-peperiksaan ini yang terendah di seluruh negara. Terima kasih

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kajian terperinci di negeri Sabah yang telah dijalankan beberapa tahun dahulu untuk mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di negeri Sabah. Saya juga ingin menerangkan di sini apabila saya menyebut tentang perbandingan di antara Sabah dan Wilayah Persekutuan, saya ingin menyebut di sini bahawa dalam UPSR 2002, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai purata gred di antara 'B' dan 'C' manakala bagi Sabah purata grednya adalah juga antara 'B' dan 'C'. Jadi, UPSRnya tidaklah jauh.

Bagi PMR 2002, purata gred bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di antara 'B' dan 'C', manakala bagi Sabah adalah 'C' dan 'D'. Ini ada sedikit perbezaan dan bagi SPM 2002 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah antara C5 hingga C6, manakala bagi Sabah ialah D7 hingga C6. Jadi, ada juga perbezaannya di dalam SPM 2002 tetapi perbezaan ini tidaklah begitu jauh seperti yang kita sangka. Walau bagaimanapun, selain daripada aspek-aspek pedagogi yang diambil tahu oleh Jabatan Pendidikan Sabah, ada juga beberapa perkara yang telah dilakukan khususnya di dalam bidang infrastruktur.

Saya ingat Yang Berhormat sedia maklum bahawa di negeri Sabah kita telah melancarkan pembinaan semula sekolah-sekolah di luar bandar secara besar-besaran. Setakat ini Kerajaan Persekutuan telah pun membelanjakan lebih kurang RM600 juta untuk melengkapkan sekolah-sekolah luar bandar dengan sekolah-sekolah baru dengan *electricity* dengan air dan sebagainya. Projek ini di beberapa tempat sudah pun siap dan beberapa tempat yang lain sedang dijalankan dengan pesat. Saya berharap dalam masa satu tahun lagi kita akan melihat perkembangan yang sangat baik di luar bandar di negeri Sabah dan juga di Sarawak. Sekian terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi prestasi pembelajaran pelajar-pelajar dan sebagai contohnya apa yang berlaku di Sabah tetapi di sebaliknya di negeri Terengganu kita terpaksa mengucapkan tahniah kepada anak-anak Terengganu, dua tahun berturut peperiksaan UPSR mendapat keputusan yang terbaik di seluruh Malaysia, walaupun ditindas [*Tepuk*]. Ini satu yang menjadi fakta malahan negeri Terengganu merupakan negeri yang kedua termiskin selepas Sabah tetapi di kalangan pelajar-pelajarnya mencapai keputusan yang begitu baik.

Persoalan yang saya ingin timbulkan kepada Yang Berhormat Menteri ialah dari segi kedudukan pelajar-pelajar dalam konteks mengambil peperiksaan, contohnya UPSR, contohnya di Tahun 6 mereka ditumpukan kepada lima mata pelajaran sahaja untuk mendapat 5A. Jadi, semua sekolah dan ibu bapa sendiri seolah-olah menghadapi satu bebanan yang begitu berat selain daripada pembelajaran di sekolah, tuisyen dan sebagainya, tumpuan hanya diberikan kepada lima mata pelajaran. Mata pelajaran lain khususnya pelajar-pelajar yang beragama Islam, Pendidikan Islam tidak diberikan tumpuan langsung. Saya mengambil ini sebagai pengalaman anak saya sendiri yang mengambil peperiksaan UPSR, tumpuan guru hanya lima mata pelajaran, Pendidikan Islam pada Tahun 6 Tuan Yang di-Pertua, tidak diberikan tumpuan oleh guru dan sekolah kerana untuk menjaga prestasi sekolah dan juga prestasi murid supaya mencapai 5A, *by hook or by crook* mesti mencapai 5A. Mata pelajaran lain tidak perlu diberikan tumpuan kepada pelajar-pelajar.

Jadi, sistem ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Kementerian sedar bahawa ini sedikit sebanyak meletakkan pelajar-pelajar *exam oriented* dan tumpuan kepada mata-mata pelajaran yang menjadi teras kepada mereka, Pendidikan Islam, Pendidikan Akhlak dan sebagainya yang merupakan pendidikan teras kepada mereka tetapi oleh kerana tidak menjadi satu kayu ukur kejayaan pelajar-pelajar diabaikan pada Tahun 6, di tahun peperiksaan. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit pernyataan bahawa Kementerian Pendidikan tidak mengamalkan dasar menindas bagi Terengganu, walaupun negeri itu dikuasai oleh pihak pembangkang. Saya ingat negeri Terengganu kita layan sama seperti negeri-negeri lain, negeri Kelantan pun kita layan sama seperti negeri-negeri lain. Bahkan saya lihat di negeri Kelantan banyak sekolah baru yang dibina, negeri Terengganu juga begitu, jikalau soal tanah dapat diselesaikan di negeri Terengganu.

Yang Berhormat juga menyebut tentang soal *exam oriented*. Ini satu perkara yang sedang difikirkan dengan mendalam oleh Kementerian Pendidikan. Kita sedang mengutarakan satu konsep baru iaitu *school oriented exam assessment* iaitu penilaian berdasarkan sekolah yang mungkin dapat mengatasi masalah guru-guru, pelajar-pelajar, ibu bapa-ibu bapa dan masyarakat-masyarakat menumpukan perhatian khusus kepada pencapaian anak-anak kita dalam peperiksaan. Kita semua sedar tentang bahayanya menumpukan perhatian semata-mata kepada peperiksaan. Itulah sebabnya kementerian mengutarakan untuk mengadakan satu penilaian berdasarkan sekolah.

Penilaian berdasarkan sekolah ada pelbagai kelemahan, bukan ia satu perkara yang begitu mudah hendak dilaksanakan tetapi kita akan menilai seberapa yang baik dan mencari contoh daripada negara lain dan dalam sedikit masa lagi kita akan mengutarakan apakah bentuknya yang kita akan adakan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa bagi Pertanyaan Jawab Lisan selesai.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat nombor berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Berkaitan dengan Perkara 18, Usul yang saya kemukakan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak mengeluarkan apa keputusan saya di bawah Peraturan 18(1) itu tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua:hanya yang ada di bawah Peraturan....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:sebab usul yang saya kemukakan berkaitan dengan pengambilan SPR terhadap Puteri UMNO menjadi pembantu tadbir sambilan....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya sudah jawab.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab, saya tidak ingin mempersoalkan keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah SPR telah memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua ini bahawa SPR telah membuat keputusan untuk membatalkan cadangan pengambilan Puteri UMNO sebagai Pembantu

Tadbir sambilan. Adakah SPR telah memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan menunjukkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang boleh dikemukakan di Dewan yang mulia ini, surat arahan kepada pegawai pengurus pilihan raya negeri-negeri, yang menunjukkan mereka telah memberikan arahan membatalkan keputusan tersebut....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab saya telah mengemukakan surat ini sewaktu perdebatan saya dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menunjukkan arahan yang dikeluarkan oleh SPR dan dalam surat ini telah menyatakan surat sebelum itu yang menunjukkan bahawa, dengan ini dimaklumkan bahawa surat ini yang bertarikh di atas adalah bertaraf sulit. Ianya hendaklah dimasukkan dalam fail simpanan pegawai pilihan raya negeri sahaja dan bukan dalam fail terbuka.

Ini menunjukkan bahawa gerakan ini gerakan sulit yang dilakukan oleh SPR yang didalangi oleh UMNO dan Barisan Nasional.... [Tepuk]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:untuk memanipulasi pilihan raya umum kesebelas dan saya juga ada surat daripada Puteri UMNO kepada SPR.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Perkara ini jikalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan saya bolehlah membawa perkara ini di bawah Peraturan Mesyuarat 37. Berkenaan yang apa Yang Berhormat katakan kepada saya tadi iaitu SPR telah pun menulis kepada saya, mereka itu telah membatalkan keputusan mereka untuk mengambil ahli-ahli daripada Puteri UMNO.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Menyampuk]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya baru telefon tadi, telefon beberapa SPR negeri, mereka mengatakan tidak ada arahan daripada SPR Pusat kepada SPR negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah. Saya ingat saya sudah mencukupi menjawab soalan itu..

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini serius Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini soal pelanggaran, soal prinsip amalan demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Negara kita aman kerana orang hormat keputusan pilihan raya, sekarang sudah dinodai....

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah-baiklah.

Tuan Mohamad bin Sabu:satu noda yang cukup hebat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab itu saya minta, apakah SPR telah mengemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua menunjukkan bukti surat arahan kepada pegawai SPR negeri, sedangkan saya baru telefon tadi, tiga SPR negeri membuktikan bahawa tidak ada arahan yang dikeluarkan oleh SPR Negeri dan SPR Pusat....

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah saya akan mengambil tindakan apa-apa yang sepatutnya. Baiklah saya akan memberi arahan kepada SPR supaya mengemukakan surat kepada pegawai-pegawai pilihan raya negeri ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apa yang diberikan oleh SPR itu adalah satu pembohongan dan ini menjejaskan nama baik Tuan Yang di-Pertua. Sedangkan ini merupakan gerakan sulit dilakukan oleh SPR dan UMNO.... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Baik-baiklah, cukuplah. Yang Berhormat sila, sila.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 2003

11.10 pagi

Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2003.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama 'Suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini', dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 2003 -

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan akan membentangkan Bajet 2004 pada hari Jumaat ini pada masa pertumbuhan ekonomi terus berkembang. Prestasi ekonomi mengatasi jangkaan awal, yakni semasa tercetusnya peperangan Iraq dan ancaman SARS dan persekitaran geopolitik antarabangsa tidak menentu. Kadar pertumbuhan KDNK bagi tempoh suku tahun pertama 2003 telah disemak semula pada 4.6% dari 4% dijangka pada peringkat awal. Prestasi untuk suku tahun kedua pula ialah pada kadar 4.4% dan dengan itu kadar purata separuh tahun pertama 2003 ialah 4.5%, alhamdulillah. Ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding dengan perkembangan atau berbanding dengan pertumbuhan separuh tahun pertama 2002 sejumlah 2.6% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, wabak SARS telah menjejaskan pertumbuhan sektor perkhidmatan yang meningkat pada kadar yang rendah iaitu 2.8% berikutan dengan kemerosotan aktiviti sektor kecil perdagangan borong, runcit, hotel dan restoran yang menguncup sebanyak -2%. Ini jelas menunjukkan bahawa kesan sektor perkhidmatan kepada KDNK telah dapat diseratakan atau, dengan izin, *balanced-up* oleh aktiviti permintaan dalam negeri terutama sekali perbelanjaan penggunaan yang meningkat kembali sebanyak 4.3%. Ini juga bermakna ekonomi negara semakin terlindung dari ketidaktentuan luaran.

Pertamanya, wabak SARS telah membolehkan sektor perkhidmatan kembali berkembang dengan lebih pesat, manakala perbelanjaan penggunaan atau, dengan izin, *consumers spending* meningkat hasil dari kerancangan ekonomi negara. Persekitaran ekonomi ini terus berjaya meningkatkan taraf hidup tanpa membebankan rakyat. Sebagai contoh, pembiayaan perumahan yang ada membolehkan rakyat memiliki rumah selesa dengan bayaran bulanan tidak melebihi 30% dari pendapatan isi rumah. Ini merupakan takrif amnya sebagai, dengan izin, *affordable housing*.

Tuan Yang di-Pertua, proses perindustrian dan perkembangan sektor perkhidmatan menyediakan juga pekerjaan baru bukan sahaja di Lembah Klang yang kini mempunyai penduduk 5.57 juta, malah di seluruh pelosok tanah air. Pusat pertumbuhan baru turut mencetus pekerjaan dan perniagaan baru. Trend projek perumahan

menggambarkan peningkatan taraf hidup memandangkan hampir semuanya menonjol faktor kehijauan rekreasi serta perkembangan minda anak-anak. Rakyat melihat rumah sebagai aset ekonomi yang penting. Kerajaan pula sangat peka mengenai faktor perumahan dalam menghasilkan *social mobility*, dengan izin, dan dalam pengurangan jurang. Adalah menjadi dasar dan amalan kerajaan bagi memastikan keadilan kepada semua dan bagi menjana peluang kepada semua. Setiap rakyat berpotensi, apa yang diperlukan ialah peluang.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini berada di musim cuti sekolah di mana rakyat dari setiap kategori ekonomi membanjiri pusat-pusat membeli belah dan rangkaian lebuhraya. Hotel-hotel juga mencatat *occupancy rate*, dengan izin, yang begitu tinggi. Ini bermakna program prasarana kerajaan, contohnya lebuhraya, pelabuhan, sekolah, LRT, monorel dan ERL membawa faedah kepada semua. Sebagai contoh, projek Lebuhraya Utara-Selatan berjaya merapatkan hubungan persaudaraan serta mencetus pusat-pusat pertumbuhan baru. Kuala Lumpur muncul sebagai bandar raya bertaraf dunia yang menawarkan perkhidmatan bertaraf *world-class*, dengan izin, pada harga yang berpatutan.

Kerajaan komited terhadap usaha meningkatkan mutu perkhidmatan di samping menghasilkan peluang yang lebih kepada semua. Kerajaan akan terus memperkenalkan dasar-dasar dan idea-idea yang dijangka dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi dan sedar mengenai pemasaran yang tercetus dari pertumbuhan ekonomi yang rancak. Bajet 2004 insya-Allah, akan mengambil kira kehidupan dan masa depan setiap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Tambahan Perbelanjaan Mengurus melibatkan perbelanjaan bekalan kementerian dan jabatan sebanyak RM1,500,000,000 diminta supaya diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Sebanyak RM20 juta di bawah Maksud B.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER).

Sebanyak RM8.49 juta di bawah Maksud B.8 – Jabatan Perkhidmatan Awam adalah untuk menampung bayaran biasiswa penuntut-penuntut di luar negara.

Sebanyak RM20 juta di bawah Maksud B.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai pembelian peralatan bagi menangani masalah penyakit denggi, kerja-kerja membaik pulih, menaik taraf longkang-longkang di kawasan yang sering menghadapi masalah denggi dan mengadakan kempen penerangan mengenai denggi.

Sebanyak RM47.48 juta di bawah Maksud B.21 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk geran pelancaran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM).

Sebanyak RM1,000 juta di bawah Maksud. B.26 – Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM594.4 juta bagi pelaksanaan Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris serta Program Kursus Teknologi Maklumat Dan Komunikasi;
- (ii) sebanyak RM125.4 juta bagi pembelian/percetakan buku teks akibat semakan semula kurikulum sekolah rendah dan menengah;
- (iii) sebanyak RM87.7 juta bagi bantuan *one-off*, dengan izin, RM120 bagi pelajar daripada keluarga termiskin;
- (iv) sebanyak RM6.2 juta bagi penstrukturan semula Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah;
- (v) sebanyak RM51.2 juta bagi pengendalian penilaian tahap kecekapan berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia;

- (vi) sebanyak RM34.4 juta bagi pelaksanaan Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah-sekolah menengah;
- (vii) sebanyak RM50 juta bagi membiayai kos utiliti akibat penggunaan peralatan ICT bagi pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan program makmal komputer;
- (viii) sebanyak RM29.8 juta bagi melaksanakan Kursus Semakan Kurikulum; dan
- (ix) sebanyak RM20.9 juta bagi penubuhan, dengan izin, *English Language Teaching Centre (ELTC)*.

Sebanyak RM10.83 juta di bawah Maksud B.29 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan pembinaan Auditorium di Universiti Oxford, United Kingdom.

Sebanyak RM27.12 juta di bawah Maksud B.30 iaitu peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun bagi membiayai perbelanjaan seperti berikut:-

- (i) sebanyak RM63 juta bagi menampung kekurangan baki dalam Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Am); dan
- (ii) sebanyak RM64.12 juta untuk perbelanjaan program penyeliaan atlet negara ke arah Sukan Asia 2006 dan Sukan Komanwel 2006.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM40 juta di bawah Maksud B. 35 – Kementerian Dalam Negeri untuk pembelian kad dan bahan habis guna Projek MyKad NRO dengan izin, *National Role Out* dan bagi membiayai keperluan kewangan Unit Bergerak - Pendaftaran Sabah.

Juga sebanyak RM134 juta di bawah Maksud B.36 – Kementerian Luar Negeri Negeri untuk membiayai perbelanjaan seperti berikut:-

- (i) sebanyak RM70 juta adalah untuk penganjuran Sidang Kemuncak Negara-negara Islam (OIC) pada Oktober 2003;
- (ii) sebanyak RM54 juta untuk menampung baki perbelanjaan Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM); dan
- (iii) sebanyak RM10 juta adalah sebagai sumbangan kerajaan bagi melancarkan Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq.

Juga, sebanyak RM15.7 juta di bawah Maksud B.38 – Kementerian Pengangkutan adalah untuk menampung kos pengurusan pertukaran lesen kenderaan bermotor dengan izin, lesen kenderaan motor LKM dan kekurangan peruntukan bagi tahun 2003. LKM baru, mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi Tuan Yang di-Pertua, bagi mencegah kegiatan pemalsuan dan kecurian.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2003 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 2003 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20A Tahun 2003, Tuan Yang di-Pertua.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2003 -

Sekarang izinkan saya mengemukakan pula Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2003. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2003 adalah berjumlah RM3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2,999,999,980 adalah untuk perbelanjaan cara langsung dan sebanyak RM20 perbelanjaan pinjaman.

Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi Kementerian dan jabatan-jabatan berikut:-

Sebanyak RM90 di bawah Maksud P.17 – Kementerian Belia dan Sukan bagi membiayai pembelian peralatan di Institusi Kemahiran Belia Negara;

Sebanyak RM140 juta di bawah Maksud P.19 – Kementerian Pertanian bagi melaksanakan skim bantuan aktiviti pelbagai pertanian luar bandar dan untuk meningkatkan infrastruktur dan *delivery system* di sektor luar bandar di bagi strategi baru pakej rangsangan ekonomi; dan

Sebanyak RM5.7 juta di Maksud P.23 – Jabatan Arkib Negara untuk membiayai projek pembangunan Arkib Negara Cawangan Kedah/Perlis dan Alor Setar, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM1,000 juta di bawah Maksud P.25 – Kementerian Pertahanan untuk membiayai program-program projek berikut:-

- (i) sebanyak RM400 juta untuk membiayai perolehan kelengkapan Angkatan Tentera Darat seperti *main battle tank*, peralatan-peralatan *armoured comfit system*, persenjataan udara, projek *JERNAS*, *TK Transporter*, peluru 25 milimeter, simulator, meriam 155 meter, *ACV 300 floating bridge* dan 51 RAD Gemas;
- (ii) Juga sebanyak RM300 juta untuk membiayai perolehan kelengkapan Angkatan Tentera Laut seperti pembelian helikopter *fennec*, kapal peronda PV, helikopter Super Lynx dan kapal selam *Scorpene*; dan
- (iii) sebanyak RM300 juta untuk membiayai perolehan kelengkapan Angkatan Tentera Udara seperti pembelian 18 buah pesawat Shukoi - SU 30MKM dan radar SOC 1.

Tuan Yang di-Pertua, juga sebanyak RM700 di bawah Maksud P.26 – Kementerian Pendidikan bagi membiayai program-program dan projek berikut:-

- (i) RM300 juta diperlukan untuk membiayai sekolah-sekolah baru dan sekolah-sekolah taman gantian untuk sekolah-sekolah rendah yang telah siap dan dalam peringkat pelaksanaan;
- (ii) sebanyak RM300 juta diperlukan untuk membiayai sekolah-sekolah baru dan sekolah-sekolah tambahan untuk sekolah-sekolah menengah pula; dan
- (iii) sebanyak RM100 juta diperlukan untuk membiayai projek-projek pembinaan makmal komputer dan kos-kos yang lain dalam pelaksanaannya.

Sebanyak RM618.24 juta di bawah Maksud P.28 – Perbendaharaan Malaysia bagi membiayai program dan projek berikut:-

- (i) sebanyak RM500 juta diperlukan selaras dengan keputusan kerajaan melalui strategi baru Pakej Rangsangan Ekonomi supaya suntikan modal disediakan kepada Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia Bhd., Bank Simpanan Nasional dan Bank Industri; juga

- (ii) sebanyak RM118.24 juta diperlukan untuk membiayai pembinaan makmal sains dan teknologi di Cyberjaya.

Sebanyak RM200 juta di bawah Maksud P.34 – Kementerian Kesihatan diperlukan untuk menampung perbelanjaan pembinaan 25 hospital yang sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan di antaranya ialah Hospital Temerloh, Cameron Highlands, Hospital Sungai Petani, Hospital Sungai Buloh dan lain-lain serta pembelian Sabah Medical Centre.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM199.16 juta di bawah Maksud P.38 – Kementerian Pengangkutan diperlukan untuk menampung pembayaran projek Lapangan Terbang Bintulu yang telah siap sepenuhnya pada bulan Disember 2002. Projek ini telah siap enam bulan lebih awal.

Sebanyak RM6.9 juta juga diperuntukkan di bawah Maksud P.42 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diperlukan untuk projek-projek seperti projek di bawah rumah pesakit melarat, rumah kanak-kanak, Pusat Latihan Pemulihan Orang Kurang Upaya di Bangi, Selangor, projek Sekolah Tunas Bakti, asrama akhlak, Taman Sri Puteri, Institusi Sosial Malaysia dan juga bagi pusat harian warga tua.

Sebanyak RM40.483 juta di bawah Maksud P.44 – Kementerian Penerangan juga diperuntukkan untuk program projek di antaranya:

- (i) sebanyak RM2.99 juta untuk bayaran projek Bangunan RTM Seremban;
- (ii) sebanyak RM4.79 juta untuk penggantian alat-alat studio radio di negeri-negeri dan ibu pejabat;
- (iii) sebanyak RM15.36 juta untuk pembayaran penggantian alat pemancar TV yang sedang dilaksanakan;
- (iv) sebanyak RM7.99 juta adalah untuk pembayaran projek bangunan studio radio negeri;
- (v) sebanyak RM2.3 juta untuk pembayaran penggantian pemancar Radio FM yang sekarang dilaksanakan; dan
- (vi) sebanyak RM2 juta untuk pembayaran pembinaan bangunan Pejabat Penerangan Daerah yang sedang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, juga tambahan yang lain sebanyak RM100 adalah merupakan peruntukan tanda di bawah Maksud-maksud Pembangunan Jabatan Perdana Menteri; P.33 - Kementerian Kerja Raya dan P.37 – Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2003 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21, Tahun 2003 dan dalam Memorandum Perbelanjaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21A Tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2003 selepas ini. Terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini diserahkan kepada Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama 'Suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang' dan masalah bahawa 'Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis sekarang'.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Shah Alam. Sebagaimana yang telah saya putuskan, masa untuk perbahasan dihadkan tidak lebih daripada 20 minit bagi setiap Ahli yang berucap. Sila, Yang Berhormat.

11.32 pagi

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: uan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan *Supplementary Budget* ini dalam Akta Perbekalan Tambahan 2003.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun membentangkan Perbekalan Tambahan 2003 sebagaimana yang telah diterangkan dengan panjang lebar dan juga terperinci oleh Yang Berhormat bagi Rompin sebentar tadi, tetapi pada umum dan dasarnya kita sedia maklum bahawa Perbekalan Tambahan ini adalah perbelanjaan yang terpaksa dibelanjakan oleh pihak kerajaan secara proaktif.

Saya mempunyai pandangan dan pendapat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat walaupun dalam Belanjawan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, dalam Bajet yang lepas tidak dimaksudkan perbelanjaan yang diterangkan tadi, ini membuktikan betapa Kerajaan Barisan Nasional mengambil sikap proaktif dan meletakkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat lebih daripada segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam iklim dan suasana serta cabaran ekonomi yang agak susah untuk ditadbir urus, kita rasa amat berbangga bahawa pencapaian dan pertumbuhan ekonomi kita adalah agak menggalakkan. Mengikut statistik yang ada pada saya, dengan izin, dalam *third quarter* ini, kita telah pun mencapai lebih daripada 4% pertumbuhan. Minggu lepas apabila Pengarah Urusan daripada IMF datang melawat Yang Berhormat Rompin, dia sebut kita akan mencapai pencapaian pertumbuhan 5% dan kalau pihak IMF sendiri memperakui bahawa kita, dengan izin, berada dalam keadaan ekonomi yang *versatile* ini, dengan izin, dan tahan lasak, saya tidak tahulah sama ada Kemaman hendak menerima kenyataan ini ataupun tidak kerana Kemaman selalu berada di dalam keadaan kebimbangan dan gusar. Dia tidak akan melihat apa yang ada dan baik yang kerajaan buat. Jiwa dia tidak tenteram, gundah gulana dan sentiasa terkepung pemikiran, tidak ada yang baik. Tetapi kalau dahulu dia kata IMF dok kata yang ini, tetapi yang ini IMF dia kata 5%, saya percaya dia akan bangun, dia kata dia pun tidak bersetuju dengan unjuran ini.

Jadi, saya harap Kemaman ini buka minda dia sedikit, minta nasihatlah Menteri Besar Terengganu dia, supaya jangan dok sebut orang itu "syaitan bisu", orang ini "syaitan bisu", jadi kita ini kena ada terbuka sedikitlah, jangan buat analisa yang tidak betul.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutama kepada Kementerian Pendidikan, kerana saya lihat dalam *Supplementary Budget* ini, hampir RM1 bilion diperuntukkan bagi pendidikan dan kita sedar dan faham kenapa peruntukan RM1 bilion ini diperlukan. Saya yakin bahawa ini adalah satu tindakan yang kita buat untuk menangani masalah dan juga untuk mempertingkatkan tenaga manusia kita dalam sumber pembangunan manusia supaya peningkatan sains dan teknologi itu dapat dikuasai bagi kita menjaga sumber pembangunan manusia kita supaya mereka ini mampu untuk berdaya saing di masa hadapan.

Dalam peruntukan kepada Kementerian Luar Negeri Negeri yang hampir berjumlah RM134 milion, ini saya lihat membuktikan Dasar Luar Malaysia kini adalah amat penting dalam untuk menentukan kedudukan negara menjayakan keamanan dunia dan kemakmuran melalui kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Saya amat menyokong tindakan yang telah pun diambil oleh pihak Kementerian Luar Negeri Negeri untuk, dengan izin, membawa soal penambakan laut di antara kita dengan Singapura ini kepada timbang cara kerana kita sedar bahawa perhubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura ini walaupun banyak proses rundingan dijalankan, tetapi nampaknya kita terpaksa hendak bawa kepada proses *arbitration* dan bagi pihak saya, saya menyokong usaha yang telah pun diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan perkara ini kepada timbang cara.

Soal-soal perkara pakej untuk menyelesaikan itu, kita akan sentiasa mendoakan usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri Negeri ini akan mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah hampir RM1 bilion juta yang diminta untuk memberikan kelulusan dalam Akta Perbekalan Tambahan yang diminta oleh Kementerian Pendidikan ini pada umumnya untuk mempertingkatkan daya saing negara dalam mempertingkatkan pembangunan sumber manusia, tetapi akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan isu disiplin yang dilaporkan di dalam surat khabar dan walaupun beberapa jawapan yang telah pun disampaikan oleh pihak kementerian kepada kita semua, saya ingin menyarankan supaya satu usaha bersepadu dapat digerakkan untuk melibatkan ibu bapa di dalam menentukan urusan dan peningkatan disiplin di sekolah ini dapat dipertingkatkan dan supaya pihak kementerian dapat menggerakkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru untuk melibatkan perkara yang berhubung kait tentang disiplin dan yang berlaku kepada anak-anak kita di sekolah-sekolah.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh tentang Kementerian Pendidikan ialah soal yang telah pun selalu dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, bila kita bercakap tentang ICT, *information communication technology*, bila kita bercakap tentang *internet connectivity* bila kita bercakap tentang bagaimana untuk mempertingkatkan soal penguasaan ilmu IT ini di sekolah-sekolah, kita selalu bercakap tidak ada jurang di antara bandar dengan luar bandar.

Begitu juga dengan peluang untuk merebut pelajaran ini, dan Dewan yang mulia ini telah pun beberapa kali menyuarakan pandangan dan pendapat dan maklum balas juga telah pun kita dapat daripada Kementerian Pendidikan supaya janji kerajaan untuk mewujudkan Kolej Komuniti yang telah pun diasaskan setiap satu kawasan Parlimen perlu wujud satu Kolej Komuniti.

Malangnya kita masih lagi menunggu pelaksanaan Kolej Komuniti ini, terutama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak yang masih lagi memerlukan Kolej Komuniti. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan dapat mengambil perkara ini dengan lebih serius dan cepat supaya masalah untuk mewujudkan Kolej Komuniti ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Dalam Soal Jawab Lisan pagi tadi, kita telah pun diberi penjelasan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Menteri yang sudi datang sendiri ke Dewan yang mulia ini untuk memberikan penerangan mengenai pencapaian pihak kementerian dalam pendidikan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seri Gading bangun.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Yang ini saya kena bagi laluan Tuan Yang di-Pertua. Tolak 20 minit. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa tidak akan ditambah.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat tentang Kolej Komuniti ini. Sebenarnya ke manakah hala tuju isu ini? Ke mana dan bagaimana sebenarnya? Bagi Kementerian Pendidikan mungkin ini menjadi keutamaan, mungkin, tetapi soalnya Kementerian Kewangan bagaimana pula? Perbendaharaan bagaimana? Apakah ini menjadi keutamaan atau tidak? Rakyat memang mengalu-alukan Kolej Komuniti ini diwujudkan. Dahulu janji di tiap-tiap kawasan Parlimen akan ada satu Kolej Komuniti.

Oh, ho, ho, ho! Kita punya *happy*, kita punya gembira. Jadi, ke mana hala tujunya yang sebenar, Yang Berhormat bagi Shah Alam, ketuaku yang dikasih? Ke mana hala tuju perkara ini? [Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Bagan] Ya? Betullah dia tidak boleh jawab tetapi kita hendak dia buat soalanlah, ya? Bagaimana Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, adakah persamaan tentang hala tuju isu ini? Bagaimana sebenarnya? Rakyat kita sedang menunggu-nunggu ni. Sudah tiga tahun berlanjutan. Yang Berhormat takut masa habiskah? Pengerusi *Backbencher* bagilah masa 30 minit, Tuan Yang di-Pertua. Saya *recommend*, ataupun 40 minitlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seri Gading. Sebagaimana yang saya jelaskan sebentar tadi, dalam permintaan peruntukan tambahan ini, sebanyak RM1 bilion adalah untuk pendidikan, dan kita sedar, setiap belanjawan yang kita luluskan di Dewan ini, secara puratanya 22 peratus hingga 24 peratus adalah untuk pendidikan. Maknanya, bagi setiap RM1 yang kerajaan belanjakan, 22 sen adalah untuk pendidikan, dan untuk saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, kos untuk mewujudkan Kolej Komuniti ini, kalau kita ambil bagi setiap satu kawasan Parlimen sebanyak RM15 juta ke RM20 juta, kalau bagi sepuluh kawasan ia tidak sampai RM200 juta kalau hendak bagi. Jadi, nikmat dan kesejahteraan dan peluang yang akan dibuat daripada Kolej Komuniti ini akan dapat membantu rakyat terutamanya di luar bandar.

Saya merayulah kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya segala keputusan dan dasar yang sudah dibuat untuk mewujudkan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen, termasuk di kawasan Parlimen pembangkang, hendaklah dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin dan ianya akan membuat Yang Berhormat bagi Seri Gading merasa amat terharu dengan kerjasama yang diberi oleh Kementerian Pendidikan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja. Mengenai Kolej Komuniti juga. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tambah sedikit sahaja mengenai pembinaan Kolej Komuniti ini. Di kawasan Parlimen Johor Bahru ada lima kawasan Parlimen tetapi sehingga sekarang ini tidak ada satu pun Kolej Komuniti. Di kawasan saya sudah diiklankan sedikit, di mana Kolej Komuniti akan dibuka di Taman Scientex, Pasir Gudang, sebuah kawasan pembangunan yang begitu pesat. Jadi saya agak, macam mana kalau sudah diiklankan, minta jugalah...., saya ingat Yang Berhormat pun bersetuju dengan saya supaya kawasan-kawasan yang seperti ini dapat didahulukan pembinaannya. Sekarang mereka yang hendak mendaftar tidak tahu hendak mendaftar di mana kerana ada kain sepanduk mengenainya. Jadi, mungkin dulu disebabkan ada masalah kewangan tetapi baru-baru ini difahamkan ada mendapat sedikit peruntukan untuk pembinaan Kolej Komuniti. Jadi, di negeri Johor cuma sebuah itu sahaja Kolej Komuniti yang ada. Terima kasih. Okey? *Don't be angry.*

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya amat menyokong dan prihatin dengan masalah yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau, dan saya harap pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil ini sebagai suatu usaha murni untuk menyelesaikan masalah Yang Berhormat bagi Tebrau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan mengenai kemudahan murid luar bandar mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, saya ingin tahu sejauh manakah latihan yang diberikan kepada guru yang akan ditempatkan di luar bandar? Kita sedar bahawa kita selalunya mendapat rungutan bahawa kualiti dan kemudahan yang ada

di bandar dan di luar bandar adalah amat ketara sekali, dan kita juga faham bahawa kadang-kadang guru yang ada *skill*, berkemahiran tinggi, bila diminta untuk berkhidmat di luar bandar, dia menghadapi beberapa masalah kekangan (*constraint*) dengan izin, tetapi apa yang ingin saya tekankan di sini supaya pihak kementerian mengambil serius supaya soal kualiti, *skill* guru yang ditempatkan di luar bandar dan bandar, perbezaannya tidak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menekankan di sini bahawa betapa perlunya Kementerian Pendidikan menjamin supaya perpustakaan, makmal sains dan komputer berada pada tahap yang seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar kerana pada saya pendemokrasian pendidikan akan memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi dan politik.

Ingin saya menyatakan di sini bahawa kita baru-baru ini merayakan ulang tahun Kemerdekaan yang ke 46, dan kita sedar bahawa semasa sebelum merdeka, bumiputera, peribumi, orang Melayu, dengan izin, kita ini merupakan bangsa di persisiran. So, *we're being marginalize*, dengan izin, tetapi oleh sebab kita ada Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, akhirnya kita mampu membawa bangsa Melayu ini ke dalam arus perdana pembangunan yang ada pada kita. Yang ini kita perlu pertahankan kerana untuk kita sama-sama terlibat dalam pembangunan arus perdana dan untuk itu, nasib rakyat di bandar dan di luar bandar dari segi kemudahan asas dan prasarana mesti diberi sama rata. Dan saya harap semua ini mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk daripada Yang Berhormat bagi Kemaman, untuk menentukan supaya kita mencapai hasrat ini.

Saya ingin beralih kepada Kementerian Luar Negeri Negeri. Tuan Yang di-Pertua, selain memainkan peranan diplomasi dan membantu MITI bagi tujuan perdagangan, saya harap pegawai Kementerian Luar Negeri Negeri juga perlu menonjolkan diri sebagai pegawai kerajaan negara Islam dan memberikan kefahaman Islam sebenar kepada rakan setugas mereka dari kedutaan dan suruhanjaya tinggi lain di luar negara bahawa Islam di Malaysia bukan radikal sebaliknya yang fundamentalis dan menekankan kepada Islam sebenarnya.

Kita tahu bahawa dalam bulan Oktober ini, Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan menghadapi satu persidangan yang besar dalam dunia iaitu OIC, dan tentulah kakitangan Kementerian Luar Negeri Negeri akan dapat berperanan dengan izin, sebagai *'the key communicator'*, sebagai lidah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada tiga minit lagi, ya.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tadi ada gangguan, boleh tambah masa?
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak. Yang Berhormat boleh sambung semasa Bajet nanti.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Masa sudah cukup [Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Boleh bagi laluan?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Oleh itu saya bagi laluan, setengah minit sahaja.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Allah. Ai! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Kementerian Luar Negeri Negeri kita, hubungan dengan negara-negara lain cukup baik, berjaya tetapi apabila kita membuat hubungan dengan Singapura, selalu kita nampak macam kita kena main dengan Singapura. Nampak sangat Singapura ini, dia membuat hubungan dengan kita macam mana hendak menipu kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Shah Alam sedang bangkitkan isu OIC.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Ini hubungan Kementerian Luar Negeri Negeri Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri Negeri. Saya hendak tanya, jadi macam mana agaknya strategi kita dengan jiran yang bersikap semacam ini? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya memuji sikap Kementerian Luar Negeri dan kerajaan kita dalam cara kita menguruskan permasalahan kita dengan Singapura. Sekarang ini kita berpegang prinsip bahawa kalau jiran kita maju, kita maju, kalau jiran kita susah, kita pun susah. Tetapi nampaknya mereka tidak mengambil ini sebagai satu sikap prihatin untuk menyelesaikan masalah itu. Sebab tadi saya kata, saya menyokong tindakan yang telah pun dibuat oleh pihak Kementerian Luar Negeri supaya masalah penambakan laut ini dibawa kepada timbangtara.

Kita harap supaya masalah air dan macam pakej yang lain, tanah, kerajaan kita di Singapura dapat dibangunkan sebagai satu pakej yang bersepadu dapat diselesaikan dengan secepat mungkin dan kita mendoakan ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, kita harap supaya suara ini akan mendapat sokongan daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha yang dimainkan untuk menjadi lidah penghubung rasmi dalam menerangkan dasar kerajaan di luar negara, saya harap pihak Kementerian Luar Negeri Negeri ini juga dapat membantu untuk mempromosikan barang-barang dagangan negara kerana kita tahu bahawa untuk bersaing dalam cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi, saya menyokong pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Tambun bahawa selain daripada negara untuk bergantung dengan FDI daripada akan datang, dengan kapital yang ada pada kita ini, kita pula boleh melabur ke luar negara dan kita mempunyai hasil dagangan dan produk yang boleh *dimarketkan* di luar dalam pasaran global. Saya harap pihak Kementerian Luar Negeri Negeri akan membantu MITI dalam mempromosikan barangan dagangan.

Perkara ketiga yang saya ingin sebutkan ialah tentang Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju tentang langkah kerajaan untuk mempertingkatkan *delivery system* di kalangan kakitangan kerajaan. Kita tahu bahawa bagaimana *smart partnership* ini, iaitu perkongsian pintar di antara pihak swasta dan kerajaan, akhirnya akan memberikan manfaat yang besar kepada negara dari segi pembangunan ekonominya.

Tetapi saya ingin tegaskan di sini bahawa dalam mempertingkatkan *delivery system* ini, dalam kakitangan kerajaan, saya amat berbangga dalam perayaan Merdeka 46 tahun ini, kita lihat yang dibuat di Putrajaya, bagaimana cantik, indah. Itu sebagai satu hadiah yang cukup besar kepada kakitangan kerajaan di Putrajaya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya hadir mesyuarat pembangunan daerah saya di Klang, bangunan di Klang, Pejabat Daerah pun, 20 tahun dahulu, sampai sekarang pun dia serupa juga. Dia punya kakitangannya, serupa juga. Jadi, saya harap pihak kerajaan dalam berhubung kait untuk mempertingkatkan tentang Bersih, Cekap, Amanah, yang diperkenalkan 20 tahun dahulu untuk mempertingkatkan *delivery system* ini di peringkat akar umbi, di peringkat pejabat-pejabat daerah pun harus dipertingkatkan. Kemudahan menggunakan sistem *e-government* ini dapat dipertingkatkan.

Saya mendapat memorandum daripada kakitangan kerajaan yang dia punya jawatan *timescale* yang sudah berkhidmat 15 tahun dahulu sampai hari ini pun 15 tahun. Jadi, saya hendak tahu, adakah mereka ini terperangkap dalam sistem kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam ini. Kita lihat bahawa kita hendak supaya *delivery system* ini dipertingkatkan dan soal-soal untuk hendak naik pangkat, kalau yang sudah layak 11 tahun 15 tahun ini, minta ianya dipercepat dan diproseskan.

Saya bangga dengan Putrajaya dan saya akan jadi turut bangga juga kalau Pejabat Daerah Klang, Pejabat Daerah Petaling, Pejabat Daerah Keningau, Pejabat Daerah Sri Gading ataupun Tampin dapat dipertingkatkan dan akhirnya perkongsian pintar di antara pihak kerajaan dan swasta dapat dipertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:baik, Yang Berhormat. Itu pun cukuplah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: [Menyampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kementerian Pengangkutan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apa yang masalah besar tentang MEP - *Malaysian Electronic Payment*, yang hendak menggunakan *Touch 'n Go*. Dahulu kita sudah tetapkan satu tarikh lepas itu kita *postponed*. Yang ini payah sikitlah. Kalau kita buat keputusan, ini dia *dateline*, kita tetapkan *dateline* ini. Saya harap supaya soal menjamin kecekapan sistem integrasi supaya penggunaan *Touch 'n Go* ini dapat memberikan keselesaan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan dan saya menghormati ucapan ini jadi saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:baik, baik, terima kasih. Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

11.56 pagi

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mulakan dengan isu makmal pengkomputeran sekolah di mana saya telah menyifatkannya sebagai satu *double standard*. Ia disifatkan sebagai satu *double standard* kerana:

- (i) walaupun tarikh tamat yang pertama untuk projek ini – Fasa 1 disiapkan adalah pada 14 Mei 2001, tetapi pada 15 Julai tahun ini, hanya 40% yang telah siap dan berfungsi; dan
- (ii) hampir semua makmal yang telah dibina di Zon Timur telah didapati menyalahi atau tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan, maka ini adalah *double standard*.

Walaupun Menteri Pendidikan telah menyatakan pada 21 Julai tahun ini bahawa beliau sanggup memberitahu segala-galanya - *prepare to tell all*, tetapi adalah begitu mengecewakan apabila beliau tidak menunaikan janjinya.

Sebelum saya masuk ke dalam butiran lain, saya ingin menimbulkan satu masalah yang telah dihadapi di Melaka. Walaupun kerajaan kata telah begitu banyak tindakan diambil, telah tamatkan kontraktor di Zon Timur, PMC juga telah ditamatkan kontraknya di Melaka, di mana kerajaan telah mengumumkan pada tahun 2002, seramai 38 subkontraktor telah dilantik untuk menjalankan projek itu tetapi pada 31 Julai tahun ini, Ahli EXCO Melaka yang menjaga hal ehwal pendidikan telah mendedahkan, hanya satu daripada 62 makmal pengkomputeran sekolah yang harus dibina iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Naning.

Masalahnya ialah yang tidak siap itu dibiarkan sahaja, terbengkalai sahaja. *Where is the action?* Jadi, saya tidak faham apakah maknanya kalau kerajaan kata dia telah ambil tindakan untuk menguruskan skandal di *East Zone*, tetapi di Melaka, yang 61 itu dibiarkan. Tidak ada pun tindakan. Datuk Haji Long Said sendiri mengatakan kita tidak dapat cari kontraktor pun, kita tidak tahu pun siapa kontraktor, sebab kontraktor adalah dilantik oleh Kementerian Pendidikan. Ini adalah begitu mengecewakan.

Walaupun saya telah tanya satu soalan di Parlimen tetapi pihak kerajaan tidak memberikan butiran-butiran yang cukup dan saya begitu tertarik hati dengan satu kenyataan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin yang mengatakan, dengan izin, "*The Education Department accept full responsibility to ensure that construction of all computer labs are completed on time for the sake of our students although the construction is not only the responsibility of the Education Ministry but also the Treasury and the Economic Planning Unit of the Prime Minister Department.*"

Mengapakah dia telah sebutkan nama EPU dan juga *Education Ministry*? Pada 8 Julai tahun ini, saya telah menyampaikan dua set dokumen secara sulit yang saya telah terima melalui pos, tidak tahu daripada siapa kepada Perdana Menteri. Dan saya *quote*, ada begitu banyak tuduhan telah dibuat dan saya hanya baca, Tuan Yang di-Pertua, satu *paragraph* sahaja berkenaan dengan projek pengkomputeran sekolah.

“Projek ini sepatutnya siap pada 14 Mei 2001 tetapi projek ini menghadapi pelbagai masalah kerana kontraktor yang dilantik kurang berupaya terutama sekali dari segi modal pusingan sedangkan nilai kontrak yang diberikan adalah terlalu tinggi”.

Di samping itu, mereka sebenarnya bukan kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB (Construction Industry Develop Board) dan PKK (Pusat Khidmat Kontraktor). Oleh itu syarikat-syarikat tersebut tidak sepatutnya diberi projek pembinaan sekolah secara *design and built*. Soal pemilihan syarikat-syarikat tersebut tidak dapat dijawab oleh pegawai UPE tetapi mereka menyarankan agar perkara ini ditanya kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang pada masa keputusan tersebut dibuat Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah KPUPE. Walau bagaimanapun, segala masalah yang timbul cuba dipersalahkan ke atas Kementerian Pendidikan.

Memang saya boleh terima bahawa kemungkinan ada kontraktor yang telah melakukan sesuatu yang tidak betul yang menyebabkan projek itu tidak mengikut spesifikasi tetapi tuduhan yang telah dibuat adalah begitu serius. Oleh kerana kalau kita masuk laman web CIDB, saya tidak tahulah sama ada semua projek ini tidak ada atau tidak berdaftar dengan CIDB tetapi kalau kita masuk laman web CIDB, saya tahu Bellgrand ada berdaftar dengan CIDB tetapi mengikut satu laporan siasatan yang telah dibuat oleh *Straits Times* ataupun kita dapat daripada laman web CIDB, Bellgrand *tendering* kapasiti yang telah dibahagikan dalam laman web.... bermakna bahawa *tendering* kapasitinya sebanyak RM3 juta sahaja. Mengapa kompeni diberikan kontrak untuk membina 500 buah makmal sekolah yang berharga lebih daripada RM140 juta? Dan Tan Sri Musa sendiri atau Menteri Pendidikan sendiri mengatakan, *‘you need to take one and half days’* untuk memastikan tapak sahaja. Kalau *one school, one half day and five hundred or three or so*, mana boleh siap dalam masa setahun. Ini begitu jelas sekali bahawa ada satu yang tidak betul dalam kes ini. Jadi kalaulah kerajaan begitu komited, kalau begitu komited kepada *transparency*, saya hendak tanya sama ada kerajaan sanggup mengambil tindakan untuk menyiasat apa yang saya telah serahkan kepada Perdana Menteri.

Ada banyak lagi saya tidak hendak sebut hari ini tetapi ini semua... [*Sambil menyelak teks ucapan beliau*] apabila saya sampaikan maklumat ini kepada Perdana Menteri, saya pun ragu sedikit sama ada ini betul atau tidak saya tidak dapat check tetapi selepas Menteri Pendidikan sendiri mendedahkan semua angka berapa dia punya nilai harga dan harga kontrak begitu tepat sekali semua betul. Jadi saya percaya ini adalah angka-angka yang betul bila mesyuarat diadakan dan sebagainya. Saya haraplah bahawa Perdana Menteri, sebelum dia bersara boleh ambil serius tentang tuduhan yang telah dibuat berkenaan dengan komputer lab ini. Walaupun saya ada dengar bahawa ada ramai Menteri tidak mendapat dokumen-dokumen ini, tidak tahu dari siapa, tetapi jangan anggap ini satu *power-play*.

Saya dengar ada orang kata bahawa orang yang membocorkan, tidak tahu siapa, fakta-fakta atau bukti-bukti adalah oleh kerana ada dua *gang*, yang satu hendak lihat supaya kontrak ASP tidak lanjutkan, ada orang yang suka bahawa kontrak tidak lanjutkan, ini bukan masalah saya yang saya tidak pentingkan ialah saya tidak masuk campur. Yang penting adakah tuduhan itu yang terdapat di sini betul atau tidak dan saya nampak memang ada yang tidak betul. Oleh kerana kalau tidak berdaftar dengan CIDB, bolehkah syarikat dilantik sebagai kontraktor hanya mengikut Akta 520, hanya Menteri Kerja Raya yang boleh bagi *exemption*. Sama juga dengan PKK, cuma Menteri *Entrepreneur Development* yang boleh bagi *exemption*.

Jadi kalau kita mahu dapat betul-betul, BPR haruslah masuk supaya kita boleh cari apakah asasnya menyebabkan skandal yang besar ini. Dan saya juga tahu daripada dokumen yang terdapat bahawa QSC, projek P&C yang telah ditamatkan. Adapun tuduhan

terhadap P&C ini di mana di sini dikatakan pada suatu ketika QSC Projek Sdn. Bhd yang mempunyai hanya 5 orang profesional, enam pengurusan, tujuh kakitangan sahaja dilantik menguruskan projek bernilai RM1,423 juta. Ini kecil punya syarikat dapat banyak dan dapat lagi.

Di samping itu QSC juga dilantik untuk menjalankan audit dan *assesment* bagi projek-projek berikut, banyak – Hospital Selayang, Pularek, Pusat Teknologi Tinggi Kulim. Bagaimana satu syarikat yang kecil boleh dilantik untuk menguruskan begitu banyak projek dan bagaimana satu syarikat kontraktor yang tender kapasiti mengikut CIDB cuma boleh menender untuk RM3 juta diberikan projek bernilai RM140 juta? Ada sesuatu yang tidak betul, beranikan kerajaan mengadakan satu siasatan dengan melaporkan kepada BPR supaya sesiapa sahaja tidak kira jawatan disiasat dengan betul.

Ada banyak lagi saya akan ucap apabila sesi bajet naik tetapi saya haraplah bahawa Menteri Pendidikan jangan mengatakan bahawa Menteri Pendidikan adalah *house owner* dan ini bukan kesalahan *house owner*. Kalau semua makmal ini adalah projek persediaan Menteri Pendidikan, saya tidak akan timbul dalam Parlimen ini dan mereka tidak payah jawab. Memang ada tanggungjawab walaupun sebagai *house owner*, dan saya harap bahawa skandal ini ada satu jawapan yang boleh diberikan kepada Parlimen sebelum kita akhiri sesi kita dan masuk bertanding dalam pilihan raya yang akan datang.

Saya sebenarnya telah bertanyakan satu soalan pada 4 September dan jawapan yang diberikan, saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini dijawab bagi Timbalan Menteri, Dato' M. Kayveas bagi pihak Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerima dokumen tersebut dan tuduhan-tuduhan yang dibuat sedang diteliti. Saya berharap bahawa Perdana Menteri boleh bagi satu laporan yang lengkap atas siasatan yang telah dibuat dan dikemukakan oleh Parlimen sebelum beliau bersara.

Satu isu lagi Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah merdeka selama 46 tahun dan nampaknya rakyat kini telah digalakkan untuk mengibarkan Jalur Gemilang yang saya sokong dan sentiasanya apabila menjelang hari kemerdekaan ini, pimpinan sama ada dari kerajaan kepada kerajaan pembangkang akan membuat ucapan dan nampaknya baik menyarankan rakyat supaya memperingati nilai-nilai yang dapat menyatupadukan rakyat, bagaimana kita dapat capai harmoni perpaduan kaum tetapi saya merasa kesal, dalam pelancaran perayaan Bulan Kemerdekaan dan kempen Kibar Jalur Gemilang 2003 di Melaka. Ini kad yang saya terima daripada Menteri Kebudayaan tetapi ini kecil, saya bawa satu sepanduk yang telah menyakit hati orang di Melaka. [*Sambil menunjukkan kepada dewan sepanduk yang dibawa oleh beliau*] Cuba tengok itu, Tuan Yang di-Pertua, boleh nampak, ini besarlah. Yang lain semua Perdana Menteri, Tuanku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn dan Perdana Menteri kita sekarang. Tetapi orang sakit hati Tuan Yang di-Pertua, *Malaya for Malays*. Pada orang yang tidak faham sejarah, dia nampak perkataan ini dia kata: "*Ini kita sudah merdeka sudah 46 tahun, mengapa ada perkataan sedemikian?*" Saya tahu bahawa UMNO memang begitu bangga dengan sejarah ini. Saya tidak kata ini bukan sejarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tulisan masa dahulu itu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, sekejap, sekejap nanti saya habis. Saya hormat, ini memang sejarah. Kalau di perayaan Pemuda UMNO hendak buat macam ini, tidak mengapa. Tetapi, ini kemerdekaan. Apa yang kita hendak capai pada hari merdeka, kita menyarankan supaya rakyat memperingati nilai-nilai yang baik, yang pernah dikatakan oleh Tunku Abdul Rahman seperti semangat muhibah, perasaan *mutual understanding*, *mutual trust* yang telah menyatupadukan rakyat tetapi ini, "*Malaya for Malays*", ada orang yang tidak faham skim Malayan Union, dia merasa terkilan oleh kerana dia kata ini perkauman. Ini perasaan dia, *perception* dia. Jadi, saya kata ini salah konteks, itu yang pertama.

Yang kedua, pada orang yang faham apakah itu skim Malayan Union, mungkin ada buku sejarah yang memberikan pelbagai interpretasi. Saya bagi apa yang dikatakan oleh UMNO sendiri, daripada laman web UMNO sendiri. Menurut skim ini, Malayan Union, Semenanjung Tanah Melayu akan dijajah seperti....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak minta penjelasan. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock:kerakyatan akan dibuka kepada semua kaum tanpa syarat, kekuasaan Raja-raja Melayu diserahkan kepada Raja England dan Parlimen British diwakili seorang Gabenor.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Kerk Kim Hock:dan ada satu perenggan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat....

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Perjanjian Persekutuan 1948 telah ditandatangani pada 21 Januari tahun 1948 di antara Kerajaan British, Raja-raja Melayu dan UMNO bagi menggantikan Kerajaan Malayan Union. British mengiktiraf semula ketuanan politik Melayu melalui pengekalan kekuasaan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing, kerakyatan yang lebih ketat dan Dasar Perlindungan Negeri Melayu dan Kedudukan Istimewa Melayu dikekalkan. Adakah ini mesej yang kita hendak hantarkan kepada orang muda di negara kita? Saya kata, bahawa kalau saya hendak suruh rakyat Cinakah, Melayukah, Indiakah untuk bersatu-padu, saya akan kata yang positif supaya tidak akan....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai yang berdiri Yang Berhormat. Tidak payah tepuklah.

Tuan Kerk Kim Hock:mengatakan pernah berlaku Peristiwa 13 Mei tahun 1969.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, ramai yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, ini tidak ditunjukkan, tidak selaras dengan tema yang kita patut gunakan pada hari kemerdekaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, ramai yang berdiri, hendak beri jalan? Haa, Tanjong Karang, ya. Tanjong Karang, ya sila. Duduk Yang Berhormat, sudah ada orang.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat pun tidak faham sejarah. Sebab itu, Yang Berhormat nampaknya salah tanggap mengenai iklan itu. Yang Berhormat kena tahu, itu zaman Dato' Onn. Masa zaman Dato' Onn pada masa itu, dia hendak mempertahankan Malayan Union, masa itu memanglah mana ada bukan Melayu bersama-sama dengan

UMNO pada masa itu, dan kena ingat yang pencapaian kemerdekaan ini ialah zaman Tunku Abdul Rahman. Jadi, kalau Yang Berhormat salah tafsir itu, itu akan mengelirukan generasi yang akan datang. Kita juga kena ingatkan bahawa itulah pengorbanan orang Melayu kepada bukan Melayu dengan memberikan status warganegara kepada bukan Melayu. Ini terkandung dalam *social contract*. Sebab itu, kita beritahu dengan DAP, jangan ungkit-ungkit lagi ini fasal *social contract*. Kalau kita cuba dibangkitkan *social contract*, maka akan timbul keadaan yang tidak aman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat apa yang saya pernah ucapkan dalam Parlimen ini. Selalunya perkara yang sensitif, sebelum saya ucap, saya ada buat ujian. Saya kata di sini, saya tidak mahu sebut nama. Saya telah berbincang dengan dua orang Menteri dari sana. Mereka kata, ini tidak patut dipamerkan. Ini, dalam Parlimen cakap lain, bila luar semua cakap saya betul. Tetapi, saya kata mengapa saya sebut dalam Parlimen hari ini, saya sudah cakap dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Tetapi, masih tidak ada tindakan. Tetapi, saya kata mengapa hanya di Melaka sahaja? *[Disampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Mengapa di Melaka sahaja?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya kata saya hormati, ini sejarah, fakta sejarah. Tetapi, adakah ini sesuai dengan tema hari kemerdekaan. Adakah ini yang kita hendak pameran....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock:pada hari kemerdekaan? Apakah mesej kita pada hari kemerdekaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat....

Tuan Kerk Kim Hock: Ini, dia ingat dia bising kuat, jadi isu perkauman, saya takut. Ini cakap sejarah, tanya. Saya sanggup kalau *challenge* saya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada tiga orang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sanggup namakan Menteri-Menteri yang bersetuju dengan saya bahawa ini tidak harus dipamerkan di Melaka. *[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, ada tiga orang berdiri, hendak bagi jalan?

Tuan Kerk Kim Hock: Mereka kata, ini adalah salah. Jadi, saya cuma minta bahawa walaupun ini satu fakta sejarah, tetapi ia tidak sesuai dengan tema hari kemerdekaan, maka saya minta supaya arahan diberi kepada negeri Melaka untuk tanggalkan. *[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka....

Tuan Kerk Kim Hock: Itu sahaja yang kita minta tetapi siapa berani membuat satu keputusan? Tidak ada siapa berani, oleh kerana faktor politik, bukan oleh kerana faktor rasional.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pigi dah!!!

Tuan Kerk Kim Hock: Saya kata, tidak ada kibarkan iklan sedemikian. Cukup, cukup, nanti saya keluar dari sini, saya beritahu siapa Menteri-Menteri yang setuju dengan saya. *[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri, hendak beri jalan?

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak mahu, tidak mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Saya tidak tahu. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, walaupun 'Ops Warta' nanti ada

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini semua apa ini, nak main isu perkauman sahaja. Tidak faham saya punya rasional. Tidak faham, duduklah Yang Berhormat. *[Dewan gamat seketika]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun] [Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun] [Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, walaupun nampak.... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat satu minit lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya hendak berucap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu minit lagi, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Walaupun nampaknya 'Ops Warta' telah kita tidak dengar tetapi sebenarnya 'Ops Warta' masih berterusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya dapati ada aduan 'Ops Warta'. Sebenarnya 'Ops Warta' tidak dibatalkan Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ucap lebih dalam....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup sudah.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, akhirnya sekali satu sahaja. Saya dapati ada POL 107/A, iaitu Notis Kesalahan Trafik dikeluarkan selepas satu setengah tahun. Saya minta supaya polis adil kepada rakyat dan batalkan kalau tidak boleh mengeluarkan notis selepas tiga bulan. Ini 18 bulan ada, lapan bulan ada, sembilan bulan ada. Ini tidak adil kepada pengguna jalan raya. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi ini Parit Sulung.

12.16 tgh.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut membahaskan Perbelanjaan Tambahan yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat. Saya cuma ingin membuat satu respons kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah menunjukkan satu poster sempena sambutan Hari Kebangsaan, di mana satu gambar Allahyarham Dato' Onn Jaafar, pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu telah pun dijadikan bahan isu perbahasan dalam Dewan pada hari ini.

Saya melihat gambar Allahyarham Dato' Onn itu berlatarbelakangkan satu sepanduk yang mengatakan "*Malaya For The Malays*". Itu adalah satu poster yang diambil sewaktu gerakan menentang Malayan Union pada tahun 1946 salah satu gerakan yang terbesar menentang Malayan Union adalah di Batu Pahat iaitu di bumi di mana saya dibesarkan. Saya tahu macam mana Malayan Union itu ditentang oleh orang Melayu. Kita juga kena faham perasaan orang-orang Melayu, apabila Raja-raja Melayu diugut dengan kereta kebal yang muncungnya diarahkan ke istana supaya mereka tunduk kepada kehendak Inggeris walaupun Malayan Union itu untuk menghapuskan hak Melayu dan Raja Melayu. Jadi, apa rasionalnya Yang Berhormat bagi Kota Melaka, bangun pada hari ini, setelah 46 tahun negara merdeka, untuk membawa isu ini. Kalaupun poster itu hendak dijadikan isu, poster itu terdapat dalam buku-buku, poster itu terdapat dalam khazanah simpanan sejarah negara. Jadi, apa ertinya dibangkitkan sejarah 13 Mei? *[Disampuk]* Siapa yang memutarbelitkan masalah sejarah?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun] [Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya, tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Dia tidak bagi jalan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bangun untuk respons kepada saudara. Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bangun....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, dia tidak bagi jalan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk dahulu.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kota Melaka, duduk dahulu.

Seorang Ahli: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dengarlah dia orang bercakap pula. *[Dewan gamat seketika]*

Seorang Ahli: Mengarutlah *you*.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang dibesarkan di bumi, di mana kita melihat keganasan, pertumpahan darah. Sehingga keganasan, saya mewarisi perjuangan saudara-mara saya dikuburkan hidup-hidup di mana timbulnya Gerakan Panglima Salleh Selendang Merah, di Mukim Empat. Kampung Penghulu Salleh dengan kampung saya sebelah-menyebelah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yeahh!!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya amat setuju kenyataan Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Sebenarnya, Kota Melaka cuba mencetuskan, dia sudah bankrap, DAP sudah bankrap *political* ini, hendak menghadap pilihan raya ini.

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah bankrap sangat DAP ini. Jadi, cerita-cerita lapuk seperti ini hendak dibangkitkan untuk menarik simpati orang-orang yang sudah tidak berapa sangat gemar kepada DAP untuk menyokong DAP.

Dahulu, *[Disampuk]* - sejarah, ini sejarah - dahulu negara ini dinamakan Persekutuan Tanah Melayu. Melayu berkorban, ubah jadi Malaya. Sebab itu kalau sependuk zaman Allahyarham Dato' Onn bertulis seperti itu, perkara itu tidak pelik! Tidak sepatutnya Yang Berhormat bagi Kota Melaka hendak bangkitkan perkara-perkara seperti ini untuk menimbulkan rasa benci antara kaum dengan kaum!

Yang Berhormat bagi Kota Melaka ini sebenarnya menjalankan hasutan! Hasutan seperti inilah yang merosakkan perpaduan di peringkat negara! Sekarang ini Malaysia, negara yang telah pun diterima oleh seluruh warganegarannya, baik Melayu, Cina, India dan berbagai-bagai suku lagi telah mendukung konsep Malaysia dan kita aman damai, tetapi DAP nampaknya tidak suka aman damai, dia cuba hendak merosakkan perpaduan dan harmoni!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya tidak tahu sama ada DAP ini gembira atau tidak menjadi rakyat Malaysia. Kalau tidak suka jadi rakyat Malaysia, boleh berambuslah pergi ke negara lain! Carilah ketenangan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Untuk duduk di Malaysia, kita terima....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:keadaan yang ada pada hari ini!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia tidak mengerti apa yang saya kata!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, itu fahaman dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin: You duduklah!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ini Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu fahaman dia. Sila.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah! Ini Parlimen!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong, ya teruskan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih berdiri]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Yang Berhormat. Itu pandangan dia, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Serupa pandangan Yang Berhormat buat tadilah. Dia hendak jawab.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang melangkah ke satu arah untuk menggembelng seluruh warganegara dengan satu semangat patriotisme Malaysia. Kalau kita susur sejarah kemerdekaan, kita tahu kemerdekaan negara ini diasaskan atas nasionalisme Melayu. Selepas itu didukung oleh kesetiakawanan bangsa-bangsa lain. Sebab itulah nasionalisme Melayu yang dicetuskan oleh UMNO digandingkan dengan kesetiakawanan MCA dan juga MIC.

Jadi, kemerdekaan negara ini diasaskan atas gembelngan semangat nasionalisme dengan kesetiakawanan. Lee Kuan Yew mengatakan a "*Alloamenism*". Saya katakan "perikatanisme", kesetiakawanan. Kesetiakawanan ini yang mendukung negara ini untuk merdeka. Jadi mengapa diulang sejarah yang silam sedangkan kita mahu melihat arah yang ke hadapan?

Seorang Ahli: Ya, betul!

Dato' Othman bin Abdul: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pendang berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Othman bin Abdul: Apakah sebab Yang Berhormat bagi Kota Melaka membangkitkan Peristiwa 13 Mei 1969? Adakah Yang Berhormat pernah membaca satu catatan Leon Comber bagaimana DAP berarak pada tahun 1969 melalui Kampung Baru dan berucap menghalau orang Melayu Kampung Baru? Leon Comber menulis.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Othman bin Abdul: Baca!

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan bohonglah!

Dato' Othman bin Abdul: Bohong apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup, cukup!.

Dato' Othman bin Abdul: You kurang ajar! Baca Leon Comber's! Tulislah!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Othman bin Abdul: Dalam buku itu: "Melayu sudah jatuh! Kita mahu halau semua Melayu!" Cari buku Leon Comber's, tulis! Saman dialah! *[Disampuk]* Kurang ajar!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ini waktu saya bercakap sebenarnya.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk, Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, Yang Berhormat, duduk. Duduk, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia kacau saya!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk, duduklah, Yang Berhormat!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk! Saya tahu apa perasaan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya belum jawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bangkitan yang dibuat masa perarakan itu. Ya, sila duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk!

Seorang Ahli: Tidak tahu sejarah, jangan cakap sejarah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ini ganggu ini!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Peraturan Mesyuarat berapa, Yang Berhormat bagi Batu Gajah?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak boleh. Berapa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36.... *[Disampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila, sila.

Puan Fong Po Kuan: Kucing sudah berlari ke sana! Nanti tumbuh pula....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti, Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat, sila.

Puan Fong Po Kuan: Saya haraplah *behave*lah, dengan izin, ya Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin bangkitkan Peraturan Mesyuarat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong duduk dahulu.

Puan Fong Po Kuan: Sekarang saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat. Saya harap Yang Berhormat bagi Parit Sulong faham peraturan dan duduk!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat, duduk, duduk!

Puan Fong Po Kuan: Peraturan 36(10), Apabila membahas, Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan seperti dalam Peraturan.... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta mereka jangan bising ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya faham, saya faham

Puan Fong Po Kuan: Menaikkan perasaan sakit....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya harap diberi amaran, kalau tidak mereka dihalau keluar Dewan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Yang Berhormat tidak faham menghalau saya, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan Peraturan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk! Saya sudah faham...

Puan Fong Po Kuan: Selepas itu saya bagi alasan. Saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk!

Puan Fong Po Kuan: Sebelah sana bising!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk! Yang Berhormat bagi Kinabatangan, duduk!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Fong Po Kuan: Saya ingin habiskan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan duduk, Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun duduk. Saya sudah faham.

Puan Fong Po Kuan: Tetapi saya tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah. Peraturan ini tidak perlu baca. Kalau saya suruh baca, bacalah. Kalau saya sudah tahu 36(10), tidak payah bacalah. Saya sudah faham.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya akan membuat keputusan. Saya sudah faham, saya akan buat keputusan. Duduklah!

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak benarkan awak bercakap. Saya kata Peraturan itu....

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, duduk! Yang Berhormat bagi Batu Gajah, duduk!

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah faham. Nanti Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang kena keluar. Orang lain tidak kena-mengena. *[Disampuk]* Saya sudah faham Peraturan, sila duduk. *[Dewan riuh]* Peraturan ini bila sudah dibangkit, bila sebut Peraturan, kalau saya sudah faham, Pengerusi tidak payah dengar syarahan lagi. Pengerusi akan buat keputusan. Itu caranya. Kalau dibenarkan baca, kemudian bersyarah lagi, perkara itu akan berlarutan. Saya faham kita tidak boleh membangkitkan perasaan sesama Ahli. Jadi, kalau perkara itu sudah berlaku dan sama-sama membangkitkan perasaan, saya kira kita berhenti setakat itu dan saya minta Yang Berhormat bagi Parit Sulong menyambung ucapan mengikut peraturan selayaknya. Silakan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan bangkitkan parti mana, jangan bangkitkan siapa....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, duduk! Dengar cakap sayalah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya harap Yang Berhormat bagi Parit Sulong cakap fakta sejarah, bukan mengungkitkan siapa dan sebagainya. Hanya menjelaskan fakta sejarah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang mengungkit, yang menjolok sarang tebuan ialah Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak. Saya tidak mengungkit siapa-siapa. Apa yang ditegaskan oleh Yang Berhormat bagi Pendang mengenai Leon Comber adalah betul.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup, Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ha, apa pula belasah? Saya peduli apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya dengarlah. Saya sudah dengar itu. Saya sudah buat keputusan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah buat keputusan sebab ada Peraturan tadi. Yang Berhormat belum bangkitkan Peraturan Mesyuarat, sebab itu saya tidak buat keputusan. Sekarang ini saya sudah buat keputusan, duduklah. Jadi, Yang Berhormat berhati-hatilah, tidak usah usik siapa-siapa....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau hendak cakap fakta sejarah, fakta sejarahlah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak, tidak berkesudahan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bertengkar sampai petang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Untuk catatan dalam Dewan yang mulia ini, yang mula-mula menimbulkan kekacauan pada hari ini ialah Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Itu mengungkit, itu rekod, tidak boleh dipadam!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan yang lain, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Diamlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa benda?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

[Dewan riuh]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bercakap. Apa dia? Saya bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk!

Seorang Ahli: Hoi, duduklah!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk! Duduk!

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: *[Bangun]* *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, tengok dia mengacau! Tengok ini!

Dato' Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, duduk semua! Dengar cakap saya, duduk semua. Kalau tidak, semua akan keluar. *[Disampuk]* Duduk semua!

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk semua! Kalau tidak, semua yang degil keluar belaka. Kalau saya suruh seorang sahaja, tidak adil pula saya.

Dato' Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pendang, duduk, duduk! *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Pendang duduk pula. *[Dewan riuh]* Duduk dahulu, Yang Berhormat bagi Pendang. Saya tidak dengar masa bertengkar tadi. Yang Berhormat bagi Pendang!

Dato' Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pendang, duduk.

Dato' Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dato' Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pendang. Semua duduk, semua duduk! Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sila bercakap teruslah dengan cara jangan menyentuh apa-apalah. Yang bercakap tadi sudah direkodkan. Ya, sudah rekod.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak DAP ingatlah sejarah. Saya datang ke Kuala Lumpur, menjejakkan kaki satu minggu sebelum 13 Mei 1969. Saya tahu sejarah negara ini. Saya tahu bagaimana darah melimpah. Saya tahu apa sebabnya. Saya tahu bagaimana Tuanku Abdul Rahman berdiri di *residency* di Jalan Dato' Onn melihat kawasan Kampung Baru. Katanya beliau melihat langit merah terlalu cerah akibat kebakaran. Siapa yang membakar? Saya tahu cerita ini semua, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu! Semua orang dalam Dewan ini tahu, tetapi sesetengahnya pura-pura tidak tahu.

Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bagaimana orang Melayu diperhina. Saya tahu siapa yang menghina. Kita semua tahu. Kita melihat mengapa orang Melayu bangkit pada 1969?

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat. Hendak minta penjelasan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau ada pihak....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat saya ikut Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya ikut Peraturan Mesyuarat. Tidak bagi jalan, tidak bagi jalanlah.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan, tidak bagilah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Halau dia keluarlah!

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, saya tahulah. Saya tahulah. Jangan pertikaikan hak saya.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Jangan mempertikaikan saya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kena keluar. Saya ada hak, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulong....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang namanya Melayu

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong, dengar saya cakap dahulu. Saya kira kalau hendak cakap fakta sejarah itu, jangan menimbulkan perasaan yang terlalu emosi, cakap cara harapan supaya perkara itu tidak berlaku, saya ingat itu lebih baik kalau tidak, tidak tenteram Dewan kita sebenarnya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak DAP ingat apa yang diperjuangkan oleh satu pertubuhan yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew yang bermesyuarat di Singapura yang memperjuangkan Konsep Malaysian Malaysia. Apa dia Konsep Malaysian Malaysia? Konsep Malaysian Malaysia itulah yang telah mewujudkan

polarisasi kaum di negara ini sehingga tercetus perbalahan pada tahun 1969. Saya menuduh bahawa DAP sebagai salah satu cabang kepada PAP mewarisi semangat itu. Tetapi kita kata tidak apa, sehingga sekarang mereka bertaubat, syukur alhamdulillah. Tetapi saya minta Yang Berhormat bagi Kota Melaka, jangan sekali-kali cuba menuduh sembarangan. Tidak ada anak Melayu yang tidak emosional kalau dituduh sedemikian rupa. Saya boleh katakan....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak bagi, tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kata jangan diungkit-ungkit perkara ini lagi. Jangan diungkit-ungkit perkara ini lagi.

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Seorang Ahli: Ah So, diamlah Ah So!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Hah, inilah dia mentaliti dia orang. Saya terpanggil daripada dalam *coffee room* masuk oleh kerana apa yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya mengatakan, bacul saya sebagai anak Melayu kalau tidak bangun dan berani memperkatakan perkara yang benar, memang bacul! *[Tepuk]*. Memang bacul saya katakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya melihat sendiri Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya berharap jangan dipermainkan sentimen perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya berharap. Saya melihat sendiri bagaimana sekelompok parti politik dijangkiti ego kemenangan pilihan raya pada tahun 1969. Jalan-jalan yang sensitif dilalui dengan paluan gong, kompong, dengan ejekan macam-macam. Itu sejarah yang kita hendak pendamkan oleh kerana kita sedang melihat ke hadapan untuk kegemilangan negara. Tetapi kalau ada ahli-ahli politik seperti ini, saya amat sedih. Saya amat sedih. 46 tahun....

Puan Fong Po Kuan: Saya lagi sedih!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat, tidak payah bisinglah.

Seorang Ahli: Yang Berhormat belum lahir lagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia tidak mahu undi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah bising Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Antara musuh negara, antara lima musuh besar negara, salah satu ialah perkauman. Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menghindarkan musuh besar negara ini dari segi perkauman. Maka itu wujudlah perpaduan dan keharmonian. Saya berharap seluruh rakyat negara ini akan lebih mengutamakan perpaduan. Perpaduan yang didukung oleh semua kaum; Melayu, Cina dan India sebagaimana yang kita telah pun sarankan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Jadi apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka itu saya harap akan ditolak oleh semua rakyat negara ini yang cinta kepada keamanan dan juga kepada perpaduan. Saya berharap rakyat tolak, semua kaum tolak apa yang dicituskan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Apa yang dicituskan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka adalah satu yang amat berbahaya kepada perpaduan negara. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Parit Sulung dapat menguatkan hujah saya ini untuk kepentingan masa hadapan negara ini supaya semua rakyat akan dapat mendukung konsep Barisan Nasional untuk perpaduan negara dari segi untuk mengekalkan perpaduan di antara kalangan rakyat. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Memang perpaduanlah yang menjadi asas kepada pertumbuhan kerajaan pada hari ini. Dasar-dasar kerajaan pun diasaskan kepada perpaduan. Sebab itulah saya katakan Barisan Nasional atau awalnya adalah Perikatan adalah sebuah parti yang ditonjolkan atas semangat kesetiakawanan, *comradeship* di antara kaum-kaum utama pada ketika itu dan kemudian digabungkan dengan sokongan dan dukungan kumpulan-kumpulan etnik dari Sabah dan Sarawak, itu hakikatnya kita. Sebab itulah perpaduan ini jangan diganggu-gugat. Sebab itu perpaduan ini jangan dipersoalkan. Tetapi pokoknya, ada juga kelompok-kelompok manusia di negara ini yang merasa terancam kerana adanya perpaduan. Sebab itulah timbulnya suara-suara yang sedemikian rupa kerana mereka terancam. Politik mereka dahulu mungkin diasaskan atas semangat cauvinisme, atas konfrontasi, pertembungan kaum dan sebagainya. Ini tidak serasi dengan Malaysia.

Demokrasi Malaysia tidak serasi ataupun *compatible* dengan perkauman, konfrontasi dan sebagainya. Sebab itu kita memilih asas jalan tengah. Sebab itulah kita berkompromi, sebab itu kita mempunyai tolak ansur. Kalau hendak ikut jiwa saya sebagai anak Melayu, saya hendak *everything in total* Melayu, tetapi tidak. Itu bukan realiti. Realitinya negara ini adalah dibina atas asas-asas sejarah yang dahulu, kita kena menerima. Orang Melayu kena menerima realiti bahawa negara ini tidak boleh dimajukan tanpa kerjasama kaum yang lain. Kaum yang lain juga kena menerima realiti sejarah bahawa negara ini asalnya Tanah Melayu, itu hakikat. Kalau dua realiti ini tidak boleh digemblengkan menjadi satu kefahaman nasional, kita akan gagal, kita akan gagal Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Betull!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya ulangi Tuan Yang di-Pertua, realiti kepada bukan Melayu, mereka harus menerima sejarah bahawa negara ini suatu ketika dahulu adalah Tanah Melayu. Realiti kepada orang Melayu, mereka harus menerima bahawa negara ini tidak boleh maju, tidak boleh aman kalau tidak diambil kira bangsa-bangsa yang lain. Itu realitinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Kota Melaka, jangan cuba hendak mencari jalan menjolok sarang tebuhan. Perbuatan anda berbahaya, perbuatan anda bikin saya terlalu amat marah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Dungun.

12.37 tgh.

Dato' Mustafa bin Ali [Dungun]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan untuk saya sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Anggaran Belanjawan Tambahan yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu ingin saya menyebut walaupun baru sekejap kita mendengar ucapan-ucapan yang memang saya rasa boleh menimbulkan rasa tidak berapa senang, rasa dari segi hubungan di antara kaum. Saya tidak hendak tuding kepada siapa-siapa tetapi gambaran-gambaran ini sebenarnya adalah satu perkara yang tidak menggambarkan suatu kematangan yang sesungguhnya dalam kita berusaha untuk mencapai perpaduan negara.

Walaupun kita sama-sama tahu tentang sejarah, saya tidak akan mengungkit soal sejarah. Kalau sejarah menjadi panduan untuk kita bersiap sedia bagi menghadapi masa hadapan negara dan masyarakat. Saya lebih berpegang kepada kata-kata ahli sejarah yang menyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, '*history is the study of the past to understand the present and to prepare for the future*'. Sejarah....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dengan izin!

Dato' Mustafa bin Ali: Dengan izin, saya sudah sebut tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah sebut.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, cuma Yang Berhormat bagi Rompin tidak dengar barangkali. Tuan Yang di-Pertua, ertinya sejarah ialah kajian masa lampau untuk kita memahami realiti masa kini dan untuk kita bersiap sedia bagi menghadapi masa hadapan negara kita. Semua orang mungkin melakukan kesilapan di sana sini pada masa-masa yang telah lalu tetapi kalau semua orang telah menyedari kesilapan-kesilapan itu dan mereka bersedia untuk membetulkan kesilapan itu, kita akan menghadapi masa hadapan yang cerah bagi negara kita pada masa yang akan datang, insya-Allah.

Saya kembali kepada Anggaran Belanjawan Tambahan yang dikemukakan. Kita lihat tambahan belanja mengurusnya RM1.5 bilion dan pembangunannya RM3 bilion bererti RM4.5 bilion yang kita tambah pada hari ini pada bulan September ini di mana pada 12 September, bajet untuk 2004 akan dikemukakan oleh Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri. Bagaimana dalam waktu yang singkat begitu, kita telah mengemukakan suatu peruntukan tambahan yang jumlahnya RM4.5 bilion sedangkan beberapa hari lagi kita akan kemukakan suatu bajet untuk tahun 2004.

Memang kita katakan tambahan ini untuk tahun 2003. Apa yang telah berlaku dalam tahun 2003 ini hingga memerlukan kita membuat tambahan ini? Memang ada dinyatakan butir-butirnya tetapi saya merasakan bahawa tambahan yang agak besar yang kita kemukakan RM4.5 bilion yang kita sedang bahaskan ini menggambarkan bahawa perancangan kita, apa yang kita buat untuk bajet tahun 2003 yang telah kita buat tidak dengan secara teliti. Saya tidak hendak mengatakan tepat kerana sebenarnya kita tidak boleh hendak tepat 100% tetapi tidak dilakukan secara yang penuh dengan penelitian yang memungkinkan kita membuat satu tambahan di saat kita hendak kemukakan bajet tahun 2004 dengan satu jumlah yang begitu besar.

Adakah silap ini silap pada orang yang membuat perancangan daripada kerajaan sendiri ataupun silap orang yang menyediakan perangkaan, membuat pengunjukan bagi perbelanjaan 2003 ataupun siapa? Biasanya Tuan Yang di-Pertua, pihak birokrat teknokrat yang bertanggungjawab untuk menyediakan belanjawan ini telah mengambil kira segala keupayaan negara menguruskan kewangan negara dengan unjukan yang dilakukan tetapi kadang-kadang yang menyebabkan berlakunya pertambahan yang begitu besar kerana ada elemen-elemen yang di luar daripada tanggungjawab menyiapkan belanjawan itu yang menyebabkan kita menghadapi keadaan ini.

Terus terang saya mengatakan dalam banyak keadaan, pemimpin-pemimpin politik telah mengganggu-gugat bagaimana peruntukan-peruntukan kewangan itu harus dibelanjakan dengan satu perbelanjaan yang mungkin sebenarnya tidak ada pada awalnya tetapi diletakkan di mana-mana Kepala yang munasabah yang menggambarkan bahawa telah

berlaku penyelewengan-penyelewengan tertentu. Saya rasa tentulah ada disebut tentang makmal komputer yang begitu besar memakan belanja tetapi runtuh hampir seluruhnya.

Jadi sebab itu, ini suatu gambaran bahawa belanjawan telah dibuat dengan tidak teliti hingga memerlukan suatu tambahan yang begitu besar di saat akhir tahun di mana kita akan kemukakan bajet pada tahun 2004.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang soal Dasar Luar Negara yang ada kaitannya dengan soal hubungan dengan negara jiran kita. Saya sebut secara khusus iaitu negara Singapura dalam hubungannya dengan masalah air yang menjadi satu pertikaian yang sehingga kini tidak dapat diselesaikan.

Tambah satu lagi isu iaitu soal *reclamation* yang dibuat oleh dengan izin, Singapura yang juga menjadi isu yang tidak dapat diselesaikan secara *direct bilateral* antara Malaysia dengan Singapura. Kita menyedari bahawa dalam konteks ASEAN misalnya, dua-duanya adalah dalam negara ASEAN, dalam konteks kejiranan, Malaysia dan Singapura adalah jiran yang paling hampir di antara satu sama lain.

Dari sudut sejarah pula, kedua-dua penduduk negeri ini mempunyai hubungan yang sangat rapat di antara satu sama lain. Sebab itulah satu hal yang malang apabila kedua-dua buah negara jiran ini tidak dapat menyelesaikan suatu masalah yang menjadi pertikaian begitu lama di antara kedua-dua negara ini. Apakah masalah sebenar, isu sebenar yang menyebabkan tidak boleh diselesaikan? Baru-baru ini pihak Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan suatu penjelasan berhubung dengan isu ini.

Dengan dinamakan *Isu Air*, pertikaian Singapura - Malaysia iaitu fakta-fakta yang dikemukakan dengan disediakan oleh MTEN sebagai satu sebaran yang perlu difahami oleh seluruh rakyat Malaysia. Secara terus terang saya menyatakan bahawa saya bersetuju dengan pendapat negara kita Malaysia, pendapat Perdana Menteri bahawa harga 3 sen sekarang ini tidak patut. Saya setuju dari sudut itu tetapi kenapakah rundingan untuk menaikkan harga ini tidak dapat diselesaikan? Apakah Singapura begitu keras kepala ataupun macam mana, kita tidak berniat untuk menjatuhkan atau menghina Kerajaan Singapura ataupun Kerajaan Malaysia sendiri telah melakukan suatu kesilapan yang menyebabkan mereka mengambil peluang, *advantage* daripada kelalaian yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti fakta-fakta yang dikemukakan oleh MTEN, oleh negara kita dalam pertikaian ini. Saya *quote* dalam muka surat empat, "Air" Hujah Singapura, satu; "*Jika 3 sen setiap seribu gelen air adalah harga yang tidak munasabah, ia adalah kesilapan Malaysia sendiri....*," Ini kata Singapura. "*....kerana pada tahun 1961 Malaysia sendiri yang mengambil keputusan untuk meletakkan air mentah dari Johor pada kadar 3 sen. Jika Malaysia tidak berpuas hati dengan harga tersebut itu adalah kesilapan mereka sendiri....*" . Ini hujah Singapura. Hujah Malaysia: "*Apa yang tidak dinyatakan adalah konteksnya. Pada bulan Julai 1960 untuk pertama kalinya perbincangan yang serius telah berlangsung antara Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu dengan Singapura berhubung dengan percantuman yang mungkin berlaku....*". Ini soal penubuhan negara kita Malaysia.

Fakta yang disediakan oleh MTEN ini juga satu fakta yang tidak baik bagi negara kita. Kalau siapa sahaja yang membaca fakta yang dikemukakan oleh MTEN tergambar bahawa kita semua sebenarnya telah melakukan suatu kesilapan oleh sebab kita mempunyai suatu agenda yang jelas dan kesilapan itu diambil kesempatan oleh negara Singapura yang memang mereka, kalau boleh murah hendak murah lagi kerana sikap mungkin tidak timbang rasa yang ada pada pemimpin-pemimpin negara itu tetapi dengan *capitalize* kan kelemahan-kelemahan yang wujud pada pemimpin-pemimpin kita sendiri.

Saya hendak sebut apa yang ditulis oleh MTEN berhubung dengan isu 1961 - percantuman, pembentukan negara Malaysia yang Singapura adalah salah sebuah negara yang termasuk dalam komponen penubuhan tersebut di samping Sabah, Sarawak dan Brunei pada waktu itu kita masih ingat tetapi hujah yang dikemukakan oleh Malaysia panjang tetapi saya hendak simpulkan bahawa Malaysia bersetuju untuk memberikan, menjual air kepada Singapura ini harga 3 sen untuk seribu gelen ialah sebagai satu rasuah

politik kepada Singapura, supaya rakyat Singapura menerima percantuman ataupun Penubuhan Malaysia yang diinisiatifkan oleh Malaysia.

Ertinya rasuah politik yang telah digunakan oleh negara Malaysia pada waktu itu untuk menarik sokongan rakyat Singapura telah dijadikan modal oleh pemimpin negara Singapura pada waktu ini untuk menikam balik negara kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, saya tidak tahu perkara ini boleh bincang atau tidak....

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, Yang Berhormat saya hendak baca....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:ini di bawah timbang tara.

Dato' Mustafa bin Ali: Ini masalah air, saya hendak sebut. Saya *quote*. Ini yang disediakan secara rasminya oleh kerajaan, muka surat lima....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong Karang berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Mustafa bin Ali: Pendek ya, sebab saya tidak ada masa.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat menyebut pasal sejarah dan juga sejarah tadi nampaknya ada berkait dengan rasuah politik, itu tuduhan yang tidak sepatutnya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sejarah telah membuktikan bahawa bila PAS masuk Barisan Nasional telah dapat mewujudkan perpaduan orang-orang Melayu dan malahan rakyat Malaysia dan sejarah juga telah membuktikan bila PAS masuk dalam UMNO, dalam Barisan Nasional, apa yang UMNO dahulunya haram, semuanya halal. Yang Berhormat juga merasa menjadi *Member of Cabinet* dan sejarah juga telah membuktikan bila PAS keluar daripada Barisan Nasional, orang Melayu berpecah kembali. Jadi, tadi Yang Berhormat berkata sejarah mengatakan kita kena belajar daripada sejarah dan kita kena mengambil kebaikannya.

Jadi, kalau sejarah membuktikan PAS masuk Barisan Nasional menyatupadukan orang-orang Melayu, adakah PAS akan mengikut sejarah supaya bersatu balik orang Melayu. Sebagai Naib Presiden PAS, adakah dahulu bila PAS masuk Barisan Nasional dikatakan rasuah politik juga.

Dato' Mustafa bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Tanjong Karang ini dia baru masuk politik. Walaupun dia sebut sejarah tidak seluruh sejarah itu yang dia fahami. Saya adalah sebahagian daripada sejarah itu dan sebab itu saya mengatakan, memang dari satu sudut ia boleh meredakan keadaan tetapi seorang manusia yang mempunyai maruah diri, tidak mungkin memperalatkan dirinya menjadi alat semata-mata untuk perpaduan yang tidak tahu hujungnya ke mana. Ia boleh meredakan sesuatu peringkat, suatu ketika. Saya hendak menyatakan bahawa agenda UMNO mengajak PAS pada waktu itu semata-mata hendak memperalatkan PAS untuk tunduk kepada setiap kemahuan UMNO dan dengan itu redalah politik. Bukan untuk perpaduan yang sebenarnya, perpaduan di kalangan orang Melayu Islam dan perpaduan negara kita ini.

Sebab itu kami tidak rela untuk semata-mata kerana reda sementara tetapi kami menjadi alat. Walaupun kami kecil, seorang manusia perlu mempunyai maruah dirinya tidak bersedia untuk menjadi alat dengan sebab itu kami....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Mustafa bin Ali: Cukup, cukup Yang Berhormat. Saya hendak sambung

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kita berpindah ke lain.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, saya hendak berpindah ke lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, pindahlah Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Sekali seorang cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau rasa puas hati sekali seorang, pindah lain.

Dato' Mustafa bin Ali: Saya hendak menyebut ini Yang Berhormat, muka surat 5 dalam MTEN yang disediakan air ini "*Namun tanpa merasa serik, pada bulan Ogos 1961, Lee Kuan Yew bertemu dengan Tuanku Abdul Rahman selama tiga hari untuk merangka perjanjian awal percantuman penubuhan Malaysia. Dengan mengambil kira cabaran yang perlu ditempuhi oleh PAP untuk menjual idea percantuman ini kepada pengundi-pengundi di Singapura, Persekutuan Tanah Melayu mengambil keputusan untuk bermurah hati dalam isu air dan beberapa isu yang lain*". Ertinya, 3 sen ini dibuat supaya rakyat Singapura menerima percantuman ini. Kerana dalam Pilihan Raya Kecil PAP melawan Barisan Sosialis waktu isu ini belum selesai, PAP kalah.

Bimbang takut PAP kalah dalam pilihan raya, dijadikan isu air ini sebagai satu isu dengan harga murah, rakyat Singapura akan memenangkan PAP dan seterusnya penubuhan negara Malaysia itu dapat dilakukan. Ini saya hendak mengingatkan bahawa rasuah politik ini bukan sahaja berlaku di peringkat yang paling bawah tetapi berlaku di peringkat antara negara, di peringkat antarabangsa oleh pemimpin-pemimpin negara kita yang melihat bahawa sesuatu itu mestilah dicapai, walaupun apa cara yang dibuat. Inilah mempraktikkan teori Machiavelli yang selalu disebut *the End Justify the Means*, inilah bendanya yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan pada waktu itu.

Saya hendak mengingatkan kerana ini Tuan Yang di-Pertua, supaya itu sejarah saya kata, menjadi cermin untuk masa hadapan kita, supaya kita mengambil iktibar daripada sejarah ini dan kita jangan mengulangi tindakan-tindakan yang seperti itu dalam perundingan-perundingan kita seterusnya dengan negara-negara lain yang mungkin kita akan terjebak, yang akan merosakkan, memusnahkan apa sahaja yang menjadi kepentingan negara kita pada masa yang akan datang.

Saya kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, MTEN sepatutnya tidak menulis begini secara bertulis. Biarlah ada rahsia-rahsia seperti ini yang disimpan sesama pemimpin. Jangan dedahkan kepada orang ramai semata-mata kerana hendak menghujahkan bahawa; "*Singapura kamu tidak patut, kami telah berkorban begitu banyak dan korbannya dengan memberi harga ini*". Tidak payah begitu, itu rundingan di antara kerajaan dan kerajaan dan tidak perlu kita dedahkan kepada semua rakyat. Rakyat ada alasan lain, ada hujah lain yang kita boleh gunakan.

Ini saya rasa tidak telitinya pihak MTEN sendiri, kerajaan sendiri dalam menyangkal tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Singapura sehingga kita mendedahkan diri kita dengan beberapa maklumat yang menggambarkan kelalaian kita, kelemahan kita pada masa-masa yang telah lalu.

Satu perkara Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut. Ini hujah lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Masa ada seminit lagi.

Dato' Mustafa bin Ali: Tidak apa, teruskan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Dungun. Apakah pada ketika itu oleh kerana PAP kalah dalam dua pilihan raya kecil di tangan Parti Barisan Sosialis yang mana Barisan Sosialis dengan nada keras mengatakan mereka tidak akan membawa masuk Singapura ke dalam Malaysia. Tetapi untuk memastikan bahawa melunakkan hati pemimpin-pemimpin PAP

supaya dapat menyertai Malaysia, maka itulah umpannya, yang diumpun, yang ditawarkan kepada PAP tetapi tidak diumpun kepada Barisan Sosialis. Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jeli bahawa umpan ini diberikan kepada PAP kerana Kerajaan Perikatan pada waktu itu lebih selesa dengan PAP dan tidak selesa dengan Barisan Sosialis. Oleh kerana itu untuk mempertahankan kekuatan PAP, maka rasuah politik ini telah diberikan kepada rakyat dan rakyat akhirnya menyokong PAP, percantuman berlaku tetapi tidak tahan lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat telah cukup Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Cukup dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Mustafa bin Ali: Baik, saya hendak menyebut yang terakhir Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Saya mengharapkan walaupun ada perkara-perkara lain yang saya hendak sebut, termasuk juga isu air Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dalam bajet tidak cukup masa Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, air juga ini, bukan tajuk lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kiralah masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Air yang Kerajaan Persekutuan hendak kawal...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau hendak bercakap tentang air itu, tiga hari kita boleh bercakap Yang Berhormat, tapi masa tidak membenarkan, saya terpaksa

Dato' Mustafa bin Ali: Okey tidak apa, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kerajaan yang ada sekarang ini jangan menggunakan rasuah politik ini hendak mencapai satu agenda sempit mereka semata-mata hendak mengekalkan kuasa selama-lamanya, tidak apa, apa pun rasuah, peringkat rendah kah, peringkat negeri kah, peringkat negara kah, peringkat antarabangsa kah, halal bagi mereka. Jangan gunakan itu, bahaya bagi negara kita. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat. Ya, sama-samalah beringat. Yang Berhormat bagi Kemaman.

12.58 tgh.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara perkembangan mutakhir yang pada pandangan saya memberi kesan buruk kepada masa depan dan ekonomi negara. Kita lihat bahawa sekiranya isu ini tidak ditangani dengan berkesan ia akan membawa implikasi yang buruk dan berkekalan dalam pengurusan ekonomi negara dan melemahkan daya kita untuk menggalakkan pelaburan swasta dan asing pada masa ini yang berada tahap terendah. Pada setengah tahun pertama tahun ini, pelaburan FDI ataupun pelaburan asing hanya mencatatkan RM2.7 bilion sahaja, tidak sampai USD1 bilion pun, itu yang dipanggil pemulihan ekonomi.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tidak adalah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cakap-cakap Yang Berhormat, jangan ketawa.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Dan juga kita mendengar baru-baru ini Perdana Menteri kita menyatakan bahawa terdapat 800 buah syarikat di MSC, oleh itu sasaran tahun 2003 telah dicapai. Beliau tidak pernah menyebut kualiti dan kedudukan syarikat-syarikat tersebut yang pada hari ini kebanyakannya masih belum mampu diri ataupun berdikari dan memerlukan bantuan dan jagaan rapi. Berapa yang akan kekal hingga tahun depan boleh dipersoalkan. Mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang bermimpi dan tidak sedar ledakan dot.com sudah berakhir.

Dalam keasyikan kerajaan dengan tender sulit, rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, gengsterisme dan tentera haram, kita kalah dalam persaingan dengan China dan akan kalah kepada Thailand. Sebagai destinasi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung petang? Ada lapan belas minit lagi ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita tangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat disambung semula. Yang Berhormat bagi Kemaman, sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam keasyikan kerajaan menangani masalah tender secara rundingan dan sulit, rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, gengsterisme dan tentera haram kita kalah dalam persaingan dengan China dan akan kalah kepada Thailand sebagai destinasi pilihan pelaburan langsung asing.

Dalam bidang pertanian, Thailand sudah jauh ke hadapan meninggalkan kita sekurang-kurangnya tiga puluh tahun di belakang. *[Disampuk]* Kita mengimport makanan dan barangan berasaskan makanan melebihi RM2 bilion setiap tahun. Thailand sudah mampu diri, malah merupakan pengeksport utama bahan makanan dan industri pemakanan. Kita sekarang secara aktif menimba pengalaman dan teknologi dari Thailand dalam industri pemakanan.

Dalam sektor pembuatan automobil pula, Thailand sudah jauh ke hadapan dan meninggalkan Malaysia walaupun mereka tidak mempunyai kereta nasional seperti Proton Saga. Lebih 50% kereta yang akan dikeluarkan di Asia di masa hadapan berasal dari Thailand. Ia sudah dikenali sebagai Detroit Timur. Thailand juga akan mengatasi Malaysia dalam bidang pengeluaran barangan elektronik dan elektrik pengguna dalam masa dua tahun lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap saya bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Selain keasyikan kita dalam isu dalaman, kita muncul tidak henti-henti menghentam kerajaan dan pelabur asing. Setengah daripada mereka merupakan pelabur utama ekonomi negara sehingga membuat mereka meluat terhadap negara dan mendorong mereka berpindah ke Thailand sebagai pusat pengeluaran di Asia Tenggara. Kita membakar rumah sendiri atau secara tepatnya melalui mulut dan

perangai pemimpin negara di arena antarabangsa. Kita terus menyekat tuntutan setengah pelabur asing untuk terlibat dalam ekonomi negara hasil liberalisasi dan globalisasi menyebabkan mereka meletakkan dan melabur wang mereka dalam ekonomi lain.

Kita menentang liberalisasi dan globalisasi, kita bimbang akan dikuasai sektor asing sebab kita tahu kita tidak cekap dan tidak setanding. Tetapi bertentangan dengan ini ekonomi Malaysia berada pada tahap pada hari ini disebabkan pelaburan langsung asing dalam ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading bangun, hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Kemaman. Sayanglah Kemaman ini. Kebijaksanaannya diguna hanya untuk menghentam negara sendiri. Lebih sangat saya tengok Yang Berhormat bagi Kemaman memuji Thailand hingga tidak munasabah dalam kepala, 30 tahun ke depan. Eh menghina sangat negara kita ini apa hal? Yang Berhormat cinta sangat dengan Thailand apa hal? IMF telah memuji kita beberapa hari ini kita punya pencapaian, pertumbuhan kita pun lebih tinggi. Alhamdulillah, kita punya kemakmuran.

Saya rasa negara kita ini bertuah termasuk juga parti pembangkang dapat menikmati kemewahan. Saya rasa kalau pun hendak puji negara lain, tak payah hendak kutuk negara sendiri. Kita rasa seronoklah dan berbahagialah di negara sendiri. Pepatah Melayu ada berkata: "*Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri*". Ini hujan batu negeri orang, hujan emas di negeri sendiri, apa hal Yang Berhormat bagi Kemaman tidak boleh hendak puji negara sendiri?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Inilah susahnyanya wakil Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua. Sindiran sinis daripada Pengerusi IMF dianggap sebagai pujian besar. Bagaimana IMF dapat memuji Malaysia, sedangkan ekonomi Thailand, Korea, Filipina, Indonesia yang menggunakan kaedah IMF hari ini jauh lebih baik daripada Malaysia. Dia hanya menyindir Malaysia sahaja, bukan memuji Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pelabur asing sedang memerhati dengan tegas perubahan yang sedang berlaku dan kebanyakannya mereka akan membuat keputusan berpindah dalam tempoh dua tahun apabila potensi pertumbuhan baru ekonomi menjadi kenyataan di bahagian lain dunia. Hasil pendirian kita, pelaburan baru tidak lagi sampai ke persisiran negara, dan yang sedia ada berpindah sebahagiannya disebabkan sikap dan pandangan kerajaan terhadap pelabur asing.

Modal ekonomi negara termasuk perniagaan, korporat dan sektor awam perlu diganti dan diubah suai dengan segera. Yang ada tidak lagi berkesan dan sesuai dengan suasana perubahan yang berlaku di sekeliling kita sekarang. Ia tidak lagi dapat bersaing dengan modal korporat dan perniagaan Thailand dan China.

Dalam banyak kejadian terdapat banyak *loopholes*, dengan izin, yang membolehkan penipuan dan penyalahgunaan kuasa dalam modal korporat sekarang. Kita boleh lihat apa yang berlaku dalam skandal kewangan Bank Negara, Tabung Haji, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Usahawan Bumiputera dan syarikat-syarikat kroni seperti MAS, PLUS, CELCOM dan sebagainya.

Kesemuanya diasaskan atas penipuan pada skala besar-besaran menyebabkan kerugian berbilion ringgit dalam tempoh beberapa tahun. Tidak ada pertanggungjawaban dan kesalahan dibuktikan di atas penipuan yang berlaku. Malah ada di kalangan mereka dilantik semula dengan kedudukan yang lebih tinggi dalam kerajaan. Mereka yang gagal mengurus syarikat dibiarkan melarikan kekayaan dengan begitu banyak yang diperolehi melalui bantuan kontrak dan polisi kerajaan seperti penswastaan.

Kerajaan tidak boleh membaiki dirinya lagi. Ia sudah kebingungan kerana dilanda pelbagai skandal satu demi satu yang menghilangkan daya dan tumpuan mereka. Sebagai

contoh, skandal kewangan projek Makmal Komputer dan perbekalan lain dalam Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kerja Raya dan sebagainya yang tercetus dan kecoh baru-baru ini nampaknya terlalu lumrah dan biasa.

Perkara yang lama berlaku setiap tahun kecuali jumlahnya bertambah besar. Kita semua telah dengar sebelum ini tetapi kerajaan tidak dapat menyelesaikannya. Dalam masa yang sama kerajaan sedikit pun tidak kelihatan tahu bagaimana mengurus ekonomi, korporat dan perniagaan alternatif dan membangun yang baru untuk masa depan.

Namun, kerajaan menghebahkan segala langkah yang telah diambil menghasilkan kejayaan tanpa masalah dan menyelamatkan rakyat dan negara. Kerajaan mendakwa pakej rangsangan berkesan. Ia merangsang lonjakan pasaran saham, kata kerajaan. Memang benar tetapi asas penilaian indeks pasaran saham diberatkan atas saham yang dimiliki kerajaan dan kerajaan telah menyerahkan RM10 bilion untuk melonjakkan harga-harga saham. Apa yang kerajaan pengaruhi tidak boleh dikira sebagai reaksi bebas pasaran saham.

Berbanding dengan pasaran saham negara-negara jiran, pasaran saham negara sebenarnya didorong oleh kerajaan. Pasaran saham kita ketinggalan di belakang Singapura, Filipina, Thailand dan juga Indonesia. Semua pasaran ini menunjukkan prestasi yang jauh lebih baik dari kita. Pasaran saham negara tidak bermaya kerana kekurangan pelabur asing. Sebahagiannya disebabkan pelaksanaan kawalan modal pada masa yang lepas yang menghukum para pelabur.

Ia melonjak sedikit baru-baru ini kerana setelah kerajaan melaksanakan Pakej Rangsangan Ringgit untuk Ringgit (*Ringgit for Ringgit*) di mana kerajaan akan melabur satu ringgit bagi setiap satu ringgit yang dilaburkan oleh pelabur asing. Kalau prestasi BSKL amat memalukan, jauh di belakang Indonesia yang pada suatu ketika dahulu merupakan suatu bursa saham yang terbesar di Asia.

Kita terpaksa menerima apa yang diperkatakan tentang kita bahawa apa yang dinamakan "Harimau Asia" pada tahun 90-an sekarang kita sudah menjadi "kucing" abad ke-21 dan mereka yang bergantung kepada pelabur asing berhadapan dengan kesukaran yang luar biasa sekarang.

Eksport barangan pembuatan dan pelancongan sedang mengalami kemerosotan. Bagi mengimbangi kemerosotan ini dan memastikan eksport mengatasi import, Kerajaan meningkat pengeluaran bahan petroleum dan barangan komoditi untuk dipasarkan, sebahagiannya digunakan sebagai bahan pertukaran balas perdagangan atau *counter trade*.

Jadi, kita dapat lihat dan membaca angka yang mengagumkan, perdagangan berdasarkan eksport meningkat 60% berbanding tahun ke tahun seolah-olah semuanya cerah bagi ekonomi negara. Apabila diselidik secara dekat, angka-angka eksport ini sebenarnya menunjukkan didorong oleh barangan komoditi menjadikannya terdedah kepada putaran naik turun harga.

Malaysia masih bernasib baik kerana harga petroleum dan kelapa sawit amat baik dalam pasaran antarabangsa sekarang. Sekiranya harga tidak lagi menarik, maka kita akan lihat bahaya yang terdedah dan strategi yang mengelirukan. Hakikatnya, kita sedang mengalami kemerosotan pada rangka atau *structure* - dengan izin - setelah dalam sesetengah sektor bukan masalah tidak ada permintaan.

Kita lihat kepada kemelesetan yang berlaku di Pulau Pinang sejak krisis kewangan Asia sejak lima tahun yang lepas, mengimbangkan apa yang akan berlaku kepada negara di masa hadapan. Beratus buah syarikat berpindah daripada Pulau Pinang dan Kedah ke Thailand dan Negara China. Kemudahan-kemudahan baru yang dibina di negara-negara tersebut sekurang-kurangnya sepuluh hingga 20 kali ganda lebih besar daripada apa yang terdapat di Pulau Pinang.

Seagate yang suatu ketika dahulu terletak di Pulau Pinang sekarang menggunakan 36,000 pekerja di Thailand jelas menunjukkan bahawa perpindahan,

pembesaran dan potensi masa depan Malaysia tidak lagi berupaya menyokong potensi pertumbuhan masa depan. Sebab itu masalah kemelesetan yang melanda negara hari ini ialah pada rangka atau *structure*, bukan kerana kemelesetan ekonomi di negara lain.

Industri baru yang masuk ke Pulau Pinang sekarang hanya jenis teknologi rendah oleh usahawan Asia untuk dieksport ke Benua Asia melalui Eropah dan Amerika Syarikat. Tambah pula penekanan kepada galakan berbelanja dan menikmati keselesaan kehidupan berorientasikan ekonomi pelancongan, penjualan VCD haram, perjudian haram dan pelacuran muncul menggantikan industri dan kilang dalam ekonomi Pulau Pinang.

Bukan secara kebetulan penyusupan kongsi gelap dalam parti politik pada tahap parah berlaku di Pulau Pinang. Apakah pelabur asing meninggalkan Pulau Pinang disebabkan peningkatan pengaruh kongsi gelap dalam ekonomi Pulau Pinang? Tidak guna kerajaan merealisasikan berita-berita ekonomi yang tidak dapat bertahan lama sedangkan ramalan jelas menunjukkan kemelesetan dalam sektor pembuatan. Kejatuhan pelaburan langsung asing, pelebaran jurang kekurangan sumber kewangan untuk membiayai pertumbuhan ekonomi masa depan dan pergantungan keseluruhan kepada belanjawan defisit.

Untuk menjaga pertumbuhan memerlukan kerajaan terus meminjam dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Sindiran sinis IMF dianggap sebagai kepujian besar yang dihebahkan secara meluas oleh media tempatan. Bagaimana kita boleh berbangga dengan ekonomi kita sedangkan Thailand, Korea, Indonesia dan Filipina yang menggunakan IMF jauh lebih baik dari segi prestasi pertumbuhan ekonomi mereka?

Kita tidak perlu jumpa tok nujum untuk menyatakan tahun 2004 merupakan belanjawan defisit tujuh tahun berturut-turut. Lazimnya prinsip belanjawan defisit tidak patut dibenarkan melebihi tiga tahun. Kerajaan akan mengatakan ia masih boleh diurus dan merupakan peratusan kecil daripada KDNK. Seperti biasa alasan akan terus diberi. Selagi masalah ini berterusan, ia menambahkan lagi beban sedia ada hingga tidak terurus lagi. Pada tahun 1997, hutang negara hampir tiada tetapi sekarang enam tahun kemudian, melebihi 60% daripada KDNK.

Negara memperoleh berbilion ringgit dari hasil mengeluarkan dan memunggal hampir satu juta tong petroleum sehari serta kontrak jangka panjang gas asli kepada pasaran pengguna antarabangsa. Melalui hasil inilah berbilion ringgit dilencongkan bagi menanggung kerugian kewangan sektor lain yang dikuasai oleh kroni kapitalis. Yang paling membimbangkan ialah hasil sektor petroleum dan gas disalurkan dalam sektor yang tidak produktif seperti bangunan kerajaan, pembangunan hartanah yang tidak pernah digunakan, mengimbangi kerugian kroni kapitalis, bidang ekonomi yang menghasilkan pulangan yang rendah dan tidak berkaitan langsung dalam sektor petroleum dan gas.

Pelaburan ini tidak langsung memberi sumbangan ketara kepada aset strategik negara. Ia merupakan pencabulan moral dan etika oleh Menteri yang bertanggungjawab yang sepatutnya menggunakan sumber negara secara berhemah dan memastikan pulangan tertinggi untuk generasi akan datang daripada membazir ke atas bangunan dan mahligai kerajaan.

Hasil Petronas juga dilencongkan untuk membiayai dan *membail out* kroni kapitalis termasuk kepunyaan anak Perdana Menteri sendiri. Dengan ini kerajaan telah mengizinkan negara menerap kerugian besar yang ditanggung oleh kroni kapitalis yang tidak berkebolehan dan tidak cekap. Hanya Perdana Menteri sahaja yang dimandatkan oleh Parlimen membuat keputusan mengguna sumber kewangan Petronas. Beliau bertanggungjawab membenarkan Petronas membiayai kerugian pelaburan dalam pelbagai projek terutama yang dilaburkan oleh kroni kapitalis.

Sepatutnya ada perakaunan penyalahgunaan dan penjimatan sumber kewangan Petronas ini. Selain daripada strategi kewangan menggalakkan perbelanjaan wang simpanan, melencong hasil Petronas dan pakej rangsangan, pilihan lain yang diambil nampaknya kesungguhan kerajaan menggunakan perjudian sebagai strategi menyusun semula ekonomi dan penawar kepada kemelesetan ekonomi.

Kementerian Kewangan meluluskan pusat-pusat perjudian di Bukit Tinggi, Pulau Tioman dan banyak lagi di seluruh negara, di kelab-kelab dan persatuan-persatuan yang sering dikunjungi bukan Melayu dan Islam. Saya percaya Pulau Tioman berada di dalam kawasan Parlimen Menteri Kewangan Kedua iaitu Rompin. Nampaknya kebanyakan pusat perjudian ini diurus oleh satu entiti dengan pelbagai nama digunakan bagi pihak kelab-kelab dan persatuan-persatuan ini.

Ia dapat dikesan kepada satu sumber yang merupakan kroni kegemaran kerajaan hari ini. Dalam semua langkah ekonomi yang diambil kerajaan, kelihatan perjudian merupakan satu-satunya langkah penting dalam ekonomi hari ini. Ini semua dilakukan apabila kerajaan menegaskan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh. Tahniah saya ucapkan kepada Malaysia.

Saya ingin menyentuh sedikit pengaruh kongsi gelap, penyusupan mereka dalam parti politik yang secara tidak langsung melibatkan kerajaan dan kesannya ke atas pembangunan ekonomi terutamanya pelaburan tempatan dan asing. Seperti mana yang telah saya nyatakan, kongsi gelap merupakan punca utama rasuah dalam penguatkuasaan undang-undang.

Sebenarnya kongsi gelap melumpuhkan proses kerajaan melalui rasuah. Penciplakan perisian komputer, filem dan hiburan haram bertindak sebagai batu penghalang kepada pembangunan industri komputer dan hiburan yang sah oleh penghibur swasta.

Bagaimana Malaysia boleh menjadi Lembah Silikon Dunia sedangkan kerajaan enggan atau tidak berdaya melindungi hak cipta intelek orang lain dan juga tempatan? Kenapa bersusah payah melabur dalam pembikinan filem sekiranya kongsi gelap boleh menciplak filem-filem tersebut? Kongsi gelap sebenarnya menjadi batu penghalang kepada pelaburan sektor swasta. Pelabur enggan melabur dalam perusahaan kreatif kerana kerja menciplak dan memasarkannya memberi keuntungan berlipat kali ganda.

Negara yang menciplak hak cipta intelek orang lain tidak akan berjaya dengan sendiri. Ia merupakan punca kejatuhan dirinya sendiri. Kerajaan yang enggan berhadapan masalah sebenar menyumbang kepada kejatuhannya sendiri. Malaysia merupakan pengeksport VCD haram terbesar dunia, mengeksport ke pasaran China dan United Kingdom, satu reputasi yang enggan diterima kerajaan atas sebab yang jelas sekali. Tetapi yang anehnya Malaysia mahu mencipta Lembah Silikon.

Kongsi gelap juga berperanan membantu proses polisi awam. Dalam cubaan kerajaan membendung perusahaan haram ini, ia mendorong kepada merangka polisi kawalan harga yang dengan sendirinya bertindak sebagai batu penghalang kepada mereka yang sudah mencipta atau dalam proses penciptaan perisian kreatif, jika dipasarkan dalam pasaran antarabangsa akan menarik nilai lebih tinggi daripada nilai di bawah rejim kawalan harga.

Cubaan untuk menyelesaikan satu masalah menimbulkan masalah lain pula yang membantutkan daya kreatif dan usaha menggalakkan pembangunan perisian yang mana kerajaan telah berbelanja berpuluh bilion ringgit untuk pembangunannya tanpa tanda-tanda kejayaan yang dicapai buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seminit lagi, Yang Berhormat. Baik.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Kerajaan berakhir dengan semata-mata memindah satu masalah kepada yang lain tanpa penyelesaian. Penyelesaian yang sebenarnya ialah tidak lain dan tidak bukan, Kerajaan sepatutnya menimbang pembasmian secara total dan bersungguh-sungguh dalam semua kegiatan kongsi gelap dan perniagaan haram mereka serta pengaruh mereka dalam kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

2.50 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil peluang ini menyentuh hal tentang pendidikan terutama tentang Sekolah

Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze 2 yang saya minta untuk kawasan Skudai di kawasan Parlimen Gelang Patah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah timbulkan masalah ini dalam Parlimen beberapa kali dan pernah menulis beberapa surat dan jawapan daripada Kementerian Pendidikan sangat mengesalkan.

Yang pertama, surat yang saya terima selepas saya pohon untuk pembinaan sebuah sekolah baru, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze di Skudai, jawapannya ialah di kawasan itu sudah ada lima buah sekolah kebangsaan. Yang saya minta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze 2. Saya bukan minta untuk sekolah kebangsaan iaitu jawapan ini adalah tidak tepat dan tidak profesional dan saya buat surat sekali lagi dan ada juga bawa dalam Parlimen dan kali ini saya dapat surat sekali lagi daripada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, iaitu di kawasan Skudai sudah ada lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan lapan buah sekolah kebangsaan.

Saya ingin mengambil peluang di sini sekali lagi merayu kepada Kementerian Pendidikan, maklumat yang tepat ialah di kawasan Skudai cuma ada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) sahaja iaitu Kuo Kuang Satu, Kuo Kuang 2 dan Pu Sze dan saya ingin memberitahu bahawa ketiga-tiga sekolah ini adalah sekolah yang telah mempunyai bilangan murid yang ramai sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada pihak Kementerian Pendidikan bahawa apa yang dijawab oleh sesuatu kementerian itu terutama Kementerian Pendidikan, saya harap pegawai tinggi mereka adalah lebih tepat dan profesional dalam jawapannya kerana ini adalah sangat mengelirukan.

Pada masa sekarang Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze yang bertempat di Skudai telah mempunyai 3,360 orang murid sekolah dan tapak sekolah itu luasnya 2.2 ekar. Dan ini adalah menjadikan satu suasana yang tidak seimbang dan dari segi kesihatan adalah *over crowded*. Oleh yang demikian, saya harap supaya kes ini tidak akan dieksploitasi oleh pihak pembangkang menjelang pilihan raya yang akan datang. Saya harap hal ini dapat diambil berat oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) merupakan sekolah rendah beraliran bahasa Cina, manakala sekolah kebangsaan adalah sekolah rendah beraliran bahasa Melayu. Sekolah kebangsaan di sekitar kawasan Skudai memang sudah berlebihan tetapi sekolah aliran yang menghadapi masalah penuh sesak adalah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ataupun sekolah aliran bahasa Cina. Pembinaan sekolah-sekolah kebangsaan yang disentuh oleh Kementerian Pendidikan sebenarnya tidak dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat Cina di kawasan Skudai yang terletak di bawah kawasan Parlimen Gelang Patah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk keterangan lebih lanjut kepada Kementerian Pendidikan, saya ingin jelaskan keadaan dan masalah sebenar yang dihadapi oleh sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di kawasan Skudai dan sebab-sebab utama sekurang-kurangnya sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang baru perlu didirikan di salah sebuah kawasan kediaman yang berhampiran dengan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze. Bentuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze sekarang adalah bentuk bantuan penuh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tiadanya sekolah baru untuk pendidikan aliran bahasa Cina didirikan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze yang sedia ada dan sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang berhampiran telah menghadapi masalah kesesakan murid-murid yang terlalu serius, *enrolment* dan jarak sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:-

Untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze, Batu 10, *enrolment* yang baru 3,630 dan keluasan sekolah 2.2 ekar, jarak daripada sekolah yang lain seperti Kuo Kuang adalah dua kilometer dan Kuo Kuang 2 – 4.5 kilometer. Dan SJK(C) Kuo Kuang di Batu 8 ½ Skudai mempunyai seramai 4,893 orang murid di tanah seluasnya 8.5 ekar dan SJK(C) Kuo Kuang 2 di Jalan Sungai Danga – 3,106 orang murid di atas tanah lima ekar. Ketiga-tiga

sekolah ini boleh dikatakan adalah sekolah Cina yang terbesar di negeri Johor kemungkinan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze adalah sebuah sekolah jenis kebangsaan beraliran bahasa Cina dengan kawasan sekolah seluas 2.2 ekar sahaja. Akan tetapi sekolah ini terpaksa menampung seramai 3,360 orang murid yang berhasrat untuk menerima pendidikan bahasa Cina. Nisbahnya satu ekar memuatkan 1,680 orang murid, suatu nisbah kepadatan murid yang paling tinggi di negara ini, dan mungkin di dunia ini kerana ikut nisbah Kementerian Pendidikan adalah satu ekar untuk 200 orang murid sahaja.

Jadi mengapa Kementerian Pendidikan boleh menjawab tidak perlu kerana sudah ada lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Skudai, bagaimana mereka boleh tambah dua buah sekolah lagi, ini suatu jawapan yang tidak boleh diterima. Kemungkinan ini termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ping Meng di Kampung Baru Lima Kedai dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Mins Terk di Gelang Patah. Itu di kawasan yang lain. Tidak boleh dimasukkan dalam jawapan kepada saya yang menyuarakan dan memperjuangkan untuk mengadakan sekolah ini dan daripada jawapan itu, nampaknya pihak Kementerian Pendidikan kurang ikhlas untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kaum Cina dalam permintaan sekolah Cina.

Jika pihak Kementerian Pendidikan boleh benar-benar mengamalkan polisi liberal, Kerajaan Barisan Nasional, saya yakin dan percaya ini tidak akan menjadi satu isu politik yang kemungkinan akan dipermainkan oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Sze ini masih kekurangan pelbagai kemudahan infrastruktur yang asas seperti gelanggang bola keranjang serta bilik-bilik kegunaan khas. Gelanggang bola keranjang perlu dibina di tapak rumah orang tua yang di sebelah sekolah ini kerana tidak ada tempat lagi dan bilik-bilik kegunaan khas seperti bilik muzik, bilik kemahiran hidup, makmal sains, bilik pandang dengar dan sebagainya. Pengajaran dan kerja-kerja amali dalam mata pelajaran ini terpaksa dijalankan di dalam bilik-bilik darjah ataupun murid-murid terpaksa mempelajari kemahiran-kemahiran yang berkenaan secara teori sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kuo Kuang dan Kuo Kuang 2 juga menghadapi masalah kesesakan murid. Tadi saya telah beritahu tentang jumlah muridnya. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di kawasan Gelang Patah ini terutama di kawasan Skudai terpaksa menampung kemasukan murid yang semakin meningkat disebabkan projek perumahan besar-besaran yang telah, sedang dan akan dijalankan di kawasan ini. Lima tahun dahulu cuma ada 16 projek perumahan di kawasan itu tetapi sekarang sudah bertambah beberapa projek lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Chang See Tan: Sudah 26 Maaf saya tidak ada masa.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja.

Tuan Chang See Tan: Saya kena habiskan nanti baru saya beri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Fasal sekolah Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak tanya fasal sekolah Cina, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Fasal sekolah Cina ini. Minta penjelasan.

Tuan Chang See Tan: Nanti, nanti, saya hendak habiskan dahulu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Fasal sekolah Cina.

Tuan Chang See Tan: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan taman-taman kediaman baru di sekitar kawasan Skudai telah menarik ramai penduduk baru berhijrah ke kawasan ini. Kebanyakan daripada penduduk di sini merupakan keturunan Cina, mengakibatkan *enrollment* SJKC di kawasan Skudai semakin meningkat dan memburukkan lagi masalah kesesakan murid. Taman-taman perumahan yang baru yang terdekat sekali dengan sekolah ini adalah termasuk Taman Bukit Indah, Taman Mutiara Rini, Taman Pulau Utama, Taman Impian Emas, Taman Bestari Satu, Taman Bestari Dua, Taman Bestari Jaya, Taman Sutera Utama, Taman Harmoni, Taman Pulau Perdana, Taman Pulau Indah, Taman Pulau Jaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan di atas menunjukkan bahawa kawasan Skudai memang kekurangan sekolah jenis kebangsaan. Tempat yang paling sesuai untuk membina sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang baru adalah di Taman Universiti tetapi tapak-tapak simpanan untuk kegunaan pendidikan telah dipenuhi dengan empat buah Sekolah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah menyediakan kemudahan pendidikan, dengan membina lapan buah sekolah kebangsaan di kawasan ini akan tetapi ibu bapa dan rakyat berhak memilih jenis sekolah yang bersesuaian dengan keperluan masa hadapan dan kehendak mereka....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chang See Tan: oleh kerana majoriti penduduk di kawasan ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang tu.

Tuan Chang See Tan: terdiri daripada rakyat keturunan Cina. Persediaan Sekolah-sekolah kebangsaan yang disentuh oleh pihak Kementerian Pendidikan sebenarnya tidak dapat mengatasi masalah kekurangan kemudahan pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat Cina di kawasan sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Chang See Tan: Sila, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap fasal sekolah Cina juga sebab di kawasan saya pun ada pengundi Cina – di Batu Kurau baik, di DUN Batu Kurau baik, di DUN Selama baik, yang pernah pergi ke Larutlah. Jadi, masalah yang tadi Yang Berhormat bagi Gelang Patah sebut fasal masalah Sekolah Kebangsaan Cina, tentang bantuan, peruntukan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, di Sekolah Kebangsaan Cina di tempat saya namanya Sekolah Kebangsaan Jelai. Di sekolah ini cuma ada penuntut Siam seramai tiga orang dan Melayu seramai 25 orang.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang status Sekolah Kebangsaan Cina di tempat saya ini? Minta sedikit pandangan sebab pelajar Cina tidak ada, yang ada pelajar Siam seramai tiga orang dan pelajar Melayu ada 25 orang tetapi masih berjalan, pelajar Cina tidak ada. Jadi, saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah, apakah pandangan Yang Berhormat tentang status sekolah ini? Minta pandangan.

Tuan Chang See Tan: Terima kasih. Kes ini berlaku adalah kerana Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang terletak di kawasan estet atau di luar bandar kadang-kadang menghadapi masalah ini tetapi kemungkinan kawasan di sana satu hari nanti akan pesat dibangunkan, kemungkinan akan ada permintaan daripada kaum Cina, yang akan menghantar anak mereka ke sekolah di sana dan wajar dikekalkan, atau kemungkinan boleh dipindahkan ke suatu kawasan yang ada taman-taman perumahan.

Seperti yang pernah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, iaitu pewujudan sekolah Cina di Malaysia ini tidak menjadi batu penghalang kepada perpaduan nasional dan bahkan ia membantu perpaduan nasional oleh sebab semua kaum merasakan bahawa bahasa ibunda mereka diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional. Semua kaum merasa mereka ada perasaan kekitaan, perasaan

tanggungjawab, perasaan patriotisme kepada negara kita ini kerana kepentingan bahasa ibunda tiap-tiap kaum dipelihara.

Sebab itu saya sentuh dalam kes ini yang merupakan kawasan bandar yang pesat membangun ramai dan ramai penduduknya terdiri daripada orang Cina. Mengapa pihak Kementerian Pendidikan yang ada Bahagian Pembangunan bila mana mereka ada sesuatu projek, bila pemaju memasukkan pelan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, pelan itu dirujuk kepada Kementerian Pendidikan, dan daripada giliran memang kita boleh tahu, majoriti taman-taman perumahan seperti di negeri Johor, contohnya di Taman Universiti sebagai misalan, 45 peratus adalah terdiri daripada kaum Melayu, 35 peratus terdiri daripada kaum Cina dan yang bakinya 20 peratus terdiri daripada kaum India dan kaum-kaum lain.

Mereka sepatutnya perlu mengambil kira bahawa ada permintaan daripada kaum Cina dan kaum India untuk Sekolah Cina dan Sekolah Tamil. Mengapakah Kementerian Pendidikan, melalui Unit Pembangunan dan Perancangan, tidak ada perancangan yang sempurna seperti yang mereka rancang untuk mengadakan Sekolah Kebangsaan? Mereka sepatutnya membuat perancangan atas hakikat bahawa mereka tahu kaum Cina memang menghantar anak mereka ke Sekolah Cina. Kenapa mereka tidak mengambil kira bahawa tanah rizab pendidikan di sesuatu taman itu perlu diadakan rizab untuk membina Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Tamil?

Ini adalah penting kerana dari segi pendidikan kita jangan ada sikap yang *narrow-minded*. Kita kena *liberal*. Sebab itu saya minta supaya permintaan saya, yang sudah beberapa kali saya sentuh di Parlimen dan juga membuat surat beberapa kali tetapi jawapan selalu tidak tepat. Nampaknya mereka tidak ikhlas untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut prinsip pendidikan, kesesakan adalah kurang baik untuk kesihatan dan kemajuan murid-murid. Secara langsung atau tidak langsung, keadaan ini telah menjejaskan prestasi dan pencapaian murid sekolah-sekolah ini. Masyarakat Cina sangat mementingkan pendidikan bahasa ibunda. Lama-kelamaan keadaan ini juga telah atau akan menimbulkan perasaan kurang puas hati terhadap kerajaan di kalangan rakyat yang akan mencetuskan perasaan antikerajaan dan melemahkan sokongan sedia ada kepada Barisan Nasional.

Sebenarnya, Barisan Nasional adalah liberal, pimpinan Pusat memang mempunyai pandangan yang liberal. Masalahnya ialah kita ada segelintir pegawai kerajaan yang tidak mengamalkan pelaksanaan polisi liberal Kerajaan Barisan Nasional. [*Disampuk*] [*Tepuk*] Ini amat salah. Jangan tepuk pihak pembangkang. Masalah ini timbul kerana ada segelintir pegawai yang tidak mematuhi hasrat Kerajaan Barisan Nasional, iaitu pandangan yang liberal. Inilah masalahnya, kerana kita ada kes yang saya pernah timbulkan di Dewan ini iaitu di kawasan Taman Johor Jaya, di mana terdapat lebih dari 13,000 buah rumah, 80 peratus terdiri daripada kaum Cina, tidak ada satu pun Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), dan saya juga pernah bercakap dalam Dewan ini, menyentuh kes tentang keperluan, walaupun bukan kawasan saya tetapi sebagai misalan, dan masa itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seminit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Tan: Saya ada sedikit lagi. Sebab itu saya bawa dan sekarang sudah ada sebuah sekolah Cina di sana atas usaha pemimpin MCA, kita sudah dapat. Ini menunjukkan bahawa pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional memang liberal, cuma masalah pegawai, di mana ada segelintir pegawai

Tuan Yang di-Pertua, untuk menamatkan perbincangan saya, untuk makluman, masyarakat Cina di kawasan Skudai menyambut baik kenyataan bernas yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini bahawa pelbagai jenis sekolah, termasuk SJKC akan dirancang dan dibina di tempat-tempat yang memerlukan. Kami sungguh berharap rancangan atau program yang sungguh bermakna ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana keperluan pembinaan SJKC adalah amat mendesak, terutama Sekolah Jenis Kebangsaan Pu Sze (2) yang saya minta.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, anak-anak murid kita merupakan harta yang penting untuk negara. Keadaan dan peluang belajar yang diberikan kepada mereka akan menentukan masa hadapan negara kita. Justeru itu sebagai Ahli Parlimen, saya rasa bertanggungjawab membawa hal ini supaya pihak Kementerian Pendidikan akan berbesar hati sekiranya dapat berbudi, membuat pertimbangan semula untuk mendirikan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang baru dengan peruntukan kerajaan kerana ini adalah sekolah bentuk bantuan penuh.

Saya harap sekolah ini dapat dibina di Taman Impian Emas, yang mana projek ini luasnya 3,500 ekar, satu projek perumahan yang cukup besar, tidak ada masalah, ada tapak rizab pendidikan. Saya harap dengan wujudnya sekolah ini, jika diluluskan, akan dapat memenuhi keperluan anak-anak murid dan rakyat.

Rakyat jelata pasti akan mengenang budi yang tersemat di dalam hati sekiranya rancangan pembinaan SJKC Pu Sze 2 di kawasan ini dapat dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelapan atau dalam *Mid-Term Review* akan datang dapat diluluskan.

Seorang Ahli: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat cukup sudah.

Tuan Chang See Ten: Sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap pihak Kementerian Pendidikan ambil perhatian tentang kes ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

3.12 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa perkembangan ekonomi dunia sejagat memang membawa satu paksi yang tidak sihat termasuk juga negara kita. Tetapi dengan kebijaksanaan kerajaan, kita telah dapat menangani kelembapan ekonomi ini ke satu tahap yang lebih baik, di mana baru-baru ini pihak IMF telah memberi pengiktirafan bahawa pengawalan ekonomi negara kita telah membawa hasil.

Kebijaksanaan ini juga telah menambat hati beberapa penganalisis kewangan antarabangsa, dan kita lihat ia jauh sekali dengan tanggapan wakil rakyat dari Kemaman. Wakil rakyat ini selama 20 minit langsung *discredit* akan kemampuan negara kita dan ini bercanggah dengan keadaan realiti.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya mungkin inilah sikap pembangkang. Tetapi, pembangkang juga harus rasional, pembangkang juga harus relevan membawa isu dan fakta. Kalau dibandingkan ekonomi negara Malaysia dengan negara-negara lain seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan lain-lain, kita pusing satu negara ini tidak ada pun rakyat Malaysia mencari makanan di tong sampah, tiap-tiap hari, pagi, petang. Tetapi, kalau kita pusing negara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kemaman ini, Tuan Yang di-Pertua, tuhan sahaja yang tahu. Masyarakat dia mencari makan di tong sampah. Apakah ekonomi dia capak? Apakah ekonomi negara kita hancur, punah disebabkan

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya tidak ada masa. Saya tidak boleh beri. Saya banyak mahu cakap ini, tetapi, saya terpanggil dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Kemaman yang 20 minit dia guna pakai untuk menghina kepimpinan negara, menghina negara. Seharusnya kesyukuran itu harus ada sedikit. Seburuk-buruk negara pun, sejahat macam mana pun, kita manusia naluri kita ada sedikit baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Ini langsung tidak ada!

[Yang Berhormat bagi Kemaman masuk Dewan]

Jadi, saya mahu Yang Berhormat bagi Kemaman, dia baru masuk, saya mahu dia dengar sebab apa dia cakap, semua bohong! Dia mahu memanipulasi isu ini. Ekonomi negara kita pada hari ini di tahap, di landasan yang baik, di mana pada jangkaan IMF pada tahun akan datang GDP kita kekal 5%. Ini satu kebanggaan! Walau apa dia berkata dengan apa cara sekali pun termasuk kempen ekstremis pembangkang, ia tidak akan menggugat ekonomi negara kita sebab kita mempunyai produk, mempunyai cara untuk mengekalkan pelaburan ini dan tidak langsung bergantung kepada pelaburan asing.

Jadi, inilah satu fakta, saya harap Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kemaman dapat menganalisis secara baik, pakai secara rasional, jangan emosional. Kalau emosi, kita tidak boleh memikirkan sesuatu yang baik, malahan kita terus menjadi *negative thinking*. Saya sebut ungkapan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, abang saya, dia cakap: Kalau pun kita tidak menjadi ikan, jangan kita jadi lalat, memburukkan ikan tersebut.

Seharusnya kita berbangga dengan apa yang dilaksanakan oleh negara kita dan kalau inilah sikap pembangkang, tidak apa, Tuan Yang di-Pertua. Suara-suara sumbang ini akan kita kurangkan pada pilihan raya yang akan datang! *[Tepuk]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jeli bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jeli bangun, hendak beri jalan ataupun tidak?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Lain kali beri, ya! *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Jadi, yang dibuat perbandingan adalah negara-negara yang menerima pakai pandangan IMF dan Malaysia yang tidak menerima pakai pandangan IMF. Kita telah membuat tohmahan yang bertalu-talu terhadap negara-negara yang menerima pakai pandangan IMF. Tetapi, apakah saudara sedar, ini adalah data-data yang *dicirculate* di majalah-majalah antarabangsa dan juga di buletin-buletin ekonomi?

Apakah saudara sedar bahawa negara-negara yang menerima pakai pandangan IMF, umpamanya Korea Selatan, simpanannya jauh melebihi Malaysia? KDNKnya jauh mengatasi Malaysia. Yang kedua, Thailand, pinjaman 17.6 bilion Amerika telah dilangsaikan dan KDNK Thailand jauh mengatasi Malaysia, bahkan pasaran saham Thailand jauh lebih baik daripada Malaysia. Begitu juga pasaran saham di Korea, begitu juga dengan Indonesia.

Indonesia kalau dibandingkan KDNK - jangan kira orang yang makan dalam tong sampah - kita kira KDNK. Ini KDNK yang standard yang dibekalkan oleh *[Disampuk]*. KDNK Indonesia lebih baik daripada KDNK Malaysia dan pasaran saham Jakarta lebih baik daripada pasaran saham di Kuala Lumpur sekarang ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Apakah alasan itu hendak mengatakan bahawa mereka yang menerima pakai IMF semua tidak betul belaka? Minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saudara Yang Berhormat pun tidak berapa betul, selalu menipu fakta juga. *[Ketawa]* Argentina, dia menggunakan IMF. Apa jadi? Saya baru satu minggu yang lalu.... *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Baru pulang, ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Merana itu negara! Daripada kekuatan ekonomi yang begitu kukuh, hebat, menjadi sebuah negara yang menjadi paksi ekonomi sejagat, tiba-tiba jadi runtuh disebabkan IMF.

Korea Selatan, jangan tipu, dia punya ekonomi sekarang *recession*, dia teruk daripada kita. Singapura pun begitu. Cuma ada mungkin, Filipina, Thailand, kita memang, tetapi ini bukan sebagai satu kejayaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya hendak tanya di Korea Selatan, dia ada dasar macam polisi bumiputera tidak? Di Indonesia, ada atau tidak polisi bumiputera? Ataupun di mana-mana negara yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi?

Kalau kita terima IMF, kita terpaksa gugurkan semua dasar yang dianggap sebagai mendiskriminasi mana-mana syarikat. Jadi, saya hendak tanya, apakah kita hendak bangga dengan kejayaan Thailand, Korea dan juga Jepun atau Indonesia, dalam masa yang sama kita kena gugurkan polisi bumiputera?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, ini yang pembangkang hendak, supaya negara kita ini mengemis macam negara-negara seperti yang dibantu oleh IMF ini. Sebab Korea, negara-negara tersebut tidak ada polisi membela orang-orang bumiputera, cuma di negara ini sahaja.

Ahli-ahli Pembangkang: *[Sorak]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduk dahulu, duduk dahulu! Apabila kita terima IMF bererti dasar kita membela orang bumiputera sudah gugur. Bank-bank yang ada, pengusaha-pengusaha besar yang ada di negara ini akan diambil alih oleh orang-orang asing ini. Jadi, ini yang mereka hendak kerajaan kita lakukan supaya mereka boleh cerita di kampung bahawa negara kita gagal mengawal ekonomi. Tetapi, kita tidak akan tertipu oleh wakil-wakil rakyat pembangkang ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dari Kemaman duduklah. Tadi pun tidak beri peluang. *You* sudah cakap 20 minit, taruh kita, apa semua, dengarlah!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Statement* daripada Kemaman memang 100% Tuan Yang di-Pertua tidak boleh diterima pakai, sebab dia merupakan andaian penipuan dirinya sendiri. Mana ada kerajaan dalam negara ini 100% sempurna, *perfect government* tetapi tidak mustahil pula 1, 2 langkah yang diambil oleh kerajaan semua ditolak oleh Kemaman, semua tidak betul. Melambangkan kalau kerajaan ini kekal bahawa ekonomi negara kita akan runtuh, punah pada masa akan datang. *[Dewan riuh seketika]* Ini tidak ada dan tidak akan berlaku, rakyat semua memang faham, itu sebab rambut Kemaman ini gugur terus *[Dewan riuh dengan ketawa]* sebab dia memikirkan masalah negatif sahaja. Dia meracuni minda rakyat itu, dia fikir macam mana membuat andaian tetapi yang sebetulnya andaian dia seorang sahaja. Ini pilihan raya yang akan datang saya tengok gugur juga ini, bukan rambut sahaja dia gugur Tuan Yang di-Pertua, dia sendiri pun akan gugur ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sedikit peluang ini kerana 10 minit sudah beri penerangan jadi pertama saya ingin bincangkan ialah berhubung dengan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia iaitu berhubung dengan perkhidmatan telefon selular. Di mana pada saya dalam era dunia hari ini yang begitu canggih, perkhidmatan telefon selular ini seharusnya bukan lagi menjadi bahan cerita ataupun kompelin oleh masyarakat. Contohnya Pantai Timur, Sabah di Sandakan, dia ada perkhidmatan penjualan promosi dan bermacam-macam promosi tetapi *when come to service*, perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Daripada bandar sampai ke Batu Lima, ini masih kira kawasan bandar, pun tidak boleh menerima perkhidmatan telefon ini. Jadi ini amat memalukan di mana dalam kecanggihan kita ada berbagai-bagai perkhidmatan diberi ianya tidak boleh memberi perkhidmatan secara 100% dan saya juga meminta kepada kementerian supaya dapat memanggil ejen-ejen telefon selular ini untuk memberi perkhidmatan sempurna sebab kita tidak boleh lagi menerima perkhidmatan yang tidak boleh sampai 5 batu, tidak ada perkhidmatan lagi, kita bercakap tiba-tiba putus dan ini pada saya amat memalukan dengan kecanggihan sistem komunikasi negara kita.

Demikian juga dengan perkhidmatan ASTRO, saya melihat di negara-negara lain perkhidmatan ASTRO ini, ribut petir kah, taufan mana yang melanda, dia punya siaran tidak terganggu langsung. Tetapi di negara kita apabila ada hujan renyai, angin sepoi-sepoi pun kita punya ASTRO terus padam, lingkup, tidak boleh memberi perkhidmatan.

Puan Chong Eng: Ya, betul!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini pada saya satu perkhidmatan yang sangat buruk Tuan Yang di-Pertua, hah! Kalau ini pembangkang cakap buruk saya setuju [*Dewan riuh dengan ketawa*] Sebab dia betul-betul buruk kita harus terima fakta itu. ASTRO punya perkhidmatan terlalu buruk di negara kita ini berbanding dengan Singapura. Singapura negara jiran, ribut petir datang dia punya ASTRO terus memberi perkhidmatan, kita pun boleh tengok CNN dan sebagainya tetapi di negara kita Tuan Yang di-Pertua, saya bilang angin tiup kecil-kecil pun, hujan renyai-renyai sudah *blur* pun ASTRO. *Currently service not available*. Kalau boleh ASTRO cuba beri perkhidmatan yang canggih, tiru negara yang baik begini. Jangan tiru macam pandangan dari Kemaman tadi, itu tidak boleh ditiru.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang terakhir pada saya iaitu Kementerian Pendidikan. Saya tertarik dengan kenyataan Pengerusi Back Benchers tadi iaitu berhubung dengan Kolej Komuniti. Ianya telah diberi janji beberapa tahun yang lalu. Jadi minta kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan supaya dapat meneliti akan perkara ini sebab ini telah kita sebarkan kepada masyarakat dan mereka amat mengalu-alukan dan setiap di parlimen kita telah meminta pegawai daerah menyediakan tapak untuk Kolej Komuniti. Tetapi sehingga hari ini, kita tidak dapat berapa tahu alasan yang kukuh daripada pihak Kementerian tetapi masih belum dapat dilaksanakan oleh Kolej Komuniti ini. Kalau pun ada lebih kurang mungkin 5% hingga 10% yang telah dapat dibina. Jadi kita mahu minta ini bukan menghadapi pilihan raya tetapi ini ada kepentingan untuk semua masyarakat dan ini termasuk juga di kawasan pembangkang. Kita tidak kira kawasan mana-mana sebab perkhidmatan pendidikan ini akan mengambil kira semua suku masyarakat kita di negara ini tidak kira pembangkang dan kerajaan. Demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan diakhiri dengan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Padang Terap.

3.25 ptg.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan yang diberikan kepada saya. Saya ingin mengambil bahagian ini untuk membahaskan cadangan Tambahan Perbelanjaan 2003 yang melibatkan sebanyak lebih kurang RM45 billion.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh secara khusus beberapa masalah yang berkaitan dengan cadangan tersebut, izinkan saya menyentuh secara ringkas tentang sejarah perkembangan pendidikan kita. Tuan Yang di-Pertua, pada ketika bangsa kita dijajah oleh British dahulu orang Melayu dianggap wujud semata-mata kerana adanya Raja-raja Melayu. Namun begitu mereka tidak mengiktiraf Melayu sebagai bangsa yang mampu mencapai tahap kemajuan yang Tinggi. Lantaran itu mereka telah meminggirkan orang Melayu dan mengatur rancangan supaya orang Melayu terus hidup di desa-desa terpencil sekaligus mereka membiarkan bahasa Melayu hidup sebagai bahasa suku kaum yang hanya layak diguna pakai di sekolah-sekolah Melayu dan di pasar-pasar. Tujuannya supaya bahasa Melayu tidak menjadi bahasa ilmu iaitu bahasa yang boleh membina tamadun sesuatu bangsa.

Niat sebenar British tidak lain dan tidak bukan hanya semata-mata untuk menghakiskan tamadun Melayu yang telah terbina sejak sekian lama itu supaya tidak berkembang dan dapat bersaing dengan tamadun yang ingin mereka bina di negara kita ini. Untuk menyembunyikan niat buruk mereka. Cogan kata seperti *to develop human culture and to retain and establish liberal tradition among the nation*, dengan izin telah diketengahkan secara meluas.

Human culture menurut mereka tidak ada yang lain selain daripada apa yang diamalkan oleh orang Barat. Dalam bidang pendidikan, British memperkenalkan dasar pelajaran terbuka *laissez-faire*. Dasar tersebut telah mengakibatkan terbentuknya lima jenis aliran persekolahan yang berbeza di negara ini iaitu aliran Inggeris, aliran Melayu, aliran madrasah serta aliran Cina dan Tamil. Perbezaannya bukan sahaja dari segi kurikulumnya bahkan juga dari segi matlamat dan tujuan sekolah-sekolah tersebut ditubuhkan.

Sekolah Inggeris menggunakan corak kurikulum dan sukatan pelajaran serta buku-buku teks yang digunakan oleh kanak-kanak di England. Tujuannya adalah untuk menjayakan proses sekularisasi yang dirancang oleh institusi-institusi di Barat. Sekolah Melayu dirancang supaya menggunakan kurikulum yang menitikberatkan kemahiran 3M, menulis, mengira dan membaca serta sedikit kemahiran pertukangan tangan secara tradisi. Tujuannya adalah untuk melahirkan masyarakat yang hanya boleh hidup di kampung-kampung sebagai petani dan nelayan.

Sekolah agama pondok merupakan institusi warisan yang terbentuk lebih awal, seawal kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Sekolah-sekolah tersebut ditaja dan dibangunkan oleh orang Melayu di kampung-kampung. Ia menggunakan kurikulum dan bahan bacaan yang diubahsuai daripada sistem pelajaran dari negara-negara umat Islam di Asia Barat. Tujuannya adalah untuk meneruskan kelangsungan risalah nabi Muhammad SAW di negara yang tercinta ini.

Sekolah-sekolah Cina dan Tamil masing-masing menggunakan kurikulum yang didatangkan daripada benua China dan India. Tujuannya adalah untuk memelihara identiti bangsa, budaya, adat resam dan bahasa mereka masing-masing.

Dalam menghadapi keserasian ini, anak-anak Melayu perlu memilih salah satu daripada tiga jenis persekolahan di peringkat rendah iaitu sama ada sekolah Inggeris, sekolah Melayu atau sekolah agama pondok. Dan salah satu daripada dua jenis persekolahan di peringkat menengah iaitu sekolah Inggeris atau madrasah. Pemilihan tersebut telah melahirkan tiga kelompok yang berbeza di dalam kalangan masyarakat Melayu iaitu kelompok agama, kelompok menengah dan kelompok awam. Kelompok agama terdiri daripada kalangan alim ulama', guru-guru agama dan imam-imam. Kelompok menengah terdiri daripada kalangan lulusan aliran Inggeris yang menjawat jawatan sebagai pegawai kerajaan sementara golongan awam pula terdiri daripada kalangan lulusan sekolah Melayu yang menjadi guru Melayu atau kerani peringkat bawahan serta budak-budak pejabat. Selain mereka ialah para petani dan nelayan.

Akibat daripada dasar pelajaran terbuka yang diatur oleh British itu, menyebabkan anak-anak Melayu tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke yang peringkat lebih tinggi melalui sekolah Melayu kerana sekolah Melayu hanya setakat darjah 5 peringkat rendah sahaja. Pelajaran peringkat menengah pada ketika itu hanya dapat diteruskan melalui sekolah Inggeris. Natijahnya pada tahun 1924, kanak-kanak Melayu yang diterima masuk ke sekolah Inggeris hanya seramai 3,850 orang sahaja berbanding kanak-kanak India seramai 4, 613 orang sementara kanak-kanak Cina seramai 20,166 orang.

Walaupun pihak tertentu berpendapat bahawa apa yang berlaku bukanlah berpunca daripada sikap Kerajaan British kerana mereka sebenarnya telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mengubah sikap ibu bapa orang Melayu supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris agar kanak-kanak tersebut dapat meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti kanak-kanak lain, kita harus ingat bahawa kenyataan tersebut adalah semata-mata untuk menutup niat sebenar mereka terhadap penduduk tempatan, sekarang ini bumiputera. Ini kerana, walaupun usaha tersebut pernah dibuat tetapi sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja.

Mereka tidak pernah memandang berat terhadap segala faktor penghalang seperti faktor lokasi sekolah di kampung-kampung, skop kurikulum pelajaran Melayu yang terhad dan tidak terdapat di dalamnya usaha-usaha mengubah cara hidup dan cara berfikir murid-murid ke arah yang lebih maju, juga, faktor kemiskinan ibu bapa Melayu pada waktu itu. Menyedari sikap tidak jujur British terhadap orang Melayu, para ulama menggembelng tenaga bersama-sama dengan kelompok awam untuk mempertingkatkan prestasi pendidikan di sekolah-sekolah pondok dengan menubuhkan madrasah-madrasah bagi membolehkan anak-anak Melayu menyambung pelajaran mereka di peringkat menengah.

Dengan itu, tertubuhlah Madrasah Al-Misriah di Tanah Liat, Bukit Mertajam Pulau Pinang pada tahun 1906 diiringi dengan penubuhan Madrasah Al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907, Madrasah Al-Hamidiah di 'Limbo Kapal' Alor Setar, Kedah pada tahun 1909. Madrasah Muhamadiyah atau Ma'ahad Al-Muhammadi di Kota Baharu pada tahun 1915.

Seterusnya, penubuhan madrasah terus berlaku dengan pesatnya di seluruh pelosok tanah air di sekitar tahun 1930-an dan 1940-an.

Madrasah dianggap oleh British sebagai tempat melahirkan golongan ekstrem yang boleh menghalang kepentingan politik mereka. Sebab itu, ia bukan hanya dibiarkan hidup bersendirian tanpa bantuan, malah sentiasa diawasi dan diragui oleh mereka. Rupanya setelah 46 tahun merdeka, nasib madrasah, kini Sekolah Agama Rakyat mengalami nasib yang lebih teruk daripada zaman penjajah. Sekolah-sekolah ini kini dianggap sebagai sarang pengganas. Kewujudannya dianggap boleh memudaratkan bangsa dan negara. Oleh itu, Kerajaan Barisan Nasional berusaha untuk menghapuskannya.

Menurut Menteri Pendidikan, langkah tersebut penting kerana usaha kementerian untuk mempertingkatkan, gagal dicapai. Maka, jika ia diteruskan, sudah tentu akan merugikan Kerajaan Barisan Nasional. Apa yang lebih menyayat hati umat Islam di negara ini ialah kenyataan para pemimpin UMNO yang secara terbuka melahirkan kebencian terhadap SAR. Sebenarnya, SAR ditubuhkan oleh orang-orang tertentu yang berkepentingan. Manakala, sekolah itu daif dan tidak mempunyai guru terlatih serta kemudahan yang sempurna.

"Kalau ada orang UMNO menghantar anak-anak mereka masuk ke sekolah SAR, ambil keluar, rosak anak-anak kita. Mereka guru bukan ajar Islam tetapi merosakkan pemikiran", kata Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Januari 2003.

"Kerajaan perlu mengawasinya dengan lebih ketat untuk memastikan murid-muridnya tidak direkrut untuk menjadi pengganas. Selama ini, kita hanya membiarkannya. Ini isu penting sekarang. Kita perlu mengambil tindakan tegas, jika tidak habislah kita", kata Pengarah Pusat Penyelidikan Strategi pada 16 Januari 2003.

"Sekiranya dibiarkan, ia boleh menjadi bom jangka yang akan meletup tidak lama lagi, menjejaskan taraf hidup yang kita hargai. Kemungkinan sekolah agama ini dijadikan pusat merekrut pengganas", kata pula Menteri Pertahanan Malaysia pada hari yang sama, iaitu 16 Januari 2003...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya, Yang Berhormat bagi Padang Terap. Isu Sekolah Agama Rakyat melahirkan pengganas. Saya kira, saya hendak tanya Yang Berhormat, apa pendapat dan pandangan Yang Berhormat, sebab bagi sayalah bahawa, ada kemungkinan benar dakwaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Sekolah Agama Rakyat ini melahirkan pengganas, tidak seperti mana sekolah-sekolah asrama penuh, ia hanya melahirkan murid yang ligan cikgu dengan parang seperti yang berlaku di MCKK. Ini, budak-budak yang masuk dengan 5'A' daripada UPSR, tidak seperti mana Sekolah Agama Rakyat, ia masuk 5'E'. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Sebenarnya, itu akan sampai kepada jawapannya. Memang sudah sedia. Selain mereka, terdapat tidak kurang daripada 21 kenyataan yang merupakan tuduhan liar telah dibuat oleh para pemimpin negara dan orang-orang penting yang beragama Islam terhadap Sekolah Agama Rakyat sedangkan pada zaman penjajah dahulu, tiada suatu pun kenyataan yang seteruk itu dibuat oleh pegawai-pegawai British untuk dilemparkan kepada madrasah-madrasah walaupun mereka beragama Kristian dan sangat-sangat memusuhi dan mencurigai.

Oleh kerana para pemimpin negara menyaki SAR menjadi sarang pengganas, maka pada tahun 2002, Kerajaan Barisan Nasional mula menghentikan semua jenis bantuan termasuk bantuan per kapita kepada SAR supaya sekolah-sekolah tersebut mati dengan sendirinya. Dalam bulan Ogos 2003, Kementerian Pendidikan menawarkan jawatan guru sandaran kepada guru-guru yang sedang mengajar di SAR dengan tujuan supaya mereka meninggalkan SAR. Bayangkan betapa tindakan tidak berperikemanusiaan Kementerian Pendidikan....

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya ulangi, tindakan tidak berperikemanusiaan Kementerian Pendidikan terhadap pelajar-pelajar SAR yang tidak bersalah.... [*Tepuk*]. Mereka sedang di ambang peperiksaan untuk semua peringkat persijilan. Apakah niat sebenar Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Barisan Nasional ini di sebalik tindakan mereka itu. Ragu terhadap keganasan, ini jawapannya Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Manakah bukti? Apakah niat sebenar kementerian? Apakah ragu terhadap keganasan? Manakah bukti yang menunjukkan SAR pengganas? Manakah bukti yang menunjukkan bahawa guru-guru di SAR mengajar para pelajar supaya menjadi samseng. Antara 76,300 orang pelajar yang sedang menuntut di semua peringkat sekolah di negara ini yang telah dikenal pasti oleh kementerian itu, berapa orang kah pelajar SAR yang terlibat?

Setakat yang diketahui, sehingga tempoh ini, semua pelajar tersebut terdiri daripada para pelajar sekolah menengah kerajaan. Antaranya, sekolah elit seperti MCKK, sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah berasrama tajaan Kementerian Pendidikan yang mempunyai kelengkapan yang cukup sempurna, lengkap dan cukup segala-galanya. Mereka didapati bukan sahaja melanggar disiplin, malah melakukan jenayah seperti membunuh, mendera, merogol dan mengugut pelajar-pelajar....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Membuat bising*]

Seorang Ahli: Larut malam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Padang Terap. Saya pun tidak sangkalah Yang Berhormat selepas keluar daripada kerajaan, menjadi seorang ahli pembangkang, boleh membuat tohmahan yang begitu teruk, menggambarkan seolah-olah kerajaan pada hari ini cuba menganiayai Sekolah Agama Rakyat yang kita cuba hendak perbetulkan, kata tidak betul walaupun tergelincir. Sedangkan, ada pelajar-pelajar kita yang menghadapi masalah disiplin, diambil tindakan. Ini satu gambaran betapa kita memandang serius tidak macam pembangkang, semuanya tidak betul. Tadi, baru Menteri masuk bertanyakan mana istimewanya hak bumiputera yang diberi oleh kerajaan, yang dibela oleh kerajaan pada hari ini, terdapat dalam negara-negara lain, yang selalu diberikan contoh oleh pembangkang termasuk Kemaman... .

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Nanti, bagi saya capak sedikit dahulu. Kalau hendak bagi, bagi sedikit, sedikit lagi. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, termasuk IMF, pinjaman IMF. Katakanlah kerajaan kita ambil pinjaman IMF, bermakna hak bumiputera sebagaimana kata Menteri tadi, terhapus. Jadi bermakna di sini, pembangkanglah yang hendak melihat, yang hendak membunuh hak keistimewaan bumiputera kalau kita ambil pinjaman IMF sebagai contoh. Begitu juga kita lihat Sekolah Agama Rakyat yang menyimpang, menyeleweng dan tergelincir. Salahkah kerajaan hendak memperbetulkan akidah mereka ini? [*Disampuk*] Saya hendak tanya Yang Berhormat.

Jadi bermakna, pembangkang tolonglah, kalau ada rakan-rakan kita yang sudah hendak gugur rambut, selepas ini kena gugur, bagi tohmahan yang tidak baik, jadi yang hendak bunuh hak bumiputera ini siapa, melainkan pembangkang. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Yang pertama, penjelasan untuk respons kepada Yang Berhormat bagi Larut, mana ada bumiputera di Korea? Tidak ada. [*Disampuk*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Betul, saya tidak kata bumiputera di Korea. Saya kata tadi...

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Taiwan pun tidak ada.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Saya kata tadi, Yang Berhormat...

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tidak, apa yang....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:kerajaan kita inilah yang bela nasib bumiputera. Kalau kita ambil pinjaman IMF, bermakna cadangan pembangkang itu.....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:hendak membunuh nasib bumiputera....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya tidak bagi jalan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:sebagaimana pandangan Menteri tadi. Janganlah putar belitkan kenyataan.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Ya, saya minta bukti di manakah bukti yang menunjukkan bahawasanya SAR itu melahirkan pengganas?

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya!

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tidak ada. 76,000 orang itu, berapa orang pengganas daripada SAR? Apa yang terbukti ini bahawa SAR, walaupun telah didakwa oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-4 sebagai sekolah daif, tidak mempunyai guru terlatih serta kemudahan yang sempurna, namun ada di antaranya yang mampu menunjukkan prestasi cemerlang kerana mampu menampilkan pelajar yang memperoleh keputusan 8A dalam peperiksaan SPM.

Sebuah sekolah menengah agama rakyat di kawasan saya, di Padang Terap, pada tahun ini seramai 15 orang dapat masuk ke universiti. *[Disampuk]* 15 orang. Keadaan sekolah itu dikatakan daif. Mereka mendapat 8A dalam peperiksaan SPM dan dapat *jayyid* dalam peperiksaan Sijil 4 Senawi. Tahukah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Cukup sudah, cukup sudah. Bahawa pelajar-pelajar di SAR perlu mengambil antara 17 hingga 19 mata pelajaran serentak....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh duduklah.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:bagi mendapatkan sijil SPM dan 4 Senawi berbanding tujuh hingga sembilan mata pelajaran sahaja bagi mendapatkan sijil SPM semata-mata oleh pelajar-pelajar di SMA.

Tuan Yang di-Pertua, apakah untungnya bagi bangsa Malaysia khususnya bahasa Melayu jika SAR terhapus di bumi Malaysia ini dan apakah ruginya bangsa Malaysia sekiranya SAR terus berperanan sebagai institusi pendidikan, tidak pernah melahirkan budaya samseng di dalamnya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Peringat bangun.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih, minta penjelasan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Padang Terap tentang anggapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa SAR ini tidak mengajar agama? Jadi, agama apa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri itu? Apakah agama Islam ataupun agama apa?

Yang keduanya, apakah ukuran salah dan betul yang digunakan oleh kerajaan untuk mengukur dan mengatakan bahawa Sekolah Agama Rakyat ini mengajar ilmu salah? Apakah ukurannya ataupun sandarannya? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung ya.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Peringat. Sebab itulah apabila tuduhan-tuduhan ini diberi, kita minta kita berdialog secara terbuka. Berdialog secara terbuka dan nyatakan mana salah, mana bukti yang kata guru-guru mengajar ilmu salah dan sebagainya tetapi sehingga sekarang ini, masih belum ada jawapan yang berani diberi oleh pihak yang menuduh. Apakah untungnya?

Setiap bangsa yang ada di dalam dunia ini sudah tentu berhasrat untuk memperkembangkan budaya hidupnya sendiri walaupun di mana juga mereka berada seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi kerana itu merupakan hak masing-masing. Begitulah setiap suku kaum di negara kita. Adakah adil ketika kaum lain ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:sedang berjuang menuntut hak masing-masing khususnya dalam pendidikan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:tiba-tiba UMNO, Barisan Nasional dan Kementerian Pendidikan memusuhi SAR dan berusaha menghapuskannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, untuk gulung. Berbalik semula kepada sejarah kelahiran dua aliran pendidikan peringkat menengah iaitu Inggeris dan madrasah di negara ini, kewujudannya menyebabkan lahirnya dua kelompok masyarakat terpelajar yang berbeza *world view*nya di kalangan orang Melayu. Namun pada satu masa, ketika timbulnya kesedaran tentang peri pentingnya umat Melayu bersatu bagi membebaskan negara mereka daripada cengkaman penjajah, mereka bersatu walaupun *world view* mereka berbeza kerana semua pihak berasa yakin bahawa penjajah menurut al-Quran, *[Membaca beberapa potong ayat suci al-Quran]* yang bermaksud: "Apabila mereka menakluki sebuah negara, mereka merosakkan negara yang mereka jajah itu dan pasti pula mereka menjadikan rakyatnya yang bermaruah sebagai bangsa yang hina-dina."

Kedua-dua golongan tadi, golongan agama dan golongan nasionalis Melayu bergabung tenaga, bersatu dan berjuang bersama-sama menentang habis-habisan akan rancangan British untuk menubuhkan Malayan Union. Mereka menentang habis-habisan kerana mereka menganggap bahawa ia pasti merugikan orang Melayu kerana sekiranya Malayan Union berjaya, bererti orang Melayu akan kehilangan hak ketuanannya di negara mereka sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Kehilangan hak ketuanan Melayu bererti kehilangan hak keistimewaan orang Melayu, juga bererti kehilangan maruah dan jati diri orang Melayu, seterusnya akan berlaku sindrom hakisan akidah Melayu serta sindrom keterpinggiran bahasa Melayu yang menjadi jiwanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah. Serdang. Tetapi sebelum itu, Yang Berhormat bagi Serdang, kerana ada usul. Selepas ini Yang Berhormat akan dijemput. Ha, ada usul.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.47 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2003 dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan ke esok hari."

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Khamsiyah bin Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Serdang, sila.

3.48 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada dua perkara dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Masalah pencemaran sungai yang menjadi punca bekalan air bersih terputus kepada penduduk bukanlah perkara baru, namun keberkesanan mengatasi masalah ini masih di takuk lama. Peristiwa pencemaran Sungai Langat sehingga menyebabkan beberapa kawasan perumahan dan kawasan perindustrian di kawasan Balakong mengalami gangguan bekalan air terputus boleh dijadikan contoh.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Tepuk]

Dato' Yap Pian Hon: Sungai Langat dan Sungai Cheras merupakan sumber air mentah ke loji pembersihan air Batu 11, Cheras. Kejadian pencemaran air mentah sentiasa berulang yang mengakibatkan loji air Cheras terpaksa dihentikan tugas kerana air sungai yang tercemar ini tidak dapat dirawat dan menyebabkan gangguan air bersih kepada pengguna-pengguna di sekitar kawasan seperti Taman Bukit Belimbing, Taman Sungai Besi Indah, Taman Impian Ehsan, Taming Jaya dan lain-lain kawasan perumahan. Terdapat enam kawasan perindustrian yang penting di kawasan Balakong ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod, insiden yang telah memaksa loji Cheras ini dihentikan tugas ialah sebanyak 35 kali daripada tahun 1998 hingga Jun 2003, dengan tempoh masa berjumlah lebih daripada 250 jam, gangguan air berlaku dan loji terpaksa ditutup berpunca daripada pencemaran air mentah yang berwarna akibat pembuangan sisa dan kumbahan industri ke sungai.

Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya memberi sedikit catatan mengenai loji pembersihan Batu 11, Cheras dari tahun 1998 hingga Jun 2003. Tahun 1998, sebanyak 16 kali kejadian....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak payahlah, nanti boleh ceritalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah!

Dato' Yap Pian Hon: Ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kata beliau, tidak payahlah.

Dato' Yap Pian Hon: Pada tahun 1999 dua kejadian, pada tahun 2000 - dua kejadian, pada tahun 2001 - lima kejadian, pada tahun 2002 - tiga kejadian, pada tahun 2003 hingga bulan Jun sahaja - tujuh kejadian. Jumlah keseluruhan 35 kejadian di mana loji pembersihan air Batu 11, Cheras ditutup. Dengan penutupan ini, maka berlaku gangguan air kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi persoalan kepada masalah itu ialah di manakah tindakan serta usaha yang *committed* oleh pihak terbabit untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan pernah melancarkan 'Kempen Cintai Air Sungai' dan memberi peruntukan khas untuk membersihkan sungai-sungai yang tercemar dan kotor tetapi kempen kesedaran ini seolah-olahnya tidak berkesan. Apakah sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kerja-kerja pembinaan *structure* 'mukasauk' baru loji pembersihan air Batu 11, Cheras yang terletak di tebing Sungai Langat hulu dari pertembungan Sungai Langat dan Sungai Cheras sedang dilaksanakan oleh Puncak Niaga Sdn Bhd dengan kosnya RM3.3 juta dan akan siap pada Februari 2004. Dengan siapnya projek ini, pengambilan air tercemar daripada Sungai Cheras dan penutupan loji air Batu 11, Cheras yang menyebabkan penduduk-penduduk, pengusaha-pengusaha kilang, kedai-kedai makanan di sekitar kawasan Balakong akan dapat dielakkan.

Saya menganggapkan bahawa projek ini ialah salah satu langkah yang diambil untuk mengelakkan penutupan loji air yang menyebabkan bekalan air terputus. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan muka sauk baru ini akan menjadi sia-sia sahaja sekiranya pencemaran kerap berlaku di Sungai Langat. Sekiranya Sungai Langat dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, maka terpaksa menutup loji pembersihan air Batu 11, Cheras ini kerana tidak mempunyai sumber air mentah yang boleh dirawat dan ini juga mengakibatkan para pengguna di kawasan Balakong terus menghadapi masalah ketiadaan bekalan air untuk kegunaan seharian. Pemantauan punca-punca pencemaran di Sungai Langat dan Sungai Cheras perlu diperketatkan bagi mengambil langkah-langkah tegas supaya masalah pencemaran ini dapat diselesaikan. Jangan biarkan masalah ini berterusan, jangan biarkan loji air dihenti tugas dan terputus bekalan air yang menjejaskan kehidupan seharian rakyat serta aktiviti-aktiviti ekonomi di sekitar kawasan Balakong.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk dan pengusaha-pengusaha kilang di sekitar kawasan Balakong yang diwakili oleh saya....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak payahlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sedikit sahaja, dua patah sahaja.

Dato' Yap Pian Hon: Tidak payahlah, nanti *you* boleh cakaplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah lapor kepada Tribunal Pengguna atau belum lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah bererti Yang Berhormat tidak berikan laluanlah.

Dato' Yap Pian Hon: Kena gangguan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, dia tidak beri laluan.

Dato' Yap Pian Hon: Apa susahnya, ini pandangan supaya kerajaan akan fikir dan mengambil tindakan seterusnya. Penduduk-penduduk dan pengusaha-pengusaha kilang di sekitar kawasan Balakong yang diwakili oleh saya sedang menunggu tindakan yang berkesan untuk diambil bagi mengatasi masalah ini yang begitu lama dihadapi oleh rakyat di kawasan Balakong yang sedang dalam keadaan bimbang dan kecewa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, kerajaan telah bersetuju untuk membangunkan semula industri khinzir memandangkan bahawa penternakan khinzir adalah satu industri yang berdaya maju iaitu *viable* dengan izin dan berbentuk komersial yang juga memberi hasil lumayan dari aktiviti ekonomi negara sebelum Wabak JE berlaku. Kerajaan juga menyediakan peruntukan khas untuk membangunkan kawasan khinzir bersepadu, *integrated pig farming area*, dengan izin melalui Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM45 juta, Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM20 juta dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM12.85 juta agar industri penternakan khinzir dibangunkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, pihak penternak-penternak khinzir sepanjang masa ini sering bertanya bilakah kawasan-kawasan penternakan khinzir bersepadu akan wujud supaya industri ini dapat dibangunkan semula? Saya pernah membangkitkan masalah ini melalui soalan dan perbahasan serta tahun 2000 hingga 2002 dalam Parlimen ini. Jaminan positif daripada Kementerian Pertanian untuk mewujudkan kawasan-kawasan penternakan khinzir bersepadu melalui pelan komprehensif untuk memulihkan industri penternakan khinzir sering diterima. Tetapi para penternak khinzir masih kecewa atas jangka masa pelaksanaan dasar itu yang terlalu lambat dan apakah sebab-sebab projek ini ditangguhkan perlu diberi penjelasan untuk mengelakkan isu-isu berkenaan menjadi bertambah buruk dan juga elakkan untuk dijadikan isu sosial dan politik pada masa-masa akan datang.

Dengan demikian, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan tahun ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

3.58 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita berada di KLIA sekarang ini, kalau dahulu kita cuma melihat *red carpet* kepada *class-class business* dan kelas pertama tetapi sekarang ini kehadiran Air Asia membuatkan KLIA dan *airport-airport* seperti Airport Sandakan dan Kinabalu, lebih banyak merahnya, lebih banyak *red carpet* kerana adanya Syarikat Penerbangan Air Asia. Lebih menarik lagi, kalau kita lihat iklan-iklan Air Asia ini yang begitu menarik dan dengan warna merahnya, lebih ramai pengguna tertarik kepada warna merah dan juga tertarik kepada harga yang ditawarkan oleh Air Asia.

Saya mengambil contoh daripada KLIA ditulis '*from*' ataupun '*daripada*' harga RM99.99, begitu juga dari KLIA ke Pulau Pinang - RM9.99 tetapi hakikatnya, kalau kita lihat harga yang diiklankan secara besar oleh syarikat ini adalah merupakan harga yang ditawarkan untuk pengguna 10% yang pertama dan hakikat yang sebenarnya, tambang ini tidak dapat diperolehi oleh sebahagian besar daripada pengguna-pengguna kapal terbang serta sektor penerbangan yang diambil.

Saya melihat Air Asia mempunyai harga-harga yang berbeza, tempahannya berbeza. Jika tempahan contohnya daripada Sandakan ke KLIA dibuat dua minggu lebih awal, harganya adalah RM177.49 sen. Jika tempahan dibuat dalam masa seminggu,

RM267.49 sen. Begitu juga jika dibuat dua hari; RM307.49 dan jika tempahan dibuat sekarang ataupun dalam iklan itu RM347.49.

Ini bererti, Tuan Yang di-Pertua, iklan papan yang besar di *airport* dan juga akhbar-akhbar tempatan yang mengatakan bahawa penerbangan daripada ke Sandakan RM99.99 sen adalah jauh daripada hakikat yang sebenar. Walaupun ada pengguna yang dapat tambang ini tetapi bilangan pengguna itu adalah kecil dan kita tidak tahu. Apabila kita meminta tambang RM99.00 ini dikatakan ianya sudah diambil lebih awal ini bererti iklan-iklan Air Asia ini tidak memberi gambaran sebenar tentang harga-harga yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan berkenaan, kerana kalau kita pergi tempahan dua minggu di mana berbeza dengan seminggu, berbeza dengan dua hari dan berbeza dengan penerbangan *immediate*.

Begitu juga saya difahamkan bahawa tambang-tambang ini berbeza mengikut *peak season*, mengikut waktu-waktu yang tertentu. Berbeza dari segi *low season* dan berbeza *peak season*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Kementerian memantau iklan-iklan ini yang saya rasakan ada unsur-unsur mengelirukan pengguna kerana lebih kerap daripada tidak ramai pengguna yang terperangkap dengan iklan tambang ini. Ramai di kalangan mereka yang datang ke lapangan terbang untuk mendapatkan tambang murah yang ditawarkan oleh syarikat ini tetapi akhirnya membayar lebih tambang yang tidak murah seperti yang diiklankan disebabkan oleh peringkat-peringkat tempahan dan juga mengikut harga-harga *season* yang ditawarkan oleh syarikat ini.

Saya menyeru agar kerajaan melihat iklan-iklan Air Asia dan menentukan bahawa tiada pengguna yang terkeliru dan biar pilihan untuk mendapatkan sistem penerbangan itu di buat secara adil dan biarlah iklan ini akan menentukan bahawa pengguna mendapat pilihan penerbangan secara adil tanpa diikat ataupun ditarik oleh iklan-iklan yang dibuat oleh syarikat ini.

Saya mendapat banyak teguran daripada masyarakat saya di kawasan Sabah, kawasan pilihan raya saya, dan juga kawasan berhampiran di mana lebih kerap daripada tidak mereka terpaksa membayar tambang lebih dan tambang yang tidak murah kerana mereka mengharapkan, mengandaikan bahawa tawaran RM99.00 itu merupakan tawaran mutlak dan satu-satunya harga yang ditawarkan oleh Syarikat Air Asia dan tidak seperti keadaan yang sebenarnya.

Saya rasakan bahawa Air Asia patut menyenaraikan semua jenis tambang mereka lebih jelas kepada pengguna daripada keadaan yang sekarang ini di mana diiklankan tawaran yang paling murah "*from RM...*" dikatakan tetapi tidak ramai yang boleh mendapatkan harga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bahaskan adalah tentang keadaan jalan-jalan utama di Sabah yang dikatakan amat teruk jalannya dan terlalu banyak perbelanjaan yang digunakan membaik pulih keadaan jalan ini.

Dan kalau kita lihat pada sesi Parlimen yang lalu Menteri sendiri mengatakan bahawa antara alasan kerosakan jalan utama di Sabah disebabkan oleh struktur tanah, *overloading* dan juga *overvolume*. Saya mengambil struktur tanah sebagai satu alasan yang mungkin disebabkan keadaan semula jadi yang menyebabkan kerosakan yang teruk. Tetapi kalau kita lihat daripada alasan *overloading* yang berlaku, saya rasakan bahawa pihak penguatkuasaan dari Jabatan Pengangkutan Jalan tidak sehebat seperti yang sepatutnya dilaksanakan, kerana banyak kereta menggunakan jalan ini pada hakikatnya memang , *overloaded* dan menyebabkan jalan-jalan rosak.

Tetapi kalau kita lihat dari segi penguatkuasaan dan juga kakitangan JPJ yang ada di negeri tersebut, ianya jauh daripada dapat membendung masalah ini dan kalau kita lihat sering kali dikatakan bahawa masalah penguatkuasaan, masalah kakitangan merupakan masalah yang dihadapi oleh JPJ dan juga Kementerian Pengangkutan tetapi pada hakikatnya saya rasakan telah tiba masanya bagi Kementerian untuk menentukan Unit Penguatkuasaan JPJ ini dapat diperkasakan agar masalah kerosakan disebabkan oleh *overloading* ini dapat diatasi.

Untuk mengatasi masalah *overvolume*, saya baru berhubung dengan Pegawai JKR di Sabah yang mengatakan bahawa jalan-jalan sebahagian besar daripada jalan utama di Sabah hanya boleh menampung 30,000 buah kenderaan dalam sehari tetapi dalam keadaan sekarang ini kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan lebih daripada 40,000 buah kenderaan pada setiap hari. Ini menunjukkan bahawa keadaan kepesatan pembangunan yang berlaku di negeri berkenaan menyebabkan jalan *overused*, kenderaan yang ada *overvolume*....

Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua bahawa Kementerian Kerja Raya harus lebih peka terhadap perkara ini dan menentukan bahawa kepesatan pembangunan dapat diiringkan dengan kemudahan infrastruktur yang seiring. Dalam konteks ini kementerian harus melihat bahawa jalan-jalan utama di Sabah harus dinaiktarafkan jika keadaan sekarang ini hanya boleh menampung dalam 30,000 haruslah difikirkan tentang kemungkinan menaik tarafkan jalan-jalan untuk menampung *volume* kenderaan yang besar di negeri berkenaan.

Jalan-jalan utama di Sabah merupakan satu-satunya jalan dan tidak ada alternatif jalan yang lain yang digunakan pengguna dan juga kenderaan-kenderaan yang ada. Saya melihat bahawa jika kita lihat daripada bajet-bajet yang lalu dan juga bajet tambahan yang kita sedang perbincangkan sekarang ini menunjukkan bahawa kerajaan menggunakan kewangan yang besar untuk membaiki pulih jalan-jalan raya.

Saya difahamkan untuk membaiki pulih satu kilometer jalan ia akan mengambil kos lebih kurang RM750 ribu, lebih kurang RM0.75 juta untuk satu kilometer. Dan jika saya bandingkan kos untuk membina jalan baru, ianya akan mengambil lebih kurang RM2.5 juta untuk satu kilometer. Jadi bererti kerajaan melakukan baik pulih tiga kali tiga tahun berturut-turut, ia adalah sebaik membina sebuah jalan yang baru untuk jalan yang berkenaan.

Jadi perkara ini harus diambil oleh kementerian untuk menilai sama ada jalan-jalan ini perlu di baik pulih ataupun perlu *rehabilitate* dan saya kira bahawa sebahagian besar daripada jalan-jalan di negeri Sabah yang dibaik pulih merupakan pendekatan yang *costly* atau yang lebih mahal jika kita ambil pendekatan untuk *rehabilitate* dan jika dengan membaiki, menaik tarafkan jalan daripada satu *lane* yang ada sekarang ini dengan membesarkan jalan untuk menampung pertambahan *volume* kenderaan yang ada di negeri berkenaan.

Saya berkata ini kerana melihat bahawa lebih banyak perbelanjaan kerajaan dibuat untuk membaiki pulih jalan dan saya kira adalah lebih jimat bagi kerajaan untuk menimbang, memperbesarkan jalan yang ada daripada satu *lane* mungkin dibesarkan kepada dua *lane* ataupun memperbaiki aspek-aspek jalan yang ada sekarang ini daripada 12 tan - saya difahamkan - untuk boleh menampung kenderaan-kenderaan yang lebih berat dengan membina jalan yang lebih baik di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong rakan-rakan saya daripada Shah Alam dan juga Kinabatangan untuk mendesak dan juga membawa masalah pembinaan pewujudan Kolej Komuniti di kawasan-kawasan Parlimen untuk disegerakan. Saya melihat kawasan-kawasan luar bandar merupakan kawasan yang lebih terdesak pembinaan perwujudan Kolej Komuniti ini dan kita melihat bahawa jika hasrat untuk menubuhkan kolej-kolej komuniti di kawasan-kawasan luar bandar ia akan dapat menyelesaikan banyak masalah terutama masalah-masalah penempatan murid-murid yang tidak dapat masuk ke institusi pengajian tinggi.

Saya menyeru agar Kementerian Pendidikan menggunakan budi bicara untuk kalau tidak dapat mewujudkan *community college* ini pada bangunannya sendiri tetapi harus dilaksanakan pada peringkat pertama ini untuk menyewa bangunan yang ada bagi menentukan bahawa ia dapat direalisasikan dan untuk memberi kemudahan pendidikan kepada mereka yang memerlukan terutama di daerah-daerah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli.

4.11 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini satu pertelingkahan yang belum lagi selesai di antara Malaysia dan Singapura ialah isu air, isu Pulau Batu Putih, isu tanah KTM di Singapura, isu wang CPF dan beberapa isu-isu yang kecil. Bagi membincangkan Belanjawan Tambahan yang diperlukan oleh pihak kerajaan yang mana telah pun membelanjakan wang ini sebanyak RM4.5 bilion, bukannya RM3 bilion seperti mana yang dibentangkan tadi. RM4.5 bilion tambahan yang telah pun dibelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan belanjawan sekitar RM110 bilion dan pada waktu itu dianggarkan defisit sekitar RM27 bilion. Ini bermakna kalau diambil kira dengan RM4.5 bilion tambahan ini maka defisit kita sudah mencecah RM30 bilion lebih. Kalau RM30 bilion lebih mengikut amalan yang dipraktikkan oleh negara-negara EU, defisit belanjawan tidak boleh melebihi 3% daripada KDNK negara. Dengan menganggarkan bahawa KDNK negara kita sekitar RM400 bilion mengikut angka-angka yang agak rasmi, maknanya kita telah pun membelanjakan RM30 bilion lebih, ini maknanya kita telah membelanjakan hampir 7% daripada nilai KDNK.

Maknanya kita telah tidak menepati syarat-syarat yang sepatutnya kita tepati dari segi membentangkan belanjawan kita. Tambahan pula, ini adalah tahun ke enam berturut-turut kita membentangkan belanjawan defisit, belum lagi mengambil kira belanjawan yang akan dibentangkan 12 September ini yang sudah barang tentu juga merupakan belanjawan defisit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu air yang sekarang ini sedang hangat di *advertise* di dalam akhbar-akhbar perdana Malaysia yang mengambil satu ruangan penuh tiap-tiap hari boleh dikatakan keseluruhan akhbar-akhbar dalam negara kita dan sekali-sekala kita di *advertise* di *Asian World Trade Journal*, saya ingin merujuk kepada satu firman Allah S.W.T....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh duduk sekejap, saya hendak mengumumkan satu perkara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan hormatnya di maklumkan Dewan Rakyat pada hari ini diraikan dengan kehadiran empat orang Ahli-ahli Legislator Assembly of Kanataka India dengan diketuai oleh Speaker, Tuan Yang Terutama Seri M. V. Venkatappa. Kita mengalu-alukan mereka ke Malaysia dan ke Dewan ini dan marilah kita bersama-sama menyambut kehadiran mereka. Selamat datang ke Malaysia [*Tepuk*] - *Welcome to Malaysia*. Yang Berhormat, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Firman Allah S.W.T. yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud: "*Dan kami jadikan tiap-tiap sesuatu yang hidup dari air*" - Suratul Anbiya'.

Mengikut sejarah yang terdapat di Arkib Negara, pada tahun 1927, Kerajaan Penjajah British telah memberikan air percuma kepada Singapura tanpa mengenakan sebarang caj, maknanya maklumat itu bertentangan dengan maklumat yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa kita mula mengenakan caj 3 sen untuk setiap 1,000 gelen bermula tahun 1927. Rupa-rupanya tahun 1927 sehingga 1961, kita tidak mengenakan sebarang caj. Maknanya percuma air tersebut diberikan kepada Singapura.

Ini mengikut sejarah yang terdapat di Arkib Negara. Kemudian pada tahun 1961 kita telah mengenakan caj 3 sen setiap 1,000 gelen kepada Kerajaan Singapura pada ketika itu kerana pada ketika itu satu pertembungan berlaku, pertembungan politik berlaku di antara Encik Lee Kuan Yew daripada Parti PAP dengan Barisan Sosialis yang di satu pihak tidak berhasrat langsung untuk menyertai negara kita Malaysia, manakala Lee Kuan Yew mempunyai hasrat untuk menyertai negara kita Malaysia.

Maka oleh kerana di dalam dua pilihan raya kecil pada ketika itu, Barisan Sosialis telah berjaya mengalahkan Parti PAP....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:tetapi demi untuk menarik dan memikat hati pengundi-pengundi dan rakyat Singapura supaya Singapura menyertai Malaysia maka Kerajaan Malaysia dan kerajaan pada ketika itu telah menawarkan harga 3 sen setiap 1,000 gelen kepada Perdana Menteri Singapura ataupun Ketua Menteri Singapura...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: .. yang bernama Encik Lee Kuan Yew.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Daripada situ maka 3 sen tersebut dikekalkan dan mengikut perjanjian sepatutnya pada tahun 1987 ada perjanjian baru supaya kadar tarif boleh dibincangkan balik pada 1987...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ingin berikan laluan kah?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: .. tetapi oleh kerana pada ketika itu pemimpin-pemimpin UMNO sedang rakus bertanding untuk jawatan Presiden, maka semuanya, rata-rata pemimpin UMNO lupa tentang nasib rakyat semuanya. Mereka lupa. Sepatutnya pada tahun tersebut mereka patut berbincang tentang masalah harga air yang selama sejak 1961 sehingga 1987 dikekalkan caj 3 sen 1 liter, mereka lupa pada 1987 untuk membincangkan semula tentang kenaikan harga ini kerana pada waktu itu mereka sibuk untuk bertanding jawatan Presiden, Timbalan Presiden dan sebagainya. Seolah-olah pemimpin UMNO lebih mementingkan jawatan dalam UMNO daripada mementingkan kepentingan rakyat jelata yang mewakili 23 juta orang sekarang ini.

Kemudian sekarang ini Kerajaan Malaysia telah mengesyorkan untuk berbincang tentang harga air yang mana kita sendiri mengakui bahawa harga 3 sen adalah rendah maka perbincangan itu telah diwakilkan. Kerajaan Malaysia telah mewakilkan perbincangan tersebut sebagai mewakili Kerajaan Malaysia pada ketika itu kepada Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainudin, manakala bagi pihak Singapura, Menteri Kanan Singapura, Encik Lee Kuan Yew tetapi kita tidak tahu apa hasilnya.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya akan beri selepas ini. Saya tidak tahu, kita rakyat tidak tahu apa hasil perbincangan dan apakah bahan-bahan perbincangan antara Tun Daim Zainudin yang mewakili Kerajaan Malaysia pada ketika itu dan juga Encik Lee Kuan Yew yang mewakili Kerajaan Singapura pada ketika itu. Sepatutnya rakyat sudah didedahkan tentang isi-isi perbincangan supaya rakyat dapat menilai secara sejati, siapakah pihak yang cuba mempertahankan isu-isu ini. Cubalah kita bayangkan.

Saya cukup sedih dan saya cukup kecil hati bila mana membaca komen-komen daripada pemimpin-pemimpin Singapura, bermula daripada Menteri Luarnya Profesor S. Jayakumar dan juga Perdana Menternya Encik Goh Chok Tong bila ditanya, apakah perasaan Kerajaan Singapura bila mana MTEN, Majlis Tindakan Ekonomi Negara meng*advertise* atau mengiklankan tentang betapa Malaysia berada dalam keadaan tidak seimbang dalam perjanjian tersebut. Apa jawab kedua-dua pemimpin Singapura dengan izin, *maybe they have a lots of money to spend for the advertisement*. Boleh jadi mereka mempunyai banyak duit belanja untuk iklankan perkara-perkara tersebut di akhbar-akhbar.

Selain daripada itu, mengikut kenyataan kedua-dua pemimpin ini dan juga beberapa pemimpin yang lain, mereka mengatakan bahawa sukar berbincang dengan Kerajaan Malaysia kerana pada asalnya kita cuba berbincang dalam bentuk satu pakej iaitu isu tanah KTM, duit CPF, isu Pulau Batu Putih dan isu air dipakejkan dalam satu perbincangan tetapi bila perkara tersebut cuba hendak dibincangkan maka Kerajaan Malaysia dituduh oleh Kerajaan Singapura, konon-kononnya melarikan pintu gol. Bila sampai mereka hendak *score goal*, hendak sumbat gol tiba-tiba kerajaan memindahkan tiang gol. Ini satu perkara yang mesti dijawab oleh Kerajaan Malaysia. Apakah benar tuduhan ini ataupun sengaja mainan politik daripada Kerajaan Singapura?

Saya bimbang sekiranya kalau kita tidak menjawab segala tuduhan-tuduhan ini, kita....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kita dilihat sebagai mereka yang tidak ada butiran-butiran untuk mempertahankan diri kita. Dari sudut antarabangsa dalam isu air ini seolah-olah Malaysia dikalahkan oleh Singapura. Sebab itulah saya hairan kita kalah di gelanggang terbuka. Sepatutnya Malaysia ini dianggap sebagai Mike Tyson, Singapura dianggap Lenox Lewis tetapi kalau sudah Mike Tyson dikalahkan oleh Lenox Lewis janganlah Mike Tyson cari bini dan anak-anak untuk dipukul. Dia tidak mampu hendak lawan pesaingnya yang betul, dia pergi mencari anak dan bini hendak dipukul, biar nampak dia menang juga. Mana tidaknya,..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat boleh beri jalan?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:... selama ini air sudah bertahun-tahun di bawah kerajaan negeri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ingin berikan laluan?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya tidak beri, duduk dahulu. Masa. Banyak sangat saya hendak cakap ini. Saya akan beri.

Jadi, saya hendak melihat bahawa sepatutnya isu air dengan Singapura diselesaikan terlebih dahulu tetapi kenapa satu warisan, satu harta negeri yang termaktub di dalam Perlembagaan sekian lama semenjak merdeka sehingga hari ini, negeri-negeri diberi kuasa untuk tanahnya, untuk agamanya, untuk airnya dan mana-mana bahan galian...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: yang terdapat di tanahnya, tiba-tiba...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ...bila kalah dengan Singapura...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sedikit sahaja.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ...bila kalah perbincangan dengan Singapura,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini kuasa Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ...bila tidak mampu untuk menguasai perbincangan dengan Singapura...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuasa dia, hak dia.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ...tiba-tiba kita mencari *scapegoat*? Dan *scapegoat* yang dicari adalah negeri-negeri terutama yang ditadbir oleh parti pembangkang.

Kita kena ingat air yang menjadi masalah sekarang ini kerajaan sengaja membesar-besarkan untuk menutup malunya dengan Singapura. Mana tidaknya? Air yang ada di dalam negara kita ini, mengikut kajian-kajian sumber air, negeri-negeri di tanah air kita ini hanya sekitar empat negeri sahaja yang boleh bertahan daripada simpanan air sehingga dalam sepuluh tahun ke atas. Dalam tempoh sepuluh tahun ke atas negeri-negeri yang masih mempunyai sumber air untuk dimanfaatkan oleh rakyat tersebut dan juga mungkin negeri-negeri yang bersebelahan, yang paling banyak sekali ialah Terengganu. Mana tidaknya? Simpanan air di Tasik Kenyir itu lebih besar daripada Pulau Singapura yang belum ditest pun lagi, belum diambil manfaat pun lagi. Kemudian, negeri Pahang, kemudian negeri Kelantan, kemudian negeri Perak. Manakala negeri-negeri lain tunggulah waktu dan ketikanya, mungkin lima tahun lagi negeri-negeri ini akan menghadapi masalah tidak cukup bekalan air.

Untuk menutup isu yang baru maka dicarilah negeri-negeri yang mempunyai sumber-sumber air yang banyak, dan ditakdirkan yang mempunyai sumber-sumber air yang banyak ialah Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perak. Berbagai-bagai tuduhan yang dibuat terhadap organisasi-organisasi yang mentadbir di Kelantan dan Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya akan bagi, tunggu. Mengikut rekod yang ada di tangan kita,.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Mengikut rekod yang kita ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tak bagi, duduk.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tak bagi, tak bagi! Mengikut rekod yang kita ada, Kelantan semenjak air diambil alih oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) bermula tahun 1999 kita untung RM10.51 juta; tahun 2000 – RM18.49 juta; tahun 2001 – RM2.40 juta; tahun 2002 – RM10.94 juta. Benar dikatakan Perdana Menteri bahawa airnya masih kuning, tetapi air kuning hanya di sekitar Kota Bharu. Tetapi kita kena ingat, air Kerajaan Kelantan semenjak 1990 sehingga sekarang minta pinjaman, tidak pernah diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Tiba-tiba bila air Kelantan diberi *rating* oleh Syarikat Rating Malaysia, sebagai dalam kategori A, di mana telah mendapat pinjaman daripada Bank Commercial, tidak kurang daripada RM100 juta, bila dapat pinjaman barulah Kerajaan Persekutuan hendak menyalurkan RM269 juta. Sudah dapat pinjaman Bank Commercial RM100 juta baru hendak disalurkan. Itu pun dikenakan faedah 2% bersama-sama dengan Kerajaan Terengganu, tetapi negeri-negeri yang lain tidak dikenakan sebarang faedah.

Bagaimana seorang Perdana Menteri boleh memperli, menghina air yang dikeluarkan oleh Syarikat Air Kelantan sekiranya pembinaannya belum selesai? Duit baru diberi, loji masih dalam pembinaan. Sepatutnya kalau seorang Perdana Menteri seorang yang wajar, tunggulah loji siap barulah kompelin airnya kuning atau tidak. Ini kahwin pun tidak lagi sudah hendak mengharapkan anak. Yang keluar nanti anaknya haram kalau belum kahwin. Biarlah tunggu selepas kahwin barulah kita tahu dia mandul atau tidak mandul. Sepatutnya Perdana Menteri kena buat macam itu, dia tengok dahulu, okey, sudah siap loji baru dia boleh dakwa sama ada airnya masih kuning ataupun tidak. Tetapi mengikut kajian yang kita buat, sekiranya loji-loji ini siap dibina, insya-Allah, kuning air terutama di kawasan-kawasan baru tidak akan berlaku lagi. Bahkan sekarang ini air di jajahan-jajahan yang lain tidak kuning, kecuali di Kota Bharu.

Begini juga dengan Syarikat Air Terengganu yang mempunyai rizab air yang terbesar di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tahun 2000 kita untung RM28.9 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tahun 2001 kita untung RM32.17 juta; tahun 2002 kita untung RM25.506 juta. Semenjak Kerajaan PAS mengambil alih pimpinan, air yang selama ini syarikat-syarikat ini sentiasa menghadapi masalah, tiba-tiba....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Bharu dan Sri Gading bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: ...kita membuktikan kita dapat memberi keuntungan. Tidak seperti mana Pengurusan Air Selangor (PUAS). Dia berhutang dengan Puncak Niaga RM1.4 bilion, tidak bayar hutang Puncak Niaga. Mana hendak bayar hutang Puncak Niaga, loji diswastakan kepada Puncak Niaga yang mana air keluar daripada empangan diswastakan kepada Puncak Niaga. Mana-mana air yang keluar daripada Puncak Niaga terus Puncak Niaga caj kepada kerajaan. Tahun bila kerajaan Selangor hendak bayar hutang Puncak Niaga sudah RM1.4 bilion? Sila Sri Gading dahulu. Banyak lagi hendak cakap ini. Jangan panjang sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah bagi apa hendak syarat lagi?
[Ketawa]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan dia belum keluar lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ah, sabarlah dahulu, takkanlah macam itu. Sabarlah, masa dia banyak lagi. Cuma saya hendak buat sedikit pembedaan. Yang kata merah di Kota Bharu itu bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang kata merah itu orang Kelantan sendiri. Orang Kota Bharu sendiri yang kata air di Kota Bharu itu merah. Itu pun kita tidak tahu. Tahun 1927...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh minta penjelasan, bukan hendak ceritakan sejarah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal saya hendak betulkan sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa hanya tiga minit lagi untuk Yang Berhormat Jeli. Ada tiga minit lagi untuk Jeli.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, saya hendak pergi kepada keadilan. Saya terpaksa hendak betulkan, bermakna jangan tuduh Perdana Menteri. Saya pun hendak buat pembedaan daripada sejarah tahun 1927 itu di mana negara ini Semenanjung pada waktu itu masih dalam penjajahan Inggeris. Sebenarnya bukan tahun 1961, kita sampai tahun 1959 mengikut sejarah Johor. Apabila kita menyemak balik semula apabila kita hendak kenakan harga kepada Singapura itu, dan tidak ada kena mengena dengan pertandingan 1987, kita lupa hendak menyemak balik tentang harga yang sepatutnya kita semak pada tahun 1986, 1987 itu. Bukan kerana pertandingan tahun 1987. Itu satu fakta yang salah yang sengaja direka-reka oleh Jeli, tidak ada berkaitan dengan pertandingan UMNO, dan banyakkah saya hendak bahas nanti kita bagi peluang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi soalanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak buat penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, tak payah soal, pasal apa yang dikeluarkan oleh Jeli itu banyak kesamaran, banyak benda yang tidak boleh dipakai, pasal dia mengelak dari segi fakta.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sri Gading baca laporan yang dibekalkan oleh MTEN. Dia bekalkan kepada semua Ahli Parlimen, baca dalam itu,

maklumat bukan kita curi dari luar, maklumat MTEN. Sebab itu kita hairan macam mana MTEN buka pekong di dada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, daripada data yang kita perolehi kita lihat kadar tarif air yang paling murah dalam negara kita ini, yang paling murah selepas Pulau Pinang ialah Terengganu. Tarif yang paling rendah. Selepas Terengganu, Kedah, selepas Kedah, Kelantan. Yang lain semua mahal-mahal. Tetapi dalam keadaan begitu Johor antara yang paling mahal, tiba-tiba dalam pada itu pun kita boleh untung. Semasa BN dahulu tidak untung-untung pun. Sila

Tuan Ramli bin Ibrahim: Penjelasan air kuning di Kota Bharu. Adakah Jeli sedar bahawa air kuning di Kota Bharu ini ialah isu terpencil, hanya di satu kawasan kecil sahaja, tidak seluruh dalam bandar di Kota Bharu air kuning? Minta penjelasan. Apa dia kata semua kuning? Tidak betul!

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Inilah kuman di seberang lautan nampak, gajah di depan mata tidak nampak. Yang Serdang sebut tadi air bukan main teruk lagi daripada Selangor. Saya duduk di Selangor asyik tidak ada air, macam mana? Shah Alam hari ini tidak ada air, tanya Shah Alam, hari ini tidak ada air di Shah Alam. Macam mana macam itu. Kita di Kelantan air kuning. Macam mana tidak kuning? Ibrahim Ali suruh tutup *cork*, tutup pam dia, pasal hendak panggil pemberita. Dia panggil pemberita dia sengaja tutup. Dia ambil air lumpur dia panggil pemberita. Adalah satu, dua tempat pergi ambil air lumpur pun bolehlah panggil pemberita. Sekarang ini saya dengan hormatnya mempersilakan Sri Gading datang ke Kota Bharu dalam masa setahun lagi, tengok kalau ada air kuning, sila beritahu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Cukup dah, ini isu dia hendak tanya lagi, saya hendak beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, cukup. Okey Kluang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kluang sila.

4.30 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasihlah kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional yang selama ini mementingkan sistem pendidikan....

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan mesyuarat.**

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Hoo Seong Chang:pentingkan sistem pendidikan negara kita untuk melahirkan generasi muda kita ataupun sumber manusia yang berkualiti khususnya di peringkat IPT yang lebih terbuka supaya menjelang tahun 2010, 40% daripada golongan belia yang berumur 17 hingga 24 tahun berpeluang memasuki ke IPTA ataupun IPTS.

Namun saya ingin memaklumkan kepada Kementerian Pendidikan kerana pada masa sekarang Kementerian Pendidikan harus mengambil perhatian terhadap kelemahan-kelemahan tentang sistem kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA khususnya. Saya membangkitkan perkara ini kerana masalah pelajar yang berkelayakan kadang-kadang tidak dapat ditawarkan sebarang kursus di IPTA masih berlaku pada tahun lepas dan juga pada tahun ini. Sebenarnya pihak Pemuda MCA Kebangsaan ada menerima lebih kurang 533 kes rayuan mengenai perkara yang saya sebutkan tadi. Setelah kami maklumkan

kepada pihak kementerian, saya ucapkan terima kasih kerana sebahagian daripadanya telah pun diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara 388 kes, saya rasa Kementerian Pendidikan harus mengambil perhatian. 212 kes di mana pelajar yang mempunyai 4 *Principal* ataupun lulus penuh dalam SPM tidak dapat tawaran. Saya lihat antara 212 kes ini terdapat lapan kes yang mencapai PNGK 3 mata ataupun 3 markah dan 110 kes mencapai PNGK 2.51 hingga 3 markah dan 94 kes mencapai 2.1 hingga 2.5 markah. Jadi, pelajar daripada kategori ini adalah pelajar yang telah memenuhi syarat minimum untuk masuk ke IPTA dan mendapat markah PNGK yang agak baik. Saya berpendapat bahawa golongan pelajar ini harus ditawarkan tempat di IPTA berdasarkan bidang pengajian dan minat mereka ini.

Kami yakin golongan ini khususnya mereka yang memperolehi PNGK melebihi daripada 2.5 markah ini berupaya menangani pembelajaran mereka di peringkat IPTA dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara apabila mereka lepas daripada IPTA. Di samping itu ada 82 kes yang memperolehi 3 *Principal* juga tidak dapat sebarang tawaran. Saya lihat sekurang-kurangnya tujuh kes yang ada mencapai 2.5 markah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pelajar-pelajar yang di dalam kategori ini walaupun kadang-kadang dia mencapai 3 *Principal* tetapi ada sebahagian daripada mata pelajaran mereka adalah cukup baik dan saya berharaplah perkara yang saya sebutkan ini dapat diambil kira oleh pihak kementerian supaya kemasukan pelajar-pelajar ke IPTA ini dapat diatasi.

Puan Chong Eng: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Tuan Hoo Seong Chang: Saya ada banyak kena sebut dahulu, kemudian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang:kemudian saya bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, tidak bagi Yang Berhormat. Tak bagi.

Tuan Hoo Seong Chang: Kemudian saya bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi.

Tuan Hoo Seong Chang: Di samping itu, saya nampak terdapat tawaran yang diberi kepada pelajar-pelajar tetapi mereka merayu untuk menukar kursus kerana bukan dalam pilihan mereka. Jadi, di antara kes ini saya nampak ada 89 kes. Di antaranya 26 kes dianggap sebagai tawaran yang tidak munasabah dan 38 kes mungkin boleh dikira tidak sepadan dan 25 kes tawaran yang sepadan.

Saya sebutkan perkara ini kerana golongan pelajar ini yang mendapat keputusan SPM yang baik dan telah diterima masuk ke IPTA tetapi apabila mereka ditawarkan kursus bukan pilihan mereka, saya rasa ini tidak adil untuk mereka untuk memasuki ke IPTA yang kursus itu bukan pilihan mereka.

Saya bagi satu contoh, walaupun ada beberapa perkara ini, saya nampak perlu saya bangkitkan misalnya seorang pelajar yang mempunyai keputusan 2A dan 2B. 2A ialah Kimia - A; dan Biologi - A. Pengajian Am - B; Matematik Tambahan - B tetapi ditawarkan Kejuruteraan Awam. Saya rasa kalau kursus yang diminati oleh pelajar ini dan keputusan yang dicapai oleh pelajar ini sepatutnya kalau keputusan 2A dan 2B ini patut dibagi satu tawaran di mana yang dipilih oleh pemohon ini ataupun pelajar ini.

Yang kedua, saya nampak kalau tawaran yang tidak sepadan ini, pelajar ini telah ditawarkan kursus yang tidak sepadan dengan pilihan dan minat mereka. Saya bagi satu contoh di mana dia memperolehi 1A dan 3B. Pengajian Am - B, Matematik Tambahan - B, Kimia - B dan Biologi - A tetapi ditawarkan Sains Komputer di Universiti Teknologi Malaysia.

Selain daripada itu, saya juga nampak kali ini pelajar-pelajar lepasan Diploma juga yang tidak ditawarkan sebarang kursus. Di antaranya ada 31 kes yang dapat markah PNGK lebih daripada 3.7 mata adalah 10 kes. Di antara 3.5 hingga 3.69 markah ada 13 kes. Saya juga lihat tentang perkara ini di mana saya ingin juga memberi sedikit cadangan kepada kementerian iaitu isu utama sekarang saya nampak ialah kemasukan tahun ini berkisar kepada pelajar yang berkelayakan yang memperoleh 4 *Principal* dan 3 *Principal* tetapi tidak ditawarkan masuk ke IPTA.

Saya ingin mencadangkan bahawa mereka yang memperoleh 3 *Principal* atau 4 *Principal* kalau dapat mencapai sekurang-kurangnya 2.5 markah itu ataupun sekurang-kurangnya 3 markah itu sepatutnya ditawarkan kursus di IPTA secara automatik sebagai satu

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Tuan Hoo Seong Chang: *Cut-off point.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah berdiri, hendak bagi jalan?

Tuan Hoo Seong Chang: Hah, sekejap, sekejap. Saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya kena habiskan, kalau tidak nanti tak sambung ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, sila duduk.

Tuan Hoo Seong Chang: Jadi saya cadangkan 2.5 markah ataupun 3 markah sebagai satu *cut-off point* dan mata rujukan harus diberi kepada pelajar supaya pada masa akan datang sebagai panduan untuk memasuki ke IPTA ini. Selain daripada itu saya nampak juga

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan, kalau cakap tak bagi terus, cakap tak bagilah.

Tuan Hoo Seong Chang:sudah sampai nanti saya akan bagi peluang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya kena bagi habiskan ini dahulu, baru....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahu bila hendak habis, akhir Yang Berhormat hendak bagi.

Tuan Hoo Seong Chang:nanti tidak sambung ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Okey, kalau cakap tak bagi, tak bagi sahaja mudah, Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Okey, saya bagi..... Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, ya, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kluang. Saya turut simpati dengan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang begitu cemerlang tetapi setiap tahun begitu juga, ada ramai yang tidak dapat memasuki universiti dan juga mereka yang dapat 10A atau 12A pun tidak dapat *scholarship*. Saya lihatlah, Pemuda MCA sangat rajin, setiap tahun membuat rayuan untuk mereka. Ini baiklah tetapi saya rasa lebih baiknya ialah perkara ini perlu diselesaikan dari akar, supaya tidak perlu setiap tahun mereka merayu, beratus-ratus pelajar yang begitu cemerlang, merayu untuk memasuki universiti atau mendapat biasiswa.

Ini adalah sesuatu yang tidak betul di dalam sistem ini. Jadi kita hendak tahu, saya pun turut sama hendak tahu mana yang tidak betul, mengapa selalunya hanya pelajar Cina dan pelajar kaum India yang tidak dapat memasuki universiti. Apa salahnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kluang pun tidak boleh jawab itu. Serah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun telah sentuh tadi, saya ingat dasar kerajaan itu memang dasar yang baik, mungkin dari segi sistem kemasukan ini yang kadang-kadang ada sedikit kelemahan, maka kita bangkitkan perkara ini untuk menarik perhatian daripada kementerian.

Bukan semua ditolak oleh pihak kerajaan. Cuma kadang-kadang sistem yang saya sebutkan tadi, misalnya kadang-kadang ia kurang daripada 3 markah itu diterima tetapi yang dapat tiga ke atas kadang-kadang tidak diterima, mungkin dari segi sistem itu ada sedikit kelemahan.

Jadi, saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya melihat ataupun mengkaji semula tentang sistem kemasukan IPTA ini supaya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batu Gajah berdiri Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya ingat cukuplah, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahulah ada masa atau tiada masa, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, selepas ini saya ingin meminta kepada pihak kementerian supaya dapat mengumumkan markah PNGK minimum untuk memasuki sesuatu kursus di setiap IPTA sebagai suatu rujukan.

Saya sebut perkara ini kerana kadang-kadang ada yang tidak layak dan dia tidak tahu markah minimum ini mereka pun memohon, akhirnya ditolak. Jadi, saya rasa kalau kementerian dapat menyediakan atau mengumumkan suatu markah minimum ini untuk memasuki sesuatu kursus, agar mereka tahu mana kedudukan mereka. Sama ada layak untuk memohon kursus ini ataupun tidak. Jadi tidak menimbulkan sebarang kesukaran apabila mereka memohon sehingga ditolak oleh pihak yang berkenaan. Jadi, dengan tindakan ini mungkin dapat kita kurangkan masalah mereka yang mungkin tidak layak untuk memasuki sesuatu kursus yang ditawarkan oleh pihak kementerian.

Dan saya faham juga keputusan STPM berubah setiap tahun. Jadi sistem ataupun mekanisme ini harus disediakan untuk kita memberi markah rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin memohon untuk masuk kepada IPTA.

Akhir kata saya rasa kementerian apabila keputusan telah pun diumumkan, sekurang-kurangnya ada sistem untuk kita memberi peluang yang cukup untuk pelajar-pelajar kita khususnya yang memohon memasuki IPTA. Saya berharap setiap tahun apabila sejumlah pelajar yang layak sekurang-kurangnya 2.5 ataupun 3.0 markah itu mesti diberi peluang yang cukup untuk mereka masuk ke IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mungkin Kementerian Pengangkutan, sebab sudah lama kita bangkitkan perkara had laju ini, sudah beberapa bulan kita menunggu had laju 110 akan naik kepada 120 tetapi Kabinet nampaknya sudah lulus tetapi pengumuman secara *official* masih belum diumumkan lagi.

Jadi, saya harap pihak kementerian dapat memaklumkan, bila sahkan had laju dari 110 naik kepada 120 dan saya nampak bahagian lebuh raya dari Air Keroh ke Alor Gajah ini, setiap kali bila saya datang dari Johor ke Kuala Lumpur, kadang-kadang balik ke Johor mesti melalui jarak itu iaitu dari Air Keroh hingga Alor Gajah. Had laju di kawasan tersebut adalah 90 kilometer sejam. Saya rasa kementerian harus melihat perkara ini kerana cara itu tidak sesuai lagi untuk kita hadkan laju 90 sahaja, kalau pihak polis hendak ambil tindakan, saya rasa setiap kereta mesti kena. Jadi, saya rasa masa ini mungkin kita bincang tentang 110 hendak naik kepada 120, sekurang-kurangnya had laju di Air Keroh ke Alor Gajah ini harus dikaji semula supaya dapat kekal balik kepada 110 ataupun 120.

Dan satu cadangan yang saya ingin buat kepada pihak yang berkenaan ialah apabila sampai satu jarak ada perubahan had laju ini, saya nampak apabila kita masuk ke Kuala Lumpur ini, kadang-kadang dari 110 tiba-tiba jadi 80, kadang-kadang 90, jadi apa salahnya kalau dapat kita buat tanda, walaupun ada *sign board* kecil tetapi tidak jelas. Pada saya orang awam lebih nampak ialah mungkin had laju itu tulis di atas jalan. Kadang-kadang kita lebih teliti tentang, lebih peka tentang had laju yang telah tukar daripada 110 tiba-tiba sampai 90. Saya rasa lebih jelas untuk pengguna jalan ini supaya tidak melanggar peraturan apabila memandu di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dapat diambil kira oleh pihak kementerian untuk kebaikan rakyat, baik daripada isu IPTA yang saya sebutkan tadi ataupun pengguna jalan yang menggunakan lebuh raya selama ini. Sekian sahaja, saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Bentong dahulu.

4.47 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita.

Saya memandang berat tentang tawaran pelajar-pelajar Cina untuk memasuki Program Matrikulasi dalam sistem pendidikan negara kita. Saya rasa adalah satu langkah yang baik bagi kementerian untuk memberi 10% kepada pelajar bukan bumiputera untuk memasuki Program Matrikulasi. Keputusan ini bukan sahaja meliberalisasikan lagi sistem pendidikan negara, malah membantu mengeratkan perpaduan dengan meningkatkan integrasi kaum di negara ini. Langkah kerajaan ini telah mendapat sokongan kuat daripada kaum bukan bumiputera dan juga rakyat seluruhnya kerana ia dapat meningkatkan lagi persefahaman di kalangan rakyat dan mengurangkan lagi kecurigaan rakyat terhadap kewujudan sistem matrikulasi di universiti yang khususnya untuk sesuatu kaum sahaja pada suatu ketika.

Kita menyambut baik dalam usaha kita meningkatkan lagi bilangan 10% tempat matrikulasi kepada bukan kaum bumiputera ini, kita dapati ada beberapa masalah yang perlu ditangani sebelum kita dapat melihat hasilnya, contohnya baru-baru ini kita lihat dalam akhbar bahawa sambutan kurang memuaskan untuk mengisi 10% tempat matrikulasi yang ditawarkan itu.

Saya rasa di sini saya ingin mencadangkan beberapa perkara dan harap Kementerian Pendidikan dapat mengambil tindakan segera agar kita dapat sama-sama mewujudkan satu sistem pendidikan yang lebih berkesan untuk mewujudkan perpaduan kaum dan juga meningkatkan kualiti pendidikan dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang telah kita terima sepanjang masa ini apabila kita cuba hendak meningkatkan bilangan bukan bumiputera dalam kursus

matrikulasi, kita dapati bahawa pihak pentadbiran ataupun kakitangan belum lagi memberi kerjasama yang sungguh-sungguh kerana kita dapat tahu bahawa dari segi tarikh pengeluaran borang permohonan, dari segi publisiti untuk menarik calon-calon dan pelajar-pelajar masuk ke matrikulasi belum lagi mendapat publisiti yang cukup meluas.

Maka ini juga menyebabkan ramai daripada pelajar-pelajar selepas tamat tingkatan lima tidak tahu adanya kursus yang ditawarkan ataupun peluang-peluang yang ada bagi mereka untuk mengikuti kursus matrikulasi ini. Kita juga difahamkan bahawa dalam mencetak borang-borang permohonan ini, kesilapan mencetak borang permohonan yang serius telah berlaku, iaitu syarat permohonan masih jelas menyatakan bahawa program matrikulasi hanya terbuka kepada pelajar-pelajar bumiputera sahaja. Kesilapan ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan pelajar, sama ada mereka patut memohon ataupun tidak. Maka wujudnya satu fenomena yang aneh, iaitu mereka yang mengikuti arahan dalam borang tersebut tidak mempunyai peluang untuk memasuki program matrikulasi tetapi mereka yang ingkar arahan dan terus mengisi borang itu dapat diterima masuk.

Saya juga ingin menimbulkan satu lagi kesangsian yang wujud dalam permohonan masuk ke kursus matrikulasi ini ialah bahawa hanya pelajar-pelajar bukan bumiputera daripada sekolah kebangsaan sahaja diterima masuk ke kursus matrikulasi. Adakah ini benar, dan saya rasa ini tidak sepatutnya berlaku kerana semua aliran sekolah dalam negara kita adalah aliran rasmi dan semuanya sepatutnya diberi peluang, tidak kira ianya daripada aliran sekolah jenis kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ataupun sekolah kebangsaan, sepatutnya semua diberi peluang untuk mengikuti kursus matrikulasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kesangsian yang timbul ialah dari segi pengiktirafan Sijil Matrikulasi ini. Adakah Sijil Matrikulasi ini mendapat pengiktirafan oleh universiti-universiti di luar negara ataupun universiti-universiti swasta kerana ramai juga ibu bapa yang bertanya-tanya, sama ada, sekiranya anak mereka mengikuti kursus matrikulasi dalaman adakah mereka juga boleh memohon kursus untuk ke luar negara? Ini saya rasa adalah beberapa perkara yang perlu kita perjelaskan, dan perlu kita pertingkatkan kempen untuk memastikan lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan bumiputera dapat memasuki kursus matrikulasi ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan di sini bahawa Kementerian Pendidikan perlu mengambil langkah-langkah proaktif dalam membantu pelajar bukan bumiputera yang ingin memasuki ke kolej matrikulasi. Usaha ini perlu diambil untuk menyelesaikan masalah pelajar dari segi kebimbangan mereka dan juga dari segi untuk memastikan bahawa taraf pendidikan dalam matrikulasi ini adalah setaraf dengan STPM yang kita nyatakan. Kita juga berharap pengambilan pada sesi 2003 ini ataupun sesi 2004 dapat terus meningkatkan lagi bilangan pelajar-pelajar bukan bumiputera dalam kolej matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan pelajar-pelajar cemerlang untuk mendapatkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kluang, ramai pelajar-pelajar cemerlang ingin memohon memasuki kursus dalam negeri mahupun di luar negeri, dan lebih-lebih lagi bagi pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Kita dapati bahawa kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti luar negara dengan biasiswa JPA telah menerima banyak kes rayuan kepada Pemuda MCA.

Kita berpendapat bahawa dalam pemberian biasiswa ini, adalah lebih baik pihak kerajaan memberikan syarat-syaratnya, iaitu mengumumkan syarat-syaratnya agar semua pelajar cemerlang jelas mengetahui apakah syarat-syarat untuk mendapatkan biasiswa, kerana daripada 190 kes rayuan untuk mendapatkan biasiswa JPA ini kami dapati ramai daripada pelajar-pelajar ini adalah pelajar-pelajar cemerlang, pelajar-pelajar yang memperoleh melebihi 11 A1 – ada yang mempunyai 10 A1 tetapi mendapat satu A2 tidak mendapat tawaran. Sebaliknya pelajar-pelajar yang mendapat 9 A1 diberi tawaran biasiswa JPA.

Oleh itu kami rasakan memandangkan jumlah kategori ini juga meningkat dan setiap tahun masalah yang sama kita hadapi, masalah ini *is redundant, repeat*. Saya rasa perkara ini perlu di atasi dengan secepat mungkin kerana sekiranya kita memberi pelajar yang mempunyai kesemua 9 A1, berinya biasiswa dan pelajar-pelajar yang mempunyai 11 A1 dan juga 10 A1, oleh sebab mereka mempunyai 1 A2 dan mereka tidak mendapat biasiswa, saya rasa ini adalah melanggar prinsip meritokrasi yang kita menggalakkan ini.

Oleh itu, saya rasa persoalan sekarang ialah pelajar-pelajar, yang saya rasa, kita perlu tetapkan satu siling, iaitu semua pelajar yang menerima keputusan 8 A1 diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri. Sekiranya kita mempunyai prinsip ini ataupun syarat ini dan diumumkan secara meluas, saya rasa kes-kes rayuan ini akan berkurangan dan kita akan dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan lebih dihormati oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar Jabatan Perkhidmatan Awam mengumumkan jumlah tawaran untuk mendapatkan biasiswa setiap tahun – jumlah tawarannya, negara-negara di mana dihantar, pengajian yang ditawarkan. Kadang-kadang tempat yang ditawarkan itu dan negara yang ditawarkan kepada seseorang pelajar itu mereka tidak mahu melanjutkan pelajaran ke sesebuah negara, dan juga sama ada pengambilan itu berdasarkan meritokrasi ataupun ada syarat-syarat yang lain. Saya rasa dengan cara ini kita dapat menyelesaikan masalah-masalah berhubung dengan pemberian biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya berpendapat bahawa Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan tugasnya, dan ia sangat penting untuk kehidupan harian penduduk-penduduk di luar bandar mahupun di bandar. Oleh itu, pelaksanaan kerja-kerja oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu perlu berkesan. Contohnya, kerja-kerja kutipan sampah, kutipan cukai pintu dan sebagainya, perlulah dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Saya ingin merayu kepada Kementerian tersebut agar cukai-cukai pintu tidak dikenakan kepada ladang-ladang ataupun tanah-tanah kosong yang terletak di sekitar kawasan yang digazetkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan kerana apabila kita mengutip cukai-cukai pintu ini tetapi Kerajaan Tempatan tidak dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada kawasan tersebut maka timbullah masalah berhubung dengan siapa yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap kawasan-kawasan yang tidak diberi perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Saya juga berharap Kementerian Perumahan dapat mengkaji semula caj IWK bagi rumah-rumah kedai atau *business center*, saya rasa kerana caj-caj IWK di kawasan ini yang berdasarkan peratusan cukai pintu itu adalah tidak munasabah. Apabila caj-caj IWK berdasarkan cukai pintu maka bagi kawasan bandar adalah terlalu tinggi dan kawasan-kawasan perniagaan juga terlalu tinggi dan tidak setanding dengan perkhidmatan yang diberi oleh IWK.

Perkara yang keempat, yang ingin saya timbulkan di sini ialah berhubung dengan *recruitment* ataupun kita sedang giat untuk mendapatkan lebih banyak lagi kakitangan polis. Di sini saya menyambut baik usaha Kementerian Dalam Negeri melancarkan kempen untuk mengambil lebih ramai kakitangan polis dan ini dapat meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan polis dalam negara kita.

Kita tahu bahawa perkhidmatan polis ini adalah satu perkhidmatan profesional, satu perkhidmatan yang penting untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu kita perlu memberi pengiktirafan dan ganjaran yang setimpal kepada pegawai-pegawai polis. Dan, saya juga merasa sukacita kerana pihak Kementerian Dalam Negeri sekarang ini meningkatkan usahanya untuk mengambil kakitangan polis bukan bumiputera.

Ini kita yakin akan meningkatkan lagi imej pihak polis dan dapat menjaga keselamatan dalam negara ini dengan lebih berkesan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pendapatan bagi pihak polis ini perlu dipertingkatkan. Kita tahu bahawa sekiranya kita hanya memberi saraan lebih kurang RM684 sebulan, kalau tidak silap, untuk seorang

anggota polis biasa dalam zaman sekarang saraan ini adalah terlalu rendah. Kita tahu bahawa sekiranya kita ingin terus meningkatkan mutu kehidupan rakyat kita maka selalunya saraan kakitangan kerajaan menjadi satu petunjuk, di mana kita dapat lihat pada musim sekarang, pada zaman sekarang, pendapatan yang lebih tinggi, iaitu sekurang-kurangnya RM1000 untuk menyara hidup satu keluarga.

Kita berharap kerajaan dapat menimbang semula agar kita dapat meningkatkan ganjaran ini dan sekiranya kita mempunyai elaun dan saraan hidup yang lebih baik, maka saya yakin kakitangan polis ini, kebajikannya kita dapat jaga dengan baik, maka mereka juga dapat menjaga keselamatan dan keamanan negara ini dengan lebih baik lagi.

Saya juga berharap, kemudahan yang lebih baik diberikan kepada kakitangan ataupun pegawai-pegawai polis. Kita dapati bahawa banyak balai polis sehingga sekarang tidak mempunyai *air-condition*. Saya rasa ini adalah tidak memadai sekiranya kita hanya memberikan mereka berek-berek ataupun pejabat-pejabat tetapi tidak dilengkapi dengan kemudahan yang asas sekali.

Saya rasa sekiranya kita ingin meningkatkan imej polis, maka segala kemudahan yang ada kita perlu juga memberikan yang sebaik-baiknya termasuklah pada suatu ketika dahulu semasa saya kecil kita lihat pihak-pihak polis ada juga yang membawa kereta yang canggih-canggih, yang baik, ini dapat juga meningkatkan tarikan orang terhadap mereka dan kita lihat dengan adanya kemudahan-kemudahan yang lebih lengkap, penghormatan yang lebih baik akan diberikan kepada pihak polis.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Liow Tiong Lai: *Last one*, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bentong. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Bentong, kita mesti melengkapkan kemudahan-kemudahan kepada pegawai polis kita. Dengan menaikkan gaji mereka, jadi mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih efisien tetapi imej tidak pulih sekadar kelengkapan sahaja, struktur sahaja.

Imej pegawai polis yang satu aspek lagi ialah mengetahui undang-undang, menguatkuasakan mengikut undang-undang, bukan sesuka hati atau menakut-nakutkan rakyat dengan kenyataan bahawa kalau tidak bersurai, kita tangkap semua. Mesti faham hak-hak dan bagaimana menghormati, sepatutnya dua hala. Macam imej rasuah yang sekarang 'mengikuti' pegawai polis. Sekian, terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Gajah kerana juga bersetuju dengan pandangan saya bahawa kebajikan polis ini kita jaga bersama. Kerajaan dan rakyat semua berharap kita sama-sama dapat menjaga kebajikan polis dan saya yakin sebagai seorang polis mereka adalah terlatih, seorang profesional dan mereka mempunyai latihan-latihan yang cukup untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Mereka menjalankan tugas dengan baik dan saya berharap bukan sahaja pihak polis kita salahkan, kita kadang-kadang kena lihat diri sendiri sebelum kita salahkan orang lain, kita sama-sama menjaga. Kalau kita menurut peraturan, kita mendengar peraturan, kita mengikut undang-undang, saya yakin pihak polis tidak akan datang tangkap kita sewenang-wenangnya. Saya rasa kita perlu menjalankan tanggungjawab kita juga sebagai seorang rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Akhir sekali, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi yang mengatakan bahawa perkhidmatan ASTRO ini perlu dipertingkatkan. Saya dapat banyak aduan bahawa perkhidmatan ASTRO sekarang menggunakan filem-filem yang lama dan juga siaran-siaran yang ditayangkan beberapa kali. Satu hari barangkali lima, empat kali ditayangkan. Ini saya rasa tidak setimpal dengan perkhidmatan ataupun bayaran yang dikeluarkan oleh pengguna-pengguna.

Saya rasa pihak yang berkenaan perlu mengambil tindakan agar perkhidmatan ASTRO ini dapat terus dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

5.08 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita telah merdeka selama 46 tahun. Ada banyak yang berubah, kita lihat negara terus maju, ada banyak bangunan yang tinggi-tinggi, ada *the twin tower* yang tertinggi, sekarang pun sudah ada Cyberjaya, Putrajaya pun ada. Ini menunjukkan ada kemajuan dari segi fizikal tetapi juga ada aspek yang tidak berubah ataupun berubah tetapi bukan bertambah maju malah merosot seperti kadar jenayah.

Kalau pada tahun 1990, setiap hari ada dua kes rogol tetapi pada hari ini setiap hari ada 4 kes rogol. Pada tahun 1990 kita tidak ada kategori ragut dalam indeks jenayah, sekarang setiap 40 minit, satu kes ragut. Jadi, ini menunjukkan ada banyak kelemahan. Jadi, kalau kita memberi teguran, saya rasa baiklah pihak yang bertanggungjawab menerimanya dengan hati terbuka.

Ada sesetengah pemimpin, pemikirannya telah berubah, telah maju tetapi ada juga ramai pemimpin pemikirannya masih di dalam 70-an....

Seorang Ahli: Ya.

Puan Chong Eng: Di dalam tahun 70-an, di sini Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini juga dituduh tidak patriotik dan apabila beliau menegur kerajaan yang *respond*nya adalah kalau tidak suka boleh tinggalkan negara ini. Pada hari ini juga *respond* yang sama juga kita lihat dan dengar di dalam Dewan ini yang saya rasa apa yang dikatakan oleh Kota Melaka itu sangat munasabah yang dia mengemukakan satu perkara sekiranya backbencher mengatakan apa yang dia katakan itu tidak betul. Kita boleh berbas, kita boleh mengatakan apa sebabnya, apa yang beliau katakan itu tidak betul tetapi bukan di sini, yang kita lihat ialah *respond* yang sungguh emosional, *respond* secara perkauman, terus mendakwa ini adalah perkauman yang saya rasa banyak dasarnya ialah berdasarkan perkauman.

Tetapi apabila kami di sini menegurnya bukan dasar perkauman, kami yang menjadikan perkauman. Apa yang perkauman terlebih dahulu ialah dasarnya. Jadi yang saya juga merasa begitu mengagumkan saya yang pemimpin tertinggi Barisan Nasional, Perdana Menteri sudah berkali-kali menangis meminta orang Melayu jangan bergantung kepada tongkat lagi. Tetapi kita lihat pada hari ini di dalam Dewan ini ada Menteri yang begitu muda tetapi fikirannya masih di dalam 70-an yang berbangga dengan budaya tongkat itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya bertanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tertarik dengan ucapan Bukit Mertajam iaitu Perdana Menteri kata jangan bergantung kepada tongkat. Sedar atau tidak pembinaan makmal komputer semua bertongkat, diberi projek kepada bumiputera, bumiputera yang tidak pernah terlibat dalam membina bangunan, syarikat komputer dan sebagainya. Akhirnya 600 dibina, 500 lebih retak. Ini tongkat yang diberi oleh Menteri sendiri....

Puan Chong Eng: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi saya minta tarik balik cakap tadi itu.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Puan Chong Eng: Itu yang menyedihkan kita yang dahulunya Dasar Ekonomi Baru ialah untuk meningkatkan daya persaingan bumiputera atau Melayu tetapi selama 30 tahun, dasar ini dilaksanakan pergantungan itu bertambah bukan daya persaingan itu meningkat. Ini adalah kerana Kerajaan Barisan Nasional telah menyalahgunakan dasar ini. Ia diberikan kepada 'UMNO Putera' dan bukan 'bumiputera'. Dan kalau kita tidak mengubah, kalau Barisan Nasional dan UMNO tidak mengubah sikap ini, saya sangat risau bagaimana kita hendak menghadapi cabaran globalisasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Di dalam globalisasi ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tidak ada dasar yang boleh melindungi Bumiputera, ini bukan yang saya kata. Saya dengar hari itu ucapan dari Yang Berhormat bagi Tambun. Yang Berhormat bagi Tambun juga merasa risau, katanya kita ada banyak bank yang besar-besar di negara ini tetapi bank kita tidak ada di lihat di luar negara Malaysia. Bagaimana kita hendak bersaing? Ini bukan sahaja kekhuatiran Yang Berhormat bagi Tambun. Juga dikatakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam bahawa tidak ada *protectionism* di dalam globalisasi dan bagaimana orang Melayu, orang Bumiputera akan menyahut cabaran ini kalau kita tidak mampu bersaing? Perdana Menteri boleh menangis 1000 kali pun tetapi kalau dasar tidak berubah, tongkat diberi juga. Jadi itu akan seterusnya mereka akan bertongkat.....

[Dewan menjadi riuh seketika]

Beberapa Ahli: Tongkat Ali! Tongkat Ali!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya bukan Tongkat Ali Yang Berhormat!

[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]

Puan Chong Eng: Yang, yang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya ada yang berdiri Yang Berhormat, Tebrau hendak bagi jalan?

Puan Chong Eng: Nanti, nanti, nanti ya!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Pasal Tongkat Ali, Tongkat Ali!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Yang saya rasa ialah UMNO dan Barisan Nasional mesti berubah, dasar mesti berubah. Kalau tidak, kita semua akan susah kerana kita tidak boleh bersaing di pasaran sedunia kalau kita terus dengan dasar sekarang. Kalau makmal komputer yang *simple* macam itu pun tidak boleh buat, macam mana hendak bina bangunan yang besar?

Seorang Ahli: Kita yang salah sahaja!

Puan Chong Eng: Yang salah ialah....

Puan Fong Po Kuan: Kontraktor!

Puan Chong Eng: Siapa yang beri kontrak itu? Mengapa beri kontrak kepada kontraktor yang tidak berkemampuan, tidak berkelayakan kerana selain daripada kontraktor-kontraktor ini, ada banyak kontraktor yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong berdiri Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Dan kontraktor yang bukan Bumiputera yang begitu layak tetapi tidak ada kerja kerana tidak dapat kontrak kerajaan. Saya juga hendak katapada Parit Sulong tadi kerana Parit Sulong ini dia juga boleh bercakap dengan *digital divide*, dengan ICT tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan pada dia?

Puan Chong Eng: Nanti, nanti, selepas saya habis ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat, duduk dahulu!

Puan Chong Eng: Tetapi apabila bercakap sahaja atau teguran mengenai dasar ini ataupun mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Kota Melaka, dia tidak menyoalkan keistimewaan yang diberi kepada orang Melayu yang begitu.... saya rasa ini ialah kita sama-sama di dalam Dewan ini yang Yang Berhormat bagi Parit Sulong, dia boleh juga sangat munasabah tetapi kadang-kadang juga saya rasa dia sungguh perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*] Tebrau bangun!

Puan Chong Eng: Ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan perkauman, tidak. Saya rasa Yang Berhormat salah faham itu sahaja. Yang keduanya, saya hendak tanya Yang Berhormat ini mengatakan semua kontraktor bumiputera bertongkat, ada juga kontraktor bumiputera yang *genuine* yang telah pun berjaya. Jadi kalau semua yang gagal itu bukan semua yang telah pun diberikan projek oleh kerajaan itu gagal. Jadi kalau kita cakap berimbanglah tunjukkan bukti berapa yang gagal, berapa yang berjaya, barulah kita bercakap di sini ada berwibawa.

Yang Berhormat juga mengatakan saya bercakap ada perkauman. Memang saya selalu cakap berwibawa tetapi tadi saya mengatakan kalau dengar apa yang disuarakan oleh Kota Melaka saya kata dayus anak Melayu tidak memberi *respond* memang dayus, saya kata. Yang duduk di belakang Yang Berhormat itu, yang deret-deret belakang itu, semua satu jenis dengan saya, cuma dia tidak hendak bangun sahaja kerana *respect* sebagai barisan pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, janganlah kita hendak cuba membuka balik. Harapan saya adalah kita sedang menuju kepada suatu proses penggembleran bangsa Malaysia. Mengapa harus diungkit perkara yang telah lama?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP tidak ada modal....!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Dan saya telah katakan di antara fakta dan realiti saya katakan. Faktanya adalah negara ini adalah negara Melayu tetapi realitinya negara ini dikongsi oleh semua bangsa, itu realitinya. Kita tidak boleh menafikan tetapi apabila Kota Melaka bersuara sebagaimana itu, saya mentafsirkan bahawa mereka cuba mengungkit-ungkit perkara lama. Jadi saya berhak untuk memberi *response seperti* itu, bukan bermakna saya tidak bertanggungjawab, terima kasih.

Puan Chong Eng: Okey, *point taken*. Apa yang diungkitkan oleh Kota Melaka berdasarkan apa yang dicatatkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, bukannya dia yang *producekan* atau dia yang keluarkan poster itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, boleh pindah yang lain Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita benar-benar hendak memupukkan satu negara yang perpaduan hubungan di antara kaum, saya rasa kita perlu berbincang dengan terbuka mengenai dengan isu-isu yang boleh mendatangkan kesan kepada perhubungan di antara kaum ini termasuk apakah perasaan kaum Cina, kaum Melayu tetapi dengan secara rasional dan bukan emosional seperti Sri Gading pada pagi tadi yang mengatakan kalau tidak suka bolehlah berambus!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa pula saya!

[Dewan menjadi riuh dengan sorakan ketawa]

Puan Chong Eng: Saya rasa perkataan ini tidak harus dipakai, diguna ke atas orang rakan yang se Dewan di dalam Dewan ini.

Beberapa Ahli: Yah!

Puan Chong Eng: Kita perlu mengadakan ruang yang lebih banyak, *we need more space* untuk membincang dan membahaskan tentang banyak isu yang penting seperti isu agama, isu perhubungan kaum, isu perpaduan dan isu Dasar Ekonomi Baru. Kita perlu mengadakan ruang untuk membincangkannya. Kita ada banyak, kita ada 3 aliran sekolah rendah di dalam tempoh 46 tahun ini dan ada sekolah yang sudah bertambah bilangannya. Ada sekolah yang kurang bilangannya manakala yang bertambah bilangannya ialah sekolah rendah kebangsaan.

Di antara 1999 sampai 2002, sekolah rendah kebangsaan telah bertambah sebanyak 251 buah, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) bertambah satu sahaja, yang Tamil tidak ada tambahan langsung. Kalau kita lihat di antara 1980 sampai 2002, 22 tahun ini, sekolah rendah kebangsaan bertambah sebanyak 1,073 buah, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) kurang 27 buah bukan bertambah malah kurang tetapi bilangan pelajar yang telah ditambah dua kali ganda. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) juga kurang 56 buah.

Jadi kalau kita hendak katakan perpaduan, ia mesti berdasarkan keadilan kepada semua. Kalau tidak ada keadilan, bagaimana ada perasaan perpaduan? Jadi saya rasa kagum dengan Yang Berhormat bagi Gelang Patah yang boleh mengatakan bahawa kerajaan ini begitu liberal kerana sudah bina satu sekolah di dalam kawasan beliau, satu sekolah tetapi pada hakikatnya di seluruh negara, kita perlu mengadakan 250 buah sekolah rendah jenis kebangsaan lagi.

Yang Berhormat bagi Bayan Baru di dalam janji pilihan rayanya mengatakan akan membina satu buah SMJK(C) di Bayan Baru kawasannya. Sampai hari ini tidak boleh tunaikan....

Tuan Wong Kam Hoong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Sampai hari ini tidak boleh tunaikan kerana ini bukan dasar kerajaan untuk mengadakan lagi sekolah jenis kebangsaan lagi. Jadi inilah saya kagum dengan MCA walaupun begitu tidak dihormati di dalam Barisan Nasional, dia tetap juga mempertahankannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Wong Kam Hoong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading.

Puan Chong Eng: Saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Bayan Baru.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sama jugalah bagi Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada DAP, memutarbelitkan sahaja. Dalam Pilihanraya Umum 1999, saya telah memperjuangkan aspirasi penduduk di sana untuk mengadakan satu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina). Bukan saya hendak janji, sudah janji. Sebab itulah DAP punya tindakan untuk memutarbelitkan dan untuk membohongi apa yang saya tulis di dalam buku itu. So, kalau hendak saya buktikan, saya boleh buktikan. Jangan cakap bohong di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak memperjuangkan aspirasi pengundi di dalam kawasannya untuk mengadakan sebuah sekolah SMJK. Ini bukan janji dia kata. Dia hanya berjuang sahaja. Ini, mengikut beliau punya interpretasilah, yang dia bukan janji, dia berjuang sahaja tetapi dia di dalam kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, beliau di dalam kerajaan. Beliau adalah Setiausaha Parlimen. Dia bukan di sebelah sini. ..

Beberapa Ahli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biarlah dia memperjuang.

Puan Chong Eng: Kalau dia di sebelah sini, dia boleh kata dia berjuang. Jadi, bolehkah pihak kerajaan menjelaskan di dalam Dewan ini....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:tidak membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), mengikut keperluan, adakah ia satu dasar ataupun kerana segelintir kakitangan kerajaan yang tidak mengikut arahan. Kalau ya kerana segelintir kakitangan kerajaan yang tidak mengikut dasar kerajaan, bukankah kerajaan patut mengambil tindakan terhadap mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Siapa yang menjadi bos sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, beri keputusannya dahulu

Puan Chong Eng: *[Duduk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa ada seminit lagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Masa dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Untuk Bukit Mertajam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya memegang Dasar Barisan Nasional. Saya rasa, orang Melayu, orang Cina, orang India, kita sudah ada perasaan, hidup macam dalam satu keluarga. Kita sudah ada perasaan tetapi DAP mungkin tidak ada perasaan ini pasal *you* tidak pernah duduk dalam Barisan Nasional. Soal sekolah kebangsaan lebih kerana aliran sekolah kebangsaan ini ialah untuk semua kaum. Jadi, kita kena faham bahawa kita mahu Dasar Pendidikan Negara ini diguna pakai oleh semua kaum. Sebab itu, sekolah kebangsaan itu ditambah kerana ia digunakan oleh semua kaum tetapi dalam waktu yang sama, kita tidak pula menyekat sekolah-sekolah aliran yang menggunakan pengantar lain daripada bahasa Melayu. Itu, di mana toleransi yang ada di dalam Barisan Nasional untuk memupuk perpaduan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Ini, tajuk yang dikatakan oleh Sri Gading ini, dia perlu satu hari, satu malam untuk perbincangan. Saya rasa, dia belum cukup faham dengan isu pendidikan Cina ini. Walaupun saya tidak pernah di dalam Barisan Nasional, tetapi yang penting ialah saya ada perasaan Malaysian. Saya hendak jadi seorang rakyat warga Malaysia. Saya tidak mahu jadi seorang bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pada Julai tahun ini, ada seorang Menteri mengatakan orang kaum India telah menangis selama 140 tahun. Dia bukan sebarang orang India. Dia ialah Pengerusi MIC. Mengapa dia kata begitu? Ini kerana, dia kata kedudukan kaum India di negara ini adalah semakin diketepikan. Dahulu, di MU punya Medical School, ada 16 pelajar kaum India, tahun ini hanya ada seorang dan mereka....

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, ya.

Puan Chong Eng: Jadi, yang kita hendak katakan perpaduan, inilah isu-isu yang kita perlu menangani. Bukan pihak pembangkang yang mengatakan, bahawa ada dasar yang tidak adil. Menteri di sana, pengerusi sebuah parti yang utama dalam Barisan Nasional, kata macam itu. Kita lihat, kita dengar hari ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat dari MCA, bagaimana mereka merayu supaya sekolah Cina diberi layanan yang lebih adil. Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional, khususnya UMNO perlu berubah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tebrau.

5.30 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka mengambil bahagian sedikit dalam perbincangan Tambahan Peruntukan Wang Kumpulan Wang Disatukan bagi Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2003.

Yang pertama, saya hendak menyentuh sedikit B.36, hubungan dua hala antara Singapura dengan Malaysia dan kita dapati kebelakangan ini ada sahaja cerita berkaitan dengan masalah-masalah antara kedua negara.

Dahulu, timbul cerita penambahan laut, selepas itu cerita air..., ini tidak payah sebutlah, dari dahulu sampai sekarang ini pun masih lagi berbangkit dan beberapa kali sudah timbul dalam Dewan ini. Bermacam-macam tindakan, bermacam-macam cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen, tidak juga selesai sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kebelakangan ini telah begitu marah terhadap Singapura yang berdolak-dalik dalam masalah bekalan air. Saya hendak cadangkanlah, kita rasa Singapura ini, kalau dia kuat, dia akan tunjuk dia kuat dalam apa segi juga. Kalau dia tidak kuat, sudah tentu dia ikut kata kita. Jadi, dalam perkara ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita cari jalanlah supaya kita juga mengambil tindakan bersama terhadap Kerajaan Singapura.

Yang pertama, hendak menentukan kisah harga air tidak selesai walaupun pada pagi tadi Ahli Parlimen Pembangkang telah menyentuh masalah harga air. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kalau Singapura ini jujur ataupun berniat baik, dia boleh diselesaikan dengan baik. Dia boleh ikut cara kita. Kita tidak pernah aniaya dia dalam apa jua perkara. Jadi dengan itu, saya hendak cadangkanlah kalau bekalan air ini mereka tidak hendak ikut juga, tidak hendak diselesaikan, kita kenakan cukai yang tinggi, 100%, 200%, 500% terhadap laluan air ke Singapura. Mula daripada Kota Tinggi kah, dari Tebrau, Skudai, kita kira inci, kita kira satu persegi. Jika dia lalu dekat kawasan kita, kita caj bayaran cukai yang tinggi. Jadi, sama. Kita dapat untung, dia dapat untung daripada air yang dia ambil 3 sen. Selepas itu kita beli dengan harga yang mahal. Kita caj dia mesti bayar cukai laluan batang paip besar ke Singapura itu. Jadi ini....

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu telah pun dirujuk kepada.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh!, sudah rujuk ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okey, ini tambahan sahajalah. Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Sekiranya benda itu Yang Berhormat hendak kemukakan kepada Jawatankuasa itu, silalah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, ya lah!

Tuan Yang di-Pertua:tetapi perkara dalam masa kita membincangkan bahawa perkara ini tidak bersangkut Yang Berhormat, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Jadi, tukar tajuk lainlah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya lah, ikut kata Tuan Yang di-Pertualah.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okeylah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baik punya orang.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini Kementerian Dalam Negeri pula. Saya telah banyak kali bercerita pasal gedung-gedung besar yang dibuka. Sana buka, sini buka, selepas itu bila dibangkitkan dalam Parlimen, kita tidak membenarkan lagi dibuka gedung-gedung besar lagi. Baru minggu lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna merasmikan satu gedung besar di Shah Alam kah atau Petaling Jaya, masuk televisyen. Selepas itu, di tempat saya buka lagi satu, nama gedung itu 'Today'.. Saya pun hadir sama. Sebagai Ahli Parlimen, hadir samalah. Ya lah, kita hendak meraikan orang. Cuma, saya tidak tahulah bila kementerian hendak menyekat ini, tidak boleh lagi buka. Maknanya, mulai daripada bulan November, *no more* gedung besar. Nantilah itu. Sekarang ini yang jadi masalah Tuan Yang di-Pertua, orang yang berniaga kecil ini kompelin.

Dia kata, banyak sangat. Kita sudah tidak boleh berniaga. Dalam peruntukan hari ini pun Jabatan Perdana Menteri berikan RM20 juta untuk bantu bumiputera berniaga runcit. Dalam nada yang sama, buka juga gedung-gedung besar yang menjual serba aneka barang. Dahulu kita ingat barang runcit ini sahaja tetapi sekarang ia tidak kira, elektrik ada, itu ada, semua apa yang ada sudah dijual di situ dengan macam-macam tawaran. Okey lah tetapi mesti kawal. Kalau begitu nanti, peniaga kecil macam mana hendak berniaga?

Yang ada dekat gedung-gedung besar, sudah mula hendak tutup. Dia ada tanggungan dia, lima, enam orang anak. Habis orang pergi sebelah. Kedai dia orang tidak pergi lagi kerana di sana lagi murah. Jadi, yang kita minta kementerian, tidak payah buka lagi sudahlah, tengok dahulu dalam masa empat tahun ini, memerlukan atau tidak. Beri peluang kepada peniaga kecil untuk menjalankan perniagaan. Jadi ini....

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak sokong?

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Kedah bangun. Hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagilah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Jalan mana pula? Haa, okeylah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyokong pandangan Yang Berhormat bagi Tebrau ini iaitu kita lihat sekarang ini bahawa dengan mana-mana kerajaan sekalipun dengan mengizinkan, bukanya *supermarket*, *hypermarket* yang besar-besar ini, ia mematikan peniaga-peniaga runcit dan *mini market* ini. Adakah

Yang Berhormat bagi Tebrau bersetuju supaya bilangan yang ada ini cukup dan digalakkan bazaria, bazar supaya famili dapat terlibat dalam sesuatu perniagaan dan diperbanyakkan bazar ini pada masa akan datang supaya penglibatan ekonomi itu dapat dilebarkan. Jadi, saya hendak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tebrau dalam hal ini dan minta cakap kuat sikitlah tentang perkara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak berapa dengarkah tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta bercakap kuat sikit....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yalah, memang saya tidak setuju. Saya cadangkan hentikan cerita buka gedung besar dan beri peluang kepada peniaga runcit. Saya setuju. Memang yang baik ini memang Barisan Nasional ini okey. Mana pembangkang kata, untuk menambahkan bazar bagi peniaga kecil saya setuju. Memang patutnya itu Tuan Yang di-Pertua dan sudah mula ditahan tetapi satu sahaja saya hendak ingatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, hubungan dia dengan majlis daerah ini. Majlis daerah masuk satu pelan untuk membuka gedung. Okey, dia sudah hantar pelan, hantar itu, majlis daerah akan melihat. Wah! ini okey. Diluluskan pembukaan gedung berdasarkan kepada bangunan yang ada untuk jual. Jadi dalam masalah ini kementerian pun kena runding dengan majlis daerah. Kalau kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kata, "Stop!". Di pihak sana pun tidak boleh timbang lagi, di pihak majlis daerah....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya, hendak apa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Hendak beri jalan kah tidak? Jangan tanya dia.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Allah, risau pula saya....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berbeza pula dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah....

Tuan Yang di-Pertua: Lah, pula!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya lebih suka gedung-gedung besar ini dibuka di merata-rata untuk memudahkan pengguna, kita semua membuat pilihan, untuk kita. Jadi, biarlah peniaga-peniaga besar ini menjalankan perniagaan dan peniaga-peniaga besar ini, dia mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Ramai juga orang akan dapat faedah daripada gedung-gedung besar ini. Yang penting, kita akan dapat barang-barang yang berkualiti dan harganya murah.

Jadi, yang untungnya ialah pengguna. Jangan kita pedulikan sangat orang berniaga ini. Kalau dia handal, kalau *supermarket* yang kecil pun, kalau cara dia memperdagangkan dia punya barang itu baik, dia akan dapat juga pelanggan. Jadi, pada saya, jangan kita lekas sikap sekat-menyekat ini. Sekat-menyekat ini memang kerja parti pembangkang, suka sekat sana, sekat sini. Jadi, lama-lama kita *jammed* fasal kita ikat kaki tangan kita sendiri. Biarlah negara kita hendak moden, hendak maju ini kita berfikir terbuka sedikit. Saya minta maaf Yang Berhormat bagi Tebrau, walau kita jiran ini, saya tidak bersetuju sikit dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yalah, yalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cuba betulkan sedikit pendapat itu Yang Berhormat bagi Tebrau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Leceh betul Tuan Yang di-Pertua bila sahabat dekat ini. Yang Berhormat bagi Sri Gading ini tidak ada benda pasal dia luar bandar....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh! Bandar!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Bandar dia tidak besar, tidak ada gedung, berbeza dengan yang Pasir Gudang. Pasir Gudang bukan main besar betul sampai pecah dua dalam kawasan Parlimen. Dia banyak kedai runcit, jadi dia tidak risau.

Jadi,... dekat mana tadi Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Ya, sambung situlah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ehh....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya kata kalau terlampau banyak, memang beri pulangan kepada kerajaan tetapi tidak menjadi sebagai satu perkara yang mudah diluluskan dan mudah untuk dikeluarkan lesen. Minta sahaja, sebab orang itu ada modal, ada wang yang banyak, makna dia selagi dapat dia boleh buat, macam 'Today' ada, tidak tahulah nama-nama ini, saya pun tidak fahamlah. Dahulu disebut dengan Giant, Makro, Carrefour, itu okeylah. Sekarang sudah ada 'Today', ada 'Keep'. Esok tidak tahu apa benda lagi, main lulus sahaja. Itu yang saya kata kementerian kena kawal sedikit, maknanya tengok tempat dan kawasan yang ada.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Haiya, kacau juga ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gelang Patah. Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak beri, sahabat, okeylah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, semasa perasmian *Today's Market* di kawasan Parlimen Tebrau, saya pun ada bersama dengan Yang Berhormat bagi Tebrau. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tebrau tentang keputusan Kabinet pada 24 April 2002 yang mana sudah ada garis panduan untuk mewujudkan gedung besar kalau saya tidak silap, untuk menjaga kepentingan kedai-kedai runcit dan *mini market*. Sebab itu Jemaah Kabinet ada garis panduan iaitu kalau tidak silap, jaraknya mesti lebih kurang 3.5 kilometer dari satu-satu bandar, *capital* mestilah sekurang-kurangnya RM50 juta dan populasi di kawasan sekeliling itu yang mana ini mewujudkan gedung besar adalah sekurang-kurangnya 35 ribu orang. Adakah cadangan Yang Berhormat bagi Tebrau supaya pihak Jemaah Kabinet menimbang semula keputusan Kabinet pada 24 April 2002 itu? Sekian terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okey, terima kasih sahabat saya. Lagipun niat yang baik juga. Saya ingat pihak kementerian kena kaji balik untuk melihat mana lebih berkesan dan lebih baik dari segi masalah pembinaan gedung-gedung besar dengan masalah kedai-kedai runcit.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada B.26 – Kementerian Pendidikan, masalah buku teks. Saya dapat lihat, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masalah buku teks tanggungan ibu bapa sekarang begitu berat kerana menanggung keluarga yang ramai terutama bagi keluarga yang berada di luar bandar. Jadi, saya hendak cadangkan supaya buku-buku teks ini, Tuan Yang di-Pertua, yang gaji seseorang itu RM1,500 kalau tidak silap saya, yang boleh memberi pinjam, tidak payah naik sampai RM3,000 atau pun beri percuma terus buku teks ini terutama bagi penduduk luar bandar dan juga kawasan-kawasan FELDA. Sekarang ini keluarga seseorang itu agak berat menanggung kerana kalau anak dia tiga; sekolah rendah ada dua dan seorang sekolah menengah, dengan bayaran itu dan ini, dengan buku dan sebagainya agak memberatkan kepada mereka ini.

Jadi boleh tidak kerajaan kaji balik dalam masalah buku teks ini, beri percuma sahaja terutama bagi penduduk yang ada di luar bandar dan kalau tidak kementerian fikir ini mendatangkan masalah, maknanya pendapatan seseorang yang RM3,000 atau RM3,500 itu dibenarkan, boleh diberi pinjaman buku teks dengan percuma, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya minta kementerian mengkaji balik berhubung dengan masalah pemberian buku teks.

Yang kedua, berhubung dengan masalah Kementerian Pengangkutan, B.38, sedikit sahaja yang baru-baru ini timbul masalah penahanan van-van kilang dan sebagainya yang menjadikan masalah kepada tuan punya van yang ditahan oleh pihak JPJ yang melanggar sedikit peraturan dan undang-undang lalu-lintas. Yang menjadi masalah ini, van itu ditahan di satu tempat dan kemudian tuan punya van itu hendak mengeluarkan itu lama

sangat. Kalau dia hendak tahan terus, tidak hendak keluar tidak apa, dia keluar juga tetapi makan masa yang lama, akhirnya dia beri juga mengikut denda atau kompaun yang pada asalnya patut dibenarkan.

Jadi, saya minta dalam kes-kes ini sebab bila berlaku penahanan van, banyak yang terlibat dengan masalah orang yang bekerja, terlibat pula di tempat saya di kawasan luar bandar, ramai yang duduk jauh daripada kilang. Bila van ini ditahan, semua tidak boleh hendak pergi kerja kerana van sudah ditahan oleh pihak JPJ. Jadi ini akan mendatangkan masalah dari segi pendapatan mereka untuk menanggung keluarga.

Bolehkah, saya bukan mengatakan dia boleh langgar peraturan dan undang-undang tetapi maknanya kalau dia salah, dikompaun atau macam pihak polis, kalau ditahan lepas itu dia ambil nombor dan disaman kemudian tetapi van itu dapat digunakan kerana van itu dapat menolong mengangkut pekerja-pekerja yang diperlukan untuk pergi ke tempat kerja yang jauh dari tempat kediamannya. Jadi dalam perkara ini saya minta dapat dikaji kembali.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pakaian dan perbezaan di Jabatan Kastam dengan polis. Baju ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, memang cantik, saya setuju tetapi warna pakaian pegawai kastam dan polis ini sama. Jadi ada kekeliruan sedikit. Ramai orang kampung kata ramai polis padahal pegawai kastam. Dia punya biru, kalau orang yang betul-betul dekat pun boleh jadi keliru. Dia ingat polis tahan dia rupanya kastam.

Jadi, dalam perkara ini pakaian mesti ada tanda yang jelas antara pegawai kastam dan polis. Kalau tidak serupa birunya dengan pangkat dan paku lebih kurang; satu *crowns*, tiga paku, kalau dia lalu pun kita kalau sekali imbas, memang kita kata polis. Apa lagi kalau orang luar bandar, memang dia kata polis. Saya takut ia boleh mengelirukan, cuba lihat balik dengan tanda yang terang atau macam mana. Ini bukan apa supaya kita tidak hendak besok ada penyalahgunaan yang boleh mengelirukan dalam masalah pegawai itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang di belakang itu, Yang Berhormat bagi Peringat ya.

5.46 ptg.

Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Belanjawan Tambahan.

Perkara pertama yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan isu mata pelajaran Agama dan juga Moral. Kerajaan memang sangat prihatin dan berusaha gigih dengan menggunakan perbelanjaan yang besar untuk memartabatkan Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang menjadi teras kepada pembangunan negara. Tetapi bagaimana dengan mata pelajaran yang lain khususnya mata pelajaran Agama dan Moral yang memang menjadi teras kepada pembangunan insan? Pembangunan insan merupakan asas kepada pembangunan tamadun di dalam negara kita ini. Kita sangat bimbang jika pembangunan insan ini gagal dilakukan dengan sempurna, ia akan melahirkan satu tamadun yang pincang di mana kita berjaya membangunkan bangunan-bangunan tinggi tetapi di waktu yang sama berlakunya keruntuhan insan yang sangat menakutkan.

Ramai ibu bapa dan masyarakat yang mempersoalkan keberkesanan mata pelajaran Agama di sekolah dan masyarakat juga mempersoalkan sejauh mana keberkesanan mata pelajaran Agama dan Moral dalam melahirkan pelajar yang menghayati sifat dan nilai-nilai yang terpuji dan tidak terpengaruh dengan gejala-gejala sosial untuk menjamin negara kita dapat membangun atau dibangunkan secara seimbang.

Apa yang berlaku pada hari ini adalah merupakan satu fenomena yang sangat menakutkan kita dan membimbangkan kita. Walaupun pelajaran Agama dan Moral diajar di sekolah tetapi seolah-olah ia tidak berkesan dan ia tidak mempengaruhi kehidupan

terutama dalam kehidupan yang penuh dengan kebendaan yang sangat mempesonakan pada hari ini.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah kita dikejutkan dengan isu kontroversi dan skandal pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah di seluruh negara. Projek ini berkait rapat dengan rancangan pendidikan komputer kepada pelajar-pelajar sekolah yang memungkinkan mereka menjadi warganegara yang mempunyai daya maju dan dapat memenuhi tuntutan kehidupan pada zaman moden ini. Tetapi kegagalan syarikat-syarikat yang dilantik menyiapkan makmal-makmal tersebut mengikut spesifikasi amat memalukan. Terdapat dakwaan syarikat-syarikat tersebut bukan syarikat pembinaan yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan pemilihan mereka dibuat tidak secara tender terbuka.

Selain daripada itu timbul satu lagi keanehan dalam mana JKR tidak dilantik sebagai PMC kepada projek tersebut. Satu lagi persoalan bagaimana mungkin satu syarikat diberi projek yang begitu banyak, ini adalah satu perkara yang sangat membimbangkan. Sikap tidak telus dan tidak bertanggungjawab kerajaan terhadap pemberian kontrak pembinaan makmal komputer dilakukan oleh Kementerian Kewangan, tidak dilakukan secara telus sebaliknya diberikan atas asas kepentingan politik dan kroni. Apakah alasan dan rasional tindakan Menteri Kewangan yang memberikan kontrak tersebut kepada syarikat pembekal komputer tidak kepada kontraktor binaan yang menjadi punca utama kepada isu penyelewengan pembinaan makmal komputer.

Syarikat tersebut seperti Pintar Teknologi Bumi Asia Sdn. Bhd. (Zon Utara), Perkhidmatan Rundingan Industri Malaysia Berhad (Zon Tengah), CS Pac Venture Sdn. Bhd. (Zon Selatan), Bellgrand Sdn. Bhd. (Zon Timur), Time Com Holdings Berhad (Zon Sabah) dan Telekom Smart School (Zon Sarawak). Saya ingin tahu berapakah jumlah projek atau jumlah kontrak yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang tersebut kerana Menteri Pendidikan juga pernah menyebut dalam satu kenyataan, salah satu daripada sebab yang menimbulkan masalah kerana syarikat-syarikat itu diberi kontrak melebihi had kemampuan sesuatu syarikat.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini merupakan satu gejala yang tidak sihat, yang berlaku di dalam pembangunan negara kita yang dianggap maju ini. Saya harap satu penyiasatan dilakukan ke atas perkara ini dan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Menteri Kewangan berkenaan dengan Pinjaman Mikro Kredit yang diberikan kepada Bank Pertanian dan juga Bank Simpanan Nasional untuk mengendalikan pinjaman ini. Soalnya kenapa pinjaman ini tidak diberikan sama kepada Bank Islam khususnya untuk peminjam-peminjam yang beragama Islam?

Saya juga ingin tahu berapakah caj sebenar yang dikenakan ke atas setiap peminjam skim ini? Kerana maklumat yang diberitahu kepada saya melalui kawasan Parlimen Peringat, setiap peminjam diwajibkan membayar sekurang-kurangnya RM200 kepada pengurus atau pihak yang mengisi borang atau pihak yang tertentu yang menjadi *mentor* kepada para peminjam. Adakah caj yang dikenakan ini adalah suatu yang sah ataupun ia merupakan satu tindakan yang dilakukan secara sewenang-wenangnya untuk mengambil kesempatan dari rakyat yang ingin meminjam dari satu kemudahan yang diberi oleh kerajaan?

Saya juga ingin tahu tentang 4% faedah yang diberikan. Apakah statusnya dari segi halal dan haram khususnya kepada peminjam-peminjam yang beragama Islam kerana perkara ini ada juga yang bertanya kepada saya dan saya tidak dapat memberi jawapan tentang status 4% yang dikenakan kepada peminjam. Apakah faedahnya itu disifatkan sebagai satu yang halal ataupun ianya adalah bersifat riba yang dilarang di dalam Islam?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya tentang kegagalan 24,470 orang pelajar bumiputera lepasan STPM dan matrikulasi yang gagal ke IPT untuk tahun 2003 ini. Apakah sebab dan punca kegagalan ini?

Kita sangat kecewa dengan kegagalan ini kerana pelajar yang begitu ramai ini telah mencapai syarat kelayakan untuk ditempatkan di IPT. Kegagalan ini adalah berpunca daripada perubahan dasar kemasukan ke IPT berdasarkan emosi kerana pelajar bumiputera dikatakan tidak mendukung Kerajaan Barisan Nasional. Jika benar dakwaan ini, adalah sesuatu yang sangat mendukacitakan. Kita adalah sentiasa bersikap adil sama ada rakyat itu menyokong Barisan Nasional ataupun tidak menyokong. Hak rakyat adalah mesti ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak nyatakan di sini ialah tindakan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang melantik Pembantu Tadbir sambilan dari kalangan ahli-ahli penggerak Puteri UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara itu sudah selesai, Yang Berhormat dan telah pun kita ambil keputusan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sudah selesai.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Saupi bin Daud: Ada soalan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Silakan.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Peringat. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit mengenai kegagalan sistem pendidikan kita yang ada pada hari ini.

Saya terbaca di muka hadapan *Utusan Malaysia* hari ini mengatakan bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan menyatakan bahawa graduan hari ini tidak berakhlak. Sebenarnya, saya sendiri hadir dan mungkin Yang Berhormat pun hadir sama, kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Konvensyen Universiti Kelantan bukan bermaksud graduan hari ini tidak berakhlak tetapi sistem pendidikan yang diberi kepada lepasan universiti dan kolej-kolej sama ada IPTA atau IPTS hari ini tidak mampu untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi terutama sekali dalam menerapkan nilai-nilai Islam.

Jadi, adakah kerajaan cuba mengalihkan pandangan daripada isu tidak dapat menampung pelajar-pelajar yang Yang Berhormat maksudkan tadi kepada melarikan isu-isu tersebut kepada kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tok Guru mengatakan pelajar hari ini ataupun graduan kita hari ini tidak berakhlak. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Itu adalah di antara isu yang sangat membimbangkan kita di mana sepatutnya negara kita mempunyai kemajuan yang seimbang. Bukan sahaja kemajuan dari segi kebendaan tetapi sekali gus juga mempunyai kemajuan dari segi kerohanian dan juga akhlak dan moral. Sudah pasti ia merupakan satu kepincangan yang perlu diperbetulkan segera. Jika tidak, ia akan menjadi satu kemalangan kepada negara kita ini.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi, ini adalah merupakan persoalan yang banyak diperkatakan di dalam masyarakat kita sekarang ini. Banyak soalan yang menyatakan kenapa di samping negara kita mempunyai banyak institusi pengajian tinggi dan universiti tetapi graf akhlak dan moral sentiasa menurun terutama di kalangan pelajar.

Ini bukan bermakna kita hendak menafikan semua sekali kebaikan universiti dan pusat-pusat pengajian di mana di sana ada kebaikan-kebaikannya. Kita hormati dari segi itu dan kita hargainya. Cuma yang jadi masalah sekarang ini ialah perkara-perkara yang negatif yang tidak sepatutnya berlaku kepada pelajar-pelajar yang berkelulusan tinggi yang menganggotai masyarakat kita.

Ini ada hubungan dengan kecuaiannya dalam pembangunan insan itu sendiri di mana ibu bapa telah menampakkan satu kegagalan yang ketara dalam mendidik anak-anak

mereka di dalam institusi rumah tangga dan ibu bapa sangat mengharapkan pendidikan anak-anak mereka, pembangunan anak-anak mereka yang seimbang diserahkan 100% kepada institusi pendidikan sama ada sekolah ataupun IPT.

Jika anak-anak ini tidak diberi didikan yang sempurna di peringkat pengajian tinggi dan mereka keluar ke dalam masyarakat dalam keadaan yang pincang dari segi keilmuan dan penghayatannya, apalagi mereka tidak mempunyai bekalan ilmu teras atau ilmu agama yang cukup walaupun mereka itu mempunyai intelektual dan kemahiran yang tinggi tetapi mereka lemah dari segi kerohanian dan lemah dari segi ilmu untuk menjaga diri mereka sendiri yang dipanggil sebagai ilmu teras ataupun ilmu agama, sudah pasti mereka akan terdedah dengan gejala-gejala yang mencabar kehidupan manusia pada zaman moden ini.

Oleh hal yang demikian, kita sangat mengharapkan kepada pihak kerajaan supaya diberi perhatian secara seimbang di antara mata pelajaran sama ada Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dan juga ilmu teras pembangunan insan itu sendiri....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: ...iaitu ilmu agama.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, terima kasih. Saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat cakap tetapi saya tanya Yang Berhormat, sejauh mana kalau orang yang ada teras agama yang kuat juga boleh mempertahankan akhlak dan keimanannya. Saya ambil satu contoh, ada seorang maulana mengajar maahad tahfiz di Sabak Bernam. Hari ini dia didakwa kerana meliwat anak-anak muridnya. Latar belakang maulana ini, dia tidak pernah mendapat didikan sistem kita dan dia belajar di Pakistan, sekolah pondok, madrasah. Bila balik jadi maulana dan dia buat juga perkara-perkara terkutuk itu.

Kita baca surat khabar, seorang imam pun ditangkap juga berkhawat. Baru-baru ini baca surat khabar, di Terengganu, kejadian rogol berlaku di dalam masjid. Hendak salahkan Kerajaan Terengganu kah bila ada orang rogol orang di dalam masjid?

Jadi, kita kena bercakap realiti. Jangan hendak salahkan sistem. Kalau salah ibu bapa, saya boleh bersetujulah Yang Berhormat. Jangan dok salahkan kerajaan semua. Kalau itu Yang Berhormat kata, kes rogol dalam masjid ini salah Hadi Awanglah yang tidak jaga rakyat Terengganu. Di Selangor tidak pernah berlaku lagi kes rogol dalam masjid. Maulana ini pun tidak ada sistem kita, sistem Pakistan. Jadi, jangan dok kira macam itu Yang Berhormat. Jangan pukul rata sahaja. *[Tepuk]* Terima kasih.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Apa yang saya sebutkan tadi ialah pendidikan agama. Ia merupakan satu perbezaan di antara orang yang belajar agama, menghayati agama dan berpendidikan agama. Tidak kira maulana kah, siapa dia kah, apabila tidak menghayati agama, memang dia orang yang gagal dalam menghayati agama.

Saya tidak pernah mengatakan bahawa orang yang berada di aliran sekolah agama selamat daripada segala gangguan ataupun gejala sosial. Dia mungkin terdedah. Apa yang kita pentingkan sekarang ini bukan alirannya. Kita boleh belajar di mana-mana aliran tetapi yang paling penting ialah soal penghayatan agama itu menjadi teras di dalam kehidupannya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Dia boleh belajar di mana-mana pun. Islam tidak menghalang mempelajari apa sahaja ilmu yang memberi manfaat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa yang sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Ya? Saya hendak habiskan sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Saya rasa Yang Berhormat tolong betulkan konsep berfikir itu.

Tuan Saupi bin Daud: Silap itu, silap itu.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Silap berfikir.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah tu dah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Jadi kalau kita tengok, dia tidak semestinya belajar di Mekah atau Madinah tidak menjamin kebaikan secara mutlak Nabi Muhamad lahir di Mekah Abu Lihab pun lahir di Mekah begitulah seterusnya. Itu bukan masalah tempat, masalah manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Jadi, kita sekarang ini....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Muhamad bin Mustafa:beljarlah di mana-mana pun tetapi yang paling penting ialah pendidikan agama.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang cukuplah. Cukuplah, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tapi jangan salahkan sistem.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Saya tidak hendak mempersalahkan sistem tetapi semua bertanggungjawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang itu saya bersetuju, semua bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Institusi rumah tangga.... *[Mikrofon dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah, Hmm. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Peringat, cukuplah. Cukuplah, cukuplah. Tidak ada perbezaan di antara dua fikiran itu ya.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu saya minta seorang sahaja lagi yang hendak berucap ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tunggu dari pagi lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tinggal dua sahaja.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Kita sudah berlari-lari masa. Pihak PAS pun banyak yang sudah berucap, Yang Berhormat. Biarlah Yang Berhormat bagi Batu Gajah berucap, selepas itu mintalah salah seorang daripada Yang Berhormat berdua.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bahagi separuh-separuh, seorang 10 minit. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Seorang 10 minit, *all right*, boleh, boleh. *All right, all right.* Yang Berhormat bagi Batu Gajah sila.

6.06 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak kebelakangan ini, di arena pendidikan telah berlaku kejadian-kejadian yang amat merisaukan. Boleh labelkan kejadian-kejadian tersebut dengan nama 'salah laku' atau 'gengsterism' tetapi ia tetap memerlukan perhatian semua pihak.

Ia berlaku di sekolah yang mempunyai keputusan peperiksaan yang baik, di sekolah yang cemerlang, di sekolah sederhana, di sekolah luar bandar dan sekolah di bandar pun. Kejadian-kejadian bukan sekadar kes ponteng sekolah yang sentiasa berlaku atau pergaduhan di sekolah. Kita lihat kes di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, sebuah sekolah yang ternama yang dihormati oleh semua yang mempunyai pencapaian keputusan peperiksaan yang terbaik.

Kita baca berkenaan kes di mana 20 orang pelajar senior, dengan izin, memukul seorang pelajar *junior*. Mereka dibuang sekolah kerana kejadian tersebut, kerana aktiviti dengan izin, *high council* mereka. Kita baca kes MCKK, Kuala Kangsar, enam orang pelajar dibuang sekolah. Kita baca kes MARA Junior College, Kampung Gajah, lapan orang pelajar memukul seorang pelajar Tingkatan 1. Kita baca kes di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, 21 orang pelajar senior memukul seorang pelajar berumur 16 tahun. Kita baca kes di Sekolah Menengah Saint David, Melaka, 20 orang pelajar senior memukul seorang pelajar di Tingkatan 4.

Kita tidak boleh beranggapan kes-kes ini sebagai kes-kes *isolated* seperti yang dinyatakan oleh dengan izin, Director General pendidikannya. Kes-kes di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) tidak boleh dianggap sebagai kes *isolated*. Kementerian boleh pula menganggap bahawa ia tidak merisaukan, dengan izin, *not worrisome* dan sedang dalam kawalan (*under control*) kerana statistiknya sedang menurun berkenaan masalah disiplin pelajar-pelajar kita di mana angka yang diberi ialah 1% daripada 7 juta pelajar yang terlibat dalam kes-kes disiplin. Jadi, ia tidak merisaukan.

Tetapi selepas banyak kes ini dilaporkan, saya rasa kementerian harus mengambil perhatian berkenaan keseriusan perkara ini. Walaupun ada satu jawatankuasa, *high level committee* telah ditubuhkan bagi menyiasat apakah punca-punca kes-kes ini berlaku tetapi pada pendapat saya, ini adalah satu tindakan yang diambil selepas laporan kes ini dilaporkan atau dengan izin, di'*highlight*'kan.

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat, adakah kes-kes yang Yang Berhormat sebut tadi yang melibatkan sekolah-sekolah berasrama penuh dan mempunyai nama di peringkat negara kita? Adakah pelajar-pelajar hari ini mencontohi pemimpin-pemimpin mereka terutama sekali dalam MCA? MCA kita tahu adanya kumpulan-kumpulan dan terdapat 'Jackie Chan', umpamanya.

Jadi, ia menarik atau menjadi satu contoh kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti trend yang ada pada politik hari ini. Minta penjelasan.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi, dalam kes-kes ini saya mempersalahkan yang terutamanya adalah dasar sistem pendidikan kerajaan Barisan Nasional. Semua orang kena bertanggungjawab. Ibu bapa, pihak sekolah dan yang paling perlu bertanggungjawab ialah Kementerian Pendidikan, kerana dasar pendidikan. Kita

mesti kaji apakah sebabnya pelajar-pelajar kita mempunyai *tendency – dengan izin* - ke arah gejala-gejala sosial yang negatif ini. Mengapa sehingga berlaku ke tahap sedemikian? Pelajar-pelajar asrama penuh kita lebih minat - dengan izin - mencero bohi gejala-gejala negatif ini.

Jadi saya harap jawatankuasa yang ditubuhkan itu yang terdiri daripada pelbagai pihak PIBG, kementerian dan juga doktor-doktor psikologi akan menyiasat perkara ini dan selepas itu mengemukakan satu laporan *and make it public*, dengan izin, kepada semua pihak agar kami boleh bersama-sama bagi mengatasi masalah-masalah ini sebab pelajar-pelajar kita ini adalah pemimpin masa depan negara ini.

Tindakan kementerian setelah laporan ini dibuat ada memberi amaran kepada Pengetua, *don't sweep the problems under the carpet*. Ini bukan kali pertama amaran diberi apabila laporan berkenaan disiplin pelajar-pelajar di hebohkan dalam surat khabar. Ini bukan kali pertama. Selepas itu amaran juga daripada kementerian bahawa kementerian tidak akan keberatan untuk menghalau pelajar keluar dari sekolah walaupun pencapaian akademik yang baik. Ini juga amaran kepada para pelajar. Tapi pernahkah kementerian mencari punca-punca mengapa pihak sekolah enggan membuat laporan kepada kementerian apabila kes-kes ini berlaku? *Why did the principal sweep the problems under the carpet?* Dengan izin. Mengapa?

Pada pendapat saya sebabnya ialah dasar-dasar kerajaan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Promosi secara melintang, menegak kepada pihak-pihak Pengetua. Mereka mahu jaga imej baik kerana dasar pendidikan kebangsaan terlalu mementingkan pencapaian akademik dan bukan pembentukan perwatakan. Sekarang kerajaan kata kita hendak guna RM500 juta untuk pembentukan perwatakan positif generasi muda dalam tiga bulan, dalam masa 90 hari. Kerajaan harus kaji dasar-dasar sistem pendidikan negara kita.

Satu perkara lagi ialah pihak sekolah,- Tuan Yang di-Pertua, saya sangat risau begitu senang sahaja pelajar-pelajar dibuang sekolah, 20 orang pelajar di Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), dengan izin. Perdana Menteri pun kata bahawa kita tidak hendak gejala negatif ini *spread*, menyebarkan. Timbalan Menteri Pendidikan kata lebih baik 20 *suffer* daripada 700 orang pelajar *suffer*. Kita buang sahaja mereka keluar dari sekolah. Apakah ini cara penyelesaian?

Itu adalah jalan pintas - itu bukan cara penyelesaian - jalan pintas untuk mengelak daripada mengambil tanggungjawab sebagai pendidik. Mengapa saya kata demikian? Kerana pelajar-pelajar yang kita telah buang mereka dari sekolah, kita hantar mereka ke masyarakat. Mereka pula sekarang mengancam masyarakat. Kita kena bagi kaunseling, kita kena serius. Cara paling senang adalah buang mereka dari sekolah. Kita mesti ada kaunseling, bimbingan, kaji apa punca-punca, apakah masalah yang mereka hadapi, apakah latar belakang rumah mereka, ahli keluarga mereka, bukan dengan buang sekolah begitu sahaja. Maksudnya, hantar masalah kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu percaya kalau kita dalam satu kawasan yang ada masalah kita tidak selesaikan, kita tidak menanganinya dan kita menolak keluar masalah itu, dalam contoh ini ke masyarakat. Ia adalah satu kitaran, satu *cycle*. Ia sekarang akan menjadi kalau orang itu tidak bertukar menjadi baik kerana dia ada *guidance*, dia akan menjadi masalah kepada masyarakat di masa depan. Kita tidak tahu, mereka yang hari ini kita *expel* dia, buang dia dari sekolah, hari lain dialah yang pergi merompak, dia yang pergi membunuh, dialah yang pergi meragut beg tangan. *It's a cycle* - kitaran. Jadi aliran pendidikan mereka ini adalah berumur kurang 18 tahun. *Age of majority, below age of majority*. Mengikut undang-undang, mereka masih kanak-kanak. Mengapa kita tidak beri peluang?

Jangan kata kita semua, ahli-ahli dalam Dewan ini tidak pernah menjadi kanak-kanak? Kita pernah. Kita pernah buat salah. Mengapa tidak bagi peluang kepada mereka dengan mendidik mereka? Buang sahaja keluar dari sekolah selesai masalah ini, lepas itu kita kata kita akan kaji, tubuhkan jawatankuasa, macam hangit-hangit tahi ayam. Masalah disiplin pelajar bukan masalah yang berlaku *there and then* pada hari tersebut. Ia adalah kerana *accumulated factors*.

Jadi saya harap kementerian boleh memberi penjelasan berkenaan perkara ini agar kita boleh bersama-sama. Saya rasa semua pihak kena bertanggungjawab berkenaan isu-isu gengsterisme tapi Setiausaha Parlimen lebih suka guna perkataan salah laku. Saya harap kita boleh bersama-sama bagi melihat, meninjau, mengkaji apa punca-puncunya. Dalam perkara ini saya rasa pihak yang paling perlu bertanggungjawab tadi saya katakan adalah Kementerian Pendidikan.

Saya harap kaji semula sistem pendidikan negara kita untuk jangan jadi terlalu menitik beratkan pencapaian keputusan peperiksaan. *How many A's you can get, 10 A's, 11 A's, 12 A's*, itu tidak penting. Itu bukan satu-satunya perkara yang terpenting. Pendapat saya nilai-nilai murni, bukan berapa A kita dapat dalam peperiksaan. Tapi sekarang kita boleh nampak sistem pendidikan kita hanya pentingkan keputusan peperiksaan yang pada pendapat saya itu adalah tidak mencukupi.

Sistem kita hanya pentingkan pencapaian berapa A dalam peperiksaan. Iaitu saya tidak akan berucap panjang lagi. Sekian sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat.**]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Seorang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya boleh bagi dua-dua tapi sepuluh minit satu orang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Lima belas minit satu orang, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit setiap orang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita meluluskan belanjawan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas ini Menteri boleh jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa:tambahan pada kali ini sejumlah RM 4.5 bilion. Satu jumlah yang sangat besar tetapi masa kita membahaskan ini sangat sedikit. Sebelum saya pergi kepada isi kandungan saya suka merakamkan bahawa saya rasa terkejut dengan apa yang berlaku pada pagi ini di mana Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional telah menunjukkan sikap perkauman yang sangat dahsyat. Mereka mengungkapkan kata-kata seperti "*bangsat*", "*keluar dari Malaysia*". Satu isu, satu fakta yang benar telah ditukarkan menjadi satu sentimen perkauman.

Saya berharap mereka dapat dihadapkan kepada Jawatankuasa Terpilih kerana dalam Peraturan Dewan 36(10)(e), 36(10)(c), perkara-perkara berkenaan dengan perkauman tidak boleh diungkitkan oleh ahli-ahlinya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, daripada RM4.5 bilion yang kita peruntukkan ini, RM1 bilion ialah untuk pembangunan pertahanan tetapi dimasukkan sebagai perbelanjaan pembangunan sedangkan pada definisi yang sebenar, perbelanjaan pertahanan seharusnya tidak dianggap sebagai perbelanjaan pembangunan kerana ia tidak akan membangkitkan apa-apa kesan pembangunan daripada pembelian senjata daripada luar negara.

Saya tidak ingin memanjangkan perkara tersebut kerana perkara lain adalah lebih penting lagi iaitu kita telah melihat dan mendengar perbahasan Ahli-ahli Parlimen yang sebahagiannya membangkitkan tentang pelaksanaan daripada kelulusan ini. Kelulusan adalah satu perkara tetapi pelaksanaan pada hemat saya telah disalahgunakan oleh kerajaan untuk memberikan ataupun mendapatkan keuntungan-keuntungan daripada belanjawan yang telah kita luluskan terutama sekali dalam pembinaan bangunan-bangunan dan projek-projek kerajaan.

Kebelakangan ini kerajaan telah bertukar, telah menganut satu *doctrine* yang baru iaitu semua projek-projek ini kebanyakannya dilaksanakan melalui *design and build*, bukan lagi melalui satu tender terbuka seperti yang lazim diamalkan. Ini kita boleh lihat 30%

sahaja lagi tinggal pelaksanaan projek kerajaan dibuat secara konvensional, yang selebihnya 70% telah diberikan melalui konsep *design and build* yang memungkinkan penyelewengan.

Saya akan memberikan beberapa contoh bagaimana keadaan-keadaan ini memungkinkan penyelewengan. Dari segi kos pembinaan sebuah bilik darjah di bawah sistem kontraktor JKR, kosnya hanyalah RM60 ribu hingga RM80 ribu satu bilik tetapi di bawah konsep *design and build* ini kita lihat kos telah meningkat menjadi RM150 ribu sebilik. 100% lebih tinggi daripada kos yang sebenar dan berapa banyak keuntungan dapat diperolehi oleh syarikat-syarikat ini dan akhirnya sebahagian projek ini terbengkalai.

Melalui konsep *design and build* ini kerajaan terpaksa melantik PMC daripada swasta dan saya berikan satu contoh bagaimana satu PMC telah diberikan projek sejumlah ataupun bernilai RM2 bilion lebih. Hanya satu syarikat PMC diberikan projek untuk dinilai sebanyak lebih daripada RM2 bilion iaitu Syarikat Umni Rose Project Management Sdn. Bhd yang hanya mempunyai 16 orang pegawai profesional. Bagaimana 16 orang pegawai profesional akan menguruskan PMC bagi projek bernilai RM2 bilion? Tidak mungkin sama sekali!

Begitu juga dengan QSC Projek Sdn. Bhd. yang pegawai profesional hanya lima orang dan enam pegawai pengurusan memperoleh projek-projek lebih daripada RM1.6 bilion. Ini sudah tentu ada satu perkara yang berlaku di belakang daripada pemberian projek-projek ini, dan saya bacakan umpamanya contoh syarikat-syarikat ataupun projek-projek yang telah dikendalikan oleh syarikat ini, umpamanya Pularek, Matrade, Pusat Teknologi Tinggi Kulim, pemulihan pantai dan penahan ombak pantai Langkawi, menaik taraf laluan Persekutuan, jalan Moroteks, Kalabakan, Sabah, Institut Latihan Perlis, perkampungan pelancongan Langkawi, perumahan rakyat Perlis, perumahan rakyat Sabah, perumahan rakyat Sarawak dan lain-lain.

Kos bagi mereka mengenakan caj perkhidmatan PMC ini lazimnya bagi sebelum ini amalannya pada pengetahuan saya setakat 2.7% atau 2.5%, tetapi bagi PMC ini mereka menuntut - pada pendapat saya dan pada pengetahuan saya - hampir 5%. 3% lebih tinggi daripada tuntutan sebelum daripada itu dan berapa juta mereka membuat keuntungan daripada perkara ini. Sebab itu kita boleh lihat apa yang dibangkitkan oleh Peringat tadi – Timbalan Menteri sudah masuk - bagaimana projek makmal sekolah umpamanya, satu bentuk pengkhianatan telah berlaku di mana seperti yang kita baca, *interview* dengan Menteri Pendidikan bahawa kelulusan pembinaan makmal kepada tiga syarikat utama ini 500 buah syarikat bagi tiap-tiap satu *company* ini diluluskan oleh Kementerian Pendidikan tanpa merujuk kepada Kementerian Pendidikan dan syarikat-syarikat ini dimiliki oleh orang UMNO.

Kalau dikatakan bahawa syarikat ini mengkhianati kerana tidak buat makmal ini sampai runtuh, maka orang UMNOlah yang telah melakukan pengkhianatan tersebut umpamanya seperti yang disebut oleh Peringat tadi, Pintar Teknologi yang diurus oleh Tan Sri Razali Ismail dan Datuk Zain Ismail. Kalau budak nakal di MCKK kita pecat, orang ini, orang ini dapat projek satu demi satu demi satu. Zain Ismail adalah ahli UMNO, bekas Exco Pemuda dapat projek 500 buah makmal komputer.

Boleh kita bayangkan satu syarikat boleh menyiapkan 500 buah serentak? Mustahil! Tetapi untuk mendapatkan komisen daripada projek ini maka mereka memperoleh kontrak ini. Begitu juga dengan Bellgrand Sdn Bhd, Mohamad Yusuf Manan, adik kepada Ketua UMNO Bahagian Kampar. Saya tidak hendak panjangkan kerana banyak lagi perkara yang saya perlu ketengahkan. Makmal sekolah telah runtuh, apa hal pula dengan rumah-rumah guru? Rumah-rumah guru, saya ingin bertanya Menteri Kewangan pada hari ini, adakah rumah-rumah guru yang telah dibina melalui peruntukan ini telah disiapkan?

Sebagaimana makmal komputer, rumah-rumah guru juga diberi secara *turnkey* kepada 12 ataupun 13 syarikat terpilih sahaja. Sekali lagi keadaan ini berlaku daripada 8,000 unit rumah guru bagi setiap kontraktor ditawarkan membina 2,000 unit bagi satu kontraktor, tadi 500 makmal bagi satu syarikat ini 2,000 unit rumah guru bagi satu kontraktor. Semua pemilihan syarikat-syarikat ini dibuat secara - kalau masa sudah cukup

saya tidak mahu aniyai rakan saya, sebab itu saya minta 15 minit dan 10 minit bagi Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua tiga minit lagi. Kalau tidak mahu bercakap baik duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan begitu. Muhibah Engineering Sendirian Berhad - Zon Timur, Arena Pro Aktif Sendirian Berhad - Zon Tengah, ECP Industri Sendirian Berhad - Zon Utara, Misa Consolidated Sendirian Berhad - Zon Selatan. Saya hendak tahu perkembangan pembinaan rumah-rumah guru ini. Adakah sudah siap ataupun oleh sebab surat khabar belum mendedahkan, kita tidak tahu bahawa penyelewengan sekali lagi berlaku. Contoh-contoh lain, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah cukup tidak ada lain. Boleh duduk Yang Berhormat. Saya boleh menjemput Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Penyediaan infrastruktur fizikal dan juga pengkomputeran sekolah, sebagaimana makmal pengkomputeran sekolah-sekolah juga telah dipilih berasaskan kepada *turnkey* tadi dan syarikat-syarikat yang hampir sama sekali lagi dipilih. Ini semua bagi makmal sahaja kita berbelanja lebih daripada RM500 juta ataupun *half* bilion dan begitu juga dengan perumahan guru-guru, pengkomputeran sekolah. Apa yang telah kita luluskan ini yang diberikan masa yang singkat akhirnya telah jatuh kepada satu tangan pengurusan kewangan yang boleh kita persoalkan. Mengapakah syarikat-syarikat ini diberikan *privilege* untuk mendapatkan projek ini dan akhirnya mereka tidak dapat *deliver* sebagaimana sepatutnya. Ini adalah satu skandal yang meruntuhkan imej Barisan Nasional sebagai 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Perdana Menteri kita bangun ataupun dilantik pada tahun 1982 memperkenalkan moto yang pertama ialah 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Bila dia hendak bersara kita boleh melihat dengan jelas bahawa di depan matanya kewangan negara kita telah diselewengkan dengan sedemikian rupa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup. Sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Pada kesimpulannya, saya berharap Menteri Kewangan yang dijangka hadir pada petang ini, kita ada dua Menteri Kewangan kerana ekonomi kita kukuh, satu Menteri Kewangan yang pertama, satu Menteri Kewangan yang kedua dapat memberikan penjelasan-penjelasan terhadap apa yang telah saya bangkitkan sekejap tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila.

6.28 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terus merujuk kepada perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku di negara kita, sebagaimana yang disebut oleh saudara-saudara saya tadi yang menyebut tentang perkembangan-perkembangan yang perlu diberikan perhatian yang penting bagi kita sebagai Ahli-ahli Parlimen dan juga rakyat Malaysia. Isu komputer menjadi satu persoalan yang besar yang disalahkan hanyalah kepada kontraktor-kontraktor, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen seolah-olah tidak mengambil tanggung jawab langsung terhadap suatu skandal yang begitu besar yang sedang berlaku di negara kita yang bagi saya merupakan satu pengkhianatan yang besar yang dilakukan dalam konteks negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku selepas Pilihan Raya 1999 kita dapat melihat dari segi ketidakrasionalan UMNO dan Barisan Nasional dari segi tindak tanduk mereka. Tekanan kepada pegawai-pegawai kerajaan dengan Aku Janji nya, tekanan kepada pensyarah-pensyarah universiti dengan Aku Janji nya, tidak cukup dengan Akta Universiti dan Kolej ditekan pula pelajar-pelajar dengan tekanan-tekanan, dikenakan Aku Janji dan sebagainya. Perkara ini menjalar sehingga sekarang ini berlaku di mana dalam pilihan raya kampus sekarang ini kita dapat melihat bagaimana tangan-tangan UMNO terlibat secara langsung dalam pilihan raya pelajar-pelajar untuk menentukan

kemenangan mereka yang dikatakan pro UMNO, pegawai-pegawai tinggi di kampus, di kalangan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen pun terlibat secara langsung dalam menentukan kemenangan pelajar-pelajar yang dianggap sebagai pro UMNO di kampus-kampus.

Budaya yang sedemikian ini di mana sekatan-sekatan digunakan kepada pelajar, ugutan dikenakan kepada pelajar yang dikatakan menentang kerajaan dan pelbagai tindakan yang tidak membawa ke arah pendemokrasian negara kita sedang berjalan di negara kita. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini dalam konteks yang lebih luas kalau kita melihat peranan SPR itu sendiri. SPR sekarang ini saya hendak menyebut di Parlimen kita mencatatkan sekarang ini menjadi kuda tunggangan Barisan Nasional [*Tepuk*].

Mereka mengkhianati suatu peranan yang begitu besar sebagai sebuah badan bebas, sebagai sebuah badan yang berkecuali, sebagai sebuah badan yang dilantik sendiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita tetapi sekarang suatu konspirasi jahat antara SPR dengan UMNO dan Barisan Nasional, kita mempunyai bukti-bukti yang begitu cukup tentang apa yang sedang berjalan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada persoalan-persoalan inilah saya merasakan bahawa pindaan yang di buat di Parlimen ini yang pertamanya Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya 2002, yang keduanya Persempadanan Pilihan Raya ataupun Negeri-negeri Tanah Melayu Tahun 2003 yang dibahaskan dan juga dipersoalkan oleh kami pihak pembangkang. Sebelum ini kami tidak mempunyai bukti yang cukup untuk meletakkan SPR ini sebagai kuda tunggangan UMNO dan Barisan Nasional, dalam isu persempadanan kawasan-kawasan pilihan raya, sebagai contohnya, negeri-negeri Tanah Melayu kita telah menyebut di Parlimen ini kita merasakan ada seolah-olah konspirasi di antara SPR dengan UMNO dan Barisan Nasional.

Kita menyebut bahawa apa yang berlaku dalam konteks pindaan ini sendiri adalah merupakan suatu yang merugikan masa depan politik orang-orang Melayu dari segi pertambahan kawasan Parlimen, pertambahan kerusi-kerusi di negeri-negeri. Kita menyatakan bahawa ini juga merupakan dari segi jangka panjangnya, merupakan suatu pengkhianatan yang dilakukan oleh UMNO terutamanya yang tidak memberi dan menambah kerusi di kawasan-kawasan majoriti orang Melayu. Apa yang terserlah Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendapat bukti yang cukup, yang konkrit di Parlimen ini. Saya sendiri, Yang Berhormat Mahfuz sendiri dan beberapa Ahli Parlimen sendiri mendapat bukti yang cukup yang boleh kita letakkan SPR sekarang ini menjadi kuda tunggangan UMNO dan Barisan Nasional.

Jadi, mana kita hendak meletakkan demokrasi yang ada di negara kita. Di mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...di mana kita hendak meletakkan dalam konteks kita melaksanakan kebebasan pilihan raya, kita hendak meletakkan SPR sebagai sebuah badan yang bebas yang boleh dipertanggungjawabkan dalam perjalanan pilihan raya, apabila berlakunya konspirasi di antara UMNO dengan SPR untuk menentukan kemenangan UMNO dalam pilihan raya yang akan datang. Siapa yang akan bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua, apabila SPR sebuah badan yang dilantik sendiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita sendiri, UMNO sanggup mencabuli, UMNO sanggup menjadikan SPR ini sebagai satu kuda tunggangan mereka untuk menentukan kemenangan mereka dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bukti-bukti yang ada kepada kita sudah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:cukup, bukti-bukti yang ada kepada kita sekarang sudah cukup untuk menentukan supaya kita di Parlimen ini membuat keputusan supaya SPR, mereka yang menerajui SPR ini dikaji balik kedudukan mereka. Kita mendapat nota-nota tulisan tangan daripada Pengerusi SPR, arahan-arahan tangan, tulisan tangan, Pengerusi SPR, surat daripada Ketua Puteri UMNO kepada Pengerusi SPR, arahan Pengerusi SPR kepada Setiausaha SPR, tulisan tangan, Setiausaha SPR pula mengarahkan kepada TPSU dari segi melaksanakan apa yang menjadi agenda sulit UMNO dan Barisan Nasional untuk mereka menang dalam pilihan raya yang akan datang.

Saya tidak ada bahasa yang lain Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks kita berada dalam sistem demokrasi....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini untuk....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya tidak beri, masa amat terhad. Dalam suasana yang ada ini kita tidak mempunyai bahasa yang lain kecuali SPR sekarang adalah merupakan kuda tunggangan kepada UMNO dan Barisan Nasional. Kita minta Menteri perjelaskan kedudukan Pengerusi SPR yang berkonspirasi dengan tulisan-tulisan dan juga dengan surat-menyurat antara SPR dengan Puteri UMNO dan juga UMNO itu sendiri.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dengan bukti-bukti yang kita ada, bukan ini sahaja banyak lagi bukti-bukti lain yang kita telah dapati untuk kita dedahkan fail-fail yang akan kita dedahkan mengenai konspirasi jahat antara SPR dan juga UMNO ini sendiri, terutamanya yang menggunakan sebuah institusi yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mereka menjadikan sebagai kuda tunggangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada persoalan ini, kita di Parlimen, kita melihat akhir-akhir ini kedudukan SPR sendiri dari segi mereka menjustifikasikan penambahan kerusi Parlimen yang tidak meyakinkan langsung dari segi kenyataan-kenyataan Pengerusi SPR, Setiausaha SPR sendiri membuat pelbagai kenyataan yang amat mengelirukan, dengan membuat kenyataan sebagai contoh dia menjangkakan negeri-negeri yang akan berlaku masalah akan diberikan suatu perhatian khusus - Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Pahang, Selangor.

Negeri-negeri ini dijangkakan akan berlaku kekacauan dan sebagainya. Ini merupakan antara tindakan-tindakan pada mulanya kita merasakan payah bagi kita untuk bercakap di Parlimen ini kerana kita tidak mempunyai bukti-bukti yang kukuh, tetapi sekarang dengan bukti yang ada ini walaupun SPR mengatakan dia menarik balik dan sebagainya dengan surat-menyurat yang ada ini, kita merasakan bahawa sesungguhnya kita Ahli-ahli Parlimen perlu membuat satu keputusan tentang kedudukan Pengerusi SPR, Setiausaha SPR dan kedudukan konspirasi di antara SPR dengan UMNO dan Barisan Nasional *[Tepuk]* ini untuk kita menjamin masa depan demokrasi dan pilihan raya yang ada di negara kita.

Kalaulah SPR menjadi alat kepada UMNO dalam pilihan raya yang akan datang, saya bimbang rakyat akan kehilangan kepercayaan keyakinan kepada kedudukan SPR sebagai sebuah badan bebas. Ini boleh menimbulkan sesuatu yang tidak baik di negara kita. Bagaimana kita hendak melaksanakan pendemokrasian di negara kita apabila sebuah badan yang menjadi badan bebas sedang dicabuli, sedang dijadikan kuda tunggangan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional dan konspirasi ini semua rakyat Malaysia perlu tahu akan apa yang sedang berlaku ini.

Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukuplah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya itulah yang dapat saya sebutkan, saya berharap mendapat penjelasan daripada pihak Menteri. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

6.37 ptg.

Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2003 dan Usul Anggaran Perbekalan Pembangunan Tambahan Pertama 2003 di Dewan Rakyat dan ramai daripada Ahli Yang Berhormat sekalian memberikan pandangan dan cadangan dalam perbahasan sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tidak perlulah saya menyebut satu-persatu. Di antaranya Yang Berhormat bagi Shah Alam, Kota Melaka, Sri Gading, Dungun, Gelang Patah dan lain-lain dan yang terakhirnya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang nampaknya dapat dia satu ulam yang baik hendak dijual ke bandar nanti insya-Allah.

Saya menyatakan di sini bahawa segala persoalan dan yang dibangkitkan akan saya cuba jawab. Mana-mana yang tidak sempat dijawab nanti pegawai-pegawai akan membuat catatan dan kita akan mengambil tindakan susulan di atas teguran dan pandangan serta nasihat Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tentang poster yang digunakan di dalam iklan sambutan merdeka ke-46 baru-baru ini. Kita telah menyambut Hari Kemerdekaan Ke-46 dengan baik sekali. Kita sepatutnya berbangga tentang kejayaan ini. Sebagai rakyat Malaysia, kita merasa bangga dengan pencapaian kemajuan kita setakat ini terhadap negara yang kita kasih dan cintai.

Pada masa yang sama kita semua tahu, kita jangan lupa kepada sejarah negara kita yang mana pemimpin kita telah berusaha gigih untuk mencapai kemerdekaan. Apa yang dipaparkan dalam iklan di televisyen sempena kemerdekaan tersebut hanyalah memperingati sejarah dan sejarah merupakan fakta yang tidak boleh ditukar dan harus kita mengambil pengalaman sebagai pengajaran dan panduan kita pada masa akan datang. Tugas kita sekarang Yang Berhormat ialah untuk memupuk keharmonian di kalangan penduduk semua kaum dan meneruskan suasana yang wujud aman damai yang wujud sekarang ini untuk kepentingan kita semua rakyat Malaysia dan generasi kita akan datang Tuan Yang di-Pertua.

Ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan tentang isu pendidikan dalam perbahasan ini, saya hendak menyentuh tentang isu pendidikan kerana banyak isu yang dibangkitkan tentang pendidikan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon jawapan-jawapan saya tidak semestinya mengikut ucapan-ucapan yang dibentangkan tetapi mengikut topik-topik sebab ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai perkara yang sama dan kementerian yang sama. Oleh itu, perlu saya hujah sekali mengikut kementerian-kementerian daripada menjawab mengikut perkara-perkara yang dibangkit sendiri oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Shah Alam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kota Melaka, sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua oleh kerana jawapannya tidak sama dengan pihak sana yang pagi ini begitu emosi. Walau bagaimanapun, saya masih berharap bahawa satu tindakan yang rasional boleh diambil oleh kerana apa yang saya utarakan pagi tadi ialah bahawa gambar ini memang tidak sesuai dengan mesej yang kita hendak sampaikan kepada rakyat majmuk di negara kita ini. Jadi, saya berharap lagi bahawa fahamlah mesej dan jangan putar belit seperti di mana – dan saya ucapkan terima kasih tidak putar belitkan supaya boleh bertutur, sampaikan mesej ini kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana saya sebenarnya telah mengutus satu nota kepada dia dan harap satu tindakan yang baik boleh dilakukan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan, ada perkara yang sempat saya sentuh sebagai khusus. Mana-mana

saya tidak sempat menyentuh sebagai khusus, pegawai kita di kementerian-kementerian tertentu akan mengambil kira semua pandangan dan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat untuk pertimbangan dan kajian kerajaan.

Yang Berhormat bagi Shah Alam ada membawa tentang isu pelaksanaan Kolej Komuniti di kawasan Parlimen khususnya dan untuk Kinabatangan membawa juga tentang Kolej Komuniti di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sehingga hari ini Kementerian Pendidikan telah berjaya menyiapkan sepuluh buah Kolej Komuniti yang telah beroperasi di bawah fasa projek perintis iaitu termasuk Kolej Komuniti Tawau, Sabah dan Kolej Komuniti Petra Jaya, Sarawak. Sebanyak sembilan buah lagi projek Kolej Komuniti ini di peringkat pembinaan dan dijangka siap pada awal dan pertengahan tahun 2004. Bagi Kolej Komuniti di kawasan-kawasan Parlimen yang lain, ia akan dilaksanakan setelah kajian keberkesanan dan kesesuaian selesai dijalankan.

Semakan semula sedang dibuat bagi menentukan sama ada sesuai dibina Kolej Komuniti di tiap-tiap kawasan Parlimen memandangkan sebilangan kawasan Parlimen sudah pun mempunyai institusi latihan sedemikian yang ditubuhkan oleh agensi-agensi lain seperti Institut Belia atau Institut Latihan Industri. Sebilangan kawasan Parlimen pula terlalu kecil dan mungkin sebuah Kolej Komuniti boleh menampung keperluan atau lebih kawasan Parlimen dalam kes-kes yang tertentu.

Di samping itu juga, kementerian juga sedang mengkaji sama ada keperluan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk membolehkan peruntukan-peruntukan mencukupi diperolehi bagi meneruskan projek Kolej Komuniti memandangkan projek ini merupakan projek baru dalam Rancangan Malaysia Kelapan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Cuma harapan kita di masa akan datang supaya kita tidak membuat pengumuman terlebih dahulu. Seharusnya pihak kementerian membuat penyelidikan dahulu. Malah sebaliknya pula, dibuat pengumuman kemudian baru hendak kaji balik. Jadi, macam ada tidak berapa kenalah. Dalam soal ini pada masa-masa akan datang kita meminta mana-mana pihak kementerian supaya membuat penyelidikan dan kajian dahulu sama ada relevansi projek itu ada atau tidak barulah dibuat pengumuman. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita terimalah pandangan itu.

Yang Berhormat bagi Padang Terap ada membawa perkara tentang kedudukan atau prestasi sekolah-sekolah SARS. Pemantauan kerajaan mendapati bahawa terdapat kecenderungan guru-guru di kalangan Sekolah Agama Rakyat (SAR) berpolitik. Mengajar pelajar-pelajar membenci kerajaan dan menanam bibit-bibit politik Islam militan. Saudara sesama Islam dan pemimpin negara tidak terlepas menjadi sasaran kempen kebencian oleh segelintir guru-guru SAR yang jelas bertentangan dengan Islam yang sepatutnya mengajar berbaik-baik sesama Islam. Pelajar-pelajar itu juga diajar mendendangkan lagu-lagu yang mempersendakan pemimpin-pemimpin kerajaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh saya habis dahulu, selepas itu saya akan beri peluang. Pelajar-pelajar yang lebih dewasa pula diajar menghayati lagu-lagu di antara lain mengajak mereka membenci pemimpin-pemimpin negara. Saya ubahsuai sedikit teks ini. Pelajar-pelajar SAR juga diminta menghadiri ceramah-ceramah politik dan mengadakan majlis-majlis pidato berdasarkan topik-topik yang berunsurkan penentangan kepada kerajaan dan negara. Penangkapan 25 orang Kumpulan Militan Malaysia dalam tahun 2001 mendedahkan bahawa 19 daripada mereka adalah pada satu ketika dahulu pernah belajar di SAR ataupun kemudiannya menjadi guru di SAR.

Mereka mengakui bahawa ciri-ciri militan yang diperolehi oleh mereka ditanam semasa belajar di SAR.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tahniahlah terlebih dahulu kerana dapat hadir. Kenapakah Kementerian Pendidikan memberikan tawaran kepada guru-guru SAR ini masuk perkhidmatan kementerian? Guru ini mengajar membenci kerajaan, mengajar politik militan, mengajar ajaran sesat, tiba-tiba guru ini diberikan tawaran terbuka untuk masuk perkhidmatan Kementerian Pendidikan. Bererti mereka akan mengajar ajaran sesat di sekolah-sekolah kerajaan dengan gaji yang lebih baik. Ini satu perkara yang saya menentanginya sama sekali. Kalau mereka mengajar ajaran sesat, kita beri gaji yang lebih tinggi, mengajar anak-anak kita di sekolah *main stream*, ini lagi bahaya.

Yang kedua saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi. Kalau dikatakan 20 orang ini dahulunya pernah belajar di Sekolah Agama Rakyat, kita juga akan lihat umpamanya pensyarah-pensyarah UTM yang diburu sekarang di bawah JI dan *related* dengan JI, mereka ini tidak pergi Sekolah Agama Rakyat. Mereka masuk UTM jadi pensyarah di UTM, di England, di London. Adakah kita hendak tutup UTM. Jadi, kita kena bezakan di antara.... Menteri sudah bangun, saya hormat dialah. Saya kena duduklah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya kagum dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebab dalam latihan dia dahulu sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Besar kepetahan memusing fakta itu. Kita adil, kalau tidak mahu dituduh membuang mereka, kita bertanggungjawab. Mereka ini teraniaya oleh kerana kepentingan parti politik tertentu yang memperkudakan mereka – sebab tadi Kuala Terengganu menggunakan perkataan 'perkuda', saya pun menggunakan perkataan 'memperkudakan' juga. Parti PAS memperkudakan guru-guru di Sekolah Agama Rakyat ini untuk kepentingan politik mereka. Kita tidak mahu mereka ini teraniaya oleh Parti PAS sebab itu kita mahu selamatkan mereka, bawa mereka masuk ke sekolah kerajaan. Mereka benar-benar boleh memainkan peranan sebagai guru untuk mengajar yang benar dan yang baik.

Untuk pelajar guru di ITM kita tahu, semasa mereka belajar di luar negara dahulu mereka juga terpengaruh dengan kawan-kawan yang baik dengan Parti PAS. Itu unsur militan mereka dapat dahulu, kita semua tahu. Yang Berhormat tahu, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tahu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Menggeleng kepala*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Menggeleng kepala sahaja. PAS pun rekrut Yang Berhormat dahulu semasa belajar di luar negara juga....

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hormatlah jawapan seksyen pertama itu, saya hormatlah. Masuk seksyen kedua, kait PAS dengan militan, ini satu tuduhan yang serius. Apa buktinya? Sampai hari ini CIA sendiri pun tidak pernah kaitkan lagi, tiba-tiba Menteri – eh janganlah macam itu. Baca tekslah, *go back to the text*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab Yang Berhormat mengajar saya memutarbelitkan fakta. Kuala Terengganu pun mengajar saya menggunakan perkataan 'kuda'. Saya pun terdengar perkataan 'kuda' itu, saya pun gunakan perkataan 'kuda' itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik juga kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam. Yang Berhormat bagi Shah Alam ada membangkitkan isu tentang disiplin anak-anak sekolah. Ini satu isu yang penting untuk kita semua. Ibu bapa sangat bimbang, so syabas kepada Shah Alam, kepekaan Yang Berhormat sebagai bapa. Saya malas kata 'keluarga' tetapi 'bapa'lah... [*Ketawa*]. Masalah disiplin dan salah laku di kalangan murid-murid sekolah adalah terkawal dan tidak membimbangkan. Ini satu jaminan yang kerajaan beri kepada ibu bapa dan keluarga.

Kementerian Pendidikan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menangani masalah salah laku murid seperti pertama, mengadakan kerjasama dengan polis bagi menangani masalah disiplin sekolah. Juga mengadakan permuafakatan antara PIBG dengan ibu bapa dengan pihak sekolah bagi cuba mengawal dan menangani disiplin.

Kedua, mengadakan Guru Kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara dan juga mengadakan buku panduan disiplin dan pekeliiling kepada pentadbiran sekolah. Ini usaha Kementerian Pendidikan dalam agenda penting iaitu memastikan anak-anak kita mempunyai disiplin yang tinggi dan cukup di sekolah-sekolah kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada membawa isu tentang makmal sekolah yang dewasa ini menjadi isu yang hangat dibahaskan di negara kita termasuk di Parlimen. Izinkan saya memberi sedikit latar belakang. Projek ini dilaksanakan mengikut empat peringkat. Peringkat pertama ialah mengikut projek perintis, cuba 18 buah makmal dahulu dan di enam negeri dicuba sebagai perintis. Selepas itu diadakan peringkat kedua atau Fasa 1, peringkat ketiga Fasa 2 dan peringkat keempat Fasa 3.

Lantaran dari itu dalam fasa yang pertama sebanyak 2,400 makmal komputer dirancang untuk dibina secara *design and build*. Dan daripada 2,400 yang dirancang untuk Fasa 1, dan 2, sebanyak 132 buah telah selamat dibina dan sekarang sedang digunakan. Fasa 3 iaitu peringkat ketiga Fasa 2, 2000 buah makmal komputer dibina di bawah Fasa 2 dan Fasa 3 sebanyak 1151 buah akan dibina di bawah Fasa 3. Itu sebagai latar belakang, Tuan Yang di-Pertua.

Khususnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, seperti yang saya katakan tadi daripada 2096 buah yang telah disiapkan, yang beroperasi 80%. Makmal yang sedang dibina berjumlah 400 buah itu yang masih belum siap adalah di beberapa negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sarawak.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka iaitu makmal di Melaka hanya satu yang siap dan 61 belum lagi siap. Benar! Makmal yang siap ialah di Sekolah Menengah Kebangsaan Nanning, 61 lagi telah dilantik kontraktornya dan dijangka siap dalam bulan Julai, sepatutnya dalam peringkat terakhir sekarang ini dan 80% berada dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun ini sekiranya tiada masalah berbangkit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ingin mengucapkan syabas kerana kerajaan yang telah mengambil langkah-langkah untuk memantau dan menyelesaikan masalah makmal komputer ini. Sebagai seorang Menteri yang bertaraf jurutera....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dengar dahulu. Seorang Menteri yang ada *skill* jurutera, saya hendak tanya Yang Berhormat, mampukah dan apa kebaikannya satu kontraktor menyelesaikan projek yang bertaburan di seluruh negara. Mana baiknya satu kontraktor dilantik dengan taburan-taburan projek berjuta-juta di seluruh negara ataupun diagih-agihkan mengikut negeri-negeri. Jadi, daripada.... [Disampuk] Ha! itulah dengar dahulu. Inilah *backbenchers* 'reglemen', bukan macam sana semua *negative thinking*. Kita di sini positif. Kita hendak soal kita punya kementerian.

Apa buruk baiknya dan mampu kah sebagai pandangan seorang jurutera, satu kontraktor diberi projek berjuta-juta ringgit yang bertaburan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kalau tidak mampu, apa langkah kerajaan seterusnya?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Ahli Parlimen yang canggih. Sebab itu kita ada dua skim, dua kaedah. Kaedah Fasa I kita beri kepada enam kontraktor dan pengalaman daripada Fasa I kita ubah di dalam Fasa 2. Fasa 2 diagihkan kepada kontraktor Kelas 'F' di mana pengurusannya juga adalah PMC.

Dan juga Fasa yang ketiga diubahsuai supaya penyeliaan dibuat oleh JKR sendiri dan menggunakan juga kelas-kelas 'F', bermakna kita mempelajari pengalaman yang lalu

dan kita ubah suai dan sesuaikan supaya kita mendapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang lalu supaya di masa hadapan akan terus berjaya, tidak ada masalah seperti yang berlaku di fasa yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Shah Alam juga membangkitkan tentang isu kualiti dan kemahiran guru yang ditempatkan di luar bandar....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau Yang Berhormat sudah habis jawab ucapan saya, saya terperanjat kerana begitu banyak yang telah saya bangkitkan belum dijawab. Tetapi sebelum saya timbulkan semula, yang pertama berkenaan dengan kes di Melaka. Tadi saya sebut di Melaka, pada 31 Julai tahun ini, Yang Berhormat Ahli Exco, Dato' Haji Long Said telah berkata hanya satu siap dan yang lain dia pun tidak tahu di mana kontraktor.

Jadi, sebenarnya kalau jawapan itu mengatakan bahawa peringkat akhir bulan Julai, itu tidak betul. Kalau betul takkanlah seorang Ahli Exco akan berkata secara terbuka bahawa beliau pun tidak tahu ke mana perginya kontraktor. Jadi, boleh *check* balik jawapannya. *[Ketawa]*

Kedua, saya ada timbulkan banyak soalan yang penting berkenaan tuduhan yang telah dibuat ke atas KSP di mana ia ada tuduhan mengatakan bahawa kontraktor telah diberikan nilai kontrak yang terlalu tinggi, di samping itu mereka sebenar bukan kontrak kerja yang berdaftar dengan CIDB dan PKK dan juga Bellgrand mengikut *rating* di laman web CIDB cuma dapat *rating G4 – tendering capacity* RM3 juta dan dapat jadi kontraktor bagi *East Zone* membina 500 buah makmal, dapat kontrak bernilai RM140 juta ringgit, walaupun tender dan kapasitinya RM3 juta sahaja. Sila jawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Kita, enam kontraktor yang dipilih. Kita telah meminta mereka untuk menjalankan projek perintis – *trial project*, dengan izin. Mereka mampu melaksanakan projek perintis ini. Jumlah yang kecil yang 18 buah makmal dan prestasi daripada projek perintis ini, mereka dapat menjaya dan melengkapkan, menghabiskan, melaksanakan projek dengan berjaya. Atas asas inilah diberikan lagi sekolah yang baru supaya mereka melaksanakannya. Itu asas perkiraan pemilihan pada ketika itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu pertanyaan ringkas. Mengapa hanya enam syarikat ini dipilih sebagai syarikat perintis dan syarikat-syarikat lain yang dimiliki oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Barisan Nasional umpamanya tidak dipilih?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini sebab apa, Ahli-ahli Parlimen, mereka ini berpolitik bukan berniaga. Ini Ahli Parlimen Barisan Nasional, tidak tahulah Ahli Parlimen PAS hendak berniaga, saya tidak tahulah. *[Ketawa]* Isu yang saya hendak sentuh sekarang, Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya? Sudah jawab. Okey, apa yang saya tidak jawab? Sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya setuju memang saya pun tahu di sini ada enam syarikat telah ditawarkan oleh UPU untuk menyertai projek perintis di 18 buah sekolah. Berikutnya itu kita faham tetapi ada tuduhan yang mengatakan mengapa boleh Bellgrand dan dari kapasiti RM3 juta diberikan projek bernilai RM140 juta ada tuduhan bahawa syarikat-syarikat ini yang kurang berupaya terutama dari segi modal pusingan sedangkan

nilai kontrak yang diberikan adalah terlalu tinggi dan mereka juga bukan kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB dan PKK.

Ini semua tidak jawab. Betul atau tidak? Saya pakai rasional bagaimana boleh bagi kepada Bellgrand.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan mesyuarat.**

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya sudah jawab tadi. Saya kata, kaedah kita menilai kapasiti satu pemborong dan kadang-kadang walaupun syarikat itu berdaftar tetapi kapasitinya belum kita tahu. Daftar mungkin tujuh tahun atau 10 tahun dahulu. Sebab itu kapasiti yang semasa, kita bagi dia projek perintis. Kalau dia boleh bina projek perintis dengan baik dan dengan sempurna, nanti kita boleh timbang projek yang lain. Itu kaedah yang kita gunakan pada ketika itu.

Umumnya seperti juga khusus untuk Syarikat Bellgrand, Menteri Pendidikan telah mengumumkan, kita telah menamatkan khidmat mereka untuk sekolah-sekolah di Pantai Timur. Tindakan sudah diambil kepada mereka. Namun demikian, keputusan mereka yang terpilih pada ketika itu berasaskan kepada kapasiti yang kita lihat mereka boleh semasa kita bagi projek perintis kepada mereka.

Kadang-kadang kita tahu berdaftar mungkin suatu masanya terdaftar 10 tahun dahulu. Sekarang ini mungkin kapasitinya berubah. Sebab itu elok kita mengadakan satu penentuan kapasitinya melalui melaksanakan projek perintis. Kita tahu kedudukan sebenar kapasiti dan keupayaan mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Boleh saya beralih kepada....

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi lagi yang itu, ya?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya rasa, kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu bagi jawapan yang sempurna, saya pun tidak boleh buat apa. Saya cuba, *last* sekali sahaja. Yang pertama, bagaimana Bellgrand boleh diberikan *tendering capacity* melebihi *tendering capacity*, saya rasa jawapan itu tidak memuaskan.

Yang kedua, pendaftaran dengan CIDB dan PKK, mengapa KSP kalau dialah orangnya yang telah membuat keputusan boleh melebihi kuasanya sedangkan Akta CIDB mengatakan bahawa hanya Menteri Kerja Raya yang boleh memberikan *exemption* dan sama juga dengan PKK. Kalau betul tuduhan bahawa ada syarikat yang tidak berdaftar dengan PKK, hanya Menteri *Entrepreneurs Development* yang boleh memberikan *exemption*, adakah KSP telah membuat keputusan tanpa mematuhi peraturan seperti dokumen yang saya tahu ramai Ahli Parlimen yang sudah dapat. *I think you are trying to run away from the real problem.*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Seperti yang saya katakan tadi Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka, dalam penentuan keupayaan sesuatu syarikat, kita kena menilai kapasitinya. Kita menilai kapasiti syarikat ini melalui projek perintis. Mungkin begitu juga....

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya beralih kepada

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu isu yang kita semua tahu dan ramai daripada kita rakyat Malaysia rasa bimbang tentang isu kualiti dan kemahiran guru-guru yang ditempatkan di luar bandar agar ia setara dengan guru-guru di bandar terutama sekali dalam dasar baru kerajaan untuk melaksanakan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Ini usaha baik murni kerajaan. Oleh kerana itu kementerian akan menyediakan guru-guru yang berkemahiran ICT untuk memastikan mereka boleh mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan akan menyediakan satu kaedah di mana akan menggunakan kaedah komputer atau menggunakan *teaching courseware* di mana pengajaran Matematik dan Sains ini akan diajar melalui komputer supaya dengan cara penggunaan komputer dan *courseware* ini akan meningkatkan keupayaan guru-guru kita untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di luar bandar.

Di samping itu juga, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan beberapa program dengan memberi tumpuan tertentu khusus kepada sekolah-sekolah yang berprestasi rendah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan dalam isu Kementerian Pendidikan ini, adalah isu sekolah SJKC yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin yang telah memberikan *respond* kepada soalan yang saya bangkitkan tentang bagaimana untuk mempertingkatkan lagi kemudahan pelajar-pelajar di luar bandar. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kerajaan akan terus memberikan perhatian yang serius dalam menetapkan ini. Saya tidak ada halangan untuk menyokong permintaan untuk meluluskan peruntukan tambahan ini kerana walaupun RM1 bilion dikhususkan untuk pendidikan.

Tadi saya sebut bahawa setiap RM1 yang kerajaan keluar belanja, 25 sen adalah untuk pendidikan. Ini satu pelaburan yang cukup besar. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan untuk hendak mempertingkatkan ICT di kalangan pelajar-pelajar sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Saya yakin usaha murni kerajaan untuk mengadakan makmal komputer ini ke arah matlamat untuk menjadikan pelajar-pelajar kita celik komputer. Tetapi selalunya Yang Berhormat, saya hendak minta maaf, kita ada dasar polisi yang baik, sepatutnya soal menyediakan makmal ini akan memberikan manfaat yang besar kepada seluruh rakyat tetapi oleh kerana operasi pelaksanaan kadang-kadang tersekat, itu menyebabkan ada kepentingan.

Saya juga sebut tadi, bagaimana kerajaan bercakap untuk mempertingkatkan *delivery system*, dengan izin, yang ada dalam kerajaan kita. Kita rasa bangga bahawa kita merayakan kemerdekaan di Putrajaya. Satu hadiah yang cukup besar kepada kakitangan kerajaan.

Tetapi saya fikir, Yang Berhormat, orang yang bertanggungjawab untuk menguruskan dana negara untuk mempertimbangkan bagaimana untuk ada *upgradation*, dengan izin, terhadap kakitangan kerajaan. Yang saya tahu ada yang bekerja di tahap *time scale* 11 tahun, 15 tahun yang terperangkap dalam proses kenaikan pangkat. Mungkin duit tidak cukupkah ataupun peraturan di peringkat JPA itu sendiri mengekang mereka untuk naik pangkat. Kita bercakap tentang *delivery system*.

Putrajaya satu benda yang cantik, indah, hebat tetapi Yang Berhormat, saya tidak tahulah Pejabat Daerah Rompin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Mungkin Pejabat Daerah Rompin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Perkara ini belum dijawab lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat perlukan untuk dijawab.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tadi, saya cakap *delivery system* tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tadi Yang Berhormat cakap, saya hendak sebut sini. Saya sebut dalam kawasan saya, Pejabat Daerah Klang, 20 tahun dahulu dengan sekarang serupa juga. Jadi saya mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan dan mutu kerajaan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam, kepekaan Yang Berhormat tentang isu ini. Mamang benar kalau kita melihat dari segi matlamat kita untuk meningkatkan anak-anak kita untuk mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris supaya mengangkat martabat anak Malaysia menjadi suatu negara yang maju.

Delivery system ini amat penting khususnya dalam ini tiga perkaralah, penyeliaan makmal, penyeliaan alat-alat seperti komputer dan guru. Tiga komponen ini perlu. Kalau mana satu terjejas, kita tidak mampu boleh menghantar apa yang kita mahu tadi iaitu penghantaran ilmu kepada anak kita.

Itu memang benar perlu dilihat yang sebenar tadi, kita dalam Kabinet telah menubuhkan satu Jawatankuasa tiga kementerian – Dato' Seri S. Samy Vellu dipengerusikan oleh Kementerian Pendidikan, Dato' Seri S. Samy Vellu dan saya sendiri. Melihat kepada tiga komponen ini, sebab apa nanti ketiga-tiga komponen itu sebagai *delivery system* kita memastikan hasrat kita untuk meningkatkan ilmu anak kita ini dalam bidang Sains dan Matematik akan berjaya dengan kaedah baru penggunaan komputer.

Itu memang benar dan juga benar Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam, bahawa peranan guru amat penting sekali dan penghargaan wajar diberi kepada mereka tentang dedikasi mereka untuk mengubah kaedah supaya mengangkat martabat anak kita ini. Jadi wajarlah kita memberikan penghargaan kepada guru-guru di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, isu sekolah SJKC, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah menjelaskan berhubung dengan permohonan pembinaan SJKC Pu Sze (2), harap saya sebut dengan benar, dengan betul kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Kalau Yang Berhormat mahu maklumat yang lebih, sila hubungi Kementerian Pendidikan.

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, bagi jalan. Sila Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua. Tadi dalam perbahasan saya, saya sudah beritahu saya sudah dapat jawapan tetapi jawapan itu tidak tepat. Saya minta Sekolah Cina yang baru Pu Sze (2) tetapi jawapan dalam surat pertama kata sudah ada lima Sekolah Kebangsaan, tidak perlu ada sekolah baru seperti Pu Sze (2).

Kali yang kedua bila saya jawab surat itu mengatakan jawapan itu tidak tepat, tidak profesional, tidak kena tempatnya kerana jawapan diberikan bukan apa yang saya mahu dan sekarang pada bulan lalu dia baru menjawab kata bahawa ada lapan buah Sekolah Kebangsaan, lima buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di sana dan sebenarnya di Skudai, cuma ada tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Tadi saya sudah bahas, saya tidak mahu buang masa, sudah masuk *Hansard*.

Tetapi ini jawapan daripada sebuah kementerian, pegawai tinggi sama ada mereka ada turun padang atau duduk dalam bilik *air-condition*, jawab sesuka hati sahaja.

Di sana cuma ada tiga buah sekolah Cina, dia boleh kata lima. Ini nampaknya tidak ikhlas, ini bukan cara kita kerja, sebab itu saya katakan Kerajaan Barisan Nasional liberal tetapi masalahnya kita ada segelintir pegawai kerajaan yang tidak peka dan prihatin dan tidak berjiwa rakyat. Kemungkinan dihasut ya apa?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Chang See Ten: Oh, ini bukan saya cakap, Yang Berhormat bagi Shah Alam kata kemungkinan dihasut oleh pembangkang, sampai mereka boleh buat beri jawapan yang tidak tepat sampai orang yang salah faham terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu ini adalah satu perkara yang amat penting, kita perlu menerima hakikat bahawa keperluan sekolah Cina. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siasatlah Yang Berhormat.

[Yang Berhormat Bagi Batu Gajah duduk di sebelah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Batu Gajah dia boleh berkongsi kerusi Bukit Mertajam. *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah, amat sensitif kepada pendidikan orang Tionghoa.

Kalau tadi ada tuduhan daripada pihak tertentu mengatakan hanya kumpulan tertentu sahaja sensitif kepada pendidikan Tionghoa, ini tidak benar, jadi syabas kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Mungkin apa yang berlaku ialah mungkin salah maklumat antara kementerian dengan Ahli Yang Berhormat. Saya rasa ini bukan salah mana-mana pihak termasuk pegawai kita. Insya-Allah, saya akan siasat dan maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, tidak payah soal Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukit Mertajam dia riak dan rancak sikit hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Padang Terap membangkitkan isu prestasi pelajar SAR.

Tidak dinafikan ada sebilangan kecil SAR yang mempunyai prestasi yang dianggap baik, namun demikian pada keseluruhannya prestasi SAR adalah terbelakang jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, dalam PMR 2002 peratus pelajar SAR yang mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran adalah 0.2% sahaja iaitu paling rendah jika dibandingkan dengan 3% sekolah kebangsaan, 15.9% sekolah menengah agama, 63.2% di sekolah berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan bahawa prestasi yang amat rendah di kalangan Sekolah Agama Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu pula lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang pula iaitu isu pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini dia hendak umumkan dia calon Naib Presiden PAS ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sila, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi ikut jawapan Menteri, ada Sekolah Agama Rakyat yang prestasinya baik, ada juga prestasinya sangat rendah.

Bagi sekolah yang berprestasi baik ini, adakah kerajaan bercadang hendak beri balik ban tuan per kapita dan bagi sekolah yang berprestasi rendah ini lebih baik kita beri lagi bantuan per kapita supaya prestasi dia naik. Boleh atau tidak timbang untuk beri semula bantuan per kapita ini?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sanggup, kalau diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang, isu pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang tetapi tidak memperoleh kursus yang dipohon di IPTA. Bagi pelajar-pelajar yang gagal memperolehi kursus pilihan mereka di IPTA adalah disebabkan kerana kursus-kursus yang dipohon mempunyai tempat yang terhad. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar tersebut ditawarkan kursus lain.

Selain daripada itu terdapat juga calon yang memilih kursus yang tidak sesuai dengan kombinasi mata pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Ahli Yang Berhormat yang lain yang juga menyertai perbahasan kita pada hari ini.

Saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bentong. Ahli Yang Berhormat bagi Bentong bertanya adakah hanya pelajar bukan bumiputera sahaja yang belajar di sekolah kebangsaan layak masuk ke program matrikulasi.

Kemasukan pelajar ke program matrikulasi adalah berdasarkan kepada kelayakan SPM. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa pelajar yang mengikuti Sistem Pendidikan Kebangsaan dan menggunakan Kurikulum Kebangsaan tanpa mengira keturunan, layak untuk memohon memasuki program matrikulasi.

Ahli Yang Berhormat bagi Bentong juga membawa isu sama ada Sijil Matrikulasi diiktiraf oleh universiti-universiti luar negara. Lulusan matrikulasi luar negara kita memang diiktiraf di beberapa buah negara maju sebagai contohnya Australia, New Zealand dan Ireland. Kementerian menjemput pakar-pakar dari negara-negara lain sebagai ahli panel penilaian kita. Memang sudah ada pelajar-pelajar lepasan matrikulasi melanjutkan pengajian ke negara-negara tersebut khususnya dalam bidang perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bentong juga mencadangkan diperluaskan publisiti tawaran untuk memasuki matrikulasi. Tawaran untuk memasuki Program Matrikulasi diiklankan dalam akhbar-akhbar utama. Selain itu, pihak sekolah juga diminta memaklumkan kepada anak-anak kita supaya mereka memohon borang untuk memasuki Program Matrikulasi secara berkelompok untuk memudahkan pelajar-pelajar mendapat borang tersebut dan mengemukakan permohonan melalui pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kemaman menyentuh mengenai tindakan kawalan harga yang boleh menyukarkan syarikat-syarikat perisian yang baru untuk berdaya saing. Yang Berhormat juga menyentuh isu di mana Malaysia dikatakan merupakan pengeksport VCD haram terbesar di dunia dan beliau meminta pandangan tentang perkara ini.

Sejak isu penjualan CD dan VCD haram dibawa kepada perhatian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk membanteras gejala ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu pasukan petugas membanteras cetak rompak yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri dan dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang menjalankan kegiatan-kegiatan penguatkuasaan serta pihak industri hak cipta telah mengambil beberapa langkah yang positif.

Baru-baru ini semua agensi kerajaan berkenaan telah meningkatkan kegiatan penguatkuasaan seperti yang dilaporkan secara besar-besaran dalam media. Buat masa ini peristiwa penjualan VCD dan CD haram secara terbuka tidak lagi berlaku.

Walau bagaimanapun, kementerian akan terus menjalankan usaha-usaha penguatkuasaan. Di samping itu, kementerian telah juga mengenal pasti punca berlakunya kegiatan cetak rompak. Antara lain harga yang mahal bagi CD, VCD tulen menggalakkan pengguna supaya memilih VCD dan CD cetak rompak yang sangat murah.

Jemaah Menteri telah mengarahkan kementerian supaya mengkaji isu harga dan kementerian telah meminta sebuah syarikat perakaunan supaya menjalankan satu kajian. Hasil kajian akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk membolehkan membuat satu keputusan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah yang berlaku dalam percetakan haram, VCD haram, perjudian haram ialah mereka ini terdiri daripada ketua-ketua cawangan parti-parti tertentu yang merupakan sebahagian daripada parti pemerintah. Jadi sebab itulah kegiatan mereka dilindungi dan mereka juga merupakan orang-orang yang banyak memberi rasuah kepada penguat kuasa undang-undang. Jadi macam mana kita hendak membanteras kegiatan-kegiatan sedemikian? Mereka merupakan *sponsor-sponsor* dan malah menjadi *sponsor* kepada calon-calon daripada Barisan Nasional pun dalam pilihan raya.

Jadi, hendak banteras dia ini cukup payah. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat mengenai cara yang paling berkesan ialah hapus semua sekali, hapus juga pengaruh mereka dalam parti politik, kalau tidak keadaan akan menjadi makin parah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Kemaman ini kadang-kadang hujah dia ilmiah. Tetapi kadang-kadang karutlah dan dengan tuduhan yang liar. Kalau Yang Berhormat ada perkara yang tertentu, bolehlah menulis terus kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun. Ini masalah air yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun, saya merasa bimbang juga dengan pandangan Yang Berhormat bagi Dungun yang membayangkan dia tidak menyebelahi negaranya sendiri, menyebelahi negara yang lain. Ini kerana politik dekat pilihan raya ini, lain rentaknya. Beliau terpengaruh dengan dakwah dari negara Singapura mengenai isu air dengan meragui maklumat kita sendiri daripada MTEN. Bagaimana sebuah negara boleh membayar tiga sen bagi 1,000 liter air untuk satu tempoh yang sangat panjang dan tidak dikaji semula?

Dalam apa keadaan sekali pun dan apa pun hujah yang diberi, kadar ini amatlah tidak munasabah, malah tidak masuk akal.

Tentang rasuah politik, kita kena tanya diri sendiri. PAS sendiri pun menggunakan isu agama untuk kepentingan politik sendiri. Janganlah kita lupa menuding satu jari menuduh orang, tiga jari menuding diri kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Janganlah guna isu agama ini sebagai rasuah politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, sedikit sahaja. Yang Berhormat ada menyebut tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah persoalan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi, yang menyentuh berkenaan dengan MATEN mengeluarkan seolah-olah rahsia kebodohan Kerajaan Malaysia waktu itu, yang disebutkan dengan secara *detail*, dibaca di hadapan kita sebentar tadi.

Apakah Yang Berhormat merasai perkara ini tidak patut ataupun patut, pihak MATEN mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menampakkan kebodohan kita waktu itu oleh kerana kepentingan politik negara?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: MATENkah atau M-TEN? .

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: MTEN.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Oh, MTEN. MTEN?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: M-10 ya? Tuan Yang di-Pertua, memang benar sekarang PAS dikuasai, kena arah kepada Terengganu, semua banyak menyokong sekarang perpindahan Terengganu, kalau dahulu arahnya ke Kedah.

Tentang isu yang dibangkitkan tadi, tentang pada ketika itu, pada ketika itu air - Singapura di bawah negara kita sebagai satu Persekutuan. Pada ketika itu fikirannya lain. Tetapi sekarang ini kita sudah ada kaedah yang lain, sebab itu fikiran kita berbeza, ya Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih semula kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri lagi, hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Pindah kepada?

Tuan Husam bin Haji Musa: Air!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terengganu juga. Ini calon Naib Presiden juga ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu kos pengiklanan air oleh MTEN tadi, berapakah kosnya, dan adakah dibuat satu kajian *opinion the pool* umpamanya. Apakah kesannya? Pasal saya sendiri saya baca, kesan saya ialah Kerajaan Malaysia ini lemah, semua fakta dipaparkan, menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia tidak mampu berunding dengan jirannya, pada hal sumber air itu dalam negara kita.

Jadi, saya mencadangkan kalau Yang Berhormat tidak boleh berunding, kita *assign* satu pihak luar, pihak ketiga untuk membuat perundingan ini. Jadi, berapa kos pengiklanan itu dan apa kesannya. Dan saya yang terakhir saya hendak penjelasan - buku mengenai penjelasan fakta-fakta air yang telah diputarbelitkan mengapa dijual hanya tiga sen, baik beri *free* sahaja. Bila kita jual tiga sen, air kita jual tiga sen, buku jual tiga sen, mentaliti kita ialah mentaliti tiga sen. Minta maaf!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah kaedah komunikasi, hendak memberi mesej bahawa tiga sen itulah kos yang Singapura membayar kepada kita yang amat tidak adil sekali. Ini kesan kita hendak maklum kepada orang ramai. Tentang isu kos, itu spesifik, saya akan jawab kemudian iaitu dari segi spesifik kos untuk membiayainya. Dan kalau kita lihat daripada Singapura, ia memang dalam suasana..., saya tidak boleh hujah panjang, sebab di bawah *arbitration* sekarang ini dan oleh itu, saya tidak perlulah ulas lebih panjang lagi. Tetap kalau ada spesifik, boleh buat surat, saya akan cuba jawab.

Kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, masalah disiplin di sekolah mengapa Pengetua sengaja menutup kes-kes disiplin. Adalah tidak benar dakwaan bahawa pihak sekolah atau Kementerian Pendidikan sengaja menyembunyikan kes-kes disiplin. Ya, Batu Gajah sudah hilang dah? Hah ada!

Sebagai contoh, pelajar-pelajar yang terlibat telah diambil tindakan, seperti digantung dan dibuang sekolah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa untuk menangani masalah disiplin dan ahli-ahlinya, termasuk pakar-pakar psikologi.

Yang Berhormat bagi Peringat telah membawa isu sejauh manakah keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa membuat semakan kurikulum dari semasa ke semasa agar ia relevan dan memenuhi tuntutan dan keperluan masa hadapan. Kurikulum tersebut telah disemak pada tahun 2003, yang memberi penekanan kepada matlamat untuk melahirkan Muslim yang menguasai ilmu fardu ain, memahami tuntutan fardu kifayah, berakhlak mulia dan sentiasa berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Di samping melahirkan generasi Muslim yang kukuh iman, kurikulum tersebut disisip dengan unsur-unsur amalan sikap untuk membina ketahanan diri yang utuh, berdaya juang, berdaya saing dan berdaya maju, Tuan Yang di-Pertua.

Saya menyentuh pula perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau yang memohon supaya dikaji semula syarat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian atas cadangan Yang Berhormat supaya dikaji syarat kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT).

Yang Berhormat bagi Bentong juga membawa isu tentang PBT menjalankan kerja kutipan sampah dan cukai pintu. Bagi kawasan yang dilaksanakan oleh syarikat swasta, PBT dan KPKT sentiasa memantau prestasi syarikat tersebut bagi menepati tahap yang ditetapkan. Bagi kawasan yang dilaksanakan oleh PBT, langkah-langkah sewajarnya sentiasa diambil bagi mempertingkatkan prestasi kutipan sampah. Bagi kutipan cukai pintu, pada keseluruhannya prestasi adalah amat menggalakkan. Prestasi kutipan adalah melebihi 80 peratus, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, PBT sentiasa menggunakan beberapa kaedah dan inisiatif untuk menggalakkan orang ramai membayar cukai pintu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bentong juga mencadangkan supaya cukai pintu tidak dikenakan bagi kawasan tanah lapang dan ladang. Cukai pintu adalah merupakan salah satu sumber pendapatan PBT bagi membiayai kos penyelenggaraan dan perkhidmatan kawasan di bawah kawalannya. Oleh itu semua hartanah yang dimiliki oleh individu atau syarikat termasuk tanah lapang dan ladang yang berada di kawasan PBT dikenakan cukai pintu untuk nilai harta yang berkenaan. Pengecualian bayaran cukai pintu adalah terletak di bawah bidang kuasa dan budi bicara pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan isu mengenai pencemaran air mentah di Sungai Langat dan meminta kerajaan supaya memberikan tumpuan yang lebih serius untuk memantau tahap pencemaran di sungai tersebut. Di negara ini kualiti air yang dibekalkan kepada para pengguna adalah menepati tahap piawaian tinggi yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan garis panduan kebangsaan mengenai air minuman oleh Kementerian Kesihatan. Semua Pihak Berkuasa Air Negeri sentiasa memberi keutamaan yang tinggi bagi memastikan bekalan air untuk kegunaan orang ramai bebas dari kandungan bakteria, ammonia dan bahan-bahan galian beracun lain seperti raksa, arsenik dan *cyanide*.

Mengenai pencemaran sumber air mentah di Sungai Langat, ingin saya jelaskan bahawa tahap pencemaran air di sungai tersebut pada masa kini adalah masih dalam keadaan terkawal. Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) Bhd, melalui operator, Puncak Niaga Sdn Bhd sentiasa memantau tentang tahap kekeruhan dan kandungan ammonia di sungai tersebut. Sekiranya sumber air mentah dari sungai itu didapati tercemar melebihi dari tahap yang ditetapkan, kerajaan melalui Pihak Berkuasa Air Negeri akan mengambil langkah pencegahan serta-merta termasuk menutup operasi loji rawatan yang terlibat. Jika keadaan ini berlaku, PUAS akan memaklumkan tentang gangguan bekalan air kepada para penduduk kawasan yang terlibat. Langkah-langkah jangka pendek akan diambil segera termasuk menghantar bekalan air melalui lori-lori tangki kepada penduduk yang mengalami gangguan bekalan air, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Tebrau membangkit

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan berkaitan dengan pencemaran sungai itu. Apa yang saya maksudkan, walaupun langkah-langkah telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran sungai, tetapi keadaan masih agak teruk hingga menyebabkan loji pembersihan air di Batu 11 Cheras terpaksa ditutup kerana pencemaran. Jadi, dengan demikian bekalan air kepada pengguna telah terputus beberapa kali.

Contohnya seperti pada tahun ini, sehingga hari ini sudah tujuh kali loji tersebut ditutup, yang mana ia menjejaskan kehidupan bukan sahaja pengguna-pengguna di rumah kediaman tetapi juga aktiviti-aktiviti ekonomi seperti di kilang-kilang dan kedai-kedai makanan. Maka cara manakah untuk mencegah supaya kejadian bekalan air yang kerap terputus ini tidak berlaku? Saya minta penjelasan mengenai cara manakah untuk meminimumkan penutupan loji supaya bekalan air kepada pengguna-pengguna di kawasan Balakong tidak kerap terganggu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Kita menghayati kepekaan Yang Berhormat bagi Serdang tentang bekalan air yang terputus, tahun ini sudah tujuh kali, kepada pengguna, pengilang-pengilang dan peniaga kecil. Saya akan sarankan supaya pihak PUAS berhubung terus dengan Yang Berhormat mengenai penjelasan dan tindakan seterusnya supaya perkara yang berlaku, seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, tidak akan berlaku lagi di masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tebrau membangkitkan isu masalah JPJ menahan van-van kilang tanpa permit kerana ia menjejaskan pendapatan pemilik van. Yang Berhormat mencadangkan supaya dikenakan tindakan mengkompaun sahaja dan dilepaskan. Bagi menjaga kepentingan pemilik van kilang yang sah dari segi undang-undang yang ada permit di bawah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), tindakan di bawah akta tersebut memastikan penahanan untuk mencegah dari kesalahan terus berlaku. Cadangan untuk 'kompaun dan lepas' seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau tidak dapat dilaksanakan. Namun demikian cadangan ini akan dibawa kepada pihak LPKP untuk pertimbangan mereka pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran membawa isu jalan-jalan besar di Sabah telah *over-used*, dengan izin. Beliau meminta supaya ianya dinaikkan taraf untuk menampung tambahan kenderaan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa peka dengan keperluan jalan-jalan di Sabah, dan dalam Rancangan Malaysia Yang Kelapan, peruntukan anggaran sebanyak RM1 bilion telah disediakan khusus untuk menaik taraf dan memperbaiki jalan-jalan di Sabah. Antara jalan-jalan utama yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Yang Kelapan adalah seperti berikut:-

- (i) Menaik taraf Jalan Keningau/Kimanis;
- (ii) Pembinaan jalan dari Sapulut/Kalabakan;

- (iii) Membina Jalan Telupit/Onggot dan Linayukan; dan
- (iv) Membina Jalan Sipitang/Tenom.

Beberapa projek jalan sedang dalam pembinaan dan boleh digunakan tidak lama lagi. Projek-projek tersebut ialah:

- (i) Membina jalan pantai Kampung Selamat ke Mentelilit;
- (ii) Membina jalan dari Nangoh/Kanibangan;
- (iii) Menaik taraf jalan dari Keningau ke Nabawan; dan
- (iv) Menaik taraf jalan dari Nabawan ke Sapulut.

Kerajaan membina dan menaik taraf jalan dan juga sentiasa memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan dengan memperbaiki cerun-cerun dan juga menggantikan jambatan-jambatan yang uzur dan sempit di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran adalah mengenai perihal Air Asia yang mengiklankan tambang-tambang murah tetapi pada hakikatnya tambang-tambang murah tersebut sukar diperolehi dan ditawarkan hanya kepada 10 peratus penumpang sahaja. Yang Berhormat bagi Beluran meminta supaya kerajaan mengawasi tambang yang ditawarkan oleh Air Asia.

Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memantau dan mengawal tambang bagi semua syarikat penerbangan. Air Asia mempunyai beberapa kategori tambang dan mereka mengamalkan "Siapa cepat dia didahulukan" sebagai strategi pemasaran mereka. Walau bagaimanapun, tambang-tambang murah yang ditawarkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Maklumat tentang syarat-syarat ini boleh diperolehi, sama ada daripada internet atau terus dari perkhidmatan kaunter Air Asia. Kerajaan, melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa memantau iklan-iklan dalam media massa supaya ia tidak mengelirukan pengguna. Ini termasuklah iklan-iklan yang dibuat oleh Air Asia berhubung tambang-tambang murah yang diiklankan oleh syarikat tersebut.

Hasil pemantauan kerajaan, adalah didapati tidak berlaku penyelewengan dalam iklan yang disiarkan. Syarikat tersebut menunaikan janji yang diiklankan. Keraguan mungkin berlaku di kalangan pengguna tentang sesuatu tambang murah yang dihadkan kepada bilangan tempat duduk tertentu dalam sesuatu penerbangan. Dalam hubungan ini, pihak syarikat telah diminta supaya memberi penerangan atau promosi yang lebih jelas kepada pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Itu yang saya hendak sebut tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Beluran tentang *misleading advertisements*. Saya sendiri ada tiga empat orang yang datang berjumpa saya membuat *complaint*, dan satu kes yang spesifik yang berlaku di depan mata saya sendiri di Airport Kuala Terengganu. *Check-in time* dia sampai, flight pukul 8.30, dia sampai pukul 8.00. Ada sekumpulan orang-orang buta, rombongan orang-orang buta, mereka sampai lebih kurang pukul 8.05, lewat lima minit sahaja sedangkan kapal terbang masih ada di landasan atau *terminal*, tetapi tidak dibenarkan sekumpulan orang-orang buta itu untuk *check-in* kerana lewat lima minit daripada waktu yang ditetapkan.

Begitu juga Yang Berhormat Menteri, kebanyakan orang yang mengambil peluang ini ialah kerana tertarik dengan *advertisement* mengenai tambang murah yang ditawarkan – RM29, RM39, RM49, dan kebanyakan daripada mereka tidak membaca syarat-syarat yang

ada itu. Dia beli tiket, tiba-tiba tidak boleh naik *flight on that day*, hari itu, dengan izin. Dia tidak tahu yang tiket itu tidak boleh dipakai langsung lagi. Itu menimbulkan banyak ketidakpuasan hati di kalangan pengguna yang saya sebutkan tadi kerana ada *misleading* sedikit dari segi *advertisement* yang dibuat itu. Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih maklum balas daripada Yang Berhormat tentang isu yang dibangkitkan. Kita akan minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menyiasat perkara ini, dan sewajarnya perkara ini tidak berlaku kerana ia menimpa kepada anak orang-orang kita yang kurang upaya. Terima kasih Yang Berhormat kepada maklum balas yang diberi.

Yang Berhormat bagi Bentong menimbulkan tentang caj IWK. Untuk makluman Yang Berhormat, pewujudan caj pembedaan premis komersial telah diluluskan oleh kerajaan pada Oktober 1999, iaitu setelah tiga kali kita kaji semula kadar-kadar itu. Malah dalam ulang kaji itu, caj pembedaan pelanggan komersial telah diturunkan di antara 5 peratus hingga 22 peratus. Dari segi perkhidmatan pembedaan yang diberikan, tidak kira kawasan *high-cost* atau *low-cost*, kualitinya adalah tetap sama. Jabatan Perkhidmatan Pembedaan adalah sebuah jabatan kawal selia dan sentiasa memantau prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat itu kepada rakyat jelata. Kalau Yang Berhormat ada perkara yang spesifik, Yang Berhormat bolehlah menghubungi kami atau terus kepada Jabatan Perkhidmatan Pembedaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Tuan Chang See Tan: Tuan Yang di-Pertua, tentang caj IWK, walaupun dikaji semula sebanyak tiga kali oleh EPU dan diluluskan oleh Jemaah Kabinet tetapi caj yang dikenakan, terutamanya di premis komersial adalah masih tinggi. Pada tahun 1998, saya ada buat catatan, sebagai satu misalan, seperti di negeri Johor. Satu bulan dikenakan caj sebanyak RM70. Selepas itu, apabila kadar tersebut ditimbulkan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, caj tersebut telah ditinjau semula dan kemudiannya diturunkan kepada RM49 pada tahun 1999. Bila perkara ini disentuh lagi, ini semua boleh dikatakan kredit kepada Ahli Parlimen *Backbencher* daripada Barisan Nasional, pada masa itu Yang Berhormat adalah Pengerusi kita, dan kadar tersebut diturunkan lagi hingga RM39, tetapi bila dikira, kadar tersebut masih lebih tinggi dari cukai pintu. Adakah munasabah caj IWK lebih tinggi daripada cukai pintu? Misalnya, di kawasan saya, Skudai, cukai pintu ialah RM368 setahun manakala caj IWK sebanyak RM39 sebulan, dan jika dikali dengan 12 bulan berjumlah RM468, yang mana adalah lebih tinggi daripada cukai pintu.

Pada masa dahulu orang menganggap bila kita bayar cukai pintu perkhidmatan *sewerage* atau pembedaan adalah sebahagian daripada cukai pintu. Mengapa sekarang bila diasingkan dengan pewujudan Akta Perkhidmatan Pembedaan 1993, cajnya lebih tinggi dan untuk perbandingan, untuk rumah kediaman hanya dikenakan RM8, tidak kira rumah teres, *semi-detached* atau banglo tetapi untuk kedai ialah RM39. Perbezaan sebanyak RM31. Apakah perbezaan najis bagi kedai dua tingkat dengan banglo? Tiada perbezaan. Orang lebih menggunakan kemudahan itu di rumah daripada di kedai.

Pada masa dahulu, sebelum diambil alih oleh IWK, sebelum pemaju *surrender* kepada pihak berkuasa tempatan, mereka cuma bayar RM10 sebulan untuk kedai....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:kenapa bila diambil alih oleh IWK, RM39 sebulan?....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Cukuplah.

Tuan Chang See Ten: Saya ingin membuat misalan sebab kes ini boleh ditimbang semula tentang caj IWK. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kedai itu saya ingat kerana ramai orang tumpang, saya ingat [*Ketawa*].

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. saya nampak Yang Berhormat bagi Bentong ini sungguh pakar dalam isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Maklumat

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Sorry.* Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Maklumat yang Yang Berhormat berikan tadi, kita akan rujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Pembedung sebagai sebuah jabatan kawal selia. Ini menunjukkan kepekaan dan sensitif wakil rakyat Barisan Nasional, syabas...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tambah lagi daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi. Kita juga ada minta rayuan daripada kementerian, kaji semula caj IWK, lebih-lebih lagi pada masa sekarang mereka telah keluarkan surat guaman kepada semua rumah-rumah dan kedai yang tidak membayar dan mereka juga minta balik semua tunggakan yang dahulu, yang lama.

Oleh itu kita minta rayuan agar bayaran balik yang diminta sekarang ini, kalau boleh gunakan kadar yang baru, janganlah guna kadar yang dahulu, kadar dahulu kita sudah kaji semula. Yang kata dahulu RM80 kurang kepada RM30 ini kita gunakan kadar yang baru ini, saya harap penduduk akan bayar. Kalau gunakan kadar yang lama memang masalah sekarang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong, satu pandangan yang baik tentang isu tunggakan kalau kita hendak kutip balik, gunakan kadar yang baru. Satu cadangan yang baik, kita akan minta Jabatan Perkhidmatan Pembedung mengkaji, mengarah supaya IWK menimbang cadangan yang Yang Berhormat tetapi saya minta supaya...., ini semua cadangan daripada wakil rakyat Barisan Nasional, kalau kita buat esok yang ini tumpang, yang ini tumpang, yang ini tumpang.... [*Menunjuk kepada ahli-ahli pembangkang*].

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Belum buat dia sudah hendak tumpang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih, ini bukan soal tumpang, tidak tumpang. Ini masalah yang ditimbulkan oleh Barisan Nasional, kalau tidak kita tidak perlu bincang di sini.

Satu perkara yang saya ingin menarik perhatian kementerian ialah IWK bukan sahaja mengeluarkan notis tetapi juga keluarkan saman. Yang tidak adil ialah pelanggan di Bukit Mertajam pun, dia panggil datang ke mahkamah di Kuala Lumpur dan semua caj, *legal fees* dia hendak RM450, kalau dia hendak *settle* pun setelah menerima saman yang pertama, kalau pelanggan hendak *settle*, dia pun hendak caj RM450. Mengapa begitu mahal? Ini adalah tidak munasabah. Caj legal ini adalah tidak munasabah.

Itu pun tidak munasabah, hendak saman pelanggan di Bukit Mertajam ke Kuala Lumpur kerana kalau mengikut akta, mereka patut dikemukakan atau disamakan di Mahkamah Bukit Mertajam. Bukan Bukit Mertajam tidak ada mahkamah, ada mahkamah di sana, jadi saya harap Menteri dapat memberitahu IWK. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau hujah politik kita tolak tetapi hujah yang profesional, ilmiah itu, kita boleh timbanglah.... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua,

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak ulang saya kata, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kalau hujah politik kita tolak tetapi kalau hujah yang ilmiah, yang profesional, yang itu kita boleh timbang.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan? Ya. Sila.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang politik tidak ucap politik, apa hendak ucap? Apa perkara bukan politik? IWK politik juga. Siapa yang dia beri, apabila diswastakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Walaupun hendak tolak, kami di sini akan terus berucap.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hey, saya nampak, elok ambil alih terus Setiausaha Agong DAP, senang.... *[Ketawa]*

Yang Berhormat bagi Bentong ada membawa isu tentang kriteria umum.....

Tuan Chang See Ten: Sikit, sikit....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sila. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, ada lagi?

Tuan Chang See Ten: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Chang See Ten: Saya lupa hendak beritahu tentang kes ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Baru-baru ini pihak Kerajaan Negeri Johor melalui keputusan Exco pun mendesak pihak IWK supaya tarik balik semua 2,300 saman yang dikeluarkan kepada pengguna-pengguna, pemilik-pemilik harta di kawasan negeri Johor dan minta supaya semua kes yang dituduh ke mahkamah Kuala Lumpur, semua ditukarkan ke kawasan negeri Johor.

Selepas didesak, pihak IWK telah setuju semua 153 kes yang menuduh pemilik harta ke mahkamah Kuala Lumpur dipindahkan ke daerah-daerah dalam negeri Johor yang mana ada mahkamah. Pihak negeri Johor pun minta supaya kadar caj dipinda, direndahkan kerana ia lebih tinggi daripada cukai pintu dan caj air, ini tidak munasabah.

Saya di sini hendak tanya, sama ada caj di negeri Johor – kerana caj di negeri Johor dan di negeri lain, tidak sama. Di negeri lain dia gunakan nilai tahunan. Selepas Kabinet telah lulus tiga kali baru IWK sedar negeri Johor kira lain kerana negeri Johor kira cukai pintu berdasarkan *market value*. Mereka sudah buat satu kiraan yang mana caj IWK di negeri Johor lebih tinggi daripada negeri lain dan ini saya hendak tanya sama ada caj IWK ini untuk negeri Johor telah diluluskan oleh Kabinet atau tidak dan sama ada dia digazet.

Seperti TNB, SAJ atau mana-mana syarikat air negeri, bila mereka kenakan caj atau naik caj, dia mesti gazet tetapi setakat ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:saya belum tahu IWK sama ada dapat gazet dia punya caj. Sebab itu saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Persoalan yang dibangkitkan agak *detail* dan spesifik, saya akan bawa kepada pihak yang berkenaan, Jabatan Perkhidmatan Pembetulan sebagai jabatan kawal selia untuk melihat apa yang dibangkitkan dan mereka akan menghubungi Yang Berhormat. Kalau tidak nanti Yang Berhormat boleh mengingatkan saya tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bentong juga membawa isu kriteria pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar kita. Kerajaan seperti yang diumumkan menggunakan prinsip meritokrasi dalam pemberian biasiswa di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Namun kerana bilangan yang cemerlang terlalu ramai maka JPA tidak dapat menaja semua yang berminat dan memohon. Pelajar yang ditaja ialah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang berikut:-

- (i) keputusan peperiksaan;
- (ii) prestasi temu duga;
- (iii) kursus ataupun kurikulum yang diambil; dan
- (iv) kesesuaian keputusan peperiksaan dengan bidang yang hendak ditaja oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Peringat ada membawa isu tentang kegagalan pelajar ke IPTA. Dakwaan bahawa kegagalan mereka ke IPTA adalah kerana mereka tidak menyokong kerajaan. Ini satu lagi dakwaan yang liar. Dakwaan-dakwaan tersebut sudah semestinya adalah tidak benar sama sekali.

Kemasukan ke IPTA berdasarkan sistem meritokrasi, di mana pelajar yang mempunyai merit yang tinggi dalam keputusan peperiksaan lebih berpeluang memasuki ke IPTA. Pelajar-pelajar yang gagal memiliki syarat kelayakan minimum untuk ke IPTA tidak dipilih.

Walau bagaimanapun, kegagalan mereka disebabkan memohon kursus yang mempunyai tempat yang terhad dan juga kombinasi mata pelajaran yang tidak sesuai dengan kursus yang dipohon.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Peringat juga menyentuh tentang isu mikro kredit. Pemilihan keempat-empat bank Skim Mikro Kredit iaitu Bank Pertanian Malaysia, Bank Industri, Bank Pembangunan, Bank Simpanan Nasional, adalah kerana mereka merupakan institusi kewangan pembangunan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Mereka juga boleh mengeluarkan instrumen-instrumen pinjaman berbentuk Islam. Bank Islam merupakan institusi kewangan biasa. Bank Islam setakat ini belum lagi mengeluarkan Skim Mikro Kredit tetapi skim Islam dilaksanakan di bawah Bank Pertanian Malaysia dan juga Bank Industri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli membawa isu berkenaan tambahan bajet RM4.85 bilion perbelanjaan tambahan. Defisit belanjawan yang dialami oleh kerajaan adalah tinggi. Ini bermakna kerajaan berbelanja hampir peratus yang tinggi dalam KDNK. Ia tidak menepati syarat belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya, dalam isu ini, dalam masa kemelesetan ekonomi yang dahulu kerajaan perlu mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelembapan ekonomi, ekoran peristiwa-peristiwa luar negara seperti peperangan Iraq, September 11 dan SARS.

Oleh itu, kerana kesan luar yang negatif, kerajaan perlu menjana ekonomi negara kita. Mengerakkan ekonomi negara kita dengan dana dalaman kita. Dengan kerana itu tambahan RM4.85 bilion ini adalah perlu untuk menjana ekonomi negara kita dan sudah semestinya meningkatkan defisit belanjawan kita.

Walau bagaimanapun dalam menentukan tahap perbelanjaan, kerajaan telah mengambil kira tahap dan kemampuan defisit fiskal yang ditetapkan. Jumlah defisit belanjawan dan perbelanjaan dari KDNK adalah lebih rendah. Apa yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Jeli, insya-Allah hari Jumaat nanti satu kedudukan tentang defisit ini akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan begitu juga hala tuju masa depan tentang disiplin defisit kita akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Adakah kemungkinan defisit ini wujud kerana satu daripada amalan yang telah berlaku di dalam kerajaan iaitu wujudnya *suspend account* bagi tahun 2002, umpamanya?

Oleh kerana kemungkinan Kementerian Kewangan memberikan arahan supaya akaun-akaun bagi tahun sebelumnya ditutup lebih awal, seminggu katakan, 10 hari katakan daripada amalan biasa menyebabkan semua perbelanjaan dan pembayaran yang sepatut dibuat bagi kerja-kerja yang dibuat pada tahun sebelumnya terpaksa dibawa ke hadapan dan oleh kerana peraturan kewangan tidak membenarkan, kerajaan telah menubuhkan satu apa yang dipanggil *suspend account*. Adakah *suspend account* ini wujud? [Disampuk] Jawab betul-betul ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betul... [Ketawa] Belum jawab lagi. Kita pengurusan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh paksa begitu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh paksa begitu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila jawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah dikatakan PAS demokrasi. Cara mereka berhujah.... Ini baru lagi menguasai Terengganu, cara demokrasi dia sudah berubah.

Bila kita melihat akaun sesuatu tahun itu, kita melihat perbelanjaan pada tahun itu. Kadang-kadang perbelanjaan yang dibuat pada tahun itu, inoisnya dihantar kemudian, bil dihantar kemudian kepada kerajaan, kerajaan bayar melewati bulan yang dahulu.

Kadang-kadang perbelanjaan dibuat pada bulan Disember, terpaksa dibayar di bulan Januari kerana mereka itu telah melaksanakan kerjanya tetapi kelewatan membayar, kita perlu membayar pada bulan Januari. Maknanya tidak timbul isu kelewatan bayaran itu dengan isu defisit, isu defisit itu ialah perbelanjaan pada tahun itu seperti kata 2003, perbelanjaan pada 2004.

Yakinilah Yang Berhormat bagi Jeli, kita menangani isu defisit. Di negara kita, kita tidak perlu bimbang. Di Amerika sendiri dia ada *twin defisit* bukan sahaja imbalan kerajaan, juga defisit dari segi *trading* itu sendiri, *twin defisit*. Ini lebih besar. Katalah di Eropah sendiri, defisit mereka lebih tinggi daripada kita, di Jepun begitu juga. Defisit kita hanya dalam defisit perbelanjaan kerajaan sahaja tetapi dari segi *defisit trading* kita tidak. Ia amat positif dan baik.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai belanjawan defisit. Sekarang banyak negara termasuk Amerika Syarikat hari ini telah meletakkan satu undang-undang iaitu tidak melebihi defisit secara berturut-turut sampai tiga tahun. Ini sudah tujuh tahun defisit, tidak adakah satu rang undang-undang yang menyekat defisit ini supaya tidak ada lagi defisit dan kita mengubah supaya tidak berlaku lagi defisit. Kita berhemah kerana negeri Terengganu walaupun royalti kena tarik, sekarang ini ia sudah belanjawan defisit. Jadi, patut sudah tukar *government* sekarang ini. BN tidak tahu memerintah sekarang ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang bercakap ini orang KeADILan, yang senyumnya orang PAS. [Ketawa] Di Eropah, sebagai contoh, defisit mereka 3%. Ada desakan sekarang suruh tingkatkan defisit untuk menjana ekonomi di Eropah. Di Amerika, defisit mereka setiap tahun makin meningkat. *Both deficit, no*, makin tinggi. Baca laporan terakhir. Saya boleh bagi kepada Yang Berhormat bagi Kemaman. Tidak ada masalah.

Mereka tidak boleh pada ketika ini menamakan tahun sekian-sekian, perbelanjaan mereka akan seimbang, tidak. Belum dibuat keputusan lagi. Yang sebenarnya di Amerika, makin lama makin besar defisit mereka. Bukan defisit perbelanjaan kerajaan tetapi defisit dari segi *trading* itu sendiri, *the twin deficit*.

Di Jepun begitu. Di Singapura begitu. Di Thailand begitu. Tetapi tunggulah hari Jumaat nanti, satu kedudukan akan diumumkan oleh kerajaan tentang isu defisit untuk akaun kita akan datang.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baik hati. *Suspend account* tadi belum dapat jawapan. [Ketawa] Adakah diwujudkan *suspend account* itu bagi tahun 2002 terutama sekali dan kenapa wujud *suspend account* ini? Premis saya ialah bahawa Kementerian Kewangan telah mengarahkan Jabatan Akauntan Negara supaya mewujudkan *suspend account* dan setahu saya, *suspend account* ini tidak sah dari segi undang-undang. Semua mesti dibawa ke Dewan Rakyat. Berapa jumlah wang yang wujud dalam *suspend account*? Kalau Yang Berhormat rasa tidak bersedia dari segi jawapan, boleh saya dapat jawapan lain kali?

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Katalah Yang Berhormat sebagai ahli perniagaan, boleh mewujudkan satu akaun di bank dan menamakan apa akaun itu asalkan penggunaan wang itu mesti diluluskan oleh Parlimen. Tetapi kalau misalnya wang itu sampai, diletakkan di satu tempat yang tertentu, selepas itu digunakan untuk program yang diluluskan oleh Parlimen, tidak ada masalah. Namun demikian, kalau Yang Berhormat ada perkara yang spesifik, Yang Berhormat boleh buat surat kepada saya dan saya boleh jawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kemaman bertanya tentang VCD, saya sudah jawab tadi melainkan ada perkara-perkara lain.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Ini mengenai....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: ...tempat perjudian yang di Pulau Tioman, kawasan Yang Berhormat sendiri, saya hendak tahu siapa yang meluluskan lesennya dan juga di Bukit Tinggi. Minta penjelasan. Lesen perjudian yang diluluskan di Pulau Tioman dan Bukit Tinggi.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Di Pulau Tioman, lesen itu diluluskan sejak dahulu lagi semasa Hotel Faber Merlin dahulu. Sudah lama lesen itu

diluluskan sebab itu baru-baru ini oleh kerana sebelah sana menggunakan isu politik dan kita agak sensitif, sebab itu diputuskan syarikat yang menguruskan itu telah menarik diri dan menutup *one-arm bandit* itu di Pulau Tioman, Tuan Yang di-Pertua.

So, kalau Yang Berhormat pergi ke Pulau Tioman, tidak boleh main lagilah mesin *one-arm bandit* itu. *[Ketawa]* Sebab Yang Berhormat pakar dalam isu ini sebab itu dia tahu apa benda *one-arm bandit* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, semua orang sudah tidak boleh main.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Semua orang sudah tidak boleh main. Bukan Yang Berhormat bagi Kemaman sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua tiga lagi. Makan masa sedikit.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan lagi ataupun tidak bagi jalan?

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Biar saya habis dahulu, baru saya bagilah. Saya hendak habiskan dulu ini. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak habiskan.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Serdang bangkit tentang isu khinzir, saya akan jawab secara bertulis, ya. Yang Berhormat bagi ini tidak sebut siapa yang bercakap – tarikh pelaksanaan akta dan peraturan pemberi pinjaman wang, ada Yang Berhormat membangkitkan isu ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam tindakan terakhir penyediaan dokumen-dokumen bagi peraturan pemberi pinjaman wang yang dijangka akan diguna pakai pada tahun ini, satu peraturan baru akan diwujudkan.

Yang Berhormat bagi Serdang bangkit tentang isu pencemaran air Sungai Langat telah saya nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Dungun, dia tidak ada. Tidak apalah, dua orang kawan baik dia ada sebab masing-masing hendak bertanding Naib Presiden, dia kena ada sokongan daripada Yang Berhormat bagi Dungun. Kalau tidak, tidak akan menang minggu depan. Perlu saya jawab?

Beberapa Ahli: Jawab sahajalah!

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dulu sokong Kedah, sekarang sokong Terengganu. Pembinaan Pusat Pengajian Islam di Universiti Oxford adalah sebahagian daripada pembangunan bangunan baru universiti tersebut. Pembinaan bangunan ini sedang dalam pelaksanaan. Kerajaan Malaysia bersetuju menyumbangkan sebahagian kos pembinaan Auditorium Malaysia di Pusat Pengajian Islam, universiti tersebut sebanyak 1.75 juta pound sterling bersamaan dengan RM10.8 juta.

Negara-negara Islam yang lain turut memberi sumbangan bagi pembinaan Pusat Pengajian Islam di Oxford University. In termasuklah Kerajaan Saudi Arabia yang telah bersetuju menyumbang 24 juta pound sterling kepada pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tebrau juga membawa isu tentang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dari segi kebenaran membuka gedung-gedung perniagaan yang besar atau *hypermarket*.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengumpul maklumat daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai rancangan *indicative* pembukaan *hypermarket* di kawasan tersebut bagi jangka

masa lima tahun akan datang. Satu kajian impak terhadap perniagaan runcit di tempat sedia ada perlu dijalankan oleh PBT dengan melantik juru perunding dan kos yang dibiayai oleh *hypermarket* yang ingin memohon.

Dalam meluluskan permohonan-permohonan *hypermarket*, Kementerian mempertimbangkan syarat-syarat berikut.

- (i) modal berbayar tidak kurang daripada RM50 juta;
- (ii) tidak dibenarkan beroperasi dalam radius 3.5 kilometer dari permohonan atau dari pusat bandar. Walau bagaimanapun, PBT boleh menentukan jarak yang sesuai bagi kawasan pentadbiran mereka; dan
- (iii) beroperasi secara *free standing* di pinggir bandar dan sebuah *hypermarket* sahaja dibenarkan beroperasi bagi setiap 350,000 penduduk.

Kementerian sedang mengadakan sesi penerangan kepada PBT mengikut zon mengenai garis panduan pembukaan *hypermarket*.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan tentang isu pembinaan rumah guru diberi kontrak kepada dua atau tiga kontraktor sahaja. Mengenai perkara ini, projek rumah guru yang dilaksanakan oleh kontraktor di bawah kaedah *design and built* adalah tidak benar. Saya ulangi bahawa mengenai dakwaan bahawa projek rumah guru yang dilaksanakan oleh dua atau tiga kontraktor di bawah kaedah *design and built* adalah tidak benar.

Di bawah Program Rintis Projek Rumah Guru, kaedah *design and built*, sebanyak 19 kontraktor, bukan dua atau tiga, telah dilantik untuk membina dan setiap satu kontraktor dikehendaki membina 100 unit sahaja. Daripada jumlah 19 projek tersebut, 14 buah projek telah siap dan diduduki, sementara 5 projek lagi menunggu kelulusan CF.

Di bawah fasa berikutnya, 13 kontraktor lagi telah dilantik, termasuk tiga kontraktor yang dilantik di bawah fasa sebelum ini mengikut prestasi yang cemerlang. Di bawah fasa ini juga, setiap syarikat diberi kontrak pembinaan 100 unit setiap satu kontraktor yang mana satu telah siap dan bakinya masih di peringkat pembinaan. Oleh itu, sekali lagi dijelaskan bahawa dakwaan dua atau tiga syarikat ditawarkan setiap 2,000 unit rumah guru adalah tidak benar.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi jalan? Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, seingat saya tiga syarikat yang saya sebutkan itu ialah berkaitan dengan pembinaan makmal. Dalam kes rumah guru, saya telah menyebut 12 buah syarikat telah dipilih dan tiap-tiap satu syarikat diberikan 2,000 unit rumah guru untuk disiapkan. Boleh disemak *Hansard* itu esok. Saya tidak kata tiga syarikat bagi pembinaan rumah guru.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tetapi sama seperti dalam kes pembinaan makmal dan lain-lain ialah bahawa syarikat-syarikat yang tertentu diberikan pilihan untuk membina rumah-rumah guru dan juga makmal-makmal ini dan mereka telah mengalami prestasi yang sangat lemah. Jadi, ini menunjukkan *failure* sistem yang digunakan iaitu berasaskan *design and built* dengan alasan ini untuk membolehkan syarikat-syarikat kroni dipilih.

Saya telah membangkitkan dalam kes makmal, beberapa pimpinan UMNO telah memiliki syarikat-syarikat ini dan diberikan kemudahan sama dengan pembinaan rumah-rumah guru. Satu syarikat yang begitu besar. Kalau mengikut Yang Berhormat Menteri tadi, 12 syarikat – kita ada lebih kurang 2,000 unit bagi satu syarikat. Adakah mampu bagi satu syarikat hendak bina 2,000 unit? Mengapa kita tidak kaji semula isu ini? Lebih-lebih lagi tidak ada penyelarasan di antara Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan

seperti yang tertera dalam *interview* Mingguan Malaysia dengan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat....

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri fahamlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Menteri faham ya. Menteri Kerja Raya juga telah membuat satu kenyataan bahawa makmal-makmal ini telah tidak dibina dengan *specs* yang sepatutnya. Jadi, ini satu skandal yang sangat besar. Janganlah oleh kerana kita di pihak kerajaan ingin menyembunyikan perkara ini. Apabila saya berbincang dengan Yang Berhormat daripada *Backbenchers* pun, mereka pun membangkitkan rasa tidak puas hati ini dan mereka yang berikan semangat untuk saya lawan balik kerajaan. *[Disampuk]* Mereka yang tidak puas hati.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, mungkin akan datang bertanding kawasan Dewan Undangan Negeri, bolehlah, insya-Allah, menjadi Menteri Besar Kelantan kalau itu kepetahan dan keupayaan Yang Berhormat.

Namun demikian, isu tentang makmal telah dibincangkan dan keputusan telah dibuat oleh Kabinet bahawa kontraktor yang untuk di Pantai Timur itu dibatalkan kontrak mereka dan kerja-kerja itu diambil alih pengurusannya oleh JKR. Di peringkat pelaksanaan, melihat bagaimana boleh dibaiki, yang mana perlu dibaiki bumbungnya atau dindingnya supaya ia dapat disiapkan secepat mungkin. Tindakan cepat dan pantas telah dibuat oleh kerajaan untuk menamatkan kontraktor di Pantai Timur dan melantik JKR untuk memastikan dan menilai kerja-kerja yang perlu dibuat untuk membaiki makmal-makmal yang perlu dibaiki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagikah?

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sudah habis.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi dia hendak tanya.

Puan Chong Eng: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu *last*. Selepas itu habis.

Puan Chong Eng: Yang Berhormat Menteri belum jawab apa yang saya kemukakan tadi. Satu soalan yang saya rasa adalah penting untuk negara ini ialah bagaimana negara ini akan bersaing di pasaran dunia kalau kita tidak mengubah dasar baru ekonomi ataupun kita mengadakan satu dasar untuk melindungi bumiputera? Bagaimana kita boleh *reconcile* dengan daya saing di pasaran dunia.

Satu lagi ialah saya ingin mendapat penjelasan mengenai pembinaan SRJK(C), sekolah rendah jenis kebangsaan, adakah ia mempunyai dasar? Kalau ada dasar, apakah dasarnya kerana walaupun setiap kali Kementerian Pendidikan akan kata itu berdasarkan keperluan tetapi dengan jelas apa yang Yang Berhormat bagi Gelang Patah bawa ke Dewan ini menunjukkan bahawa dasar ini tidak dilaksanakan dan Yang Berhormat bagi Gelang Patah mengatakan ini adalah segelintir kakitangan kerajaan yang tidak mematuhi arahan atau dasar kerajaan. Sama ada dakwaan beliau adalah betul; kalau betul, apakah tindakan kerajaan? Terima kasih.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, untuk kita menjadikan negara kita sebagai satu negara yang kompetitif, boleh bersaing di dunia, kita

perlu tingkatkan kemampuan semua kaum dalam negara kita. Sebab itu dasar-dasar yang memberikan bantuan kepada kumpulan-kumpulan tertentu perlu dikekalkan. Kalau tidak, mereka ini tidak merasakan negara ini adalah negara mereka. Ini penting.

Sebab itu kita lihat bahawa negara kita berjaya, tidak seperti negara lain kerana kita membela semua dan kita membantu mereka yang lemah yang memerlukan pembelaan di mana oleh kerana kedudukan mereka di luar bandar, tempat tertentu tidak memberikan kedudukan yang sama rata kepada mereka.

Apabila mereka sama rata dan kita beri peluang kepada mereka, macam sekarang ini di universiti. Dahulu, kita pakai kuota, sekarang kita pakai meritokrasi. Bila Melayu luar bandar sudah diberikan satu kaedah kesamarataan dan kita lihat dasar itu berjaya sekarang ini di universiti dan kita sudah mampu menggunakan konsep meritokrasi.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya habiskan dahulu. Bagi saya habiskan dahulu, lepas itu saya bagi kepada Yang Berhormat.

Yang kedua tentang SRJ tadi, kerajaan telah membuat pengumuman seperti yang telah Yang Berhormat nyatakan tadi. Tetapi isu ini saya rasa Yang Berhormat sentiasa bawakan sebab pilihan raya tidak lama lagi, ini biasalah. Sebab itu dari segi isu pembelaan SRJ, wakil rakyat Barisan Nasional dan parti-parti dalam Barisan Nasional pun membelanya. Kalau kita lihat di negara Thailand, tidak ada kita beri kemudahan-kemudahan yang begini di Malaysia. Kita bagi ini kerana kita anggapkan rakyat Malaysia dari Kumpulan Tionghoa sebagai saudara keluarga kita. Mereka berhak mengikuti agama mereka, kebudayaan mereka dan bahasa mereka. Ini satu-satunya kekuatan kita sebagai rakyat Malaysia yang kita perlu bangga Yang Berhormat. Apa lagi yang kita mahu? Yang kita tuntut? Mungkin pilihan raya itu sudah lama, lain lagu Yang Berhormat, saya tidak tahulah.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya atau tidak pilihan raya, ini tetap isunya. Saya rasa Menteri tidak mendapat mesej kerana Yang Berhormat bagi Gelang Patah sebenarnya partinya adalah di dalam kerajaan dan memang rakannya ialah Timbalan Menteri Pendidikan. Sebenarnya, kalau Barisan Nasional adalah satu barisan yang memberatkan semua komponen parti, Yang Berhormat bagi Gelang Patah tidak perlu datang ke Dewan ini merayu beberapa kali. Yang Berhormat bagi Sibu beberapa kali datang ke Dewan ini dan beberapa kali merayu; "*Tolonglah bagi peruntukan*". Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional tidak mementingkan rakan kongsi dalam kumpulannya.

Lagi satu, saya memang faham ini selalunya adalah jawapan pihak kerajaan kerana mereka adalah lemah, jadi mereka perlukan bantuan. Apabila saingan yang lebih sengit, mereka perlu bantuan yang lebih banyak. Ini adalah satu *cycle* yang mana satu, *which one will come out first*, ini yang susah. Tetapi saya akan setuju dengan Menteri bahawa mereka yang di luar bandar itu kerana lokasinya, kerana *economy social* status mereka, mereka perlu diberi bantuan. Itu yang selalunya DAP punya kedudukan. Tetapi jangan lupa bahawa yang di luar bandar itu, dalam estet itu bukan sahaja orang Melayu sahaja, ada orang India, ada orang Cina. Di Pendalaman Sabah sana ada orang Kadazan, ada banyak lagi, bukan orang Melayu sahaja. Jadi dasar yang saya kata ini tidak boleh berdasarkan kepada kaum lagi. Ia mesti berdasarkan kedudukan sosioekonomi, barulah dasar yang *affirmative* yang sejati....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:bukan yang diadakan sekarang. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Formula Malaysia, formula yang kita berjaya, kenapa kita hendak ubah formula yang sudah berjaya? Ini kekuatan kita di Malaysia bahawa setiap kaum diberikan tempat, diberikan hak untuk duduk di negaranya. Dengan bahasanya, agamanya, dengan budayanya, ini kekuatan kita. Yang berbandan baik seperti orang putih kata dengan izin, *if end broke, why fix it?* Ini cakap orang Putih, sehingga berjaya. Sebab itu saya kata Yang Berhormat kita kena terimalah bahawa kejayaan negara kita kerana formula-formula yang ada. Yang baik, apa perlu kita ubah

lagi? Apa yang lemah di sana sini, itu biasalah. Itu lumrah alam sebagai manusia, kita akan perbetulkan dari masa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: *Last, last*, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah selesai Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali. Ada satu yang tidak dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: PMC tidak dijawab.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okey, satu, last. PMC.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Ketawa]* Okey, okey, dua, satu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Satu, satu. PMC tidak pernah mengatakan kos sampai 5% finya. Saya baru semak di pejabat, hanya 2% sahaja. Selepas itu projek-projek walaupun yang besar tetapi kadang-kadang projek difasakan. Sehingga satu projek mungkin kita nampak RM1 bilion tetapi kadang-kadang dia buat sehingga sepuluh tahun. Jadi tidak benarlah apa andaian Yang Berhormat bahawa mereka ini mendapat *fi* yang tinggi. Ini tidak benar kepada andaian Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat memerlukan maklumat yang lebih lanjut, saya boleh berikan kemudian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya bangkitkan PMC tadi; ada dua syarikat PMC yang telah diberikan projek bernilai RM2 bilion dan RM1.6 bilion. Itu yang saya bangkitkan secara spesifik Umi Ros Project Management dan juga QSC Project Sdn Bhd dan untuk makluman Dato', umpamanya bagi *management fee*, minta maaf, projek Hospital Psikiatri Tampoi. *Fi* yang diluluskan ialah.... balik *check* ya? Benar apa yang saya bangkitkan dalam Dewan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau Yang Berhormat ada maklumat yang spesifik, boleh buat surat kepada saya, saya boleh jawab. Sebab saya tidak boleh hendak berhujah kerana saya tidak ada maklumat yang spesifik. Ini janji saya dengan Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan tadi tentang kedudukan SPR yang saya timbulkan yang pertamanya. Yang keduanya, penglibatan UMNO di kampus-kampus dalam pilihan raya kampus. Saya minta Menteri jawab sebab saya ada maklumat semua ini mengenai kedua-dua isu ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya nampak apa yang Yang Berhormat sebut tentang SPR banyak kepada elemen politik. Mengisukan macam ada satu modal yang baru, orang putih kata *to go to town*. Ini sebenarnya bukan tuduhan Yang Berhormat kononnya kerajaan mengkudakan SPR. Kita tahu kalau Yang Berhormat tidak ada langsung orang-orang tertentu dalam SPR, bagaimana Yang Berhormat dapat surat-surat itu? Ha, betul tidak? Mana Yang Berhormat dapat surat-surat ini? Saya sendiri saya tahu, maksud saya kita semua ada pengalaman kita dalam pilihan raya. Betul tidak ya?

Tetapi Yang Berhormat memang cuba menggambarkan kononnya SPR itu di bawah telunjuk kita tetapi itu tidak sebenarnya, kita sendiri pun banyak kompelin dalam pilihan raya. Saya sendiri dalam satu peti undi tidak dibenarkan masuk dalam peti undi saya sendiri. Saya tahu mengapa? Saya tahu siapa? Dia ketua pilihan raya dalam peti undi itu. Tetapi tuduhan Yang Berhormat itu kita fahamlah sebab ini dalam keadaan politik, satu kesilapan pentadbiran oleh SPR mengeluarkan surat begitu, Yang Berhormat; "Wow, dekat pilihan raya, ini modal aku yang besar".

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan tuduhan palsu. Nota ini ditulis tangan oleh Pengerusi SPR secara spesifik *[Sambil menunjukkan surat dan membacakan butirnya]*. Tidak lama, ini baru. Surat ini

bertarikh 14 April dan nota ini ditulis pada 20 April kepada Setiausaha SPR dan Setiausaha SPR menotakan pula kepada Timbalan Setiausaha Pengurusan iaitu Hajah Fatimah Haji Mohamad Yusof dari segi untuk pelantikan Puteri UMNO. Ini satu yang serius, bukan boleh main-main. Ini baru dokumen nombor satu, insya-Allah bulan hadapan saya keluarkan dokumen yang nombor dua mengenai SPR [Tepuk].

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tapi yang anehnya, kalau PAS tidak ada hubungan langsung dengan SPR, bagaimana Yang Berhormat dapat dokumen ini? Kalaulah betul-betul 100% SPR ini kononnya tanggungan UMNO, takkan Yang Berhormat boleh dapat surat itu? Saya pun tertanya-tanya juga.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya yakin

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Selepas itu janji pula ada lagi dokumen akan datang akan diberi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya yakin dokumen ini dihantar melalui pos laju kepada kami

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Ketawa]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...kerana pegawai-pegawai SPR ataupun sesiapa sahaja yang ada tanggungjawab, dia merasakan ini suatu yang tidak betul dilakukan oleh pihak SPR. Ini suatu yang kita tidak boleh main-main, ini bukan perkara yang boleh dimain-mainkan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita tahu Yang Berhormat ini mungkin.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini satu Dokumen Rasmi Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:ditulis tangan oleh Pengerusi SPR.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat sudah bangkitkan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tidak, saya minta siasatan dijalankan. Kita dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, kita tidak boleh main-main perkara ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita akan minta SPR siasat dan kita akan...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, SPR hendak siasat SPR?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan, bukan, kita....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini surat yang boleh keluar ini, ini macam mana? Macam mana boleh keluar?

Tuan Husam bin Haji Musa: Itu isu lain.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dan kita akan minta siasat. Dahulu banyak pengundi-pengundi kita terkeluar ke peti-peti undi Parlimen yang lain. Saya juga hendak maklumkan yang SPR sudah menarik balik arahan ini. Ini sudah dimaklumkan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sekarang ini tidak timbul tarik atau pun tidak tarik. Persoalannya ialah ada suatu konspirasi sulit di antara SPR dengan UMNO yang mana kalau kita tengok nota catatan tulisan tangan Pengerusi SPR, hasil daripada surat yang dihantar oleh UMNO menjelaskan ada konspirasi sulit dari segi perjalanan SPR ini sendiri. Begitu juga arahan Pengerusi SPR kepada Setiausaha SPR untuk mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan hasil daripada surat yang dikatakan sulit ini yang

dihantar oleh UMNO kepada Pengerusi SPR. Ini suatu yang serius Tuan Yang di-Pertua yang kita minta supaya kerajaan bertanggungjawab tentang apa yang berlaku. Sebelum ini kita tidak ada fakta-fakta yang sedemikian....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sekarang ini saya berani cakap sebab ada fakta yang kukuh dan bulan hadapan fakta yang satu lagi kita akan keluarkan mengenai SPR ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan minta SPR menyiasat. Namun demikian, SPR telah mengumumkan menarik balik arahan itu, yang pertama. Yang keduanya, kita akan minta juga SPR menyiasat bagaimana dokumen-dokumen yang sulit ini boleh terkeluar. Selepas itu pula Yang Berhormat boleh berani mengatakan akan banyak lagi dokumen akan juga terkeluar. Saya mohon terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, soalan yang terakhir sekali. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah....

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak....

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia beri jalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan dtempohkan pada pukul 8.22 malam.

